

BERSEDIA UNTUK PERTUMBUHAN

LAPORAN
TAHUNAN
2017

**BERKEMBANG KUKUH
DAN BERDAYA TAHAN**

MENGENAI LAPORANINI

Ini merupakan tahun kedua MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) membentangkan Laporan Tahunannya berpandukan rangka kerja Majlis Pelaporan Bersepadu Antarabangsa (IIRC), dalam usaha kami untuk mengemukakan kepada para pemegang saham dan pihak berkepentingan suatu usaha untuk mewujudkan nilai jangka panjang bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2017.

SKOP DAN LIPUTAN

Laporan ini telah disediakan menurut konsep, prinsip panduan dan elemen kandungan yang terdapat dalam rangka kerja IIRC. Rangka kerja ini menggunakan pendekatan laporan yang mewujudkan nilai jangka pendek, sederhana dan panjang serta kesinambungan dan saling berkait terhadap enam jenis modal perniagaan, iaitu modal kewangan, pengilangan, intelektual, insan, perhubungan dan semulajadi.

Laporan ini menyediakan ulasan lengkap dan seimbang mengenai MSM dan anak-anak syarikatnya mengenai prestasi kemampanan Ekonomi, Alam Sekitar dan Sosial (EES) dalam konteks strategi, risiko dan peluangnya bagi tempoh dari 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017.

Laporan ini mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia berkenaan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama dan Garis Panduan Kemampanan. Ia juga mematuhi keperluan laporan EES yang digariskan di bawah Inisiatif Laporan Global (GRI). Pematuhan terhadap keperluan perundungan Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965, Akta Syarikat 2016 dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017 (MCCG 2017) juga telah dipatuhi.

MENENTUKAN MATERIALITI

Matlamat Laporan Tahunan MSM adalah untuk menyediakan penerangan dan analisis yang telus, seimbang dan boleh diakses mengenai strategi, prestasi dan prospek kami berkaitan perkara-perkara material, kewangan, ekonomi, sosial, alam sekitar dan tadbir urus.

Laporan ini bertumpu kepada semua perkembangan material berhubung MSM sehingga tempoh kelulusan penyata kewangan tahunan. Ia memberi fokus terhadap MSM sebagai sebuah Kumpulan dan juga bertumpu kepada operasi anak syarikat, iaitu MSM Prai Berhad, MSM Perlis Sdn Bhd, MSM Logistics Sdn Bhd, MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd dan MSM Trading International DMCC. Maklumat kewangan dan bukan kewangan daripada anak syarikat telah digabungkan bagi memudahkan rujukan. Kami juga telah menambah maklumat penting yang dapat membantu pihak berkepentingan untuk membuat penilaian bermaklumat mengenai MSM dan bagaimana kami berupaya mewujudkan dan mengekalkan nilai jangka panjang kepada pihak berkepentingan.

Isu-isu dan perkembangan material yang dipaparkan dalam laporan adalah mengambil kira pertimbangan berikut:

- Kriteria dan faktor kuantitatif dan kualitatif berkaitan perniagaan dan operasi MSM
- Maklumat terperinci untuk mencapai objektif strategik dan mewujudkan nilai jangka panjang kepada pihak berkepentingan
- Maklumat yang terkandung dilaporan ini dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk perbincangan atau kelulusan
- Risiko material yang dikenal pasti oleh proses pengurusan risiko
- Keutamaan kepada pihak berkepentingan

Oleh yang demikian, isu-isu dan perkembangan material bagi laporan tahun ini boleh didapati dalam Penyata Pengurus di halaman 012, Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif di halaman 016, Perbincangan & Analisis Pengurusan (MD&A): Ulasan Perniagaan di halaman 030, Ulasan Ketua Pegawai Kewangan di halaman 042, Laporan Kemampanan di halaman 054, Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman di halaman 104, Pengurusan Kesinambungan Perniagaan di halaman 108, dan Pengurangan Risiko Kami di halaman 109.

JAMINAN DAN KELULUSAN

Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan MSM telah meluluskan kandungan Laporan Tahunan ini, berpandukan keperluan yang ditetapkan oleh MCCG 2017, Akta Syarikat 1965, Akta Syarikat 2016, Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan Garis Panduan Kemampanan. Laporan dan penyata kewangan telah diaudit oleh PricewaterhouseCoopers, dan diluluskan.

Lembaga Pengarah telah memastikan dengan penuh tanggungjawab diatas integriti laporan tahunan ini, berikutkan cadangan oleh Jawatankuasa Audit, yang bertanggungjawab ke atas pemantauan laporan tahunan bersepadu ini.

MAKLUM BALAS

Proses laporan bersepadu ini menjangkau lebih dari sekadar pematuhan dalam laporan malah menghasilkan laporan yang bermakna dan inklusif kepada pihak berkepentingan dengan matlamat untuk memaklumkan strategi dan membina kepercayaan. Kami menghargai maklum balas dan mengalu-alukan sebarang pertanyaan atau komen mengenai laporan ini. Untuk berkongsi maklum balas, sila hubungi unit Perhubungan Pelabur di talian +603 2181 5018 atau e-mel kepada investor.relations@msmsugar.com.

PERNYATAAN BERPANDANGAN KE HADAPAN

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.



Imbas kod QR ini untuk melihat Laporan Mikro Tahunan MSM 2017

h.020 Modal Perniagaan Strategik



h.054 Laporan Kemampuan



h.113 Kalender Peristiwa



KANDUNGAN

MENGENAI LAPORAN INI

KANDUNGAN

RANGKUMAN MSM

Visi & Misi	002
Nilai-Nilai Teras	003
Sorotan Perniagaan Utama	004
Sorotan Kewangan	005
Profil Korporat	006
Maklumat Korporat	007
Struktur Korporat	008
Struktur Organisasi	009
Portfolio Produk	010

PENYATA PENGERUSI 012

PERBINCANGAN & ANALISIS PENGURUSAN:

ULASAN KUMPULAN

Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif	016
Modal Perniagaan Strategik	020
Perancangan Strategik (SP20) (V2)	022
Jejak Global	024
Isu-Isu Penting	026
Hubungan Bersama Pihak Berkepentingan	027
Lanskap Pasaran	028

ULASAN PERNIAGAAN 030

Sumber & Perolehan Gula Mentah	031
Penapisan Gula Mentah	032
Pengurusan Rantaian Bekalan & Pengagihan	034
Jualan & Pemasaran	036
Perlادangan	037
Sumber Manusia	039
Petunjuk Prestasi & Keputusan Utama 2017	040

LAPORAN KEWANGAN KUMPULAN

Ulasan Ketua Pegawai Kewangan	042
Ringkasan Kewangan 5Tahun	046
Penyata Kedudukan Kewangan	047
Prestasi Kewangan Suku Tahun	048
Penyata Nilai Tambah	049
Analisis Segmen	050
Analisis Jualan	051
Hubungan Pelabur	052
Kalendar Kewangan	053

LAPORAN KEMAMPUAN

Jejak Kemanisan EES	054
Kemampuan Ekonomi	055
Kelestarian Alam Sekitar	058
Kemampuan Sosial	061
Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OSH)	068

KEPIMPINAN BERKESAN

Profil Lembaga Pengarah	072
Profil Setiausaha Syarikat	077
Profil Pengurusan Kanan	078

TADBIR URUS KORPORAT

Penyata Tadbir Urus Korporat	080
Laporan Jawatankuasa Audit	091
Laporan Jawatankuasa Pencalonan & Imbuhan	096
Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah	100
Jawatankuasa Pelaburan	101
Maklumat Pematuhan Tambahan	102
Integriti Korporat	103

PENGURUSAN RISIKO

Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman	104
Pengurusan Kesinambungan Perniagaan	108
Pengurangan Risiko Kami	109

PERISTIWA PENTING & PENCAPAIAN

Peristiwa Penting	110
Anugerah & Pensijilan	112
Kalendar Peristiwa	113

PENYATA KEWANGAN

Penyata Tanggungjawab Pengarah	114
Laporan Para Pengarah	115
Penyata Para Pengarah	120
Pengisytiharan Berkanun	120
Laporan Juruaudit Bebas	121
Penyata Pendapatan Komprehensif	125
Penyata Kedudukan Kewangan	126
Penyata Perubahan Dalam Ekuiti Disatukan	128
Penyata Perubahan Dalam Ekuiti	129
Penyata Aliran Tunai	130
Nota kepada Penyata Kewangan	133

INFORMASI TAMBAHAN

Analisis Pegangan Saham	193
Ringkasan Hartanah yang Dimiliki oleh Kumpulan MSM	195
Ringkasan Hartanah yang Dipajak oleh Kumpulan MSM	198
Senarai 10 Hartanah Teratas Dimiliki oleh Kumpulan MSM	199
Direktori Korporat Kumpulan	200

BUTIRAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

Notis Mesyuarat Agung Tahunan	201
Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-7	206
Butiran Pentadbiran	207
Borang Proksi	

VISI & MISI

VISI

**ANTARA 10 SYARIKAT GULA
TERBAIK GLOBAL
MENJELANG 2020**

MISI

UNTUK MEMBANGUN DENGAN CEMERLANG SEBAGAI PENGELUAR GULA YANG BERDAYA SAING DAN MESRA ALAM DENGAN PENGiktirafan kualiti yang TERBAIK. MENJADI SEBUAH SYARIKAT PERNIAGAAN GULA YANG TERKEMUKA DENGAN MENYEDIAKAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN BERNILAI UNGGUL BAGI MENGEKALKAN PERTUMBUHAN JANGKA PANJANG DALAM JUMLAH DAN KEUNTUNGAN YANG MAMPAN SERTA KONSISTEN. UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN KOMERSIAL YANG KONSISTEN DAN SEIMBANG MELALUI:

- 1 -

Memenuhi keperluan pelanggan

- 2 -

Memberi prestasi terbaik kepada pemegang saham

- 3 -

Menyediakan peluang kerjaya yang memuaskan kepada kakitangan

- 4 -

Membina hubungan yang saling memberi manfaat dengan rakan niaga utama

- 5 -

Mengambil bahagian dan menyumbang secara berkesan kepada pembangunan negara serta kebajikan dan kemajuan masyarakat di mana kami beroperasi

NILAI-NILAI TERAS

Pada tahun 2015, pihak pengurusan kanan dan kakitangan MSM telah bersama-sama membangunkan nilai-nilai yang sejajar dengan visi untuk menjadi antara 10 syarikat gula global terbaik menjelang 2020. Diambil sebagai **SWIIT** untuk disesuaikan dengan perniagaan dan semangat kerja, nilai-nilai teras yang berikut dipupuk sebagai DNA yang menentukan cara kami bekerja, berinteraksi dan bertindak balas. Program ini telah dilancarkan pada suku pertama 2017. Program fasa pertama memberi tumpuan kepada "Penghayatan Nilai-Nilai" kepada semua kakitangan, dari peringkat operator sehingga pihak pengurusan.

NILAITERAS	SUB-NILAI	HURAIAN
S Semangat Kekitaan 	Kebanggaan	Semangat kami dalam melaksanakan tugas mencerminkan kebanggaan kami untuk mengikut keperluan pelanggan. Kami menghargai semua maklum balas dan berbangga dengan keberhasilan kami. Semua usaha positif diberi pengiktirafan dan diperkuuhkan.
	Tanggungjawab	Kami mewujudkan budaya keterangkuman yang menekankan penglibatan menyeluruh kepada kakitangan dalam setiap proses. Dengan itu, setiap kakitangan harus peka terhadap tanggungjawab mereka.
W Semangat Kejayaan 	Tumpuan Pelanggan	Semua tugas adalah berdasarkan memenuhi permintaan pelanggan yang merupakan keutamaan kami. Kami sentiasa berusaha mencapai faktor 'wow' dalam urusan dan usaha bersama pelanggan.
	Kualiti	Dalam urusan adalah menjadi kebiasaan untuk memberi hasil yang berkualiti serta tersemai di dalam budaya kerja. Penjagaan kualiti dalam produk dan perkhidmatan merupakan lambang kecemerlangan kami.
I Integriti 	Profesionalisme	Kami berbangga menjalankan tugas dengan memartabatkan taraf profesionalisme yang tinggi, melalui disiplin dan komitmen kerja. Kami akan mempamerkan penampilan perniagaan yang positif dan tahap kompetensi yang terbaik.
	Ketelusan	Kami beroperasi berpandukan kod etika yang tegas yang menghendaki kebertanggungjawaban serta melindungi kepentingan organisasi dan pihak berkepentingan. Kami percaya kepada akses yang terbuka kepada maklumat awam dan akan melibatkan individu-individu yang berkaliber dalam proses membuat keputusan.
I Inovasi 	Penambahbaikan Berterusan	Keyakinan kami terhadap mengamalkan peningkatan dalam perubahan positif telah memberi hasil yang memberangsangkan serta membolehkan kami terus menerusi pasaran di negara ini. Ini dilakukan dengan mengamalkan komunikasi terbuka kepada idea baharu, menerima perubahan dan menyokong usaha untuk menambah baik sistem dan proses.
	Berdaya Tahan	Kami percaya bahawa inovasi akan memberi kami kelebihan dan memastikan masa hadapan yang mampan kepada perniagaan. Bertindak secara kreatif membolehkan kami melakukan sesuatu dengan cara yang baharu, asli dan tersendiri; mudah untuk menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran dan sentiasa fleksibel dalam pendekatan kami.
T Kerja Berpasukan 	Kepercayaan	Kami mengalakkan beroperasi dalam persekitaran komunikasi yang terbuka serta memupuk kepercayaan yang teguh. Ini dicapai dengan menerapkan budaya perkongsian nilai bersama, saling mempercayai dan sikap profesionalisme dalam kalangan kakitangan.
	Hormat	Hormat-menghormati adalah asas kepada interaksi harian kami. Kami menghargai dan saling manfaatkan kekuatan masing-masing untuk membentuk sinergi yang berkemahiran dan positif.
	Saksama	Kami berusaha ke arah kesaksamaan dalam urusan harian. Setiap individu menerima peluang yang sama rata untuk melaksanakan tugasnya dengan terbaik menurut keupayaannya. Kami berpegang teguh pada prinsip dan hak kakitangan perlu dilindungi bagi memastikan tahap komitmen dan kerharmonian di tempat bekerja.
	Kesetiaan	Kami menganggap kesetiaan sebagai penggerak dalam membentuk perhubungan yang berkekalan dan bermakna. Kami memastikan setiap kakitangan komited dalam menggalas tanggungjawab untuk menyokong visi dan misi syarikat.

SOROTAN PERNIAGAAN UTAMA

KEDUDUKAN

**GULA PRAI
NO.1**

JENAMA JUALAN
DI MALAYSIA

3 TERATAS

JUALAN GULA TERTINGGI

Pasir Kasar
Pasir Halus
Kastor

3 TERATAS

NEGARA EKSPORT

Singapura 33,576 tan
Papua New Guinea 19,017 tan
Hong Kong 18,036 tan

NEGARA IMPORT

Brazil 880,000 tan
Guatemala 176,000 tan

KEWANGAN

HASIL

RM 2.66 BILION

PENJIMATAN KOS
OPERASI

RM 15 JUTA

NILAI
JENAMA

RM 576.2 JUTA

▲5.9%

JUMLAH ASET

2017

RM 3.41 BILION

2016

RM 3.22 BILION

▲0.48% 2017

1,244 KAKITANGAN

OPERASI

1.25 JUTA

TAN

Dua Kilang Penapisan Gula
Kapasiti Pengeluaran
Tahunan

OUTPUT
PENGELUARAN

1,024,931 TAN

PENGGUNAAN
KAPASITI

89.75%

▲ 285.6%

BUANGAN DIKITAR
SEMULA

2017

487.2 TAN

2016






126.35 TAN

JUMLAH KAKITANGAN

2016

1,238 KAKITANGAN

SOROTAN KEWANGAN



2017

2016

2015

2014


2013

PROFIL KORPORAT

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama . Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Perlis Sdn Bhd yang telah ditubuhkan pada tahun 1959 dan 1971. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd dan sebuah syarikat dagangan - MSM Trading International DMCC, yang berpangkalan di Dubai, Emirah Arab Bersatu.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 1.25 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2017, MSM mengeluarkan sebanyak 1,024,931 tan gula bertapis, di mana 139,540 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 58% majoriti syer pasaran domestik.

Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM2.88 bilion (setakat Disember 2017).



ANAK-ANAK SYARIKAT

- MSM Prai Berhad
- MSM Perlis Sdn Bhd
- MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd
- MSM Logistics Sdn Bhd
- MSM Trading International DMCC
- MSM Trading & Distribution Sdn Bhd

PELANGGAN

- Syarikat Konfeksi
- Syarikat Minuman
- Pasaraya Besar dan Pasaraya
- Farmaseutikal
- Outlet F&B*
- Perhotelan*
- Isi rumah*
- Restoran*

* melalui peniaga, pemborong & pengedar

MAKLUMAT KORPORAT

LEMBAGA PENGARAH

DATUK WIRA AZHAR ABDUL HAMID

Pengerusi/Pengarah Bukan Eksekutif
Bukan Bebas
(*Dilantik pada 26 September 2017*)

TAN SRI HAJI MOHD ISA DATO' HAJI ABDUL SAMAD

Pengerusi/Pengarah Bukan Eksekutif
Bukan Bebas
(*Meletak jawatan pada 19 Jun 2017*)

DATO' ZAINAL HAJI ISMAIL

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

DATO' HAJJAH ROSNI HAJI ZAHARI

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

DATO' ROSINI ABD SAMAD

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

DATUK LIM THEAN SHIANG

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

DATUK NOOR EHSANUDDIN MOHD HARUN NARRASHID

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
(*Meletak jawatan pada
26 September 2017*)

DATUK HANAPI SUHADA

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

DATO' ZAKARIA ARSHAD

Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas

DATO' MOHAMMAD FAKHRUDDIN HAJI MOHD ARIFF

Pengarah Bukan Eksekutif Bebas

DATO' KHAIRIL ANUAR AZIZ

Pengarah Eksekutif Bukan Bebas
(*Dilantik sebagai Pengarah pada
22 November 2017*)
(*Dilantik semula sebagai Pengarah
Eksekutif pada 11 Disember 2017*)

PRESIDEN/KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

Dato' Mohamad Amri Sahari @ Khuzari
(*Meletak jawatan pada 22 Januari 2018*)

PEMANGKU KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Mohd Shaffie Said
(*Dilantik pada 22 Januari 2018*)

SETIAUSAHA SYARIKAT

Koo Shuang Yen (MIA 7556)
Abd Rashid Atan (MIA 18390)
(*Meletak jawatan pada 31 Disember 2017*)

PEJABAT BERDAFTAR

Aras 45, Menara Felda
Platinum Park
No. 11 Persiaran KLCC
50088 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel : +603 2859 0000
Faks : +603 2859 0016

SHARE REGISTRAR

Symphony Share Registrars Sdn Bhd
Aras 6, Symphony House
Pusat Dagangan Dana 1
Jalan PJU 1A/46
47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

Tel : +603 7849 0777
Faks : +603 7841 8151/8152

JURUAUDIT

Tetuan PricewaterhouseCoopers PLT
Aktauntan Bertauliah
Aras 10, 1 Sentral
Jalan Rakyat, Kuala Lumpur Sentral
50706 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel : +603 2173 1188
Faks : +603 2173 1288

Laman Web : www.pwc.com/my

PENYENARAIAN PASARAN SAHAM

Pasaran Utama
Bursa Malaysia Securities Berhad
Disenaraikan sejak 28 Jun 2011

Kod Saham : 5202
Nama Saham : MSM

PERHUBUNGAN PELABUR DAN PERTANYAAN


Aras 44, Menara Felda
Platinum Park
No. 11 Persiaran KLCC
50088 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel : +603 2181 5018
Faks : +603 2181 5015

Laman Web : www.msmsugar.com
Emel : investor.relations@msmsugar.com


STRUKTUR KORPORAT

SETAKAT 22 MAC 2018



STRUKTUR ORGANISASI

SETAKAT 22 MAC 2018



PORTFOLIO PRODUK



PORFOLIO PRODUK

KEMANISAN YANG DIKECAPI

Selama separuh abad lebih, produk utama MSM, Gula Prai, telah menjadi jenama gula terkemuka di Malaysia dan pilihan paling laris di kalangan pengguna. Produk hasil tempatan terulung ini membawa nilai jenama berjumlah RM576.2 juta, lantas membuktikan secara nyata bahawa nilai jenamanya telah diwarisi oleh rakyat Malaysia dari satu generasi ke generasi yang seterusnya. Kini, Gula Prai tetap terulung sebagai "Jenama Jualan No.1 di Malaysia."



Gula Pasir
Kasar



Gula Pasir
Halus



Gula
Kastor



Gula
Aising



Gula Merah
Lembut



Gula
Kiub



Gula Pek
Cawan

BERSIH
kg
NETT



PENYATA PENGERUSI

Para Pemegang Saham Yang Dihormati

**IZINKAN SAYA MEMBENTANGKAN KEPADA
ANDA LAPORAN TAHUNAN MSM MALAYSIA
HOLDINGS BERHAD (MSM) BAGI TAHUN
KEWANGAN BERAKHIR
31 DISEMBER 2017 (TK2017).**

Ini merupakan tahun kedua kami membentangkan prestasi MSM TK2017 berdasarkan pendekatan Laporan Bersepadu. Dengan tema "Bersedia untuk Pertumbuhan, Berkembang Kukuh Dan Berdaya Tahan", matlamat kami adalah untuk berkongsi dengan para pemegang saham dan pihak kepentingan, nilai jangka panjang yang kami ingin wujudkan dalam Kumpulan MSM – di samping mengukuhkan daya tahan syarikat dan asas perniagaan yang mantap dalam mengekalkan pertumbuhan melalui strategi jangka pendek, pertengahan dan panjang.



PENYATA PENGERUSI

Memandangkan ini merupakan tahun pertama saya sebagai Pengerusi MSM yang dilantik untuk menyandang jawatan ini pada September 2017, saya berharap dapat menyuntik pertumbuhan, keuntungan dan peluang yang berkaitan. Adalah menjadi keutamaan saya bekerjasama dengan pasukan MSM untuk memastikan pencapaiannya melalui inisiatif yang teliti dan telah dikenal pasti. Hasrat saya untuk mengemudi 1,244 warga kerja MSM dan mempercaya mereka untuk menggalas tanggungjawab sedia ada, mengenal pasti tanggungjawab kolektif dan terus berdaya tahan dalam menghadapi kemelut luaran yang mendatang.

Bersama-sama sebagai satu pasukan, kita berusaha ke arah tujuan yang sama dengan memberi tumpuan kepada perniagaan teras, meningkatkan amalan tadbir urus dan mewujudkan nilai pemegang saham. Kami bertekad untuk memastikan MSM, sebagai syarikat berkaitan kerajaan (GLC), tidak akan menjadi platform politik, sebaliknya memberi tumpuan khusus untuk menghubungkan komitmen kami terhadap amalan terbaik dari segi penzahiran, integriti perniagaan dan pembangunan mampan.

Antara cabaran yang kami ingin tangani dalam tempoh jangka pendek hingga sederhana adalah untuk menamatkan pelaburan bukan teras dan mengalihkan tumpuan kami kepada perniagaan teras sebagai sebahagian daripada pendekatan berhemat serta menjaga peruntukan modal. Pengoptimuman kos adalah satu lagi keutamaan kerana kami berhasrat untuk mengoptimumkan perbelanjaan MSM. Walaupun kami berpendapat pengurangan kos sebagai satu keperluan, kami juga berhati-hati dalam mengimbangi langkah-langkah pengoptimuman kos bagi memastikan tindakan ini tidak menjelaskan pertumbuhan perniagaan.

Budaya kerja akan diperkuuhkan dan dipupuk untuk memotivasi kakitangan dalam merealisasikan keberhasilan strategik untuk pertumbuhan MSM. Mengungguli senarai inisiatif pada tahun pertama saya di MSM adalah untuk menambah baik dan mengukuhkan budaya tadbir urus korporat, sebagai asas yang mantap di mana MSM akan memastikan daya tahannya berterusan di peringkat domestik dan antarabangsa, terutama ketika pergolakan sosio-ekonomi dan geopolitik yang mempengaruhi landskap pasaran pada hari ini.

Hasil
RM2.66
BILION

Nilai
Jenama
RM576.2
JUTA

Penjimatan
Kos Operasi
RM15
JUTA



Produk Gula Prai adalah "Jenama Jualan No.1 di Malaysia"

PENYATA PENGERUSI

PASARAN PERSEKITARAN YANG MENCABAR

Sepanjang 12 bulan yang lalu, hubungan kami dengan persekitaran luaran telah membawa kepada situasi yang rumit, menjadikannya suatu cabaran untuk kami mencapai hasil yang diingini. Meskipun berhadapan cabaran tersebut, kami tetap membuat pelarasan dan memanfaatkan kekuatan asas dan kecemerlangan operasi bagi mengurangkan impak keseluruhan. Lantaran itu, situasi ini membantutkan operasi penyampaian Perancangan Strategik (SP20) (V2).

Acara khusus pada tahun 2017 telah dilaksanakan dan kami yakin telah memberi penekanan yang besar terhadap keutamaan strategik demi mencapai kemajuan yang signifikan. Mengetengahkan asal-usul MSM di Malaysia, saya yakin pendekatan mampan dan strategik akan memberi manfaat dari segi peluang pertumbuhan dan perkembangan pesat meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran di arena perdagangan antarabangsa. Sila rujuk bahagian Ulasan Perniagaan di halaman 030 untuk butiran terperinci mengenai setiap segmen perniagaan dan pencapaian MSM yang dicatatkan pada tahun 2017, menurut analisis yang dibuat terhadap strategi utama kami.

Seterusnya, kami berhasrat untuk terus berkembang kukuh dan berdaya tahan serta berusaha mencapai matlamat yang realistik sebaik dan semampu mungkin dalam persekitaran perniagaan semasa. Disebabkan pasaran persekitaran yang mencabar, tiada dividen diisyiharkan dan dibayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017. Analisis komprehensif mengenai prestasi kewangan kami dan faktor-faktor yang mempengaruhinya boleh didapati dalam Ulasan Ketua Pegawai Kewangan kami di halaman 042 dan bahagian Ulasan Perniagaan kami.

KEFAHAMAN BERFOKUS TERHADAP RISIKO

2017 menyediakan peluang yang mencukupi untuk menambah baik polisi, instrumen dan rangka kerja pengurusan risiko. Persekitaran operasi yang mencabar menghendaki penilaian yang lebih mendalam ke atas instrumen-instrumen risiko kami, lalu ia diterapkan dalam objektif strategik dan operasi kami. Pada tahun 2017, kami mengetengahkan keutamaan terhadap langkah-langkah pengurangan risiko yang bakal dilaksanakan sepanjang 2018.

Beberapa risiko utama dan langkah-langkah mengurangkan impak yang dilaksanakan pada tahun 2017 adalah seperti berikut:

PENDEDAHAN KEPADA PERGERAKAN HARGA YANG TIDAK MENGUNTUNGKAN DISEBABKAN OLEH KEBERGANTUNGAN TINGGI TERHADAP IMPORT GULA MENTAH

Kami sentiasa memantau harga gula dunia dan mendapatkan maklum balas industri untuk mendapatkan harga yang menguntungkan secara berterusan berdasarkan jualan, eksport atau pembelian hadapan. Sila rujuk halaman 030 bahagian Ulasan Perniagaan untuk maklumat lanjut mengenai langkah-langkah yang telah dilaksanakan dan keberhasilan yang diperolehi pada tahun 2017.

KETIDAKSTABILAN TUKARAN ASING BAGI RM BERBANDING USD

Memantau pasaran tukaran asing secara aktif untuk merekodkan trend penurunan MYR/USD, lantaran itu beransur-ansur melakukan pemurataan ke bawah kos pembelian USD untuk memudahkan strategi lindung nilai baharu bagi keperluan USD untuk Kumpulan pada 2018.

KEBERGANTUNGAN OPERASI DAN PERKHIDMATAN DISEBABKAN OLEH MESIN LAMA DI DALAM KILANG PENAPISAN SEDIA ADA

Kami telah menujuhkan jadual penyelenggaraan dan perkhidmatan konsisten terhadap mesin penapisan, dan yang mana telah dikenal pasti, menggantikan mesin lama dengan baharu serta penaiktarafan. Sila rujuk halaman 016 Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif untuk maklumat lanjut mengenai langkah-langkah yang telah dilaksanakan.

JUALAN BERDAYA SAING YANG BERPOTENSI MEMBERI KESAN KEPADA SYER PASARAN DAN MARGIN KEUNTUNGAN

Kami memantau dengan teliti permintaan pasaran dan aktiviti industri untuk memastikan bekalan sentiasa mencukupi dan mempermudahkan penghantaran gula yang berkualiti tinggi. Sila rujuk halaman 030 bahagian Ulasan Perniagaan untuk maklumat lanjut mengenai langkah-langkah yang telah dilaksanakan dan keberhasilan yang diperolehi pada tahun 2017.

Untuk maklumat terperinci mengenai risiko-risiko utama dan langkah pengurangan risiko kami, sila rujuk bahagian Mengurangkan Risiko Kami di halaman 109.

Pada tahun 2017, MSM melaksanakan dasar dan prosedur Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM) yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko yang bermamatlamat untuk mengurangkan impak gangguan operasi dan bencana besar dengan mengembalikan semula organisasi kepada kedudukan "perniagaan seperti biasa" sekiranya berlaku sebarang krisis atau bencana. Ini merupakan salah satu kaedah serta usaha utama kami untuk menjaga kepentingan bagi pihak berkepentingan utama.

Pasukan Pengurusan Krisis (CMT) telah dilancarkan untuk membimbing pengurusan operasi BCM di seluruh Kumpulan dalam keadaan sebelum, semasa dan/atau selepas sebarang krisis. Pasukan ini memastikan aktiviti pencegahan, pembetulan dan pemulihan diselaraskan dan latihan berkala dilaksanakan apabila diperlukan untuk menambah baik tempoh masa tindak balas selepas krisis atau insiden-insiden yang tidak diingini.

PENYATA PENGERUSI

Butiran terperinci mengenai aktiviti pengurusan risiko kami boleh didapati dalam Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam di halaman 104. Butiran mengenai aktiviti dan keberhasilan BCM pula boleh didapati dalam bahagian Pengurusan Kesinambungan Perniagaan di halaman 108.

MENGUKUHKAN KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH

Pada tahun 2017, kami menyaksikan beberapa perubahan dalam komposisi Lembaga Pengarah di MSM. Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid yang meletak jawatan sebagai Pengarah Bukan Bebas dan Bukan Eksekutif pada 26 September 2017. Kami menghargai khidmat beliau selaku bertugas sebagai Lembaga Pengarah MSM Malaysia Holdings Berhad.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad, yang telah berkhidmat sebagai Pengerusi pertama Kumpulan MSM dan juga menerajui perubahan positif di MSM. Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan terima kasih kepada Dato' Rosini Abd Samad yang dilantik sebagai Pemangku Pengerusi bagi tempoh interim pada 19 Jun 2017. Tempoh khidmat beliau sebagai Pemangku Pengerusi berakhir pada 29 September 2017 setelah pelantikan saya sebagai Pengerusi. Pihak Lembaga Pengarah amat berterima kasih atas perkhidmatan beliau dalam memimpin syarikat ketika tempoh interim tersebut.

Kami mengalu-alukan penyertaan Dato' Khairil Anuar Aziz sebagai ahli Lembaga Pengarah, dengan pelantikan beliau sebagai Pengarah Eksekutif pada 11 Disember 2017. Ini akan mengukuhkan pengetahuan kolektif Lembaga Pengarah sedia ada dan membuka perspektif baharu terhadap kemahiran membuat keputusan yang berwawasan.

Susulan pelantikan saya sebagai Pengerusi, Pengarah Bukan Bebas dan Bukan Eksekutif pada 26 September 2017, saya berharap untuk berusaha ke arah kejayaan melalui kerjasama dengan Lembaga Pengarah serta seluruh warga MSM untuk mengukuhkan dan memastikan pertumbuhan dan keuntungan masa depan yang mampan.

MENDUKUNG TADBIR URUS YANG MANTAP

Kami komited untuk mendukung rangka kerja tadbir urus korporat yang telus dan bertanggungjawab serta memastikan keputusan perniagaan dibuat secara telus dan saksama menurut jangka masa yang ditetapkan. Jelas sekali, penubuhan Jawatankuasa Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko (BGRMC) adalah untuk memastikan bahawa kami sentiasa tangkas dalam bertindak balas terhadap keadaan landskap pasaran yang berubah-ubah dan tidak menentu, dan pada masa yang sama kekal berpandukan prinsip tadbir urus yang mantap.

Kami terus memberi penekanan yang lebih besar kepada peningkatan taraf tadbir urus yang baik berhubung kepimpinan dan keberkesanannya. Lembaga Pengarah berdasarkan amalan terbaik menurut garis panduan yang ditetapkan dalam Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017 (MCCG 2017). Kami akan terus menerapkan garis panduan tersebut bagi tahun 2018.

Pada tahun 2017, Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti, selaku Pengiktirafan Tadbir Urus Korporat MSWG-ASEAN meletakkan MSM di kedudukan #41 dalam senarai 100 syarikat Teratas dengan Pendedahan Terbaik dan kedudukan #46 dalam senarai syarikat 100



Teratas bagi keseluruhan prestasi Tadbir Urus Korporat. Pemilihan tersebut telah diadili berdasarkan Prinsip Tadbir Urus Korporat OECD, yang diluluskan oleh Forum Pasaran Modal ASEAN. Ini merupakan pengiktirafan kukuh terhadap kemajuan kami dalam mempamerkan taraf yang tinggi dalam komitmen Tadbir Urus Korporat untuk meningkatkan keyakinan para pelabur.

KEUTAMAAN MASA HADAPAN

Melangkah ke tahun 2018, MSM akan meneruskan trajektori menaik dalam memastikan pertumbuhan jangka panjang dan daya tahan melalui inisiatif tertumpu. Bidang pertumbuhan utama meliputi pencarian pasaran baharu, pengurusan kos berhemat dan memberi tumpuan terhadap usaha untuk pengukuhan perniagaan teras kami.

Kepentingan utama adalah untuk memastikan pembinaan MSM Johor berjalan lancar dan mengikut bajet yang ditetapkan, kerana ini merupakan asas operasi di mana MSM berupaya meningkatkan kapasiti pengeluarannya dan mengembangkan produk di pasaran domestik, serantau dan antarabangsa.

Saya yakin dengan fokus yang tinggi untuk mencapai prestasi kewangan yang mantap diimbangi dengan pendekatan mampan akan merealisasikan visi SP20 (V2) untuk menjadi antara 10 syarikat gula terbaik dunia menjelang 2020.

PENGHARGAAN

Saya berbesar hati diberi penghormatan untuk menyediakan perutusan ini pada tahun pertama saya sebagai Pengerusi Kumpulan MSM. Terima kasih diucapkan kepada Lembaga Pengarah atas bimbingan berharga, rakan sekerja dan semua warga kerja atas ketekunan, komitmen dan semangat kerja berpasukan dalam mengharungi tahun yang penuh cabaran.

Semoga kita terus berdaya tahan dan berpeluang untuk terus maju pada masa akan datang.

DATUK WIRA AZHAR ABDUL HAMID
Pengerusi

ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Pihak Berkepentingan Yang Dihormati

PADA TAHUN 2017 MSM BERDEPAN DENGAN PASARAN LUAR YANG MENCABAR DAN TERLETAK DI LUAR KAWALAN KAMI. ANTARANYA TERMASUK HARGA PASARAN GULA MENTAH DUNIA YANG TIDAK MENENTU DAN KADAR TUKARAN ASING RINGGIT MALAYSIA (RM) YANG LEMAH BERBANDING DOLAR AS (USD). KOS BAHAN MENTAH YANG LEBIH TINGGI, DITAMBAH LAGI DENGAN KELEMAHAN RM, TELAH MEMBERI IMPAK KEPADA PRESTASI MSM PADA KESELURUHAN 2017.

ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Walaupun sentimen pasaran menunjukkan harga gula mentah meningkat mendadak dalam tempoh tiga tahun telah pun reda pada pertengahan tahun 2017, impaknya terhadap MSM masih kekal. Ini kerana dalam kontrak pembelian gula mentah penghantaran komoditi tersebut akan berlangsung dalam tempoh dua hingga tiga bulan selepas tarikh pembelian.

Walau bagaimanapun, dengan pemahaman yang bertumpu terhadap risiko yang terbabit, kami berjaya mengurangkan impak keseluruhan yang disusuli harga komoditi gula mentah global dan kadar tukaran wang asing. Selanjutnya, pihak pengurusan membuat keputusan wajar untuk memanfaatkan mekanisme lindung nilai pembelian gula mentah terhadap harga dan volum pembelian kami. Pada masa yang sama, kami juga mengunci kadar tukaran wang asing pada setiap suku tahun. Langkah-langkah pengurusan risiko ini telah diambil untuk mengimbangi serta mengurangkan impak terhadap persekitaran yang tidak dijangka dan tidak diingini.

Berhubung prestasi kewangan kami, MSM telah mencatatkan hasil sebanyak RM2.66 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017. Ini disumbangkan oleh kenaikan purata harga jualan sebanyak 11.16%, di samping pengurangan sebanyak 3.5% bagi keseluruhan tan yang dijual pada 2017. Kerugian selepas cukai sebanyak RM32.57 juta dicatatkan berbanding keuntungan selepas cukai sebanyak RM120.72 juta pada 2016. Faktor-faktor gabungan iaitu ketidaktentuan harga gula mentah dan kadar tukaran wang asing mengurangkan margin keuntungan dan menyebabkan kos pengeluaran meningkat sebanyak 7.8% berbanding pada tahun sebelumnya.

Walaupun keadaan pasaran tidak begitu baik pada tahun 2017, kami berterima kasih kepada pihak Kerajaan di atas pelarasan harga gula domestik pada bulan Mac 2017 dari RM2.84 hingga RM2.95 bagi meredakan pengurangan margin dan mengekalkan kedudukan sebagai peneraju pasaran domestik sebanyak 58% meskipun wujud masalah seperti permit import (AP) gula dan aktiviti penyeludupan gula.

Dengan pengalaman lebih dari 50 tahun dalam industri penapisan gula, kami telah membina kedudukan jenama yang kukuh bagi produk 'Gula Prai'. Dua produk gula terlaris ialah Gula Pasir Kasar (P1) yang berkualiti tinggi untuk penggunaan umum dan Gula Pasir Halus (PXX) untuk majoriti pelanggan industri. Manakala Gula Kastor dan Gula Merah juga diperlukan untuk memenuhi keperluan industri dan pengguna bersama. Kewujudan jangka panjang MSM telah membentuk hubungan yang berkekalan bersama pelanggan, sehingga produk gula kami dikenali sebagai "Jenama Jualan No.1 di Malaysia" dan pilihan paling popular dan laris dalam kalangan pengguna.

Ia merupakan tahun yang amat mencabar di MSM, dan boleh diringkaskan dalam beberapa patah perkataan - dalam menghadapi cabaran yang besar, MSM melakukan yang terbaik untuk mengecapi kemajuan. Secara kolektif, MSM tetap optimistik untuk memantapkan peranan kepimpinan dalam industri gula dan meningkatkan perolehan, menyampaikan nilai-nilai kewangan teras dan pertumbuhan jangka panjang yang menguntungkan kepada para pemegang saham dan pihak berkepentingan.

SENTIASA TETAP DALAM MENERUSKAN HASRAT STRATEGIK

KEKAL SEBAGAI PENERAJU PASARAN

- Pembabitan bersama pelanggan yang dilakukan secara berterusan di samping kebolehpercayaan serta kualiti dalam menawarkan perkhidmatan dan produk yang terbaik mengukuhkan kedudukan syer pasaran domestik sebanyak 58%.
- Pelarasan harga siling gula sebanyak 0.11 sen/kg.
- RM46.9 juta hasil eksport disalurkan oleh peningkatan volum, penambahbaikan sebanyak 19.9% daripada tahun 2016.

MENGEKALKAN PERTUMBUHAN BERTERUSAN

- Pelaburan berjumlah USD\$259 juta bagi pembinaan kilang penapisan gula terbesar di Malaysia di Tanjung Langsat, Johor adalah mengikut bajet dan dijangka beroperasi pada separuh tahun pertama 2018 dengan kapasiti tambahan sebanyak satu juta tan setahun lantas meletakkan MSM sebagai pengeluar gula bertapis terbesar di rantau Asia.
- Jejak kehadiran di pasaran serantau telah dipertingkatkan bagi mengimbangi kapasiti lebihan disebabkan kemampatan jualan di pasaran tempatan.

MEMASTIKAN KECEMERLANGAN OPERASI

- Inisiatif untuk mencapai penjimatan kos operasi tahunan sebanyak RM15 juta tanpa menjaskan kecekapan operasi.
- Rangka kerja operasi yang dilengkapi dengan inisiatif penjimatan tenaga sejurus membawa kepada penambahbaikan operasi yang mampan.
- Melaksanakan proses mengawal selia jualan untuk menambah baik servis penghantaran gula dan mengurangkan kos operasi.

MENINGKATKAN SUMBER MANUSIA

- Pada tahun 2017, 21 peluang pekerjaan telah diwujudkan dalam bidang kepakaran teknikal dan bukan teknikal bagi menyokong keperluan perniagaan.
- Memperkenalkan program Graduan Pelatih Pengurusan (GMT), untuk mencungkil dan membangunkan bakat yang bertumpu khusus kepada peningkatan kecekapan teras.
- Kolaborasi maklumat dan latihan perindustrian melalui tugas kerjasama yang saling menguntungkan di antara anak-anak syarikat.

MODEL PERNIAGAAN YANG MAMPAN

Kami memanfaatkan kekuatan asas perniagaan dengan mewujudkan lebih nilai melalui enam jenis kluster perniagaan, untuk membentuk asas yang kukuh bagi pertumbuhan berterusan perniagaan.

ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PENCIPTAAN NILAI MSM PADA 2017



MODAL KEWANGAN

Dua Kilang Yang Beroperasi

- Meningkatkan keupayaan, kecekapan dan keberkesanan kilang melalui inisiatif penjimatatan tenaga
- Meningkatkan pengeluaran untuk pengurangan kos
- Membeli gula mentah mengikut keperluan pemprosesan bagi mengurangkan ruang simpanan di gudang
- Meningkatkan operasi 'boiler'
- Membuat kawalan terhadap kos penyelenggaraan dan kegunaan bahan pembungkusan
- Mengurangkan sewaan forklif dan kos penyelenggaraan
- Mengganti dan menaiktaraf peralatan yang melibatkan proses
- Memasang peralatan untuk membantu kecekapan proses
- Peningkatan pengeluaran Gula Pasir Halus dengan pemasangan 'sieving' berterusan



MODAL SEMULAJADI

Pengurusan Sisa Buangan

- Sisa Berbahaya - 10.38 tan sisa berbahaya dikumpulkan oleh kontraktor berlesen, berbanding 20.55 tan pada 2016
- Sisa Dikitar Semula - 487.2 tan dikitar semula pada 2017, berbanding 126.35 tan pada 2016
- Sisa Pelupusan Tidak Berbahaya - 16,872 tan*
- Sisa Am - 880 tan*

*Angka di atas dilaporkan buat kali pertama dan akan menjadi asas bagi laporan hadapan.

Pelepasan Gas Rumah Hijau

- Penggunaan Elektrik yang Dibeli
 - Bertambah baik sebanyak 36,565.3 tan pelepasan CO₂ dihasilkan, pengurangan sebanyak 42.7% berbanding 2016

Penggunaan Tenaga

- Gas Asli: 3,630,510 mmBTU, pengurangan sebanyak 6.45%
- Diesel: 277,463 liter, pengurangan sebanyak 53.5%
- Elektrik
 - Elektrik dibeli: 49,386,436 kWh
 - Elektrik dijana sendiri: 35,835,401 kWh
 - Secara keseluruhan, mencapai penjimatatan tenaga sebanyak 1% bagi penggunaan elektrik



MODAL PERHUBUNGAN

Program CR

- Mengambil empat sekolah angkat di bawah program Sekolah Angkat Yayasan PINTAR dan memanfaatkan lebih 2,000 pelajar
- Membantu mangsa banjir di Pulau Pinang dalam bentuk kewangan dan usaha sukarelawan



MODAL PENGILANGAN

Jaminan Gula Negara

- Keperluan stok selama 2.5 bulan (dalam bentuk gula mentah dan gula bertapis) bagi memastikan ketersediaan gula dalam pasaran domestik

Output Pengeluaran (bagi 2017)

- MSM Prai - 855,064 tan
- MSM Perlis - 169,867 tan



MODAL INTELEK

Syer Pasaran

- 58% syer pasaran majoriti domestik

Juara Jenama

- Gula Prai merupakan jenama No.1 paling laris di Malaysia sebagai pengiktirafan kepada 858,400 tan volum jualan domestik

Produk Terkenal

- Gula Pasir Kasar (P1) & Gula Pasir Halus (PXX) merupakan produk gula terlaris
- Produk gula kami meliputi 48% jualan borong dan 38% jualan industri



MODAL INSAN

Tenaga Kerja Kumpulan

- 1,244 tenaga kerja
- 21 peluang pekerjaan diwujudkan pada 2017
- 5.63% kadar penggantian kakitangan
- 23% wanita di peringkat Pengurusan

Pembangunan Bakat

- 21 peserta menyertai program Graduan Pelatih Pengurusan (GMT)
- 32,332 jam latihan dilaburkan pada 2017
- Kolaborasi maklumat dan latihan perindustrian melalui tugas kerjasama yang saling menguntungkan di antara anak-anak syarikat

ULASAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

MELANGKAH KE HADAPAN

Meskipun keadaan pada 2017 tidak memuaskan, adalah penting kita melangkah masuk 2018 dengan penuh keyakinan serta hala tuju yang jelas untuk memantapkan peranan kepimpinan kami dalam industri gula. Secara kolektif, terdapat banyak bukti bahawa kami telah membuat kemajuan dengan meningkatkan ketelusan dan kemampaman rantaian nilai, pengurusan kos yang efektif, pengukuhan modal kewangan dan merasionalisasikan operasi dan pengurusan jualan.

Tahun 2018 akan membawa gabungan kejayaan dan cabarannya sendiri, tetapi hala tuju yang hendak dikecapi adalah jelas dan kami sedar atas perkara-perkara yang perlu dilakukan. Salah satu langkah utama adalah dengan melakar pencapaian baharu dengan bermulanya operasi MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd (MSM Johor), yang disasarkan pada separuh tahun pertama 2018. Portfolio MSM Johor akan melengkapi pasaran baharu untuk memperkuuh pertumbuhan, meningkatkan keuntungan dan memberikan nilai jangka panjang yang terbaik, mampu kepada anda, pelanggan dan para pemegang saham.

Pada dasarnya, kami menjangkakan faktor-faktor makro yang mencabar akan berterusan dalam jangka masa pendek dan sederhana. Walau bagaimanapun, perancangan kami bertumpu kepada pertumbuhan jangka panjang. Pelaburan sejak beberapa tahun lepas untuk membina modal perniagaan bersepada akan memastikan kedudukan kewangan yang baik dan memberikan daya tahan yang diperlukan untuk menghadapi kesukaran luaran yang mendatang.

MSM merupakan pemain utama dalam perniagaan gula di Asia Tenggara - di mana banyak peluang akan timbul daripada pertumbuhan pesat ekonomi dan penduduk. Kehadiran dan keupayaan kami memberikan kelebihan untuk memperoleh peluang perniagaan dan pertumbuhan baharu. Dengan meningkatnya kemewahan digabung dengan kepentasan proses urbanisasi, permintaan umum terhadap gula akan meningkat sebanyak 2% - 3% setahun. Sebagai jenama yang dipercayai, kami akan terus mengaplikasikan modal perniagaan strategik untuk berkembang secara inklusif, bertanggungjawab dan mampu.

Melangkah ke hadapan, dengan adanya asas yang kukuh kami bakal melonjak daripada sebuah syarikat tempatan ke peringkat serantau dan seterusnya muncul sebagai sebuah syarikat global. Kuncinya adalah dengan memanfaatkan kepakaran dan kapasiti penapisan kami serta mempelbagaikan operasi supaya kehadiran kami dirasai sepanjang rantaian nilai dalam perniagaan gula. Saya amat berbesar hati untuk memaklumkan bahawa kami telahpun membuat kemajuan ketara dalam aspek ini.



Sejak 50 tahun, pertumbuhan MSM disumbang dan didorong oleh kakitangannya.

Dengan kekuatan warga kerja seramai 1,244, kami komited untuk mencungkil dan menarik bakat yang berkualiti. Dalam usaha kami untuk menjadi peneraju global dan menjadikan Malaysia sebagai hab serantau bagi industri gula, asas tenaga kerja yang berbakat dan berdasarkan meritokrasi amat penting. Tidak lengkap jika lau saya tidak menambah, budaya kami adalah berasaskan prestasi dan mengambil berat nilai kerja secara berpasukan.

Kini, MSM berada di kedudukan yang kukuh. Untuk menuju ke arah kejayaan, ia adalah penting untuk kekal komited dalam apa jua usaha kami. Saya yakin, melalui usaha dan sokongan berterusan dari warga kerja, tidak mustahil dalam tempoh 12 bulan mendatang, kita mampu mengekalkan kedudukan sebagai peneraju jenama gula dalam pasaran domestik dan merangka semula usaha kami untuk pertumbuhan eksport.

Dengan tekad yang padu, kami kekal optimistik untuk menggalakkan pertumbuhan perniagaan kami yang mampu, untuk memberikan para pemegang saham dan pihak berkepentingan manfaat dan pulangan jangka panjang yang menguntungkan.


Terima kasih, saya berharap masa depan yang mengujakan untuk kita semua.

MOHD SHAFFIE SAID


Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif

► ULASAN KUMPULAN
MODAL PERNIAGAAN STRATEGIK

MSM berhasrat untuk mencapai pertumbuhan secara inklusif, bertanggungjawab dan mampan. Pendekatan modal perniagaan strategik kami menggabungkan rangka kerja operasi yang cekap dan strategi yang responsif untuk menangani perubahan kepada pasaran persekitaran yang tidak menentu, serta kekal komited untuk mewujudkan nilai-nilai yang berkekalan dalam jangka masa pendek, sederhana dan panjang.



► ULASAN KUMPULAN
MODAL PERNIAGAAN STRATEGIK



► ULASAN KUMPULAN

PERANCANGAN STRATEGIK (SP20) (V2)

SEGMENT	STRATEGI UTAMA	KEUTAMAAN STRATEGIK
Kepimpinan Pasaran 	Mengekalkan kepimpinan dalam pasaran domestik	<ul style="list-style-type: none"> • Jenama Gula Prai menjadi pilihan utama bagi gula bertapis domestik. • Memastikan aset beroperasi secara optimum untuk memastikan tiada defisit dalam pembekalan gula. • Penglibatan berterusan bersama pihak kerajaan bagi memastikan kesediaan gula bertapis negara yang mencukupi.
Pertumbuhan Berterusan 	Pembinaan kapasiti	<ul style="list-style-type: none"> • Penambahan kapasiti sebanyak satu juta tan melalui pembinaan kilang penapisan gula yang baharu di Johor.
Kecemerlangan Operasi 	Pertumbuhan di arena industri gula global Mengoptimumkan penggunaan aset	<ul style="list-style-type: none"> • Mengukuhkan struktur dan proses tadbir urus untuk MSM Dubai. • Meneroka peluang perniagaan baharu di rantau berdekatan.
Meningkatkan Sumber Manusia 	Meningkatkan kecekapan operasi Membangunkan budaya berprestasi tinggi	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan kadar kecairan gula dalam proses pengeluaran. • Menggantikan peralatan lama. • Mematuhi piawaian pensijilan.
		<ul style="list-style-type: none"> • Menyelaraskan pengeluaran dengan strategi jualan Kumpulan. • Melaksanakan pendekatan lojistik bersepudu.
		<ul style="list-style-type: none"> • Memupuk nilai korporat. • Meningkatkan asas bakat melalui program mobiliti dan pembangunan kakitangan. • Menumpukan kepada produktiviti dan pulangan oleh setiap kakitangan.

► ULASAN KUMPULAN PERANCANGAN STRATEGIK (SP20) (V2)

PENCAPAIAN 2017

- Pembabitan bersama pelanggan secara berterusan di samping kebolehpercayaan dan kualiti dalam menawarkan perkhidmatan dan produk yang terbaik untuk mengukuhkan kedudukan syer pasaran domestik sebanyak 58%.
- Pelarasian harga siling gula sebanyak 11 sen/kg.
- Pelaburan berjumlah USD\$259 juta bagi pembinaan kilang penapisan gula terbesar di Malaysia di Tanjung Langsat, Johor adalah mengikut bajet dan dijangka beroperasi pada separuh tahun pertama 2018 dengan kapasiti tambahan sebanyak satu juta tan setahun lantas meletakkan MSM sebagai pengeluar gula bertapis terbesar di rantau Asia.
- Jejak kehadiran di pasaran serantau telah dipertingkatkan bagi mengimbangi kapasiti lebihan disebabkan kemampatan jualan di pasaran tempatan.
- RM46.9 juta hasil eksport disalurkan oleh peningkatan volum, penambahbaikan sebanyak 19.9% daripada tahun 2016.
- Inisiatif untuk mencapai penjimatan kos operasi tahunan sebanyak RM15 juta tanpa menjelaskan kecekapan operasi.
- Rangka kerja operasi yang dilengkapi dengan inisiatif penjimatan tenaga sejurus membawa kepada penambahbaikan operasi yang mampu.
- Melaksanakan proses mengawal selia jualan untuk menambah baik servis penghantaran gula dan mengurangkan kos operasi.
- Lebih 90% kakitangan telah mengambil bahagian dalam fasa permulaan Program Penajaran Nilai lantas memupuk semangat kerja berpasukan di MSM.
- Memudahkan proses pembelajaran bagi kakitangan baharu di samping membuka peluang dan perkembangan kerjaya bagi kakitangan sedia ada.
- Kolaborasi maklumat dan latihan perindustrian melalui tugas kerjasama yang saling menguntungkan di antara anak-anak syarikat.

KEUTAMAAN 2018

- Kekal sebagai peneraju melalui kerjasama strategik dan mengikat volum dengan pelanggan.
- Unjuran hasil tambahan sebagai persiapan kilang penapisan di Johor.
- Memastikan pembinaan kilang penapisan Johor berjalan lancar dan mengikut bajet yang ditetapkan.
- Mejejaki pasaran ekspot baru dengan mempelbagaikan cara pemasaran.
- Pengurusan perbelanjaan operasi yang berhemat.
- Mengukuhkan kedudukan kewangan melalui penstrukturran modal dan penjualan aset-aset bukan teras.
- Meneruskan inisiatif Graduan Pelatih Pengurusan bagi memastikan kesediaan bakat dalam kemahiran kritikal.
- Tumpuan kepada latihan dan pembangunan inisiatif secara mandatori dan berkesan dalam korikulum supaya kecekapan teras diperkuuh.
- Memupuk budaya berprestasi tinggi yang bertumpu kepada tanggungjawab dan ketelusan dalam mencapai objektif syarikat.

► ULASAN KUMPULAN
JEJAK GLOBAL

PASARAN EKSPORT 5 TERATAS

SINGAPURA **33,576** tan
PAPUA NEW GUINEA **19,017** tan
HONG KONG **18,036** tan



NEW ZEALAND **15,549** tan
KOREA SELATAN **11,771** tan

IMPORT GULA MENTAH (tan)

880,000 Brazil
176,000 Guatemala


EKSPORT GULA BERTAPIS (tan)

52.57% Asia Tenggara
14.24% Papua New Guinea
11.64% New Zealand
10.52% Asia
7.13% Australia
3.90% MENA




MSM Trading International DMCC telah ditubuhkan pada 2016 sebagai hab dagangan di Dubai terutamanya untuk memantau pasaran komoditi gula mentah global bagi membolehkan pembelian gula mentah pada harga yang kompetitif lantas meningkatkan hasil bagi aktiviti dagangan eksport. Sehubungan itu, ia juga berfungsi untuk mewujudkan jejak kehadiran di rantau tersebut untuk memasuki pasaran MENA (Timur Tengah dan Afrika Utara), yang membuka peluang besar untuk memperluaskan perniagaan eksport.


- Pada tahun 2017, bulan Mei mencatatkan rekod tertinggi sebanyak 15,000 tan gula bertapis di peringkat global
- Negara Singapura merupakan pasaran eksport utama dengan pembelian gula bertapis berjumlah 33,576 tan
- Angka keseluruhan mengeksport gula berjumlah 139,540 tan



JEJAK GLOBAL



► **ULASAN KUMPULAN
ISU - ISU PENTING**

ISU-ISU PENTING	PENERANGAN	PENERANGAN ISU	INISIATIF
Kos Gula Mentah 	Dianggarkan 88% kos pengeluaran MSM bergantung pada harga gula mentah. Perniagaan kami bergantung kepada mengoptimumkan margin harga gula mentah dan gula bertapis. Kelemahan nilai Ringgit memberi penekanan kepada margin kami.	<ul style="list-style-type: none"> Terdedah kepada ketidaktentuan harga gula mentah. Risiko dagangan dalam pembelian gula mentah dari pasaran niaga hadapan. Stok gula mentah dunia dipengaruhi oleh faktor cuaca, politik dan ekonomi. 	<ul style="list-style-type: none"> Rujuk halaman 012 Penyata Pengurus Rujuk halaman 030 Ulasan Perniagaan
Keyakinan Pelabur 	Mengekalkan kepercayaan dan keyakinan pelabur dan pihak berkepentingan amat penting kerana ia mencerminkan urusniaga yang bertanggungjawab dan mampan.	<ul style="list-style-type: none"> Prestasi kewangan, dividen dan saham yang mampan. Pelaburan bertanggungjawab dalam kendalian strategi urusniaga, penggabungan dan pengambilalihan perniagaan baharu. Mengukuhkan pengurusan risiko dan tadbir urus bagi memastikan rangka kerja kewangan dan dagangan dilindungi dan dipupuk sebagai mekanisme semakan dan imbalan. 	<ul style="list-style-type: none"> Rujuk halaman 012 Penyata Pengurus Rujuk halaman 042 Ulasan Ketua Pegawai Kewangan Rujuk halaman 030 Ulasan Perniagaan
Kecekapan Operasi 	Semenjak 50 tahun, MSM telah melakar kekuatan terasnya melalui kebolehan beroperasi dengan cemerlang serta komited dengan tanggungjawab terhadap pelanggan. Gangguan perniagaan atau kelewatan akan menjelaskan reputasi MSM.	<ul style="list-style-type: none"> Waktu penutupan kilang dan gangguan operasi pengeluaran yang tidak dirancang. Prestasi dan amalan terhadap Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE). Mengoptimumkan penggunaan aset. 	<ul style="list-style-type: none"> Rujuk halaman 016 Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif Rujuk halaman 030 Ulasan Perniagaan
Menguruskan Keperluan Polisi 	Di Malaysia, gula termaktub di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2011. Pihak Kerajaan menyokong, melindungi dan mewartakan dasar polisi terhadap pasaran gula domestik.	<ul style="list-style-type: none"> Pelarasian harga gula domestik tidak dapat menampung kesan pengurangan impak kepada margin. Polisi berkenaan pemberian AP dan penguatkuasaan penyeludupan gula masih tergantung. Memajukan rangka kerja perniagaan untuk memastikan tahap responsif yang tinggi dan penyeliaan kos terhadap perubahan polisi. 	Rujuk halaman 030 Ulasan Perniagaan
Struktur Modal 	Peningkatan perbelanjaan CAPEX adalah disebabkan pembinaan MSM Johor. Memandangkan margin yang diperolehi adalah sedikit, pinjaman yang rendah boleh membantu menguatkan fleksibiliti kewangan MSM.	<ul style="list-style-type: none"> Projek pembinaan kilang penapisan gula di Johor dijangka siap mengikut jadual. Kos pengurusan projek kilang penapisan di Johor adalah mengikut bajet yang ditetapkan. 	<ul style="list-style-type: none"> Rujuk halaman 042 Ulasan Ketua Pegawai Kewangan Rujuk halaman 030 Ulasan Perniagaan
Menarik, Membangun dan Mengekalkan Bakat Terbaik 	Bagi mencapai visi kami untuk menjadi antara 10 syarikat pengeluar gula global menjelang 2020, MSM berusaha dalam menyediakan persekitaran kerja yang mampu menarik dan mengekalkan bakat.	<ul style="list-style-type: none"> Keupayaan untuk mengekalkan bakat dalam kemahiran teras merupakan satu cabaran. Kekurangan bakat tempatan dalam industri gula. Kitaran pembelajaran memakan masa yang panjang untuk kakitangan baharu. 	Rujuk halaman 030 Ulasan Perniagaan
Kepentingan Komuniti dan Alam Sekitar 	Mengambil pendekatan bersepadu terhadap elemen Ekonomi, Alam Sekitar dan Sosial (EES) supaya nilai kemampanan diambil kira dalam pengurusan operasi untuk jangka masa pendek, sederhana dan panjang bagi pihak berkepentingan.	<ul style="list-style-type: none"> Menyatukan elemen EES untuk menjamin operasi perniagaan pada masa hadapan. Membuat pelaburan supaya operasi dijalankan secara berhemah sepanjang rantaian nilai. Pematuhan terhadap polisi. 	Rujuk halaman 054 Laporan Kemampanan Ekonomi, Alam Sekitar dan Sosial (EES)

► ULASAN KUMPULAN**HUBUNGAN BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN**

Penglibatan berterusan bersama pihak berkepentingan membolehkan kami membuat keputusan bermaklumat dan membuka jalan ke arah pencapaian visi syarikat. Kami komited kepada penglibatan bersama pihak berkepentingan kerana ia merupakan komponen teras strategi perniagaan dan kemampanan.

PIHAK BERKEPENTINGAN	KAEDAH PENGLIBATAN	ISU-ISU YANG DIBINCANGKAN
Kakitangan 	<ul style="list-style-type: none"> Mesej daripada pihak Pengurusan Mesyuarat pihak Pengurusan bersama wakil kakitangan (Kesatuan) Sesi dialog dan penglibatan bersama Mesyuarat jabatan Intranet Buletin dalaman Kaji selidik kakitangan Latihan dan program dalaman sumber manusia 	<ul style="list-style-type: none"> Peluang perkembangan kerjaya Manfaat dan ganjaran Kebajikan am Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Komuniti 	<ul style="list-style-type: none"> Program penglibatan bersama komuniti Laman web Lawatan 	<ul style="list-style-type: none"> Sumbangan kemasyarakatan Impak operasi terhadap sosio - persekitaran Kesukarelawanan
Pembekal 	<ul style="list-style-type: none"> Rundingan kontrak/tender Pendaftaran vendor Kunjungan hormat dan lawatan Penilaian Latihan dan taklimat 	<ul style="list-style-type: none"> Menyampaikan perkhidmatan berkualiti Penetapan harga perkhidmatan dan bahan Piawaian yang bernilai mampan
Pelabur 	<ul style="list-style-type: none"> Taklimat suku tahunan penganalisa Pekeliling/Memo Mesyuarat Agung Tahunan Laporan Tahunan Mesyuarat atau mesyuarat berkumpulan Kunjungan hormat dan lawatan Pengumuman kepada Bursa Malaysia 	<ul style="list-style-type: none"> Prestasi kewangan Kumpulan Strategi perniagaan yang dikemaskini Taraf tadbir urus dan risiko
Kerajaan 	<ul style="list-style-type: none"> Penglibatan dan dialog berterusan Mesyuarat rasmi Perbincangan mengenai inisiatif kerajaan 	<ul style="list-style-type: none"> Struktur penetapan harga Pemberian AP Isu penyeludupan gula Memastikan bekalan gula mencukupi bagi pasaran domestik
Agensi Kawal Selia dan Badan Berkutan 	<ul style="list-style-type: none"> Pemeriksaan oleh pihak berkuasa tempatan (DOE, DOSH, dll.) Penglibatan aktif bersama agensi berkaitan 	<ul style="list-style-type: none"> Hal-hal pematuhan Pencemaran melibatkan alam sekitar Amalan dan taraf pekerja Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
Media 	<ul style="list-style-type: none"> Siaran media Persidangan media Sesi temubual berkumpulan/perseorangan Pertanyaan melalui emel Tinjauan kaji selidik media 	<ul style="list-style-type: none"> Prestasi kewangan Kumpulan Strategi perniagaan yang dikemaskini Projek sedia ada dan akan datang
Pelanggan 	<ul style="list-style-type: none"> Laman web Acara dan sesi penglibatan Emel khidmat pelanggan Tinjauan kaji selidik pelanggan 	<ul style="list-style-type: none"> Penglibatan bersama pelanggan Penetapan harga Khidmat sokongan, komitmen bekalan dan penyampaian perkhidmatan
Penggiat Industri 	<ul style="list-style-type: none"> Persidangan Pameran Acara Laman web 	<ul style="list-style-type: none"> Projek sedia ada dan akan datang Maklumat terkini pasaran Sesi jaringan kerja

► ULASAN KUMPULAN LANSKAP PASARAN

Keadaan cuaca yang baik di kebanyakan negara telah memberi hasil melebihi purata dan melonjakkan semula pengeluaran gula global. Pengeluaran global dijangka mencapai 186.5 juta tan bagi 2017-18 manakala penggunaan diramalkan sebanyak 183 juta tan lantaran lebihan sebanyak 5.5 juta tan.

Harga menurun pada separuh tahun pertama 2017 apabila India dan China mengecewakan pasaran dan pengetatan harga yang diharapkan tidak dilaksanakan. Brazil dijangka mengeluarkan gula yang kurang pada 2018-19 disebabkan peralihan kilang-kilang kepada produk etanol untuk margin yang lebih baik manakala pengeluaran dijangka meningkat di India, Thailand, EU dan Pakistan dibantu dengan cuaca yang lebih baik. Oleh kerana pasaran asas adalah kukuh, harga gula mentah didagangkan antara harga \$13-15/c/lb untuk tempoh semasa.

* Sumber : International Sugar Organisation

TINJAUAN INDUSTRI GULA 2017/2018

AMERIKA SYARIKAT

Pengeluaran di USA dijangka meningkat sebanyak 5% berbanding tahun lalu disebabkan oleh hasil bit yang lebih baik. Negara ini dijangka menghasilkan 8.4 juta tan dengan penggunaan sebanyak 11.4 juta tan, dan perbezaan sebanyak tiga juta tan akan diimport di bawah TRQ (kuota kadar tarif) dan Mexico.

BRAZIL

Pengeluaran dijangka meningkat kepada 1.1 juta tan sehingga rekod tertinggi 40.2 juta tan, bergantung kepada cuaca yang baik, pengurusan tuaian, dan penggunaan tebu untuk etanol yang lebih rendah. Eksport dijangka naik sebanyak 1.1 juta tan kepada jumlah rekod 29.6 juta tan dibantu oleh kelebihan untuk dieksport meskipun langkah negara China untuk mengehadkan import gula dari Brazil. Penggunaan meningkat sedikit manakala stok masih mendatar. Negara ini dijangka mula menuai bagi musim 2018-19 pada awal April, konsensus dicapai ialah Brazil akan mengeluarkan sejumlah 35 juta tan (Selatan Tengah & Timur Utara) kerana banyak kilang akan beralih kepada etanol disebabkan harga gula yang rendah berbanding harga minyak yang meningkat.

INDIA

Bagi 2017-18, pengeluaran di India dijangka melonjak 25% kepada 25.5 juta tan kerana kawasan yang luas dan hasil yang tinggi di Maharashtra, Uttar Pradesh, dan utara Karnataka. Kerajaan menjangka tiada import bagi musim ini kerana pemulihian mendadak hasil tuaian. Dengan pengeluaran yang meningkat, harga domestik menurun dan memberi impak kepada margin para pengilang. Lantaran itu, untuk kawalan harga, kerajaan telah meningkatkan duti import gula daripada 50% kepada 100%.

KESATUAN EROPAH (EU)

EU dijangka menghasilkan 20.1 juta tan, peningkatan daripada pengeluaran tahun lepas, iaitu 15.9 juta tan. Penggunaan terkesan secara marginal kepada 17.5 juta tan daripada tahun lalu terutamanya oleh penggunaan isoglukos. Dengan halangan kuota eksport EU dimansuhkan pada Oktober'17, rantaui ini dijangka mengeksport 3.5 juta tan bagi 2017-18 daripada jumlah tahun lepas, iaitu 1.6 juta tan. Dengan peningkatan pengeluaran yang ketara dan pemansuhan bagi halangan dagangan, EU boleh menjadi eksport terbesar untuk gula bertapis bagi 2017-18.

THAILAND

Pengeluaran di Thailand dijangka melonjak dan dijangka mencapai 11.9 juta tan gula bagi musim 2017-18, meningkat dari tahun lalu sebanyak 10.03 juta tan. Dengan penggunaan domestik sebanyak 3.1 juta tan, negara ini dijangka mengeksport lapan juta tan di mana sebahagian besarnya dituju

ke Indonesia. Negara ini baru sahaja menyahkawal selia industri gulanya disebabkan oleh halangan WTO dan dengan dasar baharu, harga domestik akan diapungkan secara bebas manakala dana tebu dan perkongsian hasil sebanyak 70/30 telah dimansuhkan.

CHINA

Pengeluaran dijangka meningkat 1.2 juta tan kepada 10.5 juta tan bagi jumlah pengeluaran pada 2017/18, dengan perluasan kawasan untuk gula bit dan gula tebu. Penggunaan di China meningkat setiap tahun tetapi pada kadar yang perlamban kerana harga yang tinggi serta terdapat pemanis alternatif seperti Aspartame, Sorbitol dan khususnya HFCS. Permintaan terhadap gula mampu mencapai 15.7 juta tan bagi 2017-18, tetapi harga domestik yang tinggi boleh menekan permintaan tersebut.

PAKISTAN

Pakistan merupakan negara pengeluar gula kesembilan terbesar di dunia. Negara ini dijangka mengeluarkan 7.5 juta tan bagi 2017-18 manakala penggunaannya adalah sebanyak 5.8 juta tan. Bagi mengelak lebihan stok, kerajaan membenarkan subsidi \$100/tan ke atas eksport, dengan itu kami menyaksikan eksport terutama dari Pakistan dijangka mencapai dua juta tan bagi 2017-18 berbanding 500k tan tahun lalu.

MEXICO

Pengeluaran dijangka lebih tinggi sedikit sebanyak 6.5 juta tan. Bagaimanapun, eksport dijangka melonjak 20% kepada 1.5 juta tan yang mana kebanyakan eksport adalah ke Amerika Syarikat. Stok dikurangkan 18%, sejajar dengan ekport dan penggunaan yang lebih tinggi.


RUSSIA

Pengeluaran dijangka meningkat 200,000 tan kepada jumlah tertinggi 6.4 juta tan kerana hasil tuaian yang tinggi. Penggunaan dijangka meningkat susulan kenaikan bekalan yang tersedia.

AUSTRALIA

Pengeluaran dijangka berkurangan sebanyak 300,000 tan kepada 4.8 juta tan disebabkan oleh ribut tropika yang melanda kawasan penanaman di kawasan utara persisiran pantai Queensland pada Mac 2017 tidak menyebabkan kerosakan teruk seperti yang dijangka. Eksport akan diteruskan dengan kuantiti yang lebih rendah.


Permintaan global/Penggunaan




Sumber : LMC International

► ULASAN KUMPULAN LANSKAP PASARAN

Peningkatan Pengeluaran dan Eksport EU Dengan Berakhirnya Kuota




Sumber : Office of Global Analysis, USDA Foreign Agricultural Service




Carta 8. Prospek Pasaran Gula Dunia

Sumber : 2016 Outlook of the U.S. and World Sugar Markets, 2016-2025 by Richard D. Taylor, Center for Agricultural Policy and Trade Studies Department of Agribusiness and Applied Economics North Dakota State University



Carta 9. Jangkaan Import Gula Dunia mengikut Negara, Negara Asia

Sumber : 2016 Outlook of the U.S. and World Sugar Markets, 2016-2025 oleh Richard D. Taylor, Center for Agricultural Policy and Trade Studies Department of Agribusiness and Applied Economics North Dakota State University



Carta 10. Jangkaan Import Gula Dunia mengikut Negara, Negara Afrika


Sumber : 2016 Outlook of the U.S. and World Sugar Markets, 2016-2025 oleh Richard D. Taylor, Center for Agricultural Policy and Trade Studies Department of Agribusiness and Applied Economics North Dakota State University

► ULAAN PERNIAGAAN**PERBINCANGAN & ANALISIS PENGURUSAN**

PRESTASI MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD (MSM ATAU KUMPULAN) PADA TAHUN KEWANGAN 2017 (TK2017) SANGAT BERKAIT RAPAT DENGAN STRATEGI UTAMA KAMI, MENJANA PERTUMBUHAN DAN MEWUJUDKAN NILAI MAMPAN JANGKA PANJANG KEPADA PIHAK BERKEPENTINGAN KAMI.

MODEL PERNIAGAAN YANG MAMPAN

Operasi MSM terdiri daripada lima segmen perniagaan utama, Sumber dan Perolehan Gula Mentah; Penapisan Gula Mentah; Pengurusan Rantaian Bekalan dan Pengagihan; Jualan dan Pemasaran; dan Perladangan. Diibaratkan sebagai aur dengan tebing, keseluruhan segmen perniagaan kami membentuk nilai holistik MSM dalam mewujudkan model perniagaan yang mampan dalam pengimportan, penapisan, penjualan dan pengeksportan gula bertapis kepada pasaran domestik dan antarabangsa.



► ULASAN PERNIAGAAN
PERBINCANGAN & ANALISIS PENGURUSAN

SUMBER DAN PEROLEHAN GULA MENTAH

ULASAN 2017

MENGEKALKAN KEPIMPINAN PASARAN

Perkara utama yang menjadi perhatian berkaitan sumber dan perolehan gula mentah pada 2017 adalah harga gula mentah yang tidak menentu dalam pasaran komoditi antarabangsa. Bagi mengurangkan risiko berkaitan ketidaktentuan harga, MSM bertindak melindung nilai dengan strategik semua jualan secara menyeluruh dengan kos gula mentah semasa. Tambahan lagi, elemen kos yang optimum dikenal pasti bagi memaksimumkan margin aktiviti dagangan gula bertapis.

Menjelang akhir tahun 2017, Kesatuan Eropah (EU) memasuki semula pasaran dengan memansuhkan sistem kuota pengeluaran gula, membolehkan pesaing-pesaing EU meningkatkan bekalan stok gula ke pasaran dan eksport di peringkat antarabangsa. Perkara ini telah dikenal pasti sebagai satu lagi bidang utama yang menjadi perhatian dan MSM telah mengenal pasti strategi tertumpu untuk menghadapi perkembangan ini. Pasaran baru di wilayah MENA (pembeli terbesar gula dari pasaran EU) telah dikenal pasti dengan potensi untuk menawarkan harga yang kompetitif dan gula berkualiti tinggi berbanding kos produk penapisan EU.

Bagi memastikan produk gula kami berkualiti tinggi, kami terus berhati-hati dalam memilih pembekal gula mentah kami bagi memastikan kompromi yang minimum dalam kualiti hasil produk kami. Faktor-faktor lain yang diambil kira termasuklah memantau perubahan warna dan polarisasi yang disebabkan oleh perubahan musim atau keadaan tuaian, serta kos Pengangkutan Gula Mentah dan Premium Negara yang menyumbang kepada 8% jumlah kos gula mentah.

MEMASTIKAN PERTUMBUHAN BERTERUSAN

Sumber gula mentah MSM adalah 100% didagangkan dalam mata wang USD. Oleh itu, harga gula mentah antarabangsa dan kadar tukaran asing akan memberi kesan kepada kedudukan kewangan kami.

Menyedari hal ini, kami lebih menggunakan kaedah penghindaran risiko dalam sumber dan pembelian gula mentah yang membabitkan pemantauan berterusan strategi penentuan harga, mengurangkan risiko dagangan dan mengetatkan dasar dagangan.

Bagi inisiatif eksport, kami telah memulakan aktiviti perdagangan gula, dengan memberi tumpuan utama kepada pasaran MENA serta destinasi lain dengan margin jualan yang ditingkatkan. Persediaan asas bagi masuki pasaran premium baharu telah dilakukan bagi menyokong kapсти kilang penapisan Johor apabila ia mula beroperasi.

MENCAPAI KECEMERLANGAN OPERASI

Pada 2017, kami mencapai kecemerlangan operasi dalam segmen ini dengan menjalankan lindung nilai secara cekap kos dan menurut jualan yang dijana bagi mengelakkan kontrak yang menanggung kerugian. Trend harga gula mentah harian dipantau dengan berhati-hati untuk meminimakan kehilangan peluang untuk memastikan pembelian gula mentah dengan harga yang kompetitif. Matlamatnya adalah untuk mendapatkan harga yang lebih baik daripada purata harga tahunan di NY#11.



Sorotan Utama 2017	Prioriti Utama 2018
Mengekalkan Kepimpinan Pasaran	
<ul style="list-style-type: none"> Mengoptimumkan belian gula mentah menerusi lindung nilai strategik, menubuhkan dana lindung nilai/hubungan syarikat dagangan antarabangsa dan memantau pasaran Mengenalpasti elemen untuk margin yang lebih baik dalam aktiviti perdagangan gula 	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan mekanisme lindung nilai bagi mengurangkan kos belian gula mentah Eksport gula disasarkan secara terus ke pasaran premium negara seperti Australia, New Zealand, Pakistan, China, dsb; dan mengukuhkan kedudukan kami di rantau Asia Tenggara (SEA) Mempelbagaikan sumber pendapatan kami
Memastikan Pertumbuhan Berterusan	
<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan langkah kewangan berhemat agar kekal mempunyai kelebihan pasaran dan mengurangkan pendedahan ketidaktentuan pasaran Memastikan kedudukan di wilayah MENA untuk mengembangkan pemasaran gula 	<ul style="list-style-type: none"> Menguruskan risiko harga dan memantau dengan teliti kedudukan komoditi terbuka Melaksanakan lindung nilai berstruktur dan berkala bagi mengurangkan impak ketidaktentuan tukaran asing
Mencapai Kecemerlangan Operasi	
<ul style="list-style-type: none"> Menilai risiko lindung nilai secara proaktif dan memastikan perlindungan dari sebarang pendedahan Proses membuat keputusan operasi dan strategik diperkuuhkan menerusi komunikasi telus dan meningkatkan kesedaran risiko 	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan rangka kerja yang kukuh dan mekanisme tadbir urus bagi perlindungan yang mencukupi terhadap ketidaktentuan pasaran Mengkaji kedudukan dan had dagangan secara berterusan untuk menguruskan keseluruhan pendedahan risiko

► ULASAN PERNIAGAAN
PERBINCANGAN & ANALISIS PENGURUSAN

PENAPISAN GULA MENTAH

ULASAN 2017

MENGEKALKAN KEPIMPINAN PASARAN

Sebagai sebuah syarikat penapisan gula terkemuka di Malaysia sejak 1959, jenama ikonik MSM 'Gula Prai' merupakan pilihan paling popular dalam kalangan pengguna. Hal ini membuktikan nilai jenama kami menjadi pilihan dari generasi ke generasi rakyat Malaysia, sesuai dengan slogannya "Jenama Jualan No. 1 di Malaysia"

Teras perniagaan kami melibatkan penapisan gula mentah kepada gula putih bertapis, gula perang, gula kastor dan gula aising yang diberi pengesahan gred makanan berkualiti. Molases yang terhasil sebagai produk sampingan daripada proses penapisan gula ini turut dipasarkan.

MSM membekal 58% gula bertapis Malaysia untuk pengguna manakala hampir 14% pengeluarannya dieksport di peringkat antarabangsa. Pada masa ini, kami mempunyai dua buah kilang penapisan yang terletak di Pulau Pinang dan Perlis. Pada tahun 2017, kilang-kilang ini menghasilkan 1,024,931 tan gula bertapis, dan terus memenuhi peranannya sebagai pembekal utama kepada sebilangan besar pengguna serta industri perkilangan makanan dan minuman.

Sekiranya tiada halangan, pada tahun 2018 kami bersedia untuk memulakan operasi kilang penapisan gula terbesar di Malaysia, yang terletak di Johor dan membolehkan pengembangan kapasiti untuk memastikan masa depan yang lebih cerah sebagai pembekal gula bertapis rantau ini.

MEMASTIKAN PERTUMBUHAN BERTERUSAN

Hal yang penting bagi membolehkan strategi pandang hadapan MSM adalah mengembangkan kapasiti pengeluarannya menerusi pembukaan kilang penapisan di Johor. Sepanjang tempoh pembinaan, MSM telah mengekalkan proses tender dan perolehan rapi yang menekankan komitmen kepada budaya tadbir urus yang kukuh. Kami juga menyelenggara jadual pembinaan yang bertumpu agar projek dapat disiapkan pada masa yang ditetapkan.



Jentolak memindahkan gula mentah di gudang penyimpanan.

SASARAN
KAPASITI
PENGUNAAN
2017

87 %

MENCAPAI

89.75%

SASARAN
PENJIMATAN
KOS 2017

RM7
juta

MENCAPAI

RM15
juta

Pada Disember 2017, projek tersebut berjalan mengikut jadual dan siap sebanyak 84%. Sekiranya tiada halangan, operasinya akan bermula pada separuh pertama tahun 2018. Mendahului penyiapan projek, strategi telah diatur untuk mengembangkan jualan pasaran domestik dan eksport kami. Setelah kilang penapisan Johor siap, MSM akan menjadi kilang penapisan gula kendiri terbesar di Asia dengan kapasiti 2.25 juta tan setahun.

MENCAPAI KECEMERLANGAN OPERASI

Perniagaan penapisan merupakan bidang teras kami yang menyumbang kepada pertumbuhan perniagaan dan operasi yang mampan. Kecemerlangan operasi kami terus maju dari tahun ke tahun memandangkan elemen utama dalam amalan terbaik dihubungkan dengan cara tertentu bagi menguruskan proses aliran kerja operasi, meminimumkan kebolehubahan dalam operasi kami dan mengoptimumkan penggunaan tenaga kerja.

Kilang-kilang kami mencapai sehingga 1,075,234 tan pencairan gula mentah pada 2017 dengan peningkatan kadar kapasiti penggunaan sehingga 89.75% melebihi penanda aras KPI. Ini disebabkan kurangnya waktu penutupan dan penghentian operasi kilang. Kos penapisan berjaya diurus secara berhemat disebabkan kos pembaikan dan penyenggaraan yang lebih rendah, penambahbaikan penggunaan aset, pengurangan aktiviti penyumberan luar, kos pembungkusan lebih rendah serta pengurangan kos tenaga buruh.

► ULASAN PERNIAGAAN

PERBINCANGAN & ANALISIS PENGURUSAN

Asas operasi penapisan kami juga bersetujuan dengan inisiatif jimat tenaga yang membawa kepada penggunaan tenaga yang mampar, antaranya mengurangkan penggunaan wap yang turut mengurangkan jejak karbon. Bukti lalu menunjukkan ini merupakan asas kepada peningkatan operasi mampar yang boleh dicapai pada masa hadapan.

Inisiatif penjimatan kos diutamakan bagi mengekalkan kos penapisan di bawah kawalan dan mengurangkan tekanan daripada cabaran luar. Keseluruhannya, RM15 juta penjimatan kos berjaya dicapai, hasil pengurusan operasi yang cekap dan kos penyenggaraan kilang. Jangkaan pengguna terhadap sasaran pengeluaran berjaya dipenuhi bagi tahun 2017.

MENINGKATKAN SUMBER MANUSIA

Pada 2017 terdapat beberapa isu berkenaan pembungkusan 1kg dibangkitkan oleh pelanggan kami. Sebagai tindakan, kami telah mengumpulkan maklum balas dan mengambil langkah khusus bagi membendung isu ini serta mengurangkan jumlah rungutan pelanggan di masa hadapan. Perbincangan terbuka dan usaha sama antara kakitangan kami dan pelanggan kerap dilakukan, bagi mempertimbangkan maklum balas dan cadangan mereka kepada penambahbaikan perkhidmatan.

Sebagai persediaan pembukaan kilang penapisan Johor, pasukan teknikal dan operasi kami yang berpengalaman telah membantu kakitangan kilang penapisan Johor dari segi pemindahan pengetahuan serta latihan semasa kerja di kilang penapisan sedia ada. Tambahan lagi, kami telah memperkenalkan inisiatif Graduan Pelatih Pengurusan (GMT), program pembangunan bakat untuk pelatih yang bertumpu kepada aspek teknikal dalam industri. Ini adalah perlu memandangkan bakat tempatan dalam bidang ini adalah kurang. Pemindahan pengetahuan memastikan tahap kecemerlangan pengeluaran yang konsisten dan piawai operasi dikekalkan di semua kilang penapisan kami.

Sorotan Utama 2017	Prioriti Utama 2018
Mengekalkan Kepimpinan Pasaran	
<ul style="list-style-type: none"> • Membekalkan 58% keperluan gula Malaysia • Hampir 14% pengeluaran gula di eksport ke peringkat antarabangsa • Jumlah pengeluaran sebanyak 1,024,931 tan 	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan saiz pertumbuhan untuk mendapatkan margin yang lebih baik • Bergantung kepada kemampuan kilang penapisan Johor bagi meningkatkan perdagangan eksport • Beroperasi secara mampar dan boleh ukur
Memastikan Pertumbuhan Berterusan	
<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan kapasiti pengeluaran MSM tambahan satu juta tan setahun • Sasaran penyiapan pada separuh tahun pertama 2018 	<ul style="list-style-type: none"> • Membangunkan saluran pendapatan, tambahan, khasnya untuk MSM Johor • Mengukuhkan penembusan pasaran domestik • Meneroka peluang membuat perjanjian gula dengan rakan kongsi strategik
Mencapai Kecemerlangan Operasi	
<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan pencairan gula mentah kepada 1,075,234 tan dan kadar kapasiti penggunaan kepada 89.75%, melebihi penanda aras KPI • Melabur dalam inisiatif jimat tenaga untuk operasi yang mampar • Inisiatif penjimatan kos berjumlah sehingga RM15 juta 	<ul style="list-style-type: none"> • Program pengurangan kos berterusan untuk menjadi pengeluar kos rendah • Melaksanakan perancangan kapasiti terhadap permintaan pertumbuhan • Penggantian dan peningkatan peralatan dan jentera kritikal dan bukan kritikal
Meningkatkan Sumber Manusia	
<ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan inisiatif GMT, program pembangunan bakat yang bertumpu pada teras kecekapan • Pemindahan pengetahuan dan latihan semasa kerja melalui peningkatan teras kecekapan menerusi pinjaman antara syarikat dan tugasan 	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan tenaga kerja kekal kompetitif dan setara dengan pertumbuhan industri • Mengekalkan dan meningkatkan kecemerlangan pengeluaran dan standard operasi • Meneruskan inisiatif GMT bagi memastikan kumpulan bakat yang mencukupi dalam bidang kemahiran kritikal

► ULASAN PERNIAGAAN
PERBINCANGAN & ANALISIS PENGURUSAN

PENGURUSAN RANTAIAN BEKALAN & PENGAGIHAN

ULASAN 2017

MENGEKALKAN KEPIMPINAN PASARAN

Inisiatif sepanjang tahun tersebut adalah memanfaatkan inovasi untuk meningkatkan aktiviti pengeluaran gula mentah kami dari kapal. Kami memperkenalkan penggunaan pengaut kalis bocor baharu yang inovatif, mengurangkan kerugian gula pada aktiviti pengeluaran gula mentah dari kapal. Hasilnya, kadar kerugian gula kami telah jatuh mendadak daripada 2% pada 2016 kepada hanya 0.03% pada 2017. Pengaut kalis bocor yang baharu mengelakkan pencemaran semasa pengeluaran gula mentah dari kapal daripada terdedah kepada kelembapan air laut. Penggunaan inovasi mengekalkan kualiti polarisasi kami antara 98% dan 99.3%, memastikan kepimpinan kami dalam industri sebagai pengilang gula berkualiti tinggi.

MEMASTIKAN PERTUMBUHAN BERTERUSAN

Singapura merupakan pasaran eksport terbesar kami pada tahun 2017. Menariknya, ia juga mempunyai penggunaan gula tertinggi di rantau Asia iaitu 65kg per kapita. Sebagai pasaran eksport utama kami di rantau ini, kami memainkan peranan penting bagi memastikan keseluruhan proses rantaian bekalan dan pengurusan kekal berkesan. Selain daripada dapat mengukuhkan kedudukan kami dalam negara, prospek perniagaan ini juga membolehkan kami memperoleh peluang yang serupa di tempat lain.

Bagi menambah baik perancangan dan proses pengagihan, kami memperkenalkan amalan pemisahan dan pemecahan segmen pasaran untuk tambahan pesanan yang lebih lancar dan pengiraan stok yang optimum untuk tempoh pemulihian yang pantas.

Pada 2017, kami menjalani amalan penting bertujuan untuk mengurangkan kos pembungkusan sambil meningkatkan kapasiti kami. Aktiviti penyumberan luar untuk kemudahan pembungkusan kepada pengilang bersama ditamatkan bagi memastikan penggunaan sepenuhnya aset persendirian syarikat. Keputusan untuk memansuhkan caj pengilang bersama menjadikannya langkah perniagaan yang berhemat sebagai sebahagian amalan pengoptimuman kos kami.

MENCAPAI KECEMERLANGAN OPERASI

Sebagai sebahagian program peningkatan penggunaan aset kami, kami mengkaji semula laluan pasaran dan pengagihan kami dan mula menjalankan laluan penghantaran terus tanpa menghantar stok gula kepada pusat pengagihan yang dilantik untuk pengagihan semula kepada pelanggan.

Amalan ini membolehkan stok di pusat pengagihan MSM untuk diagihkan dengan lebih berkesan tanpa menggunakan pendekatan silang untuk pengagihan barang seperti dahulu. Selain mengurangkan kos pengagihan, ia memastikan pelanggan menerima pesanan mereka tepat pada masa, dengan kadar kualiti yang rosak berkurangan.

Bagi memastikan perancangan permintaan dan penawaran yang berkesan untuk mengoptimumkan bahagian pengeluaran, pengimbangan stok dijalankan secara tetap untuk mendapatkan faedah seperti mengurangkan stok pengeluaran yang tiada permintaan. Tahap perkhidmatan stok yang boleh diterima diwujudkan, di mana margin minimum dan maksimum dipantau bagi memastikan kami tidak terlebih atau kekurangan stok.

Keberkesanan operasi untuk proses bukan teras adalah melalui penyumberan luar. Pendekatan kami terhadap penyumberan luar bertumpu kepada set kemahiran yang tiada dalam bidang kepakaran MSM, ditambah dengan kos faktor. Contohnya, servis trak yang tidak tentu secara semulajadi, kerana harga diesel dan kerosakan bahagian trak. Keadaan kos yang tidak menentu ini akan menyebabkan kos pengagihan menjadi pelbagai, lalu memberi kesan kepada kedudukan kewangan kami. Oleh itu, lebih cermat dari segi perniagaan untuk melakukan penyumberan luar.

MENINGKATKAN SUMBER MANUSIA

Cara utama sumber manusia boleh menyumbang kepada rangkaian pembekalan dan pengagihan yang berkesan adalah dengan meningkatkan sinergi merentasi rantaian nilai. Oleh itu, kepentingan memastikan kerjasama kumpulan yang lebih baik antara unit pengagihan, gudang dan logistik adalah kritikal.

Pada 2017, kami memperkenalkan kajian terhadap KPI Rantaian Bekalan harian, mingguan dan bulanan secara tetap dan berkala dalam perancangan operasi harian kami dan mengenal pasti hasil operasi.

Hal ini telah menjana ketelusan yang lebih baik dan proses perancangan yang lebih mantap dengan menggabungkan pembuatan keputusan yang proaktif sambil merujuk laporan tindak balas daripada hasil yang disampaikan. Menerusi platform serupa yang merentasi rantaian nilai, kami berjaya mencapai cabaran operasi, hasil dan prospektif dari pasukan yang berbeza dalam rantaian nilai kami sekali gus menggalakkan kerja berpasukan dalam bentuk mengenal pasti tindakan untuk mengurangkan atau mengelak daripada kesilapan tidak dijangka.

Sorotan Utama 2017

Mengekalkan Kepimpinan Pasaran

- Menambah baik amalan dan piawaian untuk memastikan kepuasan pelanggan
- Membangunkan penyelesaian kepada isu kompleks di samping mengekalkan kualiti produk

Memastikan Pertumbuhan Berterusan

- Mengoptimumkan kos dan masa pengagihan
- Mengkaji aktiviti penyumberan luar sebagai sebahagian daripada amalan pengoptimuman kos

Mencapai Kecemerlangan Operasi

- Pengoptimuman gudang MSM dengan perancangan permintaan dan penawaran yang berkesan
- Menyingkirkan keperluan luar untuk enam gudang gula mentah

Meningkatkan Sumber Manusia

- Memperkenalkan kajian terhadap KPI Rantaian Bekalan harian, mingguan dan bulanan secara tetap dan berkala dalam perancangan operasi harian dan mengenal pasti hasil operasi

► **ULASAN PERNIAGAAN**
PERBINCANGAN & ANALISIS PENGURUSAN



Prioriti Utama 2018

- Mengoptimumkan proses rantaian bekalan sambil mengekalkan kualiti produk
- Berinovasi bagi membolehkan pertumbuhan dan menyokong permintaan logistik pelanggan

- Bergantung kepada kekuatan dan aset semasa syarikat induk, FGV, bagi mengoptimumkan penghantaran trak gula bertapis menerusi aktiviti perkongsian kos, menambah baik pemunggahan dan pengurangan kitaran jualan mingguan yang dapat mengurangkan jejak karbon
- Menyediakan kaedah penghantaran terus kepada pelanggan di Singapura dengan trak dan kapal yang mengurangkan kos logistik dan membolehkan tempoh penghantaran yang lebih cepat
- Mengekalkan amalan pengoptimuman ke seluruh rangkaian rantaian bekalan

- Menubuhkan amalan rantaian bekalan yang kukuh setelah nilai asas rantaian bekalan ditubuhkan dalam aliran nilai
- Memastikan tempoh penghantaran memenuhi spesifikasi pelanggan

- Menjalankan kajian bulanan dan suku tahunan terhadap KPI Rantaian Bekalan berdasarkan fungsi kakitangan bagi menilai jurang, merangka keperluan latihan kakitangan dan mengenal pelaburan yang perlu kepada sumber tambahan
- Melaksanakan amalan rantaian bekalan yang mampan



► ULASAN PERNIAGAAN
PERBINCANGAN & ANALISIS PENGURUSAN

JUALAN DAN PEMASARAN

ULASAN 2017

MENGEKALKAN KEPIMPINAN PASARAN

Meskipun pelbagai cabaran dihadapi kerana import dan penghantaran gula luar ke Malaysia, objektif MSM kekal jelas untuk memastikan bekalan gula yang mencukupi, meningkatkan jualan, keseluruhan dan meningkat purata harga jualan bagi menghadapi kenaikan harga gula mentah antarabangsa.

Dalam usaha untuk mengekalkan kedudukan sebagai peneraju pasaran, MSM telah bekerjasama dengan Kerajaan dalam memulihkan dasar sebelum ini berkaitan AP untuk gula import. Pada Mac 2016, kesemua pengeluaran permit kepada 65 pengguna perindustrian di Malaysia telah dibatalkan oleh Kerajaan. Tindakan ini dipuji oleh industri gula tempatan memandangkan jumlah pelaburan yang besar telah dibuat.

Walau bagaimanapun, tindakan ini tidak dapat dikekalkan untuk tempoh yang cukup lama untuk menjana faedah yang ketara kepada industri gula. Pada 2017, Kerajaan sekali lagi mengeluarkan beberapa permit import baharu. Bagi mengatasinya, MSM secara berterusan berhubung dengan pihak berkuasa Kerajaan yang berkaitan untuk bersama-sama mendapatkan penyelesaian jangka panjang yang mampan kepada itu tersebut.

MSM terus memperoleh asas baharu sebanyak 58% dalam syer pasaran domestik menerusi usaha jualan dan pemasaran yang agresif, serta pengenalan produk baharu, gula organik MSM. Barisan gula organik baharu dikeluarkan sebagai tindak balas kepada trend semasa dan permintaan pelanggan terhadap gula yang lebih sihat, disebabkan oleh peningkatan kesedaran kesihatan di kalangan pengguna.

MEMASTIKAN PERTUMBUHAN BERTERUSAN

Sejak dari mula, kami telah mengambil langkah besar ke hadapan melalui penambahbaikan yang berjaya dalam strategi pertumbuhan jualan dan pemasaran kami. Kami berterima kasih kepada Kerajaan kerana menaikkan harga siling gula kepada 11 sen/kg bagi mengimbangi cabaran pasaran domestik. Kami terus bekerjasama dengan agensi Kerajaan yang berkaitan dan pengawal selia

untuk memberi bimbingan mengenai trend industri, pembentukan dasar dan struktur harga bagi industri gula Malaysia.

Pembangunan positif lain adalah tumpuan kami kepada penglibatan yang mampan dengan pelanggan utama kami, dalam usaha untuk memahami keperluan dan memberi khidmat yang lebih baik. Hasil penglibatan kami menyumbang kepada keluk pembelajaran terhadap keperluan segmen pasaran kami, memberikan dasar untuk kami mengekalkan pertumbuhan berterusan dalam jangka panjang.

Pada penghujung 2017, MSM kelihatan berada di posisi yang baik untuk memudahkan tekanan terhadap margin operasinya, meskipun ia mungkin bergantung kepada harga gula antarabangsa untuk kekal rendah dan stabil.

MENCAPAI KECEMERLANGAN OPERASI

Komposisi permintaan pasaran untuk 2017 memihak kepada segmen borong, yang membawa kepada jumlah 48% keseluruhan jualan berbanding segmen industri sebanyak 38%, manakala keupayaan eksport kami kekal sebagai bidang untuk penerokaan dan penambahbaikan selanjutnya.

Dalam keseluruhan tahun, jumlah jualan domestik berjumlah 858,400 tan. Pertumbuhan dibantutkan oleh import gula secara haram yang berterusan serta pengeluaran AP kepada syarikat terpilih. Bagi merangsang semula jualan pasaran domestik, kajian pelanggan menyeluruh dijalankan untuk memahami sepenuhnya pilihan dan keperluan pelanggan. Hal ini membawa kepada pengenalan produk baru dan penambahbaikan terhadap saiz bungkus bagi menambah pilihan pembelian pelanggan.

Pembangunan positif lain adalah penambahbaikan berterusan proses kutipan hutang kami bagi menambah margin operasi dan menjana aliran tunai yang positif. Bagi membolehkan lagi kestabilan pasaran, strategi kami adalah untuk terlibat dalam industri gula berdasarkan persaingan yang adil dan saksama tanpa memasuki persaingan harga yang tidak sihat.

Sorotan Utama 2017	Prioriti Utama 2018
Mengekalkan Kepimpinan Pasaran	
<ul style="list-style-type: none"> Jualan Borong – 474,580 tan Jualan Industri – 383,820 tan Jualan Eksport – 139,540 tan 	<ul style="list-style-type: none"> Penglibatan proaktif dengan pihak berkuasa Kerajaan untuk mendapatkan penyelesaian usaha sama Mengekalkan majoriti syer pasaran dalam pasaran tempatan Fokus kepada mengeratkan hubungan dengan pelanggan dan rakan kongsi
Memastikan Pertumbuhan Berterusan	
<ul style="list-style-type: none"> Menambah baik purata harga jualan keseluruhan sebanyak 11.16% Analisis pecahan segmen untuk menambah baik khidmat pelanggan 	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan model jualan untuk mengekalkan dan mendapatkan pasaran baru Pembangunan produk yang inovatif Usaha sama dengan rakan kongsi strategik untuk meningkatkan prestasi jualan dan keuntungan
Mencapai Kecemerlangan Operasi	
<ul style="list-style-type: none"> Jumlah jualan domestik mencapai hingga 858,400 tan Menjalankan pemprofilan, analisis, pencarian data dan maklumat pelanggan Menjalankan strategi pembezaan pelanggan 	<ul style="list-style-type: none"> Menumpukan kepada inisiatif kesedaran pengguna, pendidikan dan promosi produk Manfaatkan peluang jualan dengan margin lebih tinggi Pecahan segmen jualan untuk meningkatkan jumlah

► **ULASAN PERNIAGAAN**
PERBINCANGAN & ANALISIS PENGURUSAN

PERLADANGAN



Panorama ladang mangga kami.

ULASAN 2017

MENGEKALKAN KEPIMPINAN PASARAN

Peralihan fokus MSM daripada legasi perladangan tebu kepada penanaman getah, kelapa sawit dan mangga sebagai tanaman tambahan sedang dilaksanakan dalam fasa berperingkat. Peralihan strategi dijalankan untuk bergantung kepada getah yang merupakan komoditi yang stabil dan kukuh, lantas mempunyai potensi untuk menghasilkan nilai mampan jangka panjang kepada pihak berkepentingan kami.

Dalam segmen perladangan, MSM telah menerapkan prinsip kemampanan dalam operasi dan pengurusannya menerusi Dasar Kemampanan Kumpulan. Selaras dengan dasar tersebut, MSM menggunakan Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP) untuk projek mangga dan berjaya memperoleh sijil skim menurut Piawaian Malaysia MS1784:2005 yang dilancarkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

**MENCAPAI
PENSIJILAN
PIAWAIAN
MALAYSIA
MS1784:2005
BAGI MANGGA
DITANAM
DIBAWAH
UNDER MyGAP**

**SASARAN
PENGURANGAN
KOS BAJA 2017**

5 %

TERCAPAI

15 %

MyGAP adalah amalan pertanian yang menekankan aspek alam sekitar, ekonomi dan sosial bagi memastikan keluaran adalah selamat dan berkualiti. Penggunaan bahan kimia tani adalah dikurangkan di bawah MyGAP yang memastikan keluaran mangga berkualiti tinggi dan selamat dimakan. Pengurangan penggunaan bahan kimia tani juga meminimumkan pencemaran alam, lantas memastikan kesihatan dan keselamatan pekerja perladangan kami.

MEMASTIKAN PERTUMBUHAN BERTERUSAN

Amalan prosedur penorehan dan pengumpulan getah yang baik amat penting bagi mendapatkan hasil maksimum. Faktor utama lain ialah kebersihan bagi memastikan bahan mentah bersih dan hasil produk yang berkualiti tinggi. Bagi memacu hasil dengan membina kapasiti pekerja perladangan kami, kami menubuhkan sekolah penorehan getah dalam menyediakan program latihan dalaman yang komprehensif dengan kemahiran dan teknik moden berkesan bagi penorehan getah.

Jurulatih program kami adalah dari syarikat induk kami, Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV), dengan pengalaman industri yang luas untuk dikongsikan dengan kakitangan kami. Pada akhir program latihan, kakitangan terlatih perlu menjalani ujian yang menilai kecekapan mereka, masa diambil serta kualiti panel penorehan sebelum diperakui sebagai penoreh getah.

► **ULASAN PERNIAGAAN**
PERBINCANGAN & ANALISIS PENGURUSAN

**MENCAPAI KECEMERLANGAN
OPERASI**

Pada tahun 2017, fokus segmen perladangan diarahkan kepada strategi untuk mengoptimumkan penggunaan tanah, pengurusan kos operasi dan menyampaikan nilai mampan jangka panjang bagi mencapai sasaran purata kami untuk 450 pokok bagi setiap hektar, kami telah mengenal pasti penggantian 252,455 benih pokok pada 2017 dan 227,500 lagi disasarkan pada 2018. Sehingga kini 92% benih pokok pada 2017 telah berjaya digantikan.

Pasukan penanaman kami sangat mengambil berat kepada pertumbuhan benih pokok tanaman getah muda dan kadar kematian, memandangkan getah muda amat bergantung kepada air dan sensitif dengan keadaan cuaca yang melampau. Bagi menggantikan benih pokok dan pokok yang mati, kami telah memperuntukkan bajet tahunan untuk penggantian getah. Tuaihan tambahan mangga pula berjaya ditanam sebanyak 7.4 hektar, peningkatan ketara berbanding tahun sebelumnya.

Pengurangan kos yang ketara pada pembangunan perladangan dan kos pembajaan juga telah dicapai. Kami berjaya berunding dengan pembekal untuk kadar yang kompetitif serta pembelian baja secara pukal. Ini menghasilkan pengurangan kos baja sebanyak 15% berbanding bajet yang diperuntukkan. Penambahbaikan kaedah kawalan rumput secara mekanikal dengan pemotongan rumput, pembajakan dan penyikatan tanpa bahan kimia telah mengurangkan kos operasi dengan ketara.

MENINGKATKAN SUMBER MANUSIA

Memandangkan segmen perladangan kami masih pada tahap permulaan dalam pembangunan perniagaan, peningkatan kapasiti dan kemahiran modal sumber manusia kami menunjukkan keupayaan strategik dalam membangunkan budaya berprestasi tinggi yang boleh menghasilkan keuntungan jangka panjang dalam segmen ini.

Sorotan Utama 2017	Prioriti Utama 2018
Mengekalkan Kepimpinan Pasaran	
<ul style="list-style-type: none"> Mengoptimumkan penggunaan tanah terutamanya untuk penanaman getah, mangga dan tanaman tambahan Menitikberatkan kesihatan dan keselamatan pekerja dengan mengurangkan penggunaan bahan kimia tani Mencapai pensijilan Piawaian Malaysia MS1784:2005 untuk mangga yang ditanam dibawah MyGAP 	<ul style="list-style-type: none"> Mencadangkan usul nilai jangka panjang dari segi pertumbuhan perladangan yang mampan Pengoptimuman strategik dalam penggunaan tanah untuk penanaman lain dengan pertumbuhan hasil sederhana dan jangka panjang
Memastikan Pertumbuhan Berterusan	
<ul style="list-style-type: none"> Melaksanakan amalan pembangunan dan pembajaan bahan kimia tani yang baik untuk memperoleh hasil maksimum dan berkualiti tinggi Menyediakan sijil program latihan dalaman 	<ul style="list-style-type: none"> Menguruskan kos pembangunan dan pembajaan Terus menyampaikan nilai mampan jangka panjang kepada pihak berkepentingan
Mencapai Kecemerlangan Operasi	
<ul style="list-style-type: none"> 92% daripada 252,445 benih pokok digantikan di bawah Program Penggantian Benih Pokok 7.4 hektar tuaian mangga ditanam Kos pembajaan berkurang sebanyak 15% 	<ul style="list-style-type: none"> Memastikan hasil dituai pada tahap optimum Meningkatkan piawaian prosedur operasi membabitkan proses pengekstrakan hasil
Meningkatkan Sumber Manusia	
<ul style="list-style-type: none"> 100% kadar kehadiran bagi bengkel Latihan Penajaran Nilai dalam program penerapan nilai Kumpulan yang dijalankan untuk kakitangan perladangan Latihan lapangan semasa kerja menghasilkan kadar pengekalan kakitangan yang lebih baik Menghasilkan 14 graduan daripada Program Sekolah Penorehan Getah 	<ul style="list-style-type: none"> Terus menyasarkan program latihan dalaman kepada kakitangan perladangan bagi menambah maklumat dan nilai organisasi mereka Penglibatan bersama penasihat perladangan berkecuali untuk latihan dan maklumat teknikal berkenaan amalan agronomi berkaitan getah, kelapa sawit dan penanaman mangga

► ULASAN PERNIAGAAN
PERBINCANGAN & ANALISIS PENGURUSAN

SUMBER MANUSIA

Meningkatkan Sumber Manusia	
Hala Tuju Strategik	Inisiatif Kumpulan Pada 2017
Meningkatkan Teras Kecekapan untuk Bertindak dan Penyesuaian kepada Dinamik Pasaran Berubah-Ubah	<ul style="list-style-type: none"> Pada fasa permulaannya, lebih 90% kakitangan telah menyertai program penerapan nilai kami bagi mengukuhkan semangat kekitaan dan keakraban dalam MSM. Mempercepatkan keluk pembelajaran dengan menyediakan program latihan khusus yang sesuai sama ada untuk kakitangan baharu, pembangunan peluang dan pertumbuhan kerjaya bagi kakitangan sedia ada. Pengenalan inisiatif GMT, program pembangunan bakat yang menumpukan kepada peningkatan teras kecekapan Pemindahan pengetahuan dan latihan semasa kerja menerusi program pinjaman antara subsidiari dan tugas kerja.
Inisiatif Pengambilan Kerja Dalaman bagi MSM Johor	Program Mobilisasi Kakitangan
Program Pembangunan & Perolehan Bakat	<p>21 pelatih daripada program GMT dalam bidang-bidang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Teknologi Maklumat Pemprosesan Elektrikal Peralatan Mekanikal Jaminan Kualiti
Latihan & Pembangunan	<ul style="list-style-type: none"> Minimum lapan jam latihan semasa kerja bagi setiap kakitangan untuk kemahiran mandatori. Menyediakan latihan semasa kerja menerusi program pinjaman antara subsidiari dan tugas kerja.
Sistem Pengurusan Prestasi (Kad Skor Seimbang)	Terpakai kepada semua kakitangan eksekutif.
Keutamaan 2018	<ul style="list-style-type: none"> Meneruskan inisiatif GMT bagi memastikan kumpulan bakat yang mencukupi dalam bidang kemahiran kritis kami. Menumpukan kepada inisiatif latihan dan pembangunan dengan kurikulum mandatori dan elektif untuk mengukuhkan teras kecekapan. Menyemai budaya berprestasi tinggi yang fokus kepada tanggungjawab dan kebertanggungjawaban dalam mencapai objektif perniagaan.

PETUNJUK PRESTASI & KEPUTUSAN UTAMA 2017

SUMBER DAN PEROLEHAN GULA MENTAH			
PEROLEHAN GULA MENTAH	DAGANGAN FIZIKAL GULA PUTIH	DAGANGAN GULA PUTIH PIHAK KETIGA	DAGANGAN KERTAS (USD)
KPI 2017 964,000 Tan	KPI 2017 144,000 Tan	KPI 2017 10,000 Tan	KPI 2017 1.02 Juta
Pencapaian 2017 967,842 Tan	Pencapaian 2017 132,270 Tan	Pencapaian 2017 7,270 Tan	Pencapaian 2017 1.29 Juta

PENAPISAN GULA MENTAH				
MSM Prai				
JUMLAH PENGELUARAN	KAPASITI PENGUNAAN	INISIATIF PENJIMMATAN KOS (RM)	GULA MENTAH DICAIRKAN	KADAR ADUAN PELANGGAN
KPI 2017 900,000 Tan	KPI 2017 94.2%	KPI 2017 5 Juta	KPI 2017 932,642 Tan	KPI 2017 0.02%
Pencapaian 2017 855,064 Tan	Pencapaian 2017 89.5%	Pencapaian 2017 15 Juta	Pencapaian 2017 886,536 Tan	Pencapaian 2017 0.04%
MSM Perlis				
JUMLAH PENGELUARAN	KAPASITI PENGUNAAN	INISIATIF PENJIMMATAN KOS (RM)	GULA MENTAH DICAIRKAN	KADAR ADUAN PELANGGAN
KPI 2017 156,000 Tan	KPI 2017 80%	KPI 2017 2 Juta	KPI 2017 163,000 Tan	KPI 2017 0.03%
Pencapaian 2017 169,867 Tan	Pencapaian 2017 90%	Pencapaian 2017 -	Pencapaian 2017 188,698 Tan	Pencapaian 2017 0.0005%

PETUNJUK PRESTASI & KEPUTUSAN UTAMA 2017

KPI Keseluruhan bagi MSM Prai & MSM Perlis

JUMLAH PENGETAHUAN	KAPASITI PENGGUNAAN	INISIATIF PENJIMMATAKAN KOS (RM)	GULA MENTAH DICAIRKAN	KADAR ADUAN PELANGGAN
KPI 2017 1,056,000 Tan	KPI 2017 87% Pencapaian 2017 1,024,931 Tan	KPI 2017 7 Juta Pencapaian 2017 15 Juta	KPI 2017 1,095,642 Tan Pencapaian 2017 1,075,234 Tan	KPI 2017 0.05% Pencapaian 2017 0.04%

PENGURUSAN RANTAIAN BEKALAN DAN PENGAGIHAN

JUALAN DAN PENGAGIHAN (RM)	KETEPATAN MASA	PENGHANTARAN BERASINGAN
KPI 2017 87 Juta Pencapaian 2017 84 Juta	KPI 2017 24 / 48 Jam Pencapaian 2017 24 / 48 Jam	KPI 2017 85% Pencapaian 2017 85%

KETEPATAN REKOD INVENTORI	PEGANGAN STOK
KPI 2017 95% Pencapaian 2017 97%	KPI 2017 7 Hari Pencapaian 2017 8 Hari

PERLADANGAN

PENGGANTIAN GETAH MENGIKUT JADUAL
KPI 2017 95%
Pencapaian 2017 92%

PENGURANGAN KOS BAJA
KPI 2017 5%
Pencapaian 2017 15%

PENGURANGAN KOS PEMBANGUNAN
KPI 2017 5%

Pencapaian 2017
27%

JUALAN DAN PEMASARAN

JUMLAH JUALAN	HASIL (RM)	KUTIPAN HUTANG
KPI 2017 1,074,110 Tan	KPI 2017 2,708,558 Ribu	KPI 2017 45 Hari
Pencapaian 2017 1,023,820 Tan	Pencapaian 2017 2,656,053 Ribu	Pencapaian 2017 35 Hari

MENAMBAH KAWASAN PENANAMAN MANGGA
KPI 2017 10.7 Hektar

Pencapaian 2017
7.4 Hektar

ULASAN KETUA PEGAWAI KEWANGAN

Para Pemegang Saham yang Dihormati

**SAYA AMAT BERBESAR HATI UNTUK
MELAPORKAN ANALISIS PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN INI. LAPORAN INI ADALAH EDISI
KEDUA PENDEKATAN LAPORAN BERSEPADU
DAN ADALAH PENTING BAGI PIHAK KAMI
UNTUK MENGGUNAKAN KAEDAH PELAPORAN
INI BAGI MANFAAT PEMEGANG SAHAM DAN
PIHAK BERKEPENTINGAN KAMI.**



Pada Tahun Kewangan Berakhir 2017 (TK2017), kami telah mengenal pasti lima keutamaan kewangan sebagai asas untuk memacu pertumbuhan kewangan jangka panjang kami secara strategik, iaitu seperti berikut:

**MENGOPTIMUMKAN STRATEGI PEMBIAYAAN DAN
PENGGEARAN NISBAH**

MENGENAL PASTI MEKANISME LINDUNG NILAI STRATEGIK

**PERUNTUKAN MODAL PERBELANJAAN (CAPEX)
PERNIAGAAN BERHEMAT**

MENGEKALKAN BAKI TUNAI YANG SIHAT

**MENGUKUHKAN DASAR RISIKO DAN TADBIR URUS BAGI
MEMASTIKAN BAHWA RANGKA KERJA/ PERJANJIAN
KEWANGAN DAN PERDAGANGAN DIPATUHI, DILINDUNGKI,
DIHADKAN DAN DIFAHAMI SEBAGAI MEKANISME SEMAKAN
DAN IMBANGAN**

SOROTAN KEWANGAN UTAMA 2017

Pada TK2017, tahun yang ditinjau sememangnya mencabar. Pasaran gula global dan ketidaktentuan pasaran tukaran asing telah meningkatkan kesan buruk terhadap kadar pertumbuhan kami. Malahan, persekitaran makroekonomi global dan serantau telah mempengaruhi aktiviti perdagangan, terutamanya keupayaan untuk melindung nilai pendedahan tukaran asing pada kedudukan yang menguntungkan. Secara umumnya, senario ini tidak bermanfaat kerana 88% daripada kos pengeluaran adalah berdasarkan harga pasaran NY#11 gula mentah (yang didagangkan dalam nilai USD) ditambah pula dengan kebergantungan 100% terhadap import gula mentah - amat mempengaruhi prestasi kewangan tahun semasa.

Memandangkan faktor-faktor pasaran luaran yang tidak dijangka ini, kami menyusun semula keutamaan untuk memperkuuhkan rangka kerja kewangan serta mengekalkan kedudukan sebagai peneraju pasaran. Keputusannya, kami berupaya mencapai inisiatif berikut pada tahun ini:

- Pencapaian hasil sebanyak RM2.66 bilion
- Penjimatan kos operasi berjumlah RM15 juta tanpa menjejaskan kecekapan operasi
- Pengurangan kos pentadbiran dianggarkan sebanyak RM19 juta

Inisiatif-inisiatif ini telah menyumbang secara langsung kepada prestasi kewangan tahun 2017 dan akan memberi keputusan kewangan yang lebih baik pada tahun yang akan datang.

ULASAN KETUA PEGAWAI KEWANGAN



PRESTASI KEWANGAN

MSM mencatat pencapaian hasil tahun ke tahun (YoY) sebanyak RM2.66 bilion. Faktor penyumbang utama adalah peningkatan keseluruhan harga jualan purata sebanyak 11.16% serta diimbangi dengan pengurangan sebanyak 3.5% dalam jumlah tan gula yang dijual pada tahun 2017.

Kerugian Selepas Cukai (LAT) dicatatkan sebanyak RM32.57 juta, dipengaruhi oleh faktor pasaran yang di luar kawalan kami. Ini disebabkan oleh purata harga gula mentah yang lebih tinggi sebanyak 23%.

Menyaksikan pasaran komoditi gula mentah global yang tidak menentu, pendedahan kepada ketidaktentuan harga telah banyak mempengaruhi margin kami.

Secara purata, MSM membelanjakan sekitar USD457 juta untuk pembelian gula mentah setiap tahun. Risiko dagangan di pasaran niaga hadapan mendedahkan kami kepada ketidaktentuan terhadap kadar pertukaran. Apabila kadar US dolar memuncak sebanyak RM4.4290 pada Januari 2017, berbanding kadar purata pasaran sebanyak RM4.1449 pada 2016, ini menjelaskan lagi kedudukan kewangan MSM.

Dengan kebergantungan sepenuhnya terhadap import gula mentah, kedua-dua harga gula mentah dan susut nilai RM menyumbang kepada prestasi yang lebih lemah pada 2017. Perniagaan kami bergantung pada mengoptimumkan margin di antara harga gula mentah dan harga kawalan bagi gula bertapis.

Dari sudut positif, pengeluaran gula bertapis Kumpulan berjumlah 1,024,931 tan di mana 139,540 tan adalah untuk pasaran eksport. Pengeluaran yang amat baik ini adalah disebabkan oleh peningkatan kecekapan operasi. Dalam usaha untuk mengawal kos, kami berjaya melakukan penjimatan kos operasi sebanyak RM15 juta berikutan kecekapan operasi dan peralatan yang lebih baik. Selain itu, pelbagai pengurangan kos am dan pentadbiran sebanyak RM19 juta telah dilaksanakan pada seluruh Kumpulan.

ULASAN KETUA PEGAWAI KEWANGAN

KAD SKOR KEWANGAN

Penyumbang utama kepada perolehan MSM bagi 2017 dibantu oleh kilang penapisan dan pejabat dagangannya. Kad skor kewangan yang dinyatakan di bawah adalah sebahagian daripada rangka tindakan strategik tahun semasa untuk mencapai prestasi kewangan yang mantap.



Kos Pengeluaran

Kos pengeluaran bagi 2017 meningkat sebanyak 7.8% disebabkan oleh kadar pertukaran asing dan harga gula mentah yang lebih tinggi. Kadar penggunaan kapasiti melepas penanda aras sebanyak 2.65% berbanding tahun lalu disebabkan oleh waktu penutupan yang minimum dan pengurangan masa henti. Ini dan juga peningkatan operasi lain telah memberi penjimatan kos operasi berjumlah RM15 juta. Kos purata penapisan bagi setiap tan meningkat sebanyak 9.3% disebabkan oleh kos bahan pembungkusan yang lebih tinggi.



Aset

Hartanah, kilang dan peralatan meningkat sebanyak 53% berikutan pembinaan kilang penapisan MSM Johor yang berjumlah RM712 juta berbanding RM240 juta pada tahun 2016.

Usaha berterusan dan pendekatan yang lebih tertumpu terhadap kutipan hutang telah dimulakan oleh Jawatankuasa Kawalan Kredit sejak tahun 2016. Sebagai hasil daripada pelaksanaan ini, perolehan dagangan menunjukkan peningkatan secara beransur-ansur daripada RM262.4 juta pada tahun 2016 dan bertambah baik kepada RM257.7 juta pada tahun 2017.



Liabiliti

Pembiutang berkurangan sebanyak 58% kepada RM196.97 juta berbanding 2016, terutamanya disebabkan oleh dua penghantaran gula mentah dalam transit pada akhir tahun berkenaan. Oleh itu, tempoh pembiutang telah dipendekkan kepada 13 hari pada 2017 berbanding dengan 38 hari pada 2016.



Sumber Modal

Nisbah penggearan MSM adalah sebanyak 38% pada 2017 berbanding 26% pada tahun lalu, terutamanya disebabkan oleh pinjaman luar yang lebih tinggi pada tahun berkenaan bagi tujuan pembinaan kilang penapisan baharu - MSM Johor. Pinjaman ini juga tertakluk kepada anak-anak syarikat bagi pembinaan yang dinyatakan di atas.



Operasi Perdagangan

Bagi MSM Dubai, ini merupakan tahun kedua beroperasi sepenuhnya. Tugas utamanya adalah untuk mewujudkan kehadirannya di rantau Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA) dan beroperasi sebagai hab dagangan MSM di luar Malaysia. Syarikat tersebut mencatatkan hasil dan keuntungan yang baik bagi tahun ini. Setelah memperoleh pengetahuan pasaran yang mencukupi, syarikat tersebut akan terus menjalankan peranannya sebagai perdagangan pihak ketiga untuk gula putih dengan margin keuntungan yang lebih tinggi dan menyediakan analisis dan maklumat terkini berkenaan pasaran di rantau ini.



ULASAN KETUA PEGAWAI KEWANGAN

MEMASTIKAN PERTUMBUHAN BERTERUSAN

Walaupun menghadapi pelbagai cabaran, MSM menggunakan peruntukan sumber modalnya secara berhemat dan berdisiplin untuk memastikan pertumbuhan dan keuntungan jangka panjang. Pelaburan sebanyak USD259 juta untuk kilang penapisan gula bersepadu terbesar di Tanjung Langsat, Johor akan menyumbang kepada peningkatan kapasiti tambahan sebanyak satu juta tan setahun - sejajar dengan objektif pertumbuhan jangka panjang kami. Pertumbuhan volum akan menjadikan MSM sebagai pengeluar gula global yang diiktiraf melalui kilang penapisan gula bersepadu yang terbesar di Asia.

Oleh kerana pertumbuhan pasaran domestik semasa adalah terhad, kami telah menilai semula tumpuan untuk meningkatkan peluang hasil tambahan dalam pasaran eksport untuk menghasilkan margin yang lebih baik. Pasaran premium dan negara yang tinggi permintaan gula terutamanya di rantau Asia Tenggara (SEA) merupakan pemacu pertumbuhan utama yang disasarkan dengan prospek yang optimis di rantau Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA).

PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN DAN KECAIRAN

MSM akan terus membiayai modal kerja dengan meningkatkan kemudahan perdagangan dan tukaran asing bagi Kumpulan. Ini dianggap sebagai bidang kritikal sebagai persiapan bagi kilang penapisan Johor yang disasarkan siap pada separuh tahun pertama 2018. Di samping itu, ini juga akan membolehkan dan meningkatkan akses yang lebih luas kepada kadar pembiayaan yang lebih kompetitif.

Berhubung dengan kadar lindung nilai tukaran asing, meskipun kadar pertukaran USD/MYR meningkat pada tahun 2017 berbanding tahun sebelumnya, MSM telah menggunakan strategi yang tepat untuk melindung nilai pada setiap suku tahun memandangkan kami berjaya menurunkan kadar tukaran asing kami sepanjang 2017 daripada USD4.45 pada suku pertama hingga USD4.23 pada suku keempat, dengan purata tahunan USD4.36.

KEUTAMAAN KEWANGAN 2018

2018 akan menjadi tahun yang lebih baik untuk MSM. Tumpuan kami adalah untuk mengukuhkan kedudukan kewangan melalui penstrukturkan semula modal dan pelupusan aset bukan teras bagi membolehkan tumpuan yang lebih kepada perniagaan teras dan muncul sebagai organisasi yang lebih padu.

Kami menjangka untuk menghasilkan margin yang lebih baik kerana harga gula mentah telah diperdagangkan antara USD13-15 untuk beberapa lama disebabkan impak hasil yang rendah di negara pengeluar gula telah mula berkurangan. Walaupun kami optimistik bahawa harga gula mentah global akan stabil pada 2018, lantaran itu mengurangkan tekanan pada margin. Kami tidak mengharapkan untuk menyaksikan impak secara serta-merta kerana keutamaannya adalah untuk mengimbangi kerugian yang dialami pada tahun 2017.

Walau bagaimanapun, kami menggunakan fleksibiliti yang lebih besar bagi mekanisme lindung nilai tukaran asing dalam memberikan kelebihan untuk mengurangkan ketidaktentuan pasaran. Dasar lindung nilai telah diperkuatkan untuk mengelakkan sebarang kontrak yang menanggung kerugian dan memperoleh kelebihan daripada harga purata tahunan yang lebih baik di NY#11. Kami akan mengambil pendekatan yang lebih fleksibel dalam lindung nilai tukaran asing dengan melihat keperluan bukan sekadar suku tahunan - di samping kekal berhemat. Selebihnya, pengurangan risiko tukaran asing merupakan satu lagi keutamaan, dalam merancang pelaksanaan invios Ringgit dengan pembekal bagi pembelian gula mentah.

Melangkah ke hadapan, kami akan terus memantau aliran tunai dan keperluan modal kerja bagi membolehkan peringatan diberikan dan tindakan proaktif yang akan diambil bagi memastikan kedudukan kewangan kami kekal teguh.

RAJA FARIDAH RAJA AHMAD

Ketua Pegawai Kewangan



RINGKASAN KEWANGAN 5 TAHUN

	2017 RM'000	2016 RM'000	2015 RM'000	2014 RM'000	2013 RM'000
Hasil	2,656,053	2,658,446	2,307,263	2,281,493	2,202,480
Kos jualan	(2,510,256)	(2,327,896)	(1,818,173)	(1,814,139)	(1,765,592)
Keuntungan kasar lain	145,797	330,550	489,090	467,354	436,888
Lain-lain pendapatan operasi perbelanjaan	8,685	6,500	4,686	6,169	11,270
Jualan dan agihan perbelanjaan	(83,732)	(98,406)	(71,914)	(75,402)	(57,886)
Pentadbiran	(61,122)	(80,081)	(70,734)	(53,122)	(42,738)
Lain-lain perbelanjaan operasi	(7,005)	(5,570)	(5,085)	(5,527)	(252)
Lain-lain (kerugian)/keuntungan – bersih	(1,223)	3,428	25,769	(4,345)	1,501
Keuntungan dari operasi	1,400	156,421	371,812	335,127	348,783
Pendapatan kewangan	5,293	5,511	7,862	12,891	15,017
Kos kewangan	(22,500)	(13,417)	(7,546)	(3,719)	(4,895)
Sebelum zakat dan cukai	(15,807)	148,515	372,128	344,299	385,905
Zakat	-	(2,000)	(5,000)	(4,500)	(17,481)
Cukai	(16,767)	(25,793)	(91,832)	(82,786)	(86,747)
Bagi tahun kewangan	(32,574)	120,722	275,296	257,013	254,677

NISBAH KEWANGAN

	2017	2016	2015	2014	2013
Pulangan ke atas ekuiti pemegang saham	(1.7%)	6.1%	13.5%	13.2%	13.7%
Pulangan ke atas jumlah aset	(1.0%)	3.7%	10.1%	10.2%	11.7%
Nisbah ekuiti hutang	0.8	0.6	0.3	0.3	0.2
Lindungan dividen	(1.2)	0.7	1.5	1.5	1.7
Jumlah aset (RM'000)	3,408,549	3,225,428	2,722,405	2,518,203	2,171,131
Aset bersih sesaham	2.75	2.83	2.90	2.77	2.64
(Rugi)/Perolehan sesaham (sen)	(4.63)	17.17	39.16	36.56	36.23



PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN



2017	
Jenis Aset	Jumlah RM'000
Hartanah, Loji & Peralatan	1,457,282
Lain – lain Aset	76,752
Aset Tidak Ketara	644,572
Belum Terima	341,371
Inventori	718,045
Tunai dan Setara Tunai	170,527

2016	
Jenis Aset	Jumlah RM'000
Hartanah, Loji & Peralatan	950,408
Lain – lain Aset	51,064
Aset Tidak Ketara	646,704
Belum Terima	350,392
Inventori	888,949
Tunai dan Setara Tunai	337,911

JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI



2017	
Jenis Liabiliti	Jumlah RM'000
Modal Saham	718,255
Premium Saham	-
Lain - lain Rizab	696,103
Pendapatan Tertahan	515,768
Liabiliti Cukai Tertunda	78,675
Pembiayaan dan Liabiliti Lain	198,821
Pinjaman kepada Syarikat Berkaitan	108,826
Pinjaman	1,092,101

2016	
Jenis Liabiliti	Jumlah RM'000
Modal Saham	351,490
Premium Saham	366,765
Lain - lain Rizab	692,094
Pendapatan Tertahan	576,461
Liabiliti Cukai Tertunda	73,744
Pembiayaan dan Liabiliti Lain	473,219
Pinjaman kepada Syarikat Berkaitan	156,452
Pinjaman	535,203

PRESTASI KEWANGAN SUKU TAHUN



2017		Suku Pertama RM'000	Suku Kedua RM'000	Suku Ketiga RM'000	Suku Keempat RM'000
Hasil		648,971	692,458	668,515	646,109
(Rugi)/Keuntungan operasi		(38,086)	(26,431)	34,498	31,419
(Rugi)/Keuntungan sebelum zakat dan cukai		(39,562)	(28,593)	25,312	27,036
(Rugi)/Keuntungan diagihkan kepada pemegang ekuiti Syarikat		(34,622)	(21,450)	10,416	13,082
Kerugian/pendapatan sesaham asas (sen)		(4.93)	(3.05)	1.48	1.86
Dividen satu peringkat sesaham (sen)		-	4.0	-	-

2016		Suku Pertama RM'000	Suku Kedua RM'000	Suku Ketiga RM'000	Suku Keempat RM'000
Hasil		553,160	633,856	633,122	838,308
Keuntungan operasi		62,270	34,625	34,045	25,481
Keuntungan sebelum cukai dan zakat		60,555	31,077	32,750	24,133
Keuntungan diagihkan kepada pemegang ekuiti Syarikat		59,344	23,679	23,305	14,394
Pendapatan sesaham asas (sen)		8.44	3.37	3.32	2.05
Dividen satu peringkat sesaham (sen)		-	14.0	-	10.0

PENYATA NILAI TAMBAH


	2017 RM'000	2016 RM'000
NILAI TAMBAH		
Hasil	2,656,053	2,658,446
Pembelian barang dan perkhidmatan	(2,539,523)	(2,386,974)
Nilai tambah oleh Kumpulan	116,530	271,472
Lain - lain pendapatan operasi	8,685	6,500
Lain - lain (kerugian)/keuntungan – (Bersih)	(1,223)	3,428
Pendapatan kewangan	5,293	5,511
Kos kewangan	(22,500)	(13,417)
Nilai tambah tersedia untuk agihan	106,785	273,494
AGIHAN		
Kepada kakitangan		
Kos pekerjaan	69,193	72,973
Kepada kerajaan/Agensi diluluskan		
Cukai dan zakat	16,767	27,793
Kepada pemegang saham		
Dividen	28,119	168,715
Tertahan untuk pelaburan semula dan pertumbuhan masa depan		
Susut nilai dan pelunasan	53,399	52,006
Keuntungan tertahan	(60,693)	(47,993)
Jumlah Agihan	106,785	273,494

ANALISIS SEGMENT




Legend: Asia (Dark Green), Australia (Green), Europah (Light Green), Lain-lain (Brown), Domestik (Teal), Industri (Blue), Molases (Orange), Malaysia (Grey)

HASIL 2017 (RM Juta)




HASIL 2016 (RM Juta)




ANALISIS JUALAN

HASIL JUALAN (RM JUTA)



JUMLAH JUALAN (TAN)



Nota:

- Angka jualan SELEPAS pelarasan disatukan
- Angka jualan tidak termasuk jualan molases


HUBUNGAN PELABUR

Saham MSM didagangkan pada RM5.05 pada 2 Januari 2017 dan ditutup pada RM4.10 setelah dianggarkan sebanyak 186,452 lot diniagakan pada tahun tersebut. Harga tertinggi bagi tahun tersebut dicatatkan pada 2 Januari 2017 iaitu RM5.05.


Prestasi Saham 2017



Pulangan kepada Pemegang Saham



Liputan Penyelidikan Ekuiti



KALENDAR KEWANGAN

PENGUMUMAN KEPUTUSAN KEWANGAN DISATUKAN YANG BELUM DI AUDIT

2017

22 Februari 2017

Suku tahun ke-4 berakhir
31 Disember 2016

31 Mei 2017

Suku tahun pertama berakhir
31 Mac 2017

29 Ogos 2017

Suku tahun ke-2 berakhir
30 Jun 2017

22 November 2017

Suku tahun ke-3 berakhir
30 September 2017

2018

21 Februari 2018

Suku tahun ke-4 berakhir
31 Disember 2017

DIVIDEN

2017

**Dividen Akhir Satu
Peringkat sebanyak 4.0 sen
sesaham biasa untuk tahun
kewangan berakhir
31 Disember 2016**

20 April 2017

Notis Penutupan Buku

29 Mei 2017

Kelayakan

13 Jun 2017

Pembayaran

2018

Tiada dividen diisyihar dan
dibayar pada tahun
kewangan berakhir
31 Disember 2017

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

Mesyuarat Agung Tahunan ke-6

20 April 2017

Notis mesyuarat

20 April 2017

Pengeluaran Laporan Tahunan

15 Mei 2017

Tarikh Mesyuarat

Mesyuarat Agung Tahunan ke-7

23 April 2018

Notis mesyuarat

23 April 2018

Pengeluaran Laporan Tahunan

26 Jun 2018


Tarikh Mesyuarat

LAPORAN KEMAMPUAN

JEJAK KEMANISAN EES



KEMAMPUAN EKONOMI	KELESTARIAN ALAM SEKITAR	KEMAMPUAN SOSIAL
Pekerjaan untuk 995 kakitangan di utara Semenanjung Malaysia	Penggunaan gas asli 3,630,510 mmBTU pengurangan 6.45%	466 pelajar mendapat manfaat dari "Program Kembali ke Sekolah" peningkatan 215%
95.8% pembekal adalah dari syarikat yang diperbadankan di Malaysia	Penggunaan diesel 277,463 liter pengurangan 53.5%	2,714 jam masa bagi sukarelawan peningkatan 6%



ms55

Kemampuan Ekonomi:
Menyediakan pekerjaan kepada warga Malaysia sejak 1964.



ms58

Kelestarian alam sekitar:
487.2 tan bahan buangan dikitar semula pada 2017.



ms66

Kemampuan Sosial: Ahli kepada Program Sekolah Angkat PINTAR



ms68

OSH: MSM Johor capai satu juta jam tanpa Kehilangan Masa Kecederaan (LTI)

Di MSM, kami menggunakan pendekatan holistik yang menggabungkan unsur-unsur kemampuan Ekonomi, Alam Sekitar dan Sosial (EES) dengan operasi dan pengurusan perniagaan untuk mencipta nilai yang berkekalan dalam jangka pendek, sederhana dan panjang untuk pihak berkepentingan kami.

Kemampuan kejayaan perniagaan kami berkait dengan sumbangan terhadap pembangunan dalam nilai ekonomi, alam sekitar dan operasi sosial.

Untuk mencapai visi organisasi sebagai suatu jenama global yang dipercayai dan diiktiraf menjelang 2020, kami memberi tumpuan terhadap menjalin hubungan berdasarkan kepercayaan dengan pihak berkepentingan, dengan membina kewujudan yang berterusan di seluruh rantai nilai kami.

JEJAK KEMANISAN EES

MELAPORKAN BIDANG TUMPUAN KAMI:

KEMAMPANAN EKONOMI

Sebagai sebuah syarikat yang telah berakar umbi dalam pembangunan sosio-ekonomi Malaysia sejak lima dekad yang lalu, komitmen tidak berbelah bahagi MSM ke arah pembangunan negara adalah prinsip asas organisasi kami.

Melalui pengurusan dan operasi perniagaan yang berkesan, kami berhasrat untuk membawa perubahan berterusan di samping menghasilkan impak yang kuat dan bermakna sejarah dengan usaha Kerajaan untuk mencapai negara maju.

Sebagai pengeluar gula terkemuka di negara ini, kami memainkan peranan utama dalam merangsang penciptaan pekerjaan di seluruh segmen perniagaan, terutamanya dalam kemudahan operasi dan pergudangan serta kilang penapisan. Pengambilan pekerja tempatan dan sumbangan kami kepada percuakaian negara menjadi tulang belakang kepada kemampanan ekonomi.

Dengan memberi penekanan khusus terhadap kemampanan, kami dapat menangani cabaran, mewujudkan peluang dan mengenal pasti penyelesaian berhubung dengan keputusan komersial yang disasarkan untuk menggalakkan amalan terbaik serta bertanggungjawab.

Hasilnya, kami dapat meningkatkan integriti dan akauntabiliti, seterusnya meningkatkan kecekapan perniagaan kami.

Menyokong Pertumbuhan Sosio-Ekonomi di Pulau Pinang, Perlis dan Johor

MSM mengendalikan dua kilang penapisan di Pulau Pinang dan Perlis yang terletak di utara Semenanjung Malaysia, dengan melibatkan 995 kakitangan. Selain itu, kilang ketiga kami di Tanjung Langsat, Johor, yang dijangka beroperasi pada separuh pertama 2018, akan memperluaskan pengambilan pekerja sebanyak 200 orang rakyat Malaysia. Rasional kami dalam membangunkan kilang gula terbesar yang terletak di selatan Malaysia - Johor, sebahagian besarnya adalah untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab gula serantau. Kilang yang bernilai USD259 juta tersebut terletak di tapak seluas 20.49 hektar akan mencetuskan dorongan untuk merangsang pertumbuhan



Lawatan wakil pelaburan dari PNB ke MSM Prai.

sosio-ekonomi. Peluang pekerjaan dicipta dan dengan itu, menjana ekonomi tempatan supaya lebih rancak.

Di utara, iaitu Pulau Pinang dan Perlis, masyarakat sekitar telah mendapat manfaat daripada peningkatan peluang pekerjaan yang menyumbang kepada kesejahteraan dan pertumbuhan di kawasan tersebut. Mereka juga dapat mengembangkan keupayaan pengetahuan mereka, dengan mengambil bahagian dalam program latihan dan pembangunan untuk meningkatkan tahap kemahiran pekerja dalam bidang penapisan gula dan kaedah pertanian yang paling produktif, cekap dan terkini.

Kesimpulannya, kami mewujudkan peluang pekerjaan jangka panjang melalui pelbagai rangkaian penyediaan perkhidmatan, pembekal, syarikat penyelenggaraan dan industri berkaitan dalam seluruh operasi kami di Malaysia yang juga menyokong perniagaan lain.

Kilang Penapisan Gula



kakitangan di Prai, Pulau Pinang

kakitangan di Chuping, Perlis



peluang pekerjaan diwujudkan di Tanjung Langsat, Johor

Perladangan



kakitangan di Chuping, Perlis

JEJAK KEMANISAN EES

Amalan Perolehan

MSM mengamalkan dasar penyumberan terbuka serta rangka kerja yang konsisten diwujudkan untuk mengekalkan amalan ini dan memastikan penyumberan dan perolehan yang mampu dalam rantaian nilai bekalan, pengilangan dan pengagihan. Ini berasaskan komitmen organisasi untuk menyokong pertumbuhan tempatan bagi industri kecil dan sederhana. Setakat ini, 95.8% pembekal berasaskan syarikat yang diperbadankan di Malaysia.

Keber tanggungjawapan dan ketelusan membentuk teras utama rangka kerja tadbir urus perolehan serta menyepadukan mekanisme semakan dan imbalan yang berkesan dengan pematuhan terhadap dasar syarikat, undang-undang negara dan peraturan industri. Kakitangan MSM dikehendaki mematuhi sepenuhnya proses perolehan dalam pemilihan pembekal dan vendor untuk memastikan operasi perniagaan yang bertanggungjawab dan telus. Pembekal yang memenuhi keperluan kami layak untuk proses pemilihan.

Untuk memastikan vendor, kontraktor dan pembekal terus konsisten dengan MSM dari segi prinsip dan amalan EES, kami sentiasa memantau aspek EES perniagaan vendor dan kontraktor. Antara faktor EES yang kami pertimbangkan dalam penyaringan pembekal adalah pematuhan dan kesan terhadap alam sekitar, kesihatan dan keselamatan, pematuhan terhadap keperluan gaji minimum, pematuhan had jam kerja, kebebasan berpersatu dan rundingan kolektif, tidak menggunakan buruh kanak-kanak atau amalan buruh paksa pengamalan dasar tiada diskriminasi dan amalan buruh yang adil.

95.8%

Pembekal adalah dari syarikat yang diperbadankan di Malaysia

**RM
256,150,789.40**

Perbelanjaan perolehan tempatan

Pengurusan Pembekal

Proses pengurusan pembekal MSM dipandu oleh Kod Etika Pembekal yang telah diwujudkan untuk memastikan pembekal-pembekal mematuhi piawaian etika yang tinggi dan keperluan undang-undang negara yang berkaitan.

Kod Etika Pembekal melarang amalan perniagaan yang tidak bertanggungjawab seperti sogokan dan rasuah, dan menghendaki semua pembekal dan kontraktor untuk menjalankan urusan mereka secara profesional, beretika dan bertanggungjawab. Dengan melanjutkan komitmen berterusan terhadap amalan pengurusan pembekal beretika, kami memastikan amalan yang adil dan tiada diskriminasi kepada pihak berkepentingan berkaitan dengan pengukuhan amalan perniagaan beretika dalam urusan perniagaan kami.


Sebagai komitmen terhadap Kod Etika Pembekal, kami berusaha untuk memaklumkan pembekal dan kontraktor berkaitan dengan keperluan syarikat, termasuk tanggungjawab alam sekitar untuk urusan perniagaan bersama.

Memastikan Amalan Pasaran yang Prihatin dan Beretika

Tahap kepuasan pelanggan yang tinggi adalah penting untuk kejayaan dan pertumbuhan berterusan MSM. Usaha dalam perkara ini merangkumi kepuasan pelanggan terhadap tahap perkhidmatan dan etika perniagaan serta menyepadukan pelanggan baharu ke dalam komitmen perkhidmatan kami.

Inisiatif amalan ini adalah untuk menghasilkan perkhidmatan pelanggan yang cemerlang dan memastikan penghasilan produk dijalankan dengan cara yang beretika dan profesional. Selaras dengan ini, kami mempunyai proses untuk memastikan perkhidmatan sokongan yang cekap dan responsif kepada setiap pelanggan.

Pasukan kami sentiasa bersedia untuk menangani sebarang isu atau aduan dengan penyediaan e-mel khusus untuk khidmat pelanggan iaitu consumer@msmsugar.com. Di samping itu, pasukan kami turut melakukan lawatan secara tetap ke premis pelanggan, untuk bertemu dan memahami keperluan mereka secara peribadi.



JEJAK KEMANISAN EES

KAJI SELIDIK KEPUASAN PELANGGAN

Pada 2017, MSM telah menjalankan kaji selidik di kalangan segmen pelanggan industri dan pemborong untuk menanda aras syarikat kami dari segi perkhidmatan dan kepuasan pelanggan.

**JUMLAH
PESERTA:**

42

(Industri &
Pemborong sahaja)

**KADAR MAKLUM
BALAS:**

84%

Makanan dan Minuman (F & B) terkemuka di Malaysia.

Sebagai pengeksport global, MSM mematuhi piawaian antarabangsa seperti pensijilan Halal dan Kosher. Semua produk kami diperakui Halal di bawah MSM 1500: 2009 dan diperakui Kosher oleh London Beth Din Kashrut Division. Ini bertepatan dengan piawaian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dalam memenuhi keperluan Perkhidmatan Khidmat Nasihat Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan (OHSAS 18001) dan Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan Malaysia (MS1722).

Kami memiliki spektrum menyeluruh proses dan kawalan kualiti produk yang diaudit setiap tahun. Ia sentiasa dipantau melalui petunjuk prestasi yang mendorong peningkatan berterusan. Di samping itu, pembekal utama kami diperakui untuk membekalkan bahan berkualiti sebagai sebahagian daripada pematuhan piawaian pemeriksaan kualiti yang ketat. Selaras dengan jangkaan industri terhadap ketelusan dan kebertanggungjawaban, pensijilan tersebut

jelas dipaparkan pada pembungkusan gula dan laman web MSM untuk pengenalan mudah dan rujukan.

Perkongsian Pengetahuan dengan Ahli - Ahli Industri

MSM sentiasa memainkan peranan aktif dalam acara dan perbincangan berkaitan cabaran industri dan ekonomi secara keseluruhannya. Ini termasuk penyertaan dan penajaan panel perbincangan topikal, konvensyen dan persidangan. Hasrat kami adalah untuk menyumbang kepada pembangunan pengetahuan industri secara teguh dan bermaklumat dan disasarkan untuk menjalin hubungan yang kukuh dan bermakna dalam merealisasikan wawasan kami untuk menjadi antara 10 syarikat gula terbaik global menjelang 2020.

Pada 2017, MSM menyertai acara-acara berikut:

- *Dubai Sugar Conference 2017, Dubai*
- *Analysts Roundtable Discussion, Kuala Lumpur*

Kualiti Produk

Sejak penubuhan MSM, kami secara konsisten telah menghasilkan produk gula yang berkualiti tinggi kepada ramai pelanggan, di dalam dan di luar negara. Ini telah mengukuhkan reputasi kami - Gula Prai, jenama gula paling laris di Malaysia. Untuk mengekalkan kedudukan kami sebagai peneraju pasaran, kilang penapisan kami sentiasa di audit untuk menghasilkan produk gula berkualiti untuk pelanggan kami.

Proses kami mematuhi sepenuhnya serta diperakui dengan Pensijilan Sistem Keselamatan Makanan (FSSC 22000 - Pembuatan), Sistem Pengurusan Keselamatan Makanan (ISO22000) dan Pensijilan Takat Kawal Kritis Analisis Bahaya (HACCP) dari Kementerian Kesihatan, Malaysia.

MSM menganggotai SEDEX, Pertukaran Data Etika Pembekal, dan melalui keahlian ini kami berdedikasi untuk mendorong peningkatan ke arah amalan perniagaan yang bertanggungjawab, beretika dan merentas rangka kerja rantai bekalan global. Komitmen berterusan kami dalam mematuhi amalan buruh beretika, terbukti apabila MSM dianugerahkan Kod Hijau daripada syarikat



Memastikan kualiti produk gula yang dihasilkan sentiasa konsisten.



Sesi perkongsian pengetahuan di kalangan pekerja MSM.



JEJAK KEMANISAN EES

MELAPORKAN BIDANG TUMPUAN KAMI:

KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Boleh dijangkakan, operasi penapisan merupakan sektor yang berunsur tenaga intensif. Tidak perlu dinyatakan lagi, begitulah jua dengan operasi penapisan MSM. Untuk mengurangkan kesan terhadap alam sekitar, kami menggunakan pendekatan penjimatan tenaga untuk memantau kemajuan bagi pengurangan jejak karbon, pengurusan sisa dan penggunaan sumber tenaga bersih yang boleh diperbaharui dalam operasi kami.

Sebagai langkah ke hadapan dalam perjalanan kami untuk memupuk kelestarian alam sekitar, MSM telah menggabungkan Sistem Pengurusan Alam Sekitar yang komprehensif (EMS) untuk beroperasi secara bertanggungjawab merentas rantai nilai. Ia merangkumi kilang penapisan di Pulau Pinang dan Perlis, serta amalan kerja lazim kami di Ibu Pejabat, gudang dan perladangan. EMS menyatakan garis-garis pemantauan yang jelas berpandukan parameter berikut: Sisa (pencemaran/pelepasan), Penggunaan air, Penggunaan tenaga dan Pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG).

Polisi Alam Sekitar MSM

Pengurusan efluen dan sisa

Pengurusan sisa berbahaya

Penggunaan air

Penggunaan tenaga

Sisa buangan

Kilang penapisan MSM dilengkapi dengan sistem rawatan sisa penuras-nano termaju yang membolehkan kami memproses bahan buangan yang dihasilkan oleh Resin Pertukaran Ion (IER). Dalam proses penapisan gula, sisa garam yang terhasil boleh digunakan semula untuk penjanaan resin, manakala sisa selebihnya dibersihkan dan ditapis sebelum dilepaskan. Bagi menguruskan aliran buangan, kami menyumbang keluar kepada pembekal yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar untuk mengumpul, mengangkut, memproses dan membuang sisa buangan mengikut peraturan dan piawaian tempatan.

Jumlah berat sisa buangan mengikut jenis dan kaedah pelupusan

Sisa berbahaya yang dikumpul oleh kontraktor berlesen untuk pemuliharaan



Sisa yang dikitar semula



Sisa tidak berbahaya bagi tapak pelupusan sampah



Sisa Am




* Angka-angka di atas dilaporkan buat pertama kalinya dan akan menjadi asas untuk laporan di masa hadapan

Air


Air adalah salah satu sumber semula jadi yang paling berharga di planet kita, dan MSM menyedari tanggungjawab korporatnya dalam pengawasan alam sekitar terhadap sumber penting ini. Kami mempunyai langkah pengurusan air yang mampan untuk memastikan kecekapan penggunaan air dalam operasi, dengan mengambil kira kuantiti air yang digunakan dalam proses penapisan gula. Untuk memastikan pengurusan air yang terbaik, kami sentiasa mengawasi penggunaan air dan mengikar semula air dalam operasi harian.

Jumlah pengeluaran air mengikut sumber (meter padu (m³)/tahun)




JEJAK KEMANISAN EES

Isipadu Air Dikitar Semula dan Diguna Semula (m³/tahun)



Peratus Air Dikitar dan Diguna Semula



TENAGA

Gas Asli

Untuk mengurangkan kesan alam sekitar terhadap operasi kami, kami menggunakan gas asli, bahan api fosil pembakaran terbersih yang ada sebagai sumber tenaga di kedua-dua kilang penapisan. Penggunaan sumber ini berkesan untuk mengurangkan pengeluaran jelaga karbon dan pelepasan sulfur dari serombong dandang. Untuk menguruskan penggunaan tenaga dan gas secara berkesan, kami menggunakan sistem inovatif yang menggabungkan fungsi penyejat *Mechanical Vapour Re-Compressor (MVR)* dan *Vertical Crystallisation Tower (VKT)* yang secara mendadak mengurangkan jumlah wap yang diperlukan semasa proses pendidihan gula.

MSM telah membuat pelaburan yang besar untuk menghasilkan hanya separuh daripada keperluan tenaga sendiri dengan menggunakan turbin tekanan belakang, dengan wap ekzos disalurkan ke proses pemanasan. Di samping itu, kami juga mengitar semula proses pemeluwapan untuk penjanaan wap dandang. Pada 2017, penggunaan gas asli menurun sebanyak 6.45% atau 234,317 mmBTU disebabkan oleh pelaburan yang dibuat untuk mengurangkan penggunaan gas asli.



Penggunaan Gas Asli (mmBTU)

Pengurangan Penggunaan Gas Asli

6.45%



Elektrik

Penggunaan elektrik MSM dikira berdasarkan penggunaan bil elektrik di pejabat, kilang-kilang penapisan dan gudang-gudang kami. Pelepasan CO₂ dari penggunaan elektrik diperoleh menggunakan faktor pelepasan yang diterbitkan oleh Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia untuk Grid Semenanjung.

Pada tahun 2017, kami berjaya menjanaan elektrik secara dalaman berjumlah 35,835,401 kWh, yang membantu mengurangkan penggunaan elektrik yang dibeli kepada 49,386,436 kWh. Sepanjang tahun ini, kami menggunakan 85,221,837 kWh elektrik, dengan 0.17% daripada jumlah adalah menerusi pembinaan kilang penapisan baharu di MSM Johor. Membandingkan penggunaan elektrik antara 2017 dan 2016, kami dapat mengurangkan penggunaan sebanyak 1% pada tahun 2017 berbanding dengan 86,131,571 kWh pada tahun 2016.

Hasil daripada pengurangan penggunaan elektrik Kumpulan, kami menghasilkan sejumlah 36,565.3 tan pelepasan CO₂ pada tahun 2017 berbanding 63,823.49 tan pada tahun sebelumnya, iaitu pengurangan pelepasan CO₂ sebanyak 42.7%.

Diesel


Kami mencatat pengurangan ketara dalam penggunaan diesel pada 2017 sebanyak 53.5% atau 318,671 liter. Ini disumbangkan daripada penutupan minimum dan pengurangan masa henti di samping penyiapan pemasangan dandang baharu di MSM Perlis yang menghasilkan pengurangan penggunaan enjin diesel.

Pangkalan operasi penapisan kami juga dilengkapi dengan inisiatif penjimatatan tenaga yang membawa kepada pengurangan dan penggunaan tenaga yang mampan dalam tahun ini seterusnya mengurangkan jejak karbon. Melangkah ke hadapan, kami akan terus mengawasi penggunaan tenaga kami dengan teliti, mengenal pasti dan melaksanakan lebih banyak inisiatif penjimatatan tenaga di mana yang boleh.

Penggunaan Diesel (Liter)

Pengurangan penggunaan diesel

53.5%



JEJAK KEMANISAN EES

GHG & PELEPASAN GAS LAIN

Perjalanan Udara atas Urusan Perniagaan

Memandangkan sifat perniagaan kami terdiri daripada import gula mentah dan eksport gula bertapis di seluruh dunia, aktiviti perniagaan dijalankan dengan pelbagai cara di dalam pasaran gula. Kami menitikberatkan pelepasan berkaitan pengangkutan yang dihasilkan melalui perjalanan udara atas urusan perniagaan dan oleh itu menggalakkan pelanggan, pembekal dan kakitangan untuk mengamalkan penggunaan kemudahan telepersidangan.

Keputusannya, MSM telah mencatatkan pengurangan dalam perjalanan, pelepasan karbon yang berkaitan dengan perjalanan dan kos perjalanan, disertai dengan peningkatan produktiviti kakitangan dan keseimbangan berkerja dan gaya hidup. Kami dapat berbuat demikian sambil mengekalkan dan menguatkan hubungan pelanggan, yang merupakan pemangkin untuk mengekalkan pertumbuhan pendapatan dan terus mencapai matlamat kemampunan kami.

Bagi operasi dalam Malaysia, kami menggalakkan kakitangan berkongsi kereta apabila lebih daripada dua orang menuju sama ada ke Ibu Pejabat, kilang penapisan atau acara mesyuarat yang lain. Untuk memastikan kecekapan kos, kami menggunakan sistem berpusat untuk memproses tempahan bagi kebanyakan penerbangan jarak pendek dan jarak jauh. Kaedah pengiraan kami untuk pelepasan GHG terutamanya untuk perjalanan udara bagi urusan perniagaan adalah berdasarkan *International Civil Aviation Organisation (ICAO) Carbon Emissions Calculator*, manakala jejak karbon dikira untuk setiap perjalanan yang dibuat.

Pada 2017, kakitangan MSM menggunakan sejumlah 562 penerbangan individu, yang menghasilkan anggaran sebanyak 48.4 tan pelepasan CO₂. Ini mewakili peningkatan sebanyak 206% dari tahun sebelumnya apabila kakitangan MSM menghasilkan 15.9 tan pelepasan CO₂.



Kakitangan MSM mengiktiraf kepentingan penciptaan nilai dan pertumbuhan mampu.

Peningkatan ini disebabkan oleh kekerapan perjalanan dalam operasi perniagaan domestik terutamanya ke kilang penapisan baharu di Tanjung Langsat, Johor.

Percetakan

Cara lain untuk menguruskan sumber kami dengan berkesan adalah melalui pengurangan penggunaan kertas. Kami telah mengenal pasti bidang yang memerlukan banyak kertas kerja dan beralih ke arah digitalisasi untuk mencerminkan penggunaan teknologi baharu dan tindakan seperti pencetakan dua sisi, memusatkan pencetakan berwarna kepada pencetak tertentu, boleh diakses oleh pekerja yang diberi kuasa dan menggalakkan komunikasi elektronik antara rakan sekerja dan pelanggan, menghasilkan penurunan kos pentadbiran yang ketara.

Selaras dengan matlamat korporat kami untuk mengurangkan penggunaan kertas, bilangan muka surat Laporan Tahunan 2017 kami telah dikurangkan dari tahun sebelumnya. Di samping itu, kami memuat naik laporan tahunan di laman web dan boleh diakses di www.msmsugar.com dan dalam format CD untuk tontonan mudah dan tanpa kertas. Semua pengumuman tender Perolehan telah dimuat naik ke laman web di bawah halaman Pengumuman Tender di <http://www.msmsugar.com/tender> dan dipautkan dengan portal e-perolehan FGV.

Lain-lain

Kilang-kilang dan gudang MSM ditetapkan sebagai zon larangan merokok, sejajar dengan usaha kami untuk menghormati dan memberikan kakitangan dan pelanggan kami keselesaan. Sebagai penghargaan ke atas dasar dan usaha bebas rokok, MSM Prai adalah di antara 15 syarikat pertama di Malaysia yang dianugerahkan dengan Sijil Riben Biru yang dikendalikan oleh MySihat, sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia.



Gabungan usaha setiap kakitangan membawa kepada kejayaan.

JEJAK KEMANISAN EES

MELAPORKAN BIDANG TUMPUAN KAMI:

KEMAMPUNAN SOSIAL



Tuntutan kemampunan sosial MSM adalah berdasarkan kepercayaan bahawa sebahagian tanggungjawab korporat kami (CR) adalah untuk bekerjasama bersama masyarakat, menyokong pembangunan budaya, pendidikan, dan kedudukan sosio-ekonominya. Dalam hal ini, kami komited untuk membina lingkungan yang merangkumi tempat kerja yang selamat dan inklusif, menyokong dan memupuk potensi kakitangan, memastikan piawaian tertinggi kesihatan dan keselamatan, menghormati hak asasi manusia dan membantu komuniti melalui program CR bersama.


Kakitangan

Selama lebih 50 tahun, MSM secara konsisten melabur dalam pembangunan modal insannya dan menyumbang kepada kesejahteraan pekerja. Tenaga kerja kami yang terdiri dari pelbagai budaya, mencerminkan pendirian teguh untuk memanfaatkan kepelbagaian pendapat, perspektif dan latar belakang kakitangan, bagi menambah kekuatan syarikat.



MSM menghormati hak asasi manusia, maruah dan kesaksamaan seperti dinyatakan dalam Kod Etika kami. Ia membentuk asas di mana kami berinteraksi dan bergaul dengan rakan sekerja, kakitangan, pembekal, pelanggan, pengguna dan masyarakat. Dasar kerja kakitangan, termaktub di dalam buku panduan kakitangan yang mengandungi mesej yang lengkap untuk menghargai dan menghormati kepelbagaian tempat kerja yang bebas daripada diskriminasi dan gangguan. Kami mempunyai proses rungutan dan aduan berstruktur untuk menggalakkan kakitangan melaporkan sebarang masalah tanpa rasa takut terhadap tindakan balas.

Kepelbagaian Jantina

Sektor perkilangan dicenderungi oleh lelaki, di mana lebih ramai lelaki memohon pekerjaan di kilang berbanding wanita kerana keperluan pekerjaan di kilang, pengendalian jentera dan kerja syif. Oleh itu, asas kepelbagaian jantina bagi tenaga kerja MSM mencerminkan trend sektor ini. Walau bagaimanapun, usaha kami selama ini untuk menaikkan pangkat kakitangan wanita ke jawatan peringkat pengurusan telah menyaksikan peningkatan yang ketara. Pada tahun 2017, kami mencatatkan nisbah lelaki dan perempuan sebanyak 77:23 di peringkat pengurus dan ke atas, hampir setanding dengan sasaran yang disyorkan iaitu 30% perwakilan wanita di peringkat pengurusan.



JEJAK KEMANISAN EES


**Jumlah Kakitangan mengikut Jantina dan Kategori 2017**

JEJAK KEMANISAN EES


Mewujudkan Kesetiaan

Untuk ditempatkan dalam kalangan majikan pilihan utama, MSM menawarkan pelbagai manfaat dan kelayakan yang kompetitif untuk kakitangannya sebagai penghargaan atas usaha konsisten mereka dalam memartabatkan MSM sebagai pengeluar gula terkemuka di negara ini. Dalam hal ini, kami berjaya memastikan kadar pusing ganti kakitangan yang rendah.

Kakitangan Kembali Bertugas Selepas Cuti Bersalin/Paterniti 2017



Kadar Pusing Ganti Kakitangan 2017



JEJAK KEMANISAN EES

Program Mobiliti Kakitangan

Pelancaran kilang penapisan Tanjung Langsat di Johor yang dinanti-nantikan mendedahkan MSM dengan cabaran untuk memastikan kumpulan bakat kakitangan mahir dan terlatih telah tersedia. Selaras dengan perkembangan strategik ini, MSM telah mengatur Program Mobiliti Kakitangan untuk memenuhi permintaan kapasiti pengeluaran kami yang diperluaskan.

Program Mobiliti Kakitangan adalah kaedah peminjaman yang unik untuk menggabungkan kakitangan sedia ada dengan pelatih baharu dengan set kemahiran yang betul (tumpuan utama adalah kecekapan teknikal). Kemudian, Pengurusan Kanan dan pakar teknikal akan dipinjamkan ke MSM Johor di mana mereka boleh mula membangunkan proses teknikal yang diperlukan, dan menyampaikan pengetahuan dan kemahiran mereka kepada kakitangan yang baharu.

Melalui pendekatan amali ini, kami dapat membentuk dan memperkemaskan pembangunan kemahiran dan kapasiti pengetahuan kakitangan baharu. Program latihan dan pembangunan intensif ini membolehkan kakitangan baharu mempercepatkan pembelajaran mereka, kerana mereka memperoleh pengetahuan yang diperlukan untuk permulaan operasi yang cekap di kilang baharu kami di Johor, melalui latihan sewaktu bekerja dari kakitangan mahir dan berpengetahuan yang bukan sahaja melatih mereka tetapi berkongsi pengalaman dalam memastikan piawaian pengeluaran yang tinggi secara konsisten di semua kilang kami.

Program Mobiliti Kakitangan MSM dibahagikan kepada empat kategori:

(a) Tugasan Jangka Pendek
(2 – 4 minggu)

(b) Tugasan Jangka Sederhana
(2 – 6 bulan)

(c) Tugasan Jangka Panjang
(6 – 12 bulan)

(d) Pemindahan antara Subsidiari

Bagi menyokong pelaksanaan Program Mobiliti Kakitangan, MSM telah membangunkan sekumpulan ahli pasukan kejuruteraan terlatih untuk tugas mengatur, pengambilan bakat daripada Program Graduan Latihan Pengurusan. Kitaran pengurusan dan latihan bakat ini telah membawakan hasil dari segi mengoptimumkan kumpulan bakat dalam kami. Pada 2017, penggunaan kaedah ini telah memudahkan peluang pembelajaran bagi kakitangan teknikal untuk memperoleh pensijilan teknikal yang diperlukan oleh badan-badan kawal selia, lantaran itu membolehkan berkembang secara bertanggungjawab dan mampan.

Kami juga telah mengkaji semula dasar Sumber Manusia termasuk manfaat program peminjaman seperti kemudahan perumahan dan elaua kesulitan bagi Program Mobiliti Kakitangan untuk memastikan kesaksamaan program kepada kakitangan kanan yang mahir dan berbakat.

Bagi memperkuuh kecekapan teras kami, MSM telah memulakan program penajaran nilai bagi memupuk budaya perkongsian pengetahuan dan kesatuan Kumpulan. Fasa pertama program peningkatan nilai tersebut telah menyaksikan penyertaan lebih 90% kakitangan MSM dari pelbagai peringkat kerja.

JUMLAH JAM LATIHAN: 32,332 JAM



Purata jam latihan (Kumpulan MSM)

Lelaki
29,180 jam

Perempuan
3,152 jam

Eksekutif & ke atas
20,572 jam

Bukan eksekutif
11,760 jam



Jumlah yang dibelanjakan untuk Latihan dan Pembangunan tahunan

Latihan tempatan
RM534,240.87



Peratusan kakitangan yang diliputi oleh perjanjian rundingan kolektif

MSM Prai
52%

MSM Perlis
59%

JEJAK KEMANISAN EES

Penglibatan Kakitangan 2017

Aktiviti penglibatan kakitangan MSM adalah penting untuk menggalakkan kakitangan mengamalkan gaya hidup yang sihat dan aktif melalui penyertaan dalam aktiviti sukan, dan menggalakkan keseimbangan kerja dan kehidupan. Berikut adalah senarai aktiviti sukan yang dianjurkan dan disertai oleh kakitangan kami pada 2017.

2 Februari 2017

Pertandingan Boling MSM Perlis di Perlis SS Superbowl, Kangar, Perlis

5 Mei 2017

Program berbasikal bersama Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail di Chuping, Perlis

16 November 2017

Kempen Kesihatan dan Keselamatan di MSM Perlis

28 Februari 2017

Kejohanan badminton MSM Prai dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Rekreasi MSM Prai di Sunway Sport Centre, Seberang Jaya, Pulau Pinang

19 Mei 2017

Kejohanan bola tampar MSM Perlis dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Rekreasi MSM Perlis di Gelanggang Bola Tampar, Perumahan MSM Perlis

19 November 2017

Karnival Catur Anak Muda Bintong di Bintong, Perlis

12 Mac 2017

Program berbasikal Salam Sawadee Perlis-Sadao 2017 dari Perlis, Malaysia ke Sadao, Thailand

20 Mei 2017

Kejohanan Terbuka Catur UniMAP 2017, Dewan Zaa'ba di Universiti Malaysia, Perlis

5 Disember 2017

Pertandingan Memancing dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Rekreasi MSM Perlis di Alor Setar, Kedah

1 – 2 April 2017

Jelajah Berbasikal Langkawi dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Rekreasi MSM Perlis di Langkawi

25 Julai 2017

Program Pemeriksaan Kesihatan dengan kerjasama PERKESO di MSM Perlis

28 April 2017

Kejohanan Badminton MSM Perlis dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Rekreasi MSM Perlis di Dewan Serbaguna, MSM Perlis

16 – 19 Ogos 2017

Kejohanan Catur Sukan Felda Malaysia 2017 di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak

1 Mei 2017

Kejohanan Terbuka Catur Gula Perlis di Putra Regency Hotel, Perlis

30 September 2017

Pertandingan Penentuan Tendangan Penalti Daerah Kubang Pasu di Kedah

JEJAK KEMANISAN EES

Sosial

Untuk memastikan persekitaran kerja yang didorong oleh prestasi dan dilengkapi dengan budaya dan kerja berpasukan yang mantap, MSM telah meningkatkan usaha penglibatan komuniti untuk menyokong komuniti tempatan. Prinsip tanggungjawab korporat (CR) kami bertujuan membantu pembangunan eko-sistem komuniti tempatan yang bertenaga dan mampan melalui beberapa inisiatif seperti menggalakkan kesukarelawan, memberi sumbangan kewangan dan material kepada golongan yang kurang bernasib baik dan menyokong inisiatif institusi pendidikan.

Menyokong Inisiatif Institusi Pendidikan

Pada masa hadapan, warganegara Malaysia akan diwakili oleh anak-anak kita yang akhirnya akan menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi berterusan negara ini. Asas pendidikan yang kuat sangat penting bagi kanak-kanak ini sebagai persediaan untuk masa hadapan mereka.

Salah satu inisiatif utama baharu pada tahun 2017 adalah kerjasama kami dengan Yayasan PINTAR. Sila rujuk sisi untuk maklumat lanjut mengenai usaha kami dengan PINTAR. Di bawah program tahunan ‘Kembali ke Sekolah’ kami, pengagihan bantuan kewangan diteruskan kepada pelajar sebagai persediaan untuk penggal persekolahan baharu pada 2017. Seramai 466 pelajar dari sekolah rendah dan menengah mendapat manfaat daripada bantuan kewangan berbanding 148 pelajar pada 2016.

Untuk penganjuran tahun ke-8, Kejohanan Terbuka Catur Gula Perlis 2017 dianjurkan sempena sambutan Hari Kelahiran DYMM Raja Perlis. Lebih 360 peserta dari pelbagai negeri di Malaysia mengambil bahagian. Platform ini mewujudkan kesedaran dan menyediakan latihan kepada pemain catur muda di sekolah rendah dan menengah, meningkatkan kemahiran mereka untuk penyertaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Sorotan utama kami adalah Dana Fellowship MSM yang menyediakan pembiayaan kepada institusi pendidikan dengan misi untuk membangunkan kecemerlangan pendidikan dan penyelidikan. Sejumlah RM250,000 disumbangkan setiap tahun kepada Universiti Sains Malaysia (USM), yang disalurkan kepada individu cemerlang dan berkelayakan yang sedang mengikuti pengajian Ijazah Sarjana berasaskan penyelidikan dalam mana-mana subjek yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Teknologi Industri USM. Kuantum peruntukan fellowship sebanyak RM30,000 setahun untuk tempoh dua tahun meliputi yuran kelas tambahan, gaji atau eluan dan perbelanjaan penyelidikan.

Dana Fellowship MSM



12 fellowship dianugerahkan antara 2015 dan 2017

Calon dipilih berdasarkan merit mereka yang disandarkan kepada prestasi penyelidikan saintifik berdasarkan industri dengan elemen inovasi yang memberi manfaat kepada orang ramai dan pertumbuhan ekonomi negara.

KERJASAMA DENGAN YAYASAN PINTAR UNTUK MENGUKUHKAN KEPUTUSAN PENDIDIKAN DI SEKOLAH YANG KURANG DIBERI PERHATIAN

Pada tahun 2017, MSM bekerjasama dengan Yayasan PINTAR (PINTAR), yang bekerjasama dengan sekolah-sekolah dalam komuniti yang kurang diberi perhatian untuk memberi peluang pendidikan berkualiti yang saksama kepada pelajar. PINTAR bekerjasama dengan syarikat yang bermisikan CR untuk mengubah kehidupan pelajar dari komuniti yang kurang diberi perhatian.

Pada tahun ini, MSM menaja empat buah sekolah di bawah Program Sekolah Angkat Yayasan PINTAR di Pulau Pinang dan Perlis. Objektif kami adalah untuk meningkatkan prestasi akademik dan kurikulum pelajar-pelajar ini melalui pelbagai inisiatif. Sekolah-sekolah ini kekurangan cara dan sumber yang diperlukan untuk meningkatkan kaedah pengajaran mereka untuk pendidikan yang serba lengkap - yang merupakan komponen utama objektif dan aspirasi PINTAR dengan menggalakkan Kebijaksanaan, Memupuk Bakat dan Pembinaan Sahsiah.

Program-program yang dilaksanakan oleh MSM dipandu oleh empat modul teras PINTAR yang terdiri daripada Program Motivasi dan Pembangunan Pasukan (Kepimpinan), Program Sokongan Pendidikan, Program Pembangunan Keupayaan dan Kapasiti dan Program Pengurangan Kerentenan dan Isu Sosial. Program-program ini telah dibangunkan untuk menyumbang kepada pembangunan holistik pelajar yang merangkumi aspek akademik, psikologi dan sosial. Lebih daripada 2,000 pelajar, guru, ibu bapa dan masyarakat setempat mendapat manfaat daripada program ini pada tahun 2017.

JEJAK KEMANISAN EES

Program yang Dilaksanakan bersama Program Sekolah Angkat Yayasan PINTAR

- 1** Bengkel teknik menjawab soalan peperiksaan dan strategi untuk UPSR, PT3 dan SPM di Sekolah Kebangsaan Juara dan Sekolah Menengah Kebangsaan Prai di Pulau Pinang, Sekolah Kebangsaan Batu Bertangkup dan Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Jaafar Hassan di Perlis
- 2** Program motivasi "Perkampungan Ilmu, Program Outreach Beliaan Jiwa dan Ekplorasi dan Kem Pembangunan Insan"
- 3** Kelas tambahan untuk calon UPSR, PT3 dan SPM di Sekolah Kebangsaan Juara dan Sekolah Menengah Kebangsaan Prai di Pulau Pinang, Sekolah Kebangsaan Batu Bertangkup dan Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Jaafar Hassan di Perlis
- 4** Program peningkatan kemahiran dan perkongsian pengetahuan untuk para guru dikenali sebagai "Pembelajaran Abad ke-21 dan Program Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP)"
- 5** Program Kemahiran Bahasa Inggeris bertajuk "*Learning is Fun*"
- 6** Pembangunan kurikulum melalui "Program Pembangunan Ragbi" di Sekolah Kebangsaan Juara di Pulau Pinang

Zakat dan Sumbangan Lain

MSM melaksanakan tuntutan agama Islam dengan bersedekah kepada golongan miskin dan memerlukan melalui pembayaran zakat yang merupakan salah satu daripada lima rukun Islam. Berasaskan kepada ajaran Islam bahawa umat Islam harus meringankan beban ekonomi orang lain, terutama yang kurang berasib baik, sebagai usaha untuk memberi kesaksamaan pada masyarakat. Di MSM, kami melihat sumbangan zakat sebagai cara asas di mana kami dapat menyumbang kepada masyarakat yang lebih adil dan saksama.

Sepanjang 2017, MSM meneruskan sumbangan zakat kepada golongan yang kurang berasib baik, terdiri daripada golongan fakir dan miskin, ibu tunggal, warga emas dan anak yatim. Pada 5 Mei 2017, kami mengagihkan RM250,500 kepada 167 individu yang kurang berasib baik di bawah peruntukan Zakat 2016. Kami turut menyumbangkan RM30,000 kepada Masjid Al-Husna, Batu Bertangkup, dan RM10,000 kepada setiap Maahad Tahfiz Al-Barakah, Maahad Tahfiz Al-Barqiy dan Maahad Tahfiz Nurul Saadah untuk menaik taraf kemudahan bangunan mereka. Manakala tambahan RM10,000 setiap satu telah diperuntukkan untuk membaik pulih tiga rumah orang miskin dan 16 unit penapis air disumbangkan kepada 16 buah sekolah di negeri Perlis.

MSM turut memainkan peranannya ketika musim perayaan untuk meringankan beban golongan kurang berasib baik dengan memberi mereka bantuan kewangan. Pada tahun 2017, kami menganjurkan beberapa projek kemasyarakatan bersempena dengan bulan Ramadan yang terdiri daripada acara memasak bubur lambuk dan berbuka puasa dengan keluarga yang kurang berasib baik di kawasan

kami beroperasi. Kami juga turut menyumbangkan tiga ekor lembu untuk sambutan Hari Raya Haji di Perlis, sebahagian daripada Program Ibadah Korban kami.

Memastikan kebijakan kakitangan adalah komponen penting dalam inisiatif CR kami. Berikut dari banjir kilat yang melanda Pulau Pinang pada 7 November 2017, kami memberikan bantuan tunai kepada 31 orang kakitangan MSM Prai yang kediaman mereka terlibat dalam banjir tersebut dan memberikan mereka cuti ihsan untuk membolehkan mereka menyelesaikan urusan keluarga dan kediaman mereka.

Bantuan dan Kesukarelawanan

1.	Datuk Wira Azhar Abdul Hamid	<ul style="list-style-type: none"> • Construction Industry Transformation Programme Initiative on Safety • 2018 Budget: Implications to the Malaysian Economy and Capital Market • Corporate Governance Breakfast Series entitled Integrating an Innovation Mindset with Effective Governance • Case Study Workshop for Independent Directors • MPOB International Palm Oil Congress and Exhibition ("PIPOC") 2017: Treasuring the Past Creating the Future • Malaysian Institute Corporate Governance Seminar entitled "Governance or lack of it" 	5 Oktober 2017 2 November 2017 7 November 2017 9 November 2017 14-16 November 2017 28 November 2017
2.	Dato' Zainal Haji Ismail	<ul style="list-style-type: none"> • Corporate Directors Onboarding Programme (CDOP) 2017, (Minda) 	31 Mac 2017
3.	Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari	<ul style="list-style-type: none"> • Being Financially Literate: An Introduction to Understanding Financial Statement (Bursatra) • Corporate Disclosure : What Every Director Needs to Know (Bursatra) • Sugar Trading and Sugar Outlook (MSM) 	29 Mac 2017 31 Mac 2017 26 April 2017
4.	Dato' Rosini Abd Samad	<ul style="list-style-type: none"> • Corporate Disclosure : What Every Director Needs to Know (Bursatra) • Audit Committee Conference 2017 (IIA) • Governing Boards – Excellence in Governance, (Asia World Summit) • Sugar Trading and Sugar Outlook Talk, (MSM) • 2017 IIA Malaysia National Conference (IIA) • Corporate Board Symposium 2017, (IIA) 	31 Mac 2017 5 April 2017 10 & 11 April 2017 26 April 2017 9 & 10 Oktober 2017 25 Oktober 2017
5.	Datuk Lim Thean Shiang	<ul style="list-style-type: none"> • Sugar Trading and Sugar Outlook, (MSM) • Technical Update on Companies Act 2016 in Accounting Standard (Deloitte) 	26 April 2017 29 November 2017
6.	Datuk Hanapi Suhada	<ul style="list-style-type: none"> • Being Financially Literate: An Introduction to Understanding Financial Statement, (Bursatra) • Corporate Disclosure : What Every Director Needs to Know, (Bursatra) • What Directors Need to Know on Reporting & Disclosure Obligation • Implementing the Companies Act 2016 & the Malaysian Code Of Corporate Governance 2017 - What Every Director Needs To Know 	29 Mac 2017 31 Mac 2017 24 November 2017 5 Disember 2017
7.	Dato' Mohammad Fakhruddin Haji Mohd Ariff	<ul style="list-style-type: none"> • Being Financially Literate: An Introduction to Understanding Financial Statement, (Bursatra) • Corporate Disclosure : What Every Director Needs to Know, (Bursatra) • Sugar Trading and Sugar Outlook (MSM) • Governing Boards – Excellence in Governance, (Asean World Summit) 	29 Mac 2017 31 Mac 2017 26 April 2017 10 & 11 Oktober 2017

PENYATA MENYELURUH TADBIR URUS KORPORAT - KEBERKESANAN

Bil.	Pengarah	Senarai Latihan & Penganjur	Tarikh
8.	Dato' Zakaria Arshad	<ul style="list-style-type: none"> • 2017 Outlook: Price and Output Workshop - FGV • Pakistan Edible Oil Conference ("2017 PEOC") – Pakistani Edible Oil Refiners Association • The Dubai Sugar Conference – Al Khaleej Group • Annual Palm and Lauric Oils Conference and Price Outlook 2017 – Bursa Malaysia Derivatives Berhad • Malaysia Life Science Limited Partners Conference – Spruce Capital Partners & Seraya Capital 	16 Januari 2017 20-21 Januari 2017 11-14 Februari 2017 5-8 Mac 2017 10-12 Mei 2017
9.	Dato' Khairil Anuar Aziz	<ul style="list-style-type: none"> • 2017 Outlook : Price and Output Workshop, Dianjurkan oleh FGV Trading Sdn Bhd • Risk Workshop Doubletree by Hilton Hotel Dianjurkan oleh Risiko Kumpulan FGV • Workshop on Strategic Sustainability Implementing Best Practices in FGV Dianjurkan oleh Kumpulan HR FGV Pullman Hotel KL • JP Morgan : Treasury Leadership Series Dianjurkan oleh JP Morgan Grand Hyatt Hotel • Implementing The Companies Act 2016 & The Malaysian Code of Corporate Governance 2017 -What Every Director Needs to Know 	16 Januari 2017 11 Mei 2017 11 Julai 2017 10 Oktober 2017 5 Disember 2017

PENILAIAN PRESTASI LEMBAGA PENGARAH

Satu penilaian prestasi rasmi Lembaga Pengarah termasuk ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah, dilaksanakan setiap tahun untuk menilai prestasi Lembaga Pengarah termasuk penilaian kebebasan. Penilaian tersebut dijalankan oleh perunding luar yang dilantik.

Proses penilaian itu terdiri daripada penilaian semakan kendiri dan rakan Pengarah, di mana para Pengarah menilai prestasi mereka sendiri dan juga prestasi Pengarah yang lain.

Penilaian tersebut meliputi:

- Semakan ke atas terma rujukan Lembaga Pengarah serta Jawatankuasa Lembaga Pengarah
- Semakan ke atas minit mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang dijalankan sepanjang tempoh semakan
- Semakan ke atas dokumentasi dan maklumat berkaitan yang dianggap perlu dalam memudahkan penilaian
- Sesi temuduga dan tinjauan melalui soal selidik dengan semua Ahli Lembaga Pengarah dan Ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah

Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah yang dilaksanakan pada 2017 meliputi satu spektrum ciri-ciri tadbir urus yang luas merangkumi sembilan (9) elemen, iaitu prestasi, strategi, tadbir urus, bakat, integriti, pematuhan, pelaporan, operasi dan perancangan dengan mengambil kira pemerhatian pada Mesyuarat Agung Tahunan ("MAT") ke-6 MSM yang diadakan pada 15 Mei 2017 serta prinsip dan cadangan baharu di bawah Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017 yang baharu.

Hasil penilaian tersebut dibentangkan kepada Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan dan Lembaga Pengarah untuk tindakan seterusnya sekiranya diperlukan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Lembaga Pengarah telah menyelesaikan semakan tahunan terhadap senarai yang berkaitan dengan kemungkinan wujud konflik kepentingan di kalangan Pengarah dan mengesahkan bahawa konflik sedemikian tidak wujud.

PENYATA MENYELURUH TADBIR URUS KORPORAT - KEBERTANGGUNGJAWABAN

KEBERTANGGUNGJAWABAN

PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Lembaga Pengarah berperanan untuk melindungi perniagaan daripada risiko operasi dan kewangan. Oleh itu, satu sistem kawalan dalaman yang melindungi pelaburan para pemegang saham dan aset Kumpulan telah ditubuhkan. Sistem sedemikian memberi jaminan yang munasabah tetapi tidak mutlak terhadap salah nyata atau kerugian, kerana ia direka untuk mengurus berbanding menghapus risiko kegagalan bagi mencapai objektif perniagaan. Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk mengkaji keberkesanan kawalan dalaman. Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah membantu Lembaga Pengarah dalam fungsi ini dengan menyemak risiko utama. Laporan di halaman 091 dan halaman 100 menghuraikan fungsi ini dengan lebih lanjut.

Kumpulan ini beroperasi dalam struktur organisasi yang jelas dengan tanggungjawab, kuasa dan garis pelaporan kepada Lembaga Pengarah yang mantap. Struktur organisasi tersebut telah direka untuk membangun, merancang, melaksana, memantau dan mengawal objektif Kumpulan dengan berkesan dan memastikan kawalan dalaman diterapkan dalam operasi.

Lembaga Pengarah mengesahkan bahawa proses dan ciri utama yang berterusan bagi sistem kawalan dalaman berasaskan risiko bagi Kumpulan MSM beroperasi sepenuhnya sepanjang tahun dan sehingga tarikh kelulusan Laporan Tahunan ini.

LAPORAN KEWANGAN

Lembaga Pengarah memastikan para pemegang saham dibentangkan dengan gambaran yang jelas, seimbang dan komprehensif mengenai prestasi dan prospek kewangan Kumpulan melalui penyata kewangan yang telah diaudit, pengumuman keputusan suku tahunan, Penyata Pengerusi dan MD&A di halaman 046, halaman 048, halaman 012 dan halaman 016 Laporan Tahunan serta pengumuman korporat mengenai perkembangan penting yang mempengaruhi Syarikat mengikut Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama. Para Pengarah mempertimbangkan pematuhan terhadap semua piawaian laporan kewangan yang berkaitan, peruntukan Akta Syarikat, 2016 dan peruntukan undang-undang dan peraturan yang berkenaan di Malaysia.

Jawatankuasa Audit memaklumkan kepada Lembaga Pengarah mengenai perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit. Butiran mengenai ringkasan kerja yang dijalankan sepanjang tahun dinyatakan di halaman 092 dalam Laporan Jawatankuasa Audit.

IMBUHAN

Imbuhan Pengarah

Tahap imbuhan Pengarah secara amnya ditetapkan supaya berdaya saing bagi menarik dan mengekalkan Pengarah yang berkaliber untuk menyumbang kemahiran dan pengalaman yang diperlukan seperti yang dikehendaki dan setimpal dengan tanggungjawab, kepakaran dan kerumitan aktiviti Syarikat untuk pengurusan dan operasi berkesan Kumpulan. Lembaga Pengarah telah merasmikan Polisi Imbuhan Pengarahan yang menjelaskan dasar dan rangka kerja imbuhan Pengarah MSM.

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah imbuhan bagi semua Pengarah Bukan Eksekutif, rangka kerja polisi imbuhan Pengarah dan Pengurusan Kanan dan pelan insentif pampasan. Para Pengarah dibayar yuran tahunan dan elaun kehadiran sebanyak RM2,000 bagi setiap mesyuarat Lembaga Pengarah dan mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang mereka hadiri.

Pengarah Eksekutif

Gaji pokok bagi Pengarah Eksekutif adalah tetap sepanjang tempoh kontrak mereka dan dirangka dengan mengambil kira penilaian prestasi terhadap sasaran dan manfaat barang, kenaikan gaji tahunan dan bonus berdasarkan kadar pasaran. Sebarang pindaan terhadap gaji pokok akan dikaji dan disyorkan oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Bonus yang akan dibayar kepada Pengarah Eksekutif dikaji oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pengarah Eksekutif tidak layak menerima yuran tahunan Pengarah atau sebarang elaun mesyuarat untuk kehadiran di mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

Pengarah Bukan Eksekutif

Pakej imbuhan Pengarah Bukan Eksekutif mencerminkan pengalaman, kepakaran dan tahap tanggungjawab yang dipikul oleh para Pengarah Bukan Eksekutif. Maklumat Pengarah Bukan Eksekutif Lembaga Pengarah dan keahlian dalam Jawatankuasa Lembaga Pengarah dari segi bayaran yuran adalah seperti berikut:

YURAN TAHUNAN	BUKAN EKSEKUTIF	
	PENGERUSI	PENGARAH
Lembaga Pengarah	RM315,000	RM120,000
Jawatankuasa Audit	RM24,000	RM12,000
Jawatankuasa Lembaga lain: - Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan	RM10,000	RM8,000
- Jawatankuasa Pelaburan		
- Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah		

Butiran manfaat Pengarah Bukan Eksekutif selaras dengan struktur imbuhan (tidak termasuk yuran tahunan Pengarah) adalah seperti di bawah:

Elaun mesyuarat	<ul style="list-style-type: none"> Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah: RM2,000 setiap kehadiran
Manfaat	<ul style="list-style-type: none"> Kereta syarikat (Pengerusi sahaja): sebuah (1) kereta Syarikat sekurang-kurangnya 2000cc Elaun pemandu: tidak melebihi RM2,500 sebulan Elaun perkhidmatan keselamatan: tidak melebihi RM2,500 sebulan Perbelanjaan perubatan, perlindungan insurans dan manfaat boleh tuntut yang lain

PENYATA MENYELURUH TADBIR URUS KORPORAT - KEBERTANGGUNGJAWABAN

RINGKASAN DASAR IMBUHAN PENGARAH EKSEKUTIF

Pengarah Eksekutif menerima pakej imbuhan yang disemak dan dicadangkan oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pakej imbuhan tersebut mengambil kira prestasi individu yang di tanda aras mengikut sasaran Syarikat serta kadar pasaran untuk manfaat berbentuk barang, kenaikan gaji tahunan dan bonus.

Pengarah Eksekutif tidak layak menerima yuran tahunan atau sebarang elaun mesyuarat bagi mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Pengarah dari kalangan kakitangan juga tidak layak mendapat sebarang yuran tahunan dalam Kumpulan MSM.

Ringkasan pakej imbuhan Pengarah Eksekutif adalah seperti berikut:



Imbuhan Pengarah MSM bagi tahun kewangan berakhir 2017 secara agregat dengan kategori komponen, yang membezakan antara Pengarah Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif, adalah seperti berikut:

	Gaji & Bonus (RM)	NOTIS			Elaun Mesyuarat (RM)	Manfaat ⁽¹⁾ (RM)	Jumlah (RM)	Julat Imbuhan ⁽²⁾ (RM'000)
		Lembaga Pengarah MSM (RM)	Jawatankuasa Lembaga Pengarah MSM (RM)	Subsidiari MSM (RM)				
Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas								
Datuk Wira Abdul Hamid (dilantik berkuat kuasa 26 September 2017)		83,265	-	-	4,000	-	87,264	50-100
Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad (meletak jawatan pada 19 Jun 2017)	Tidak Berkaitan	154,932	-	-	8,000	-	162,932	150-200
Datuk Hanapi Suhada		120,000	8,000	-	22,000	-	150,000	100-150
Dato' Zakaria Arshad		120,000*	16,000*	-	27,500	-	163,500	150-200
Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid (meletak jawatan pada 26 September 2017)		89,219	8,844	-	22,000	22,500	142,563	100-150
Pengarah Bukan Eksekutif Bebas								
Dato' Zainal Haji Ismail		120,000	18,000	-	50,000	34,355	222,355	200-250
Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari		120,000	18,000	-	48,000	34,778	220,777	200-250
Datuk Lim Thean Shiang		120,000	22,000	-	44,000	30,000	216,000	200-250
Dato' Rosini Abd Samad		152,333 [#]	32,000	-	46,000	30,195	260,528	250-300
Dato' Mohammad Fakhruddin Haji Mohd Ariff		120,000	17,151	-	42,000	33,333 [@]	212,484	200-250
Pengarah Eksekutif (ED)								
Dato' Khairil Anuar Aziz (dilantik: 22 November 2017) (ditukar ke jawatan ED: 11 Disember 2017)		3,123*	-	-	-	-	3,123	50 dan ke bawah
Jumlah		1,202,872	139,995	-	313,500	185,161	1,841,528	1,500 - 2,000

Angka tidak termasuk GST

* Yuran Tahunan Pengarah akan dibayar kepada Felda Global Ventures Holdings Berhad

Termasuk Elaun Pemangku sebanyak RM32,333 semasa memegang jawatan sebagai Pemangku Pengurus dari 19 Jun 2017 sehingga 26 September 2017

@ Termasuk elaun pemandu 2016 sebanyak RM3,333 yang dibayar pada tahun 2017

⁽¹⁾ Manfaat terdiri daripada:

- (a) Manfaat berbentuk barang (i) elaun pemandu (ii) elaun perkhidmatan keselamatan; dan
- (b) Manfaat lain iaitu perlindungan perubatan, perjalanan dan manfaat lain yang boleh dituntut

⁽²⁾ Julat imbuhan berikut sebanyak RM50,000.00 tidak terpakai: RM300,001 - RM1,500,000

PENYATA MENYELURUH TADBIR URUS KORPORAT - HUBUNGAN DENGAN PEMEGANG SAHAM

HUBUNGAN DENGAN PEMEGANG SAHAM

Syarikat mempunyai Polisi Pendedahan Korporat yang menetapkan rangka kerja dan garis panduan yang sesuai untuk mentadbir pendedahan maklumat bagi memastikan bahawa pendedahan yang komprehensif, jitu dan tepat pada masanya kepada para pemegang saham dan pihak berkepentingan. Polisi Pendedahan Korporat juga mengawal selia semakan dan pelepasan maklumat kepada Bursa saham dan juga melalui laman web Syarikat, bagi memudahkan pendedahan yang tepat pada masanya serta jitu mengenai hal ehwal syarikat.

Syarikat juga berkomunikasi dengan para pemegang saham dan pemegang berkepentingan melalui saluran komunikasi berikut:

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

MAT Syarikat adalah platform utama untuk berkomunikasi dengan pelbagai jenis pemegang saham.

Pengerusi pada permulaan mesyuarat agung, memaklumkan kepada para pemegang saham mengenai hak mereka untuk mengundi. Berkuatkuasa dari 1 Julai 2016, undian secara "polling" telah diwajibkan di bawah Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama untuk tiap-tiap ketetapan yang dinyatakan dalam notis mesyuarat agung. Lembaga Pengarah berpendapat penggunaan undi secara elektronik untuk mengundi adalah untuk memudahkan penyertaan pemegang saham yang lebih besar, dengan mengambil kira ketersediaan, kebolehpercayaan, kebolehgunaan, kos dan kecekapan. MSM hendaklah melantik Pemantau Bebas untuk mengesahkan keputusan mengundi.

Semasa MAT ke-6 Syarikat yang diadakan pada 15 Mei 2017, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan membentangkan prestasi operasi dan kewangan Syarikat bagi tahun kewangan yang ditinjau. Pembentangan meliputi perkara penting mengenai kewangan, prestasi operasi, pulangan ke atas dana pemegang saham, keutamaan strategik Syarikat serta anugerah dan pengiktirafan yang diterima. Soalan yang dibangkitkan oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti sebelum MAT bersama-sama dengan maklum balas daripada Pengurusan juga dikongsi dengan para pemegang saham semasa MAT. Pengerusi memberi peluang dan masa yang adil kepada semua pemegang saham dalam menjalankan hak-hak mereka untuk mengemukakan soalan.

Persidangan MAT ke-6 telah direkodkan dalam minit mesyuarat yang diringkaskan dan didedahkan kepada pemegang saham dalam laman web korporat syarikat.

Ketua Pegawai Kewangan dan Pengurusan Kanan yang berkaitan hadir untuk mengemaskini wakil media mengenai resolusi yang diluluskan dan menjawab soalan mengenai perkara-perkara berkaitan dengan Kumpulan. Keputusan semua resolusi yang diluluskan pada MAT telah diumumkan pada hari yang sama melalui Bursa LINK.

LAPORAN TAHUNAN

Ini adalah Laporan Tahunan ke-7 MSM yang dihasilkan sejak disenaraikan di Bursa Securities pada 28 Jun 2011. Laporan ini memberi gambaran yang menyeluruh mengenai prestasi operasi dan kewangan Kumpulan.

Laporan tahunan ringkas diterbitkan dalam bentuk bercetak dan dihantar kepada semua pemegang saham bersama-sama dengan CD ROM. Versi dalam talian Laporan Tahunan yang lengkap disediakan di laman web korporat MSM untuk dimuat turun. Sebagai mematuhi Perenggan 9.26 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama, laporan tahunan lengkap yang bercetak akan diberikan kepada pemegang saham atas permintaan, melalui borang permohonan disediakan dalam versi ringkas. Pendaftar saham kami akan memastikan salinan bercetak dihantar kepada pemegang saham dalam tempoh empat (4) hari dari penerimaan borang permohonan tersebut.

LAMAN WEB SYARIKAT

Laman web korporat Syarikat telah menjadi saluran komunikasi utama untuk mendekati pemegang saham dan orang awam. Keputusan kewangan, Laporan Tahunan, pengumuman Bursa Securities, pembentangan korporat dan maklumat lain mengenai Syarikat disiarkan di laman web korporat Syarikat. Slaid pembentangan untuk taklimat penganalisis penyelidikan dan siaran akhbar turut disediakan kepada orang ramai melalui laman web korporat Syarikat, www.msmsugar.com.

PENYATA MENYELURUH TADBIR URUS KORPORAT - HUBUNGAN DENGAN PEMEGANG SAHAM

SIARAN MEDIA

Siaran media dibuat kepada media mengenai semua perkembangan korporat dan inisiatif perniagaan yang penting. Siaran media adalah tertakluk kepada kelulusan oleh Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan bilamana perlu, juga dikeluarkan kepada Bursa Securities untuk meningkatkan hebahan siaran media.

Pada tahun 2017, sidang akhbar dan taklimat penganalisis diadakan serentak dengan pengeluaran keputusan suku tahunan ke Bursa Securities. Ini telah menyediakan peluang dialog antara pengurus dana dan penganalisis penyelidikan dengan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Ketua Pegawai Kewangan dan para Pegawai Pengurusan Kanan Syarikat. Semasa taklimat, penganalisis diberi peluang untuk bertanya dan mendapatkan pandangan lebih jauh mengenai keputusan dan operasi Kumpulan untuk tempoh yang ditinjau. Taklimat ini memudahkan penganalisis penyelidikan bagi menghasilkan analisis dan laporan mereka dengan cara yang tepat pada masanya.

PERHUBUNGAN PELABUR

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Ketua Pegawai Kewangan dan Unit Perhubungan Pelabur kerap terlibat dengan komuniti pelabur melalui persidangan, pameran bergerak tanpa urus niaga, dan mesyuarat bersemuka dengan penganalisis ekuiti, pengurus dana dan pemegang saham institusi untuk menyediakan maklumat terkini mengenai prestasi kewangan suku tahunan Syarikat, dan juga melayan pertanyaan mengenai perkara-perkara strategik, isu-isu kawalselia atau sebarang perubahan dalam persekitaran operasi yang boleh memberi kesan kepada prestasi Kumpulan.

Pemegang saham dialu-alukan untuk mengemukakan sebarang pertanyaan dengan menghubungi Syarikat pada bila-bila masa sepanjang tahun dan tidak perlu menunggu MAT untuk peluang tersebut. Komunikasi dan maklum balas daripada para pemegang saham boleh ditujukan kepada info@msmsugar.com atau Perhubungan Pelabur & Pertanyaan, Aras 44, Menara Felda, Platinum Park, No. 11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur, Malaysia.

KENYATAAN OLEH LEMBAGA PENGARAH

Penyata Menyeluruh Tadbir Urus Korporat ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 22 Mac 2018.

Bagi pihak Lembaga Pengarah

DATUK WIRA AZHAR ABDUL HAMID

Pengerusi

TADBIR URUS KORPORAT

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

PERANAN UTAMA JAWATANKUASA AUDIT IALAH MEMBANTU LEMBAGA PENGARAH MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWAB PEMANTAUAN BERKAITAN DENGAN LAPORAN KEWANGAN, PROSES AUDIT LUAR DAN AUDIT DALAMAN, KONFLIK KEPENTINGAN DAN URUSNIAGA PIHAK BERKAITAN. SEPANJANG TAHUN, JAWATANKUASA AUDIT TERUS MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM MEMANTAU INTEGRITI MAKLUMAT KEWANGAN KUMPULAN YANG DITERBITKAN DAN MENILAI KEBERKESANAN PERSEKITARAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN.

DENGAN SUKACITANYA LEMBAGA PENGARAH MEMBENTANGKAN LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT BAGI TAHUN KEWANGAN



**DATO' ROSINI
ABD SAMAD**

Pengerusi Jawatankuasa Audit

KOMPOSISI DAN MESYUARAT

Dalam tahun kewangan, Lembaga Pengarah menilai komposisi keahlian Jawatankuasa Audit yang membawa kepada pelantikan Dato' Mohammad Fakhruddin Haji Mohd Ariff sebagai ahli tambahan pada 22 Februari 2017. Pada September 2017, bilangan ahli Jawatankuasa Audit telah berubah dari empat (4) kepada tiga (3) orang disebabkan peletakan jawatan Datuk Noor Ehsanuddin Harun Narrashid sebagai Pengarah dan ahli Jawatankuasa Audit pada 26 September 2017.

Jawatankuasa Audit semasa terdiri daripada tiga (3) Pengarah Bukan Eksekutif Bebas yang sejajar dengan Amalan 8.4 (Amalan Yang Dipertingkatkan) Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017 ("MCCG 2017").

Lembaga Pengarah percaya bahawa keahlian semasa ini menyediakan keseimbangan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman yang sesuai untuk menjaga kepentingan semua pemegang saham dan bagi memenuhi keperluan Kumpulan. Komposisi keahlian Jawatankuasa Audit semasa ini bertepatan dengan Perenggan 15.09 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama ("KPPU").

Dato' Rosini Abd Samad, Pengerusi Jawatankuasa Audit, ialah Pengarah Bukan Eksekutif Bebas dan ahli Institut Akauntan Malaysia. Beliau juga merupakan Felo Kehormat CPA Australia dan ahli profesional Institut Juruaudit Dalaman Malaysia. Dato' Rosini Abd Samad telah memenuhi syarat kelayakan seperti yang ditetapkan dalam perenggan 15.09(1)(c)(i) KPPU.

Sepanjang 2017, Jawatankuasa Audit telah mengadakan mesyuarat sebanyak 8 kali termasuk dua (2) mesyuarat tidak berjadual yang diadakan pada 25 Januari 2017 dan 26 April 2017.

Keahlian dan kehadiran mesyuarat ahli Jawatankuasa Audit adalah seperti berikut:

Ahli	Jenis Keahlian	Bil. mesyuarat yang dihadiri pada 2017
Dato' Rosini Abd Samad	Pengerusi/Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	8/8
Datuk Lim Thean Shiang	Ahli/Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	8/8
Dato' Mohammad Fakhruddin Haji Mohd Ariff <i>(dilantik berkuatkuasa dari 22 Februari 2017)</i>	Ahli/Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	6/6
Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid <i>(meletak jawatan pada 26 September 2017)</i>	Ahli/Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	6/7

Pada tahun kewangan, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Ketua Pegawai Kewangan ("CFO"), Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan Felda Global Ventures Holdings Berhad ("FGV") dan Ketua Juruaudit Dalaman Kumpulan dan Pengurusan menghadiri mesyuarat atas jemputan Jawatankuasa Audit. Pengerusi Jawatankuasa Audit melaporkan kepada Lembaga Pengarah mengenai perkara utama yang dibincangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Audit tersebut. Minit setiap mesyuarat diedarkan kepada Lembaga Pengarah pada mesyuarat Lembaga yang seterusnya.

TADBIR URUS KORPORAT

TERMA RUJUKAN

Terma Rujukan Jawatankuasa Audit digubal menurut piawaian KPPU dan telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah bagi Jawatankuasa Audit dalam melaksanakan fungsi dan tugasnya. Di samping itu, Terma Rujukan juga mengiktiraf dan mengamalkan amalan terbaik dan panduan daripada Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan Panduan Tadbir Urus Korporat.

Terma Rujukan akan disemak semula secara berkala di antara satu hingga tiga tahun, sekiranya diperlukan terutamanya apabila terdapat perubahan kepada KKPU dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia.

Terma Rujukan yang terkini telah disemak dan dipinda pada November 2016. Semua pindaan terhadap Terma Rujukan telah dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Butiran penuh Terma Rujukan Jawatankuasa Audit telah dipaparkan dalam laman web korporat Syarikat di www.msmsugar.com.

Kewujudan Jawatankuasa Audit tidak melenyapkan tanggungjawab berkanun dan fidusiari Lembaga Pengarah untuk membuat keputusan berhubung fungsi dan tugas Jawatankuasa Audit.

RINGKASAN TUGAS JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN TAHUN 2017

Melalui lapan (8) mesyuarat yang telah diadakan dan pelbagai sesi tertutup bersama juruaudit luar, dan juruaudit dalaman, Jawatankuasa Audit telah menjalankan aktiviti-aktiviti utama berikut dalam melaksanakan tanggungjawabnya:

Penilaian Persekitaran Risiko dan Kawalan

- Menilai laporan penilaian persekitaran risiko dan kawalan berdasarkan semakan penyata bagi suku tahunan juruaudit luar dan audit kewangan berkanun pada setiap mesyuarat Jawatankuasa Audit.
- Menyemak laporan suku tahunan yang dikeluarkan oleh Audit Dalaman Kumpulan yang merumuskan pemerhatian utama daripada proses audit dalaman yang dijalankan tersebut.
- Menerima pengesahan daripada Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Ketua Pegawai Kewangan bahawa sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan bagi tahun kewangan 2016 telah beroperasi dengan berkesan dan memuaskan, dalam semua aspek material.
- Menyediakan panduan yang relevan bagi penambahbaikan persekitaran risiko dan kawalan Kumpulan, khususnya dalam bidang perdagangan gula mentah dan bertapis dimana merupakan bidang tumpuan utama Kumpulan bagi tahun kewangan.

Menyelia Laporan Kewangan

- Menyemak laporan juruaudit luar dari semakan penyata kewangan suku tahunan mereka pada setiap mesyuarat suku tahunan. Antara tumpuan utama laporan tersebut adalah kontrak yang membebankan, pergerakan inventori dan pengurusan kewangan.
- Mengadakan dua (2) sesi perbincangan persendirian dengan juruaudit luar, Tetuan. Pricewaterhousecoopers PLT ("PwC") tanpa pihak Pengurusan pada 13 Februari 2017 dan 14 November 2017.

Dalam sesi tersebut, perkara-perkara yang dibincangkan adalah seperti berikut:

- i) Kontrak membebankan dan Nilai Realisasi Bersih (NRV) bagi inventori gula mentah
- ii) Pelarasan harga bagi gula mentah yang dibeli
- iii) Inventori gula mentah yang usang
- iv) Penilaian kontrak jualan hadapan gula bertapis yang belum dijelaskan
- v) Kontrak dagangan hadapan dan pilihan gula mentah
- vi) Kesan Pemindahan Harga ke atas MSM Prai dan MSM Perlis berikutnya MTID sebagai pembekal perkhidmatan
- vii) Semakan Status Pematuhan dengan Perjanjian Kewangan berhubung Perjanjian Kemudahan Am bertarikh 11 Disember 2015
- Menyemak laporan suku tahunan yang disatukan bagi setiap suku tahun dan telah dinyatakan dalam hasil analisis secara terperinci.
- Menilai Penyata Kewangan yang Telah Diaudit bagi Kumpulan MSM bagi tahun kewangan 2016 bagi memastikan laporan kewangan tersebut memberi gambaran sebenar dan adil mengenai prestasi kewangan Syarikat dan mematuhi keperluan peraturan.
- Menyemak laporan suku tahunan mengenai perolehan semula dagangan belum terima, menumpukan kepada pematuhan had kredit perolehan semula dagangan belum terima dan tempoh kredit bagi pelanggan yang mempunyai baki tertunggak dalam tempoh yang lama.
- Menyemak penilaian kesan trend mata wang asing ke atas kos gula mentah.
- Menyemak kemas kini perjanjian kewangan berhubung dengan Perjanjian Kemudahan Am bertarikh 11 Disember 2015.
- Mencadangkan inisiatif untuk meningkatkan hasil kewangan Kumpulan MSM 2017.

TADBIR URUS KORPORAT

- Menyemak untuk kelulusan Lembaga Pengarah, pembayaran cukai dari MSM Trading International DMCC kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri.
- Menyemak cadangan untuk mengkaji semula fungsi MSM Trading International DMCC daripada pedagang kepada penyedia perkhidmatan.

Mengkaji Proses Audit Dalaman

- Mengkaji dan meluluskan Pelan Tahunan Audit Dalaman Kumpulan dengan menilai kedudukan keutamaan audit untuk menyediakan liputan audit yang menyeluruh.
- Menilai kecukupan sumber fungsi audit dalaman untuk melaksanakan Pelan Tahunan Audit Dalaman Kumpulan selepas mengambil kira bilangan tugas yang dirancang dan kecekapan yang diperlukan.
- Membentang dan menyemak laporan suku tahunan yang meringkaskan perkara berikut pada setiap mesyuarat suku tahun bagi tahun kewangan 2017:
 - Pemerhatian daripada laporan audit dalaman yang dikeluarkan pada suku tersebut. Jawatankuasa Audit memberi arahan kepada pihak Pengurusan mengenai hal-hal utama yang memerlukan perhatian istimewa dan segera daripada pihak Pengurusan. Jawatankuasa Audit melaporkan kepada Lembaga Pengarah mengenai hal-hal utama tersebut.
 - Kemajuan pelaksanaan cadangan yang disarankan dalam laporan audit dalaman yang dikeluarkan.
 - Kemajuan pelaksanaan Pelan Tahunan Audit Dalaman Kumpulan.
- Menilai hasil keputusan dan penyiasatan khas, termasuk yang timbul daripada permohonan pihak Pengurusan dan Jawatankuasa Audit, dan berbincang dengan pihak Pengurusan mengenai tindakan yang diambil terhadap perkara tersebut.
- Menilai prestasi Ketua Juruaudit Dalaman dan melapkannya kepada FGV.

Menyemak Proses Audit Luar

- Menilai Dasar Juruaudit Luar dan memberi cadangan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.
- Menyemak dan meluluskan terma penglibatan juruaudit luar dan pelan audit bagi tahun kewangan.

PwC membentangkan Pelan Audit Kumpulan MSM 2017 pada mesyuarat Jawatankuasa Audit yang diadakan pada 10 Ogos 2017. Semasa pembentangan tersebut, PwC mengesahkan kebebasan mereka sebagai juruaudit. Seperti yang termaktub dalam Pelan Audit Kumpulan 2017, PwC turut mengetengahkan kepada Jawatankuasa Audit perkara berikut:

- Bidang tumpuan MSM 2017:
 - Pengiktirafan pendapatan bagi tempoh tersebut
 - Risiko kawalan dibatalkan oleh pengurusan
 - Kebolehpulihan nilai dibawa muhibah dan lain-lain aset bukan semasa selain muhibah
 - Kebolehpulihan inventori dan kecukupan peruntukan bagi kontrak yang membebankan
 - Penggunaan perakaunan lindung nilai pada kadar faedah swap
- Perkembangan terkini undang-undang dan kawal selia yang meliputi perkara-perkara berikut:
 - Perkembangan terkini Piawaian Laporan Kewangan, Piawaian Laporan Kewangan Malaysia dan piawaian perakaunan yang baharu;
 - Acta Syarikat Baharu, 2016;
 - Perkembangan cukai terkini;
 - Cabaran baharu Keselamatan Siber Sistem Teknologi Maklumat.
- Jawatankuasa Audit juga sedia maklum pengisytiharan kebebasan yang dilakukan oleh PwC.
- Menganalisis cadangan yuran audit luar berhubung dengan skop kerja yang diperlukan bagi tahun kewangan dan mengesyorkan perkara yang sama untuk kelulusan Lembaga Pengarah.
- Menyemak penilaian juruaudit luar bagi tahun kewangan 2016 bagi pelantikan semula berdasarkan input daripada pihak Pengurusan dan mengesyorkan perkara yang sama untuk kelulusan Lembaga Pengarah.

Menyemak Urus Niaga Pihak Berkaitan

- Menganalisis laporan suku tahunan mengenai Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan bagi memantau urus niaga tersebut mengikut mandat para pemegang saham.
- Mengkaji Pekelingking kepada pemegang saham bagi mendapatkan mandat mengenai Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan yang baharu dan sedia ada serta mencadangkan perkara yang sama untuk kelulusan Lembaga Pengarah.
- Mengkaji laporan audit dalaman bagi Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan.
- Menilai satu (1) urus niaga baharu dengan pihak berkaitan pada tahun ini berkenaan dengan pembinaan Kilang Gula Bertapis Johor di Lot No. PTD 4966, Mukim Sungai Tiram, Perindustrian Tanjung Langsat, Johor Bahru, Johor Darul Takzim.
- Jawatankuasa Audit mengesyorkan transaksi tersebut kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan dan pengumuman telah dibuat kepada Bursa Malaysia.

TADBIR URUS KORPORAT

Tanggungjawab dan tugas-tugas lain:

- Mengkaji laporan berikut dan mencadangkananya untuk kelulusan Lembaga Pengarah untuk dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan bagi tahun kewangan 2016:
 - Laporan Jawatankuasa Audit
 - Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman
 - Penyata Menyeluruh Tadbir Urus Korporat
- Jawatankuasa Audit mengkaji laporan tersebut dengan tumpuan untuk memenuhi Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama dan melaporkan amalan terbaik berdasarkan panduan daripada Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017, panduan untuk Pengarah Syarikat Awam Tersenari di Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman dan lain-lain rujukan amalan terbaik.
- Menyemak dan meluluskan Jadual Mesyuarat Jawatankuasa Audit bagi tahun 2018.

ISI JURUAUDIT LUAR

Pada 23 Februari 2016, Lembaga Pengarah telah meluluskan Dasar Juruaudit Luar ("Dasar"). Dasar tersebut digubal untuk memberi panduan mengenai perkara-perkara yang berkaitan urusan dengan firma akauntan profesional yang telah atau akan dilantik sebagai Juruaudit Luar bagi audit berkanun Kumpulan MSM.

Dasar tersebut merangkumi pelantikan dan pelantikan semula juruaudit luar, penilaian prestasi dan kebebasan juruaudit luar, lataran rakan audit, pelaksanaan dan pelaporan audit, pembabitan juruaudit luar untuk perkhidmatan bukan audit dan pemberhentian juruaudit luar.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, yuran bukan audit bagi perkhidmatan kepada Syarikat oleh juruaudit luarnya, Tetuan PricewaterhouseCoopers, Deloitte dan KPMG ialah sebanyak RM77,104.

DIKEMASKINIAN MENGENAI MAKLUMAT BERKAITAN

Ahli Jawatankuasa Audit sentiasa dimaklumkan mengenai perubahan kepada piawaian perakaunan dan isu-isu berkaitan dengan pelaporan kewangan melalui mesyuarat suku tahunan.

Sepanjang tahun kewangan 2017, semua ahli Jawatankuasa Audit telah menghadiri pelbagai seminar, program latihan dan persidangan untuk mengikuti perkembangan dalam industri dan persekitaran perniagaan. Butiran dinyatakan dalam Penyata Tadbir Urus Korporat di bawah Induksi dan Pembangunan Pengarah pada halaman 085 dalam laporan ini.

PENILAIAN JAWATANKUASA AUDIT

Pada tahun 2017, Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah yang merangkumi prestasi Jawatankuasa Audit dan Pengerusi Jawatankuasa Audit serta Kebebasan Pengarah Bebas telah dijalankan. Penilaian tersebut tertumpu kepada keberkesanan Jawatankuasa Audit dalam menjalankan aktivitiannya. Berdasarkan penilaian yang dilaksanakan, Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa Jawatankuasa Audit dan Pengerusinya telah menunjukkan tahap ketekunan, kebebasan dan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab mereka.

AUDIT DALAMAN

Fungsi audit dalaman untuk Kumpulan MSMH dilaksanakan oleh Audit Dalaman Kumpulan (GIA) syarikat induk, FGV. Ketua Juruaudit Dalaman FGV melapor secara terus kepada Jawatankuasa Audit MSM. Pengendalian Audit Dalaman adalah berdasarkan Piagam Audit Dalaman Kumpulan, yang ditubuhkan selaras dengan keperluan Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa Institut Juruaudit Dalaman dan disahkan melalui Semakan Jaminan Kualiti yang dijalankan oleh Institut Juruaudit Dalaman Malaysia pada tahun 2014.

Ketua Juruaudit Dalaman Kumpulan FGV, Puan Zalily Mohd. Zaman Khan, adalah ahli felo CPA Australia, Juruaudit Dalaman Bertauliah Institut Juruaudit Dalaman, Amerika Syarikat dan memegang ijazah perakaunan dari University of South Australia. Beliau mempunyai lebih daripada 27 tahun pengalaman terkumpul dalam pelbagai industri.

Ketua Juruaudit Dalaman Kumpulan FGV mengetuai juruaudit dalaman bagi seluruh Kumpulan MSM. Lima (5) juruaudit dalaman yang terdiri daripada Ketua Bahagian, Pengurus dan satu (1) pasukan dengan tiga (3) ahli dari Audit Dalaman Kumpulan telah ditugaskan secara khusus untuk melaksanakan audit bagi Kumpulan MSM di sepanjang tahun kewangan. Pasukan tersebut boleh ditambah dengan kakitangan dari segmen lain dalam struktur organisasi Audit Dalaman Kumpulan, sekiranya diperlukan. MSMH juga memperoleh manfaat daripada pasukan audit IT FGV yang melaksanakan kerja audit dalaman berkaitan dengan teknologi maklumat.

Jumlah bilangan juruaudit dalaman yang diperuntukkan adalah sesuai dan mencukupi dari segi gabungan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan lain selaras dengan skop audit dan saiz Kumpulan MSM. Komposisi juruaudit dalaman dan status profesional yang sepadan adalah seperti berikut:

Status Professional	Bil Juruaudit
Perakaunan profesional (ICAEW, CPA, ACCA, CA) atau Juruaudit Dalaman Bertaulian (CIA) atau pascasiswazah (MBA atau Sarjana)	3
Graduate	2
Jumlah	5

Maklumat di atas termasuk 2 juruaudit dalaman yang merupakan ahli Institut Juruaudit Dalaman Malaysia. Jumlah kos yang ditanggung untuk Audit Dalaman Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 ialah sebanyak RM1,688,912 (2016: RM1,387,258).

OBJEKTIVITI DAN KEBEBASAN GIA

Audit Dalaman Kumpulan telah melakukan kaji selidik mengenai hubungan juruaudit dalaman pada November 2017 dan mendapati bahawa juruaudit dalaman bebas daripada sebarang hubungan atau konflik berkepentingan yang boleh menjelaskan objektiviti dan kebebasan mereka. Audit Dalaman Kumpulan menjalankan kaji selidik berkenaan hubungan juruaudit sekali setiap dua (2) tahun dan memastikan penggiliran juruaudit dalaman tidak menghasilkan sebarang kompromi ke atas objektiviti dan kebebasan.

TADBIR URUS KORPORAT

RINGKASAN TUGAS GIA PADA 2017

GIA memberi jaminan kebebasan dan objektif mengenai kecukupan dan keberkesanannya proses pengurusan risiko, kawalan dan tadbir urus Kumpulan meliputi semua operasi Kumpulan. Dalam menjalankan audit bebas mereka, Audit Dalaman Kumpulan mengamalkan pendekatan berdasarkan risiko dengan memberi tumpuan kepada penilaian terhadap bidang risiko utama. Dalam tahun kewangan yang diperkatakan, Audit Dalaman Kumpulan telah melaksanakan aktiviti utama seperti berikut:

- a) Menyemak pelan audit tiga (3) tahun Audit Dalaman Kumpulan dan membentuk asas untuk menghasilkan Pelan Tahunan Audit Dalaman Kumpulan. Pelan audit tiga (3) tahun tersebut dibangunkan berdasarkan keperluan tadbir urus dan penetapan keutamaan untuk pendedahan risiko. Sebaik sahaja bidang audit utama dibangunkan, pelan pengagihan kakitangan dan sumber, anggaran belanjawan dan kemajuan pembangunan kakitangan ditubuhkan untuk menyokong Pelan Audit. Pelan Tahunan Audit Dalaman Kumpulan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit untuk kelulusan.
- b) Melaksanakan audit dalam mengikut Pelan Tahunan Audit Dalaman Kumpulan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Audit dan melaporkan penemuan, cadangan dan tindakan pembetulan pengurusan terus kepada Jawatankuasa Audit dengan salinan kepada pihak pengurusan yang berkaitan untuk tindakan mereka. Skop kerja difokuskan pada bidang utama berikut:
 - Rangka Kerja dan Struktur Tadbir Urus
 - Pengurusan Kewangan
 - Proses Dagangan
 - Rantaian Bekalan
 - Pengurusan Projek
 - Perolehan
 - Sumber Manusia
- c) Penemuan utama daripada laporan audit luaran yang dikeluarkan telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit pada mesyuarat suku tahunannya.
- d) Menyediakan dan membentangkan kepada Jawatankuasa Audit laporan mengenai kemajuan penemuan, cadangan dan pelaksanaan tindakan pembetulan pengurusan dari laporan audit dalaman yang dikeluarkan.
- e) Melaksanakan semakan terhadap Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan dengan tujuan untuk menyokong penyata Jawatankuasa Audit dalam Pekeliling kepada pemegang saham untuk mendapatkan mandat mengenai Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan yang baharu dan sedia ada.

Di samping peranan jaminan, Audit Dalaman Kumpulan juga melaksanakan peranan perundingan dan penyiasatan. Aktiviti utama yang dijalankan, antara lain, adalah seperti berikut:

- a) Menjalankan audit penyiasatan dan melaporkan hasil siasatan tersebut kepada Jawatankuasa Audit dan Pengurusan.
- b) Memberi maklumbalas mengenai Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman 2016, Laporan Jawatankuasa Audit 2016 dan Penyata Tadbir Urus Korporat 2016 sebelum diserahkan kepada Jawatankuasa Audit.

KENYATAAN OLEH LEMBAGA PENGARAH

Laporan Jawatankuasa Audit ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang diluluskan pada 22 Mac 2018.

TADBIR URUS KORPORAT

LAPORAN JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN

DENGAN SUKACITANYA
LEMBAGA PENGARAH
MEMBENTANGKAN LAPORAN
JAWATANKUASA PENCALONAN
DAN IMBUHAN BAGI TAHUN
KEWANGAN BERAKHIR
31 DISEMBER 2017.



DATO' ZAINAL HAJI ISMAIL

Pengerusi Jawatankuasa
Pencalonan dan Imbuhan

KOMPOSISI DAN MESYUARAT

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan terdiri daripada Pengarah Bukan Eksekutif dengan majoriti merupakan para Pengarah Bebas.

Lembaga Pengarah percaya bahawa komposisi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan terkini menyediakan kesimbangan dari segi kemahiran, pengetahuan dan pengalaman untuk memajukan kepentingan semua pemegang saham dan memenuhi keperluan Kumpulan.

Sepanjang tahun 2017, Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan telah mengadakan mesyuarat sebanyak 9 kali. Daripada jumlah tersebut, 4 mesyuarat ialah mesyuarat tidak berjadual yang telah diadakan pada 16 Jun 2017, 19 Jun 2017, 20 September 2017 dan 6 Disember 2017.

Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan telah dipengerusikan oleh Pengerusinya, seorang Pengarah Bukan Eksekutif Bebas, yang bertanggungjawab bagi mempengerusikan mesyuarat. Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan perlu mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 3 kali setahun. Mesyuarat berjadual ditetapkan pada setiap tahun, dan disamping mesyuarat berjadual itu, Pengerusi boleh memanggil untuk bermesyuarat apabila perlu.

Setiausaha Syarikat MSM merupakan Setiausaha Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan dan hadir pada semua mesyuarat bagi merekodkan perjalanan mesyuarat.

Keahlian dan kehadiran ahli ke mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan adalah seperti yang berikut:

Ahli	Jenis Keahlian	Bilangan kehadiran mesyuarat sepanjang 2016
Dato' Zainal Haji Ismail <i>(dilantik pada 25 Mac 2011)</i>	Pengerusi/Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	9/9
Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari <i>(dilantik pada 25 Mac 2011)</i>	Ahli/Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	9/9
Dato' Zakaria Arshad * <i>(dilantik pada 23 Ogos 2016)</i>	Ahli/Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas	5/9

* Dato' Zakaria Arshad telah diberi kebenaran bercuti dan beliau dilepaskan dari semua kapasitinya sebagai GP/CEO dan/atau Pengarah bagi Kumpulan FGV termasuk semua subsidiarinya berkuat kuasa dari 6 Jun 2017 sehingga 15 Oktober 2017. Dalam tempoh tersebut, 4 mesyuarat telah dijalankan.

TERMA RUJUKAN

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan dikawal oleh Terma Rujukan sendiri yang ditubuhkan menurut MMLR dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Ringkasan tanggungjawab utama Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan dibentangkan di halaman 098 dalam Penyata Tadbir Urus Korporat dan ditakrif secara terperinci dalam Terma Rujukannya.

Terma Rujukan disemak secara berkala antara satu hingga tiga tahun, dan apabila diperlukan terutamanya apabila terdapat perubahan kepada Keperluan Penyenaraian dan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017. Terma Rujukan yang terkini telah disemak dan dipinda pada November 2016. Semua pindaan terhadap Terma Rujukan telah dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Butiran penuh Terma Rujukan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan dipaparkan dalam laman web korporat Syarikat di www.msmsugar.com.

TADBIR URUS KORPORAT

PROSES PELANTIKAN LEMBAGA PENGARAH

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan mempertimbangkan kriteria pemilihan berikut untuk penilaian dan pemilihan Pengarah dan Ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah:

- 1) kemahiran, pengetahuan dan pengalaman,
- 2) sumbangan dan prestasi,
- 3) perwatakan, profesionalisme dan integriti,
- 4) bilangan keahlian Lembaga Pengarah dan tanggungjawab luar yang lain yang boleh menjelaskan komitmen Pengarah, termasuk komitmen masa dan sumbangan yang bernali, dan
- 5) keupayaan untuk melaksanakan tanggungjawab/fungsi-fungsi tertentu seperti yang diharapkan daripada Pengarah Bebas.

Sebelum pelantikan dilakukan, calon-calon perlu mendedahkan sebarang kepentingan perniagaan lain yang mungkin menyebabkan konflik kepentingan.

Setiausaha Syarikat memastikan semua pelantikan dibuat dengan sewajarnya dan semua maklumat yang diperlukan diperolehi daripada Pengarah bagi memenuhi kewajipan berkanun termasuk obligasi yang timbul daripada Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama atau peraturan yang lain.

Bagi tahun kewangan berakhir 2017, komposisi ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan yang berikut telah berlaku:

PENGARAH	Perubahan	
	Jenis	Tarikh
Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad	Meletak Jawatan	19 Jun 2017
• Pengerusi/Pengarah Bukan Eksekutif Bebas		
Dato' Rosini Abd Samad	Dilantik Ditukar jawatan	19 Jun 2017 26 September 2017
• Pemangku Pengerusi • Pengarah Bukan Eksekutif Bebas		
Datuk Wira Azhar Abdul Hamid	Dilantik	26 September 2017
• Pengerusi/Pengarah Bukan Eksekutif Bebas		
Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid	Meletak Jawatan	26 September 2017
• Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas		
Dato' Khairil Anuar Aziz	Dilantik Ditukar jawatan	22 November 2017 11 Disember 2017
• Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas • Pengarah Eksekutif Bukan Bebas		

PENGURUSAN KANAN	Perubahan	
	Jenis	Tarikh
Raja Faridah Raja Ahmad Ketua Pegawai Kewangan	Dilantik	1 Jun 2017
Aznur Kama Azmir Ketua Pegawai Kewangan	Tempoh peminjaman telah berakhir	31 Mei 2017

Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad yang memegang jawatan dalam Lembaga Pengarah MSM sebagai Pengerusi/Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas mewakili Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV), salah satu pemegang saham utama MSM, meletak jawatan pada 19 Jun 2017. Dengan peletakan jawatan tersebut, Dato' Rosini Abd Samad telah dilantik dan ditukar jawatan kepada Pemangku Pengerusi MSM bermula 19 Jun 2017, seperti yang dicalonkan oleh FGV dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah MSM pada 19 Jun 2017. Berdasarkan pengalaman dan pengetahuan beliau sebagai Pengarah dan Pengerusi Jawatankuasa Audit MSM, Dato' Rosini Abd Samad telah berjaya melaksanakan tanggungjawab beliau sebagai Pemangku Pengerusi MSM.

Pada September 2017, FGV telah mencalonkan Datuk Wira Azhar Abdul Hamid, Pengerusi FGV, sebagai Pengarah dan Pengerusi MSM, mewakili FGV sebagai Pengarah Namaan FGV, menggantikan Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad yang meletak jawatan pada 19 Jun 2017. Hal ini dibentangkan dan dinilai dengan sewajarnya oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan pada 20 September 2017. Dengan cadangan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan, Lembaga Pengarah telah meluluskan pelantikan Datuk Wira Azhar Abdul Hamid pada 26 September 2017, sebagai Pengerusi/Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas MSM berkuat kuasa serta merta.

Pada hari yang sama, Dato' Rosini Abd Samad melepaskan jawatan Pemangku Pengerusi dan Lembaga Pengarah menerima peletakan jawatan Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid.

Pada 31 Oktober 2017, FGV telah mencalonkan Dato' Khairil Anuar Aziz, Ketua Pegawai Operasi Sektor Gula FGV, sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas MSM bagi menggantikan Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid yang telah meletak jawatan pada 26 September 2017. Pada 9 November 2017, pencalonan tersebut telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan untuk penilaian dan pertimbangan. Dengan cadangan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan, Lembaga Pengarah meluluskan pelantikan Dato' Khairil Anuar Aziz sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas MSM pada 22 November 2017.

Bagi Pengurusan Kanan pula, Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan telah mencadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk meluluskan pelantikan Puan Raja Faridah Raja Ahmad, setelah menamatkan tempoh peminjamannya dengan FGV pada 31 Mei 2017, sebagai Ketua Pegawai Kewangan MSM berkuat kuasa 1 Jun 2017 bagi menggantikan Puan Aznur Kama Azmir, yang kembali semula ke FGV setelah menamatkan tempoh peminjamannya dengan MSM pada 31 Mei 2017.

Semua Pengarah yang baru dilantik diberikan Kit Pengarah yang menerangkan secara matlamat tadbir urus korporat yang baik serta menggariskan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga serta had kuasa mereka. Piagam Lembaga Pengarah MSM yang turut disertakan dalam Kit Pengarah, berfungsi sebagai perlembagaan menyeluruh bagi Lembaga Pengarah.

Secara ringkasnya, Piagam Lembaga Pengarah MSM mengemukakan perkara-perkara penting berikut:

- Penekanan kepada tujuan Lembaga Pengarah;
- Struktur dan komposisi Lembaga Pengarah;
- Peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah yang diberikan kepada Pengurusan, termasuk peranan pengawasan Lembaga Pengarah, hubungan dengan dan tanggungjawab terhadap anak syarikat di dalam Kumpulan;
- Kuasa, tugas dan fungsi Lembaga Pengarah, termasuk hak untuk mendapatkan nasihat, akses kepada kakitangan Kumpulan dan mengadakan mesyuarat apabila diperlukan; dan
- Urusan mesyuarat Lembaga.

TADBIR URUS KORPORAT

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan melaksanakan tanggungjawabnya untuk mengkaji struktur, saiz dan komposisi (termasuk kemahiran, pengetahuan, pengalaman dan kepelbagaian) Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan semua Pengarah Kumpulan berdasarkan Terma Rujukan tersebut. Pada 15 Mac 2018, Jawatankuasa Lembaga Pengarah Tadbir Urus & Pengurusan Risiko telah mencadangkan kepada Lembaga Pengarah MSM untuk meluluskan satu Dasar dan Prosedur Pencalonan dan Pemilihan Lembaga Pengarah yang rasmi mengenai Komposisi Lembaga Pengarah, Kebebasan, Konflik Kepentingan dan Penilaian Lembaga Pengarah. Selain itu, ia menetapkan saiz Lembaga Pengarah, kriteria pemilihan, set kemahiran Pengarah dan kepelbagaian Lembaga Pengarah untuk dipertimbangkan bagi pelantikan Pengarah baru. Dasar tersebut dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga pada 22 Mac 2018.

PELANTIKAN DAN PEMILIHAN SEMULA PENGARAH

Selaras dengan Tataurus Pertubuhan Syarikat, Pengarah yang baru dilantik pada tahun ini perlu menawarkan diri mereka untuk pemilihan semula pada Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) yang pertama selepas pelantikan mereka dan satu pertiga (1/3) daripada Pengarah pada masa tersebut hendaklah meletak jawatan sekurang-kurangnya sekali dalam setiap tiga tahun dan kemudian layak untuk dilantik semula. Pengarah yang akan bersara pada tahun itu adalah mereka yang, tertakluk kepada persaraan mengikut giliran, telah memegang jawatan paling lama semenjak pemilihan atau pelantikan terakhir mereka. Pengarah yang bersara kekal dalam jawatan sehingga selesai mesyuarat agung di mana beliau bersara.

Prestasi Pengarah yang tertakluk kepada pelantikan dan pemilihan semula di MAT dinilai oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan dan selepas itu cadangan dikemukakan kepada Lembaga Pengarah untuk membuat keputusan mengenai cadangan pelantikan atau pemilihan semula Pengarah tersebut untuk kelulusan pemegang saham pada MAT yang akan datang.

Sebagaimana yang dinilai oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan dan dicadangkan oleh Lembaga Pengarah, berikut adalah Pengarah yang akan dipilih semula pada MAT ke-7 yang akan datang:

Pengarah	Jawatan	Peruntukan
a) Dato' Rosini Abd Samad	Pengarah Bukan Eksekutif Bebas	Pemilihan semula selaras dengan Artikel 93
b) Datuk Hanapi Suhada	Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas	Pemilihan semula selaras dengan Artikel 93
c) Datuk Wira Azhar Bin Abdul Hamid	Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas	Pemilihan semula selaras dengan Artikel 99
d) Dato' Khairil Anuar Aziz	Pengarah Eksekutif Bukan Bebas	Pemilihan semula selaras dengan Artikel 99

Pemilihan setiap pengarah akan dijalankan secara berasingan.

Para Pengarah yang akan bersara telah menepati keperluan Lembaga Pengarah, telah melaksanakan tugas dengan cemerlang dan telah menyumbang kepada perbincangan Lembaga Pengarah.

Bagi membantu para pemegang saham membuat keputusan mereka dalam pemilihan semula Pengarah, maklumat yang mencukupi seperti profil peribadi, kehadiran dalam mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga dan pegangan saham para Pengarah dalam Syarikat, yang menawarkan diri untuk dipilih dan dilantik semula, terdapat di dalam Laporan Tahunan ini.

PENILAIAN PRESTASI LEMBAGA PENGARAH

Penilaian prestasi rasmi Lembaga Pengarah termasuk ahli Jawatankuasa Lembaga merupakan peluang untuk menilai dan mentaksir prestasi Lembaga Pengarah termasuk kebebasan pengarah bebas. Pada 2017, Lembaga Pengarah melantik juru perunding luar untuk memudahkan proses penilaian Lembaga Pengarah. Proses tersebut melibatkan penilaian rakan Pengarah dan penilaian kendiri, di mana Pengarah menilai prestasi mereka sendiri dan juga prestasi Pengarah yang lain.

Proses penilaian Lembaga Pengarah

1) Peringkat Penilaian

Langkah 1 : Penambahbaikan proses sedia ada dan kriteria penilaian yang ditetapkan

Langkah 2 : Mengedarkan borang penilaian yang dipertingkatkan kepada Lembaga Pengarah MSM

Langkah 3 : Melakukan semakan ke atas dokumentasi yang berkaitan dan menjalankan temuduga merangkumi perkara berikut:

- Terma Rujukan Lembaga Pengarah serta Jawatankuasa Lembaga Pengarah
- Minit mesyuarat Lembaga Pengarah dan mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah termasuk kertas kerja Lembaga Pengarah yang dibincangkan sepanjang tempoh semakan
- Dokumentasi/maklumat yang dianggap perlu untuk memudahkan semakan yang akan bergantung kepada hasil semakan dokumentasi yang berkaitan

2) Peringkat Laporan

Langkah 1 : Penyerahan kriteria penilaian yang dipertingkat untuk menilai keberkesanan Lembaga Pengarah berserta dengan proses asas yang menyokong proses penilaian secara keseluruhan

Langkah 2 : Pembentangan Keputusan Penilaian kepada Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan dan Lembaga Pengarah

Borang soal selidik telah diagihkan kepada semua ahli Lembaga Pengarah dan meliputi topik-topik termasuk, antara lain, tanggungjawab Lembaga Pengarah berkaitan dengan perancangan strategik, pengurusan prestasi, pelaporan kewangan, proses audit dan kawalan dalaman, pengurusan modal insan, tanggungjawab sosial korporat, komunikasi, tadbir urus korporat, dan kepentingan dan nilai pemegang saham.

Bidang lain yang dinilai termasuk komposisi dan saiz Lembaga Pengarah, sumbangan setiap ahli Lembaga Pengarah dalam mesyuarat, membuat keputusan dan hasil keputusan Lembaga Pengarah, maklumat dan sokongan yang diberikan kepada Lembaga Pengarah serta mengadakan mesyuarat. Hasil soal selidik ini didokumentasikan, dan dilaporkan secara kolektif kepada Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan.

Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan membentangkan hasil penilaian semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah untuk dibincangkan. Selepas meneliti keputusan penilaian tersebut, Lembaga Pengarah telah mengenal pasti cadangan dan inisiatif bagi meningkatkan keberkesanan Lembaga Pengarah.

TADBIR URUS KORPORAT

PENYATA RINGKASAN AKTIVITI NRC SEPANJANG 2017

Sepanjang tahun 2017, Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan melaksanakan beberapa aktiviti utama yang antara lain diringkaskan seperti di bawah, yang telah disemak dan dicadangkan oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan, untuk kelulusan Lembaga Pengarah:

Proses Pencalonan dan Pemilihan

- 1) Pemilihan semula pengarah yang bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan 2017
- 2) Perubahan komposisi keahlian Jawatankuasa Lembaga Pengarah
- 3) Penilaian tahunan keberkesanan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga dan Pengarah Individu termasuk penilaian Pengarah Bebas untuk tahun 2016
- 4) Tamat tempoh peminjaman kakitangan Pengurusan Kanan MSM Malaysia Holdings Berhad kepada Felda Global Ventures Holdings Berhad dan pelantikan sebagai Ketua Pegawai Kewangan
- 5) Peletakan jawatan Pengurus dan Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
- 6) Pelantikan dan pertukaran jawatan sebagai Pemangku Pengurus MSM Malaysia Holdings Berhad untuk sementara waktu
- 7) Pelantikan Pengarah dan Pengurus baru MSM Malaysia Holdings Berhad dan pertukaran jawatan Pemangku Pengurus
- 8) Peletakan jawatan sebagai Pengarah MSM Malaysia Holdings Berhad
- 9) Pelantikan Pengarah Penama Felda Global Ventures Holdings Berhad di MSM Malaysia Holdings Berhad sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas
- 10) Pelantikan Pengarah Eksekutif di MSM Malaysia Holdings Berhad
- 11) Pembaharuan kontrak untuk kakitangan Pengurusan Kanan Kumpulan Syarikat MSM
- 12) Pelantikan Pengarah subsidiari MSM
- 13) Pelantikan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif untuk MSM Prai Berhad

Perkara-perkara Imbuhan

- 1) Imbuhan Para Pengarah untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016
- 2) Pembayaran kenaikan gaji untuk Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM Malaysia Holdings Berhad
- 3) Elaun penanggungan kerja, penggunaan kereta Syarikat dan pemandu Syarikat untuk Pemangku Pengurus
- 4) Kuantum bonus 2016 dan kenaikan gaji 2017 untuk kakitangan Kumpulan Syarikat MSM
- 5) Bonus pendahuluan kepada kakitangan Kumpulan MSM Malaysia Holdings Berhad

Perkara-perkara Lain

- 1) Laporan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan untuk dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan MSM Malaysia Holdings Berhad 2016
- 2) Menggunakan perkhidmatan firma guaman luar untuk tindakan undang-undang terhadap broker insurans
- 3) Pengoptimuman kos Sumber Manusia MSM
- 4) Jadual Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan bagi tahun 2018
- 5) Peletakan jawatan Setiausaha Syarikat Bersama
- 6) Projek Harmonisasi: Hasil penilaian kakitanganan untuk jawatan penting dalam Kumpulan MSM
- 7) Laporan Audit Dalaman Kumpulan dari penyiasatan ke atas MSM Trading International DMCC

Prestasi Jawatankuasa

Setiap tahun, Lembaga Pengarah hendaklah menilai prestasi dan sejauh mana Jawatankuasa telah memenuhi keperluan Terma Rujukan mereka, termasuk tempoh jawatan dan prestasi Jawatankuasa dan setiap ahli Jawatankuasa mereka. Penilaian prestasi ini merupakan sebahagian daripada Penilaian Tahunan Keberkesanan Lembaga Pengarah berkaitan dengan penilaian Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

KENYATAAN OLEH LEMBAGA PENGARAH

Laporan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah yang diluluskan pada 22 Mac 2018.

TADBIR URUS KORPORAT

JAWATANKUASA TADBIR URUS & PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA PENGARAH

Ahli	Kehadiran
Datuk Lim Thean Shiang Pengerusi/Pengarah Bukan Eksekutif Bebas 20 Ogos 2014	5/5
Dato' Rosini Abd Samad Ahli/Pengarah Bukan Eksekutif Bebas 23 Ogos 2016	5/5
Datuk Hanapi Suhada Ahli/Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas 23 Ogos 2016	3/5

Tanggungjawab/Bidang Tugas Utama

Mengurus dan menyelia pembentukan mekanisme berstruktur bagi memupuk tadbir urus, etika, integriti dan pengurusan risiko yang kukuh termasuk bidang-bidang berikut:

- **Tadbir urus**
 - Mengurus dan menyelia pembentukan rangka kerja tadbir urus, program dan polisi
 - Menyemak laporan mengenai status dan ketersediaan prosedur
 - Memantau status dan kemajuan penggubalan dan pelaksanaan rangka kerja tadbir urus yang berkaitan, rangka tindakan dan polisi
- **Etika & Integriti**
 - Menyelia dan menyelenggara Kod Etika & Tatalaku dan Kod Amalan Perniagaan (Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah)
- **Pengurusan Risiko**
 - Mengurus dan menyelia pembentukan rangka kerja pengurusan risiko perusahaan dan strategi
 - Melapor, menasihati dan mencadang kepada Lembaga Pengarah keseluruhan risiko, toleransi, dan strategi mengurus risiko perniagaan dan risiko perniagaan utama

Mesyuarat pada tahun 2017

Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko mengadakan mesyuarat sebanyak lima (5) kali sepanjang tahun 2017. Daripada 5 mesyuarat tersebut, satu (1) adalah mesyuarat tidak berjadual yang dijalankan untuk membincangkan (i) penubuhan daftar risiko baharu bagi MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd dan MSM Trading International DMCC dan (ii) laporan pemeriksaan prosedur siasatan dalaman MSM.

Mesyuarat ini turut dihadiri oleh pasukan Pengurusan yang berkaitan untuk mengemukakan cadangan mereka. Keputusan/cadangan mesyuarat tersebut kemudiannya dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan selanjutnya dan keputusan muktamad.

Aktiviti dalam tahun 2017

Pada tahun 2017, perkara-perkara utama yang dibincangkan oleh Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko adalah seperti berikut:

- Pendedahan dalam laporan berikut untuk dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan 2016:
 - i) Penyata Tadbir Urus Korporat dan Rangka Kerja Tadbir Urus
 - ii) Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalam
 - iii) Penyata Kemampanan
- Laporan Suku Tahunan mengenai Daftar Risiko Kumpulan
- Kemas kini Perancangan Strategik 2020 ("SP 20") MSM Malaysia Holdings Berhad
- Meminda Polisi dan Prosedur Kumpulan MSM Malaysia Holdings Berhad
- Daftar Risiko baharu untuk MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd dan MSM Trading International DMCC
- Laporan Pemeriksaan Prosedur Siasatan Dalam MSM
- Jadual Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah bagi Tadbir Urus & Pengurusan Risiko bagi tahun 2018
- Amalan Tadbir Urus Korporat menurut Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2017 ("MCCG 2017")
 - Perkembangan terkini dan pemakaian Amalan di bawah MCCG 2017

TADBIR URUS KORPORAT

JAWATANKUASA PELABURAN

Ahli	Kehadiran
Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari Pengerusi/Pengarah Bukan Eksekutif Bebas 23 Ogos 2016	5/5
Dato' Zainal Haji Ismail Ahli/Pengarah Bukan Eksekutif Bebas 20 Ogos 2014	5/5
Dato' Mohammad Fakhruddin Haji Mohd Ariff Ahli/Pengarah Bukan Eksekutif Bebas 22 Februari 2017	4/4
Dato' Zakaria Arshad Ahli/Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas 23 Ogos 2016	3/5

Tanggungjawab/Bidang Tugas Utama

- Mengkaji pelan perniagaan dan belanjawan tahunan untuk dicadangkan kepada Lembaga Pengarah
- Mengkaji pelaburan dalam aktiviti pertengahan (penapisan gula) dan aktiviti hiliran (produk pengguna) gula sahaja
- Menilai cadangan pelaburan baru dan pemberhentian pelaburan nilai yang signifikan untuk memastikan ketekalan dengan strategi Global MSMH dan pulangan yang melebihi kadar halangan yang diselaraskan untuk risiko dan prestasi premium
- Meluluskan pelaburan sehingga jumlah yang ditetapkan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa, dan seterusnya mengemukakan cadangan kepada Lembaga Pengarah
- Mengkaji portfolio pelaburan kewangan Kumpulan. Ini termasuk dan tidak terhad kepada aktiviti penggabungan & pengambilalihan sedia ada dan baharu, perkongsian baharu, pemberhentian dan pelaburan perbelanjaan projek bermodal besar
- Menyelia keperluan modal dan sumber kewangan semasa dan masa depan dan memantau aktiviti pengumpulan dana Kumpulan
- Menjalankan penilaian prestasi tahunan aktiviti pelaburan Kumpulan
- Mengkaji polisi dasar dan prosedur pertukaran asing dan pelindungan nilai gula mentah

Mesyuarat pada tahun 2017

Jawatankuasa Pelaburan mengadakan lima (5) mesyuarat sepanjang 2017. Daripada 5 mesyuarat tersebut, satu (1) adalah mesyuarat tidak berjadual bagi membincangkan mengenai pemberian kontrak kilang pembungkusan utama untuk gula bertapis halus bagi projek penapisan gula Johor.

Mesyuarat ini turut dihadiri oleh pasukan Pengurusan yang berkaitan untuk mengemukakan cadangan mereka. Keputusan/cadangan mesyuarat tersebut kemudiannya dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan selanjutnya dan keputusan muktamad.

Aktiviti pada tahun 2017

Pada tahun 2017, perkara utama yang dibincangkan oleh Jawatankuasa Pelaburan adalah seperti berikut:

- Pembinaan projek kilang penapisan gula yang baharu di Tanjung Langsat, Pasir Gudang, Johor
 - Laporan kemajuan
 - Pemberian tender
- Mengkaji dan mencadangkan pemberian tender bagi penyediaan pengangkutan, pengedaran dan pergudangan untuk gula bertapis dan mentah
- Mengkaji penggerakan operasi MSM Trading International DMCC
- Perubahan aktiviti utama MSM Trading International DMCC daripada Pedagang kepada menyediakan Perkhidmatan
- Aktiviti pengumpulan dana

MAKLUMAT PEMATUHAN TAMBAHAN

Sebagai mematuhi Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, maklumat berikut dikemukakan:

1. PENGGUNAAN PENDAPATAN DARIPADA CADANGAN KORPORAT

Tiada pendapatan yang diperoleh daripada cadangan korporat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

2. PEMBELIAN SEMULA SAHAM

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, tiada pembelian semula saham oleh Syarikat.

3. OPSYEN, WARAN ATAU SEKURITI BOLEH TUKAR

Tiada sebarang opsyen, waran atau sekuriti boleh tukar yang diterbitkan oleh Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

4. PROGRAM PENERIMAAN DEPOSITORI AMERIKA (ADR) ATAU PENERIMAAN DEPOSITORI GLOBAL (GDR)

Syarikat tidak menaja sebarang program ADR atau GDR bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

5. SEKATAN DAN/ATAU PENALTI PENTING

Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, tiada sebarang sekatan dan/atau penalti yang dikenakan ke atas Syarikat dan subsidiarianya, pengarah atau pengurusan oleh badan pengawal selia yang berkaitan.

6. YURAN BUKAN AUDIT

Amaun yuran bukan audit yang ditanggung untuk perkhidmatan yang diberikan kepada Syarikat oleh juruaudit luarnya, Tetuan Deloitte, PwC dan KPMG bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 berjumlah RM77,104.

7. PERUBAHAN DALAM KEPUTUSAN

Tiada anggaran, ramalan atau unjuran keuntungan yang dibuat atau dikeluarkan oleh Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

8. JAMINAN KEUNTUNGAN

Tiada jaminan keuntungan diberikan oleh Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

9. KONTRAK PENTING

Tiada kontrak penting yang dimeterai oleh MSM Holdings atau mana-mana subsidiarianya yang penting atau mungkin penting (bukan kontrak yang dibuat dalam urusan perniagaan biasa MSM Holdings dan/atau mana-mana subsidiarianya) dalam tempoh 2 tahun sebelum tarikh Pekeliling ini.

10. PENZAHIRAN URUS NIAGA BERULANG PIHAK BERKAITAN DALAM BENTUK HASIL (RRPT)

Pihak yang berurus niaga	Bentuk Hubungan	Bentuk Urus Niaga	Nilai Urus niaga bagi tahun berakhir 31 Disember		
			2017 (Anggaran) (RM'000)	2017 (Anggaran) (RM'000)	
MSM Malaysia Holdings Berhad Group (MSM) dan FGV	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: <ul style="list-style-type: none"> • FGV Sugar • KPF • FGV Pengarah Berkepentingan: <ul style="list-style-type: none"> • Datuk Wira Azhar • Dato' Zakaria • Dato' Khairil Individu berkepentingan yang mempunyai hubungan <ul style="list-style-type: none"> • Nil 	Penyediaan perkhidmatan pengurusan <ul style="list-style-type: none"> • FELDA • FAHC 	9,000	3,711	
MSM Malaysia Holdings Berhad Group (MSM) dan Felda Prodata	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: <ul style="list-style-type: none"> • FGV Sugar • KPF • FGV Pengarah Berkepentingan: <ul style="list-style-type: none"> • Datuk Wira Azhar • Dato' Zakaria • Dato' Khairil Individu berkepentingan yang mempunyai hubungan <ul style="list-style-type: none"> • Nil 	Penyediaan perkhidmatan teknologi maklumat (IT)	1,000	46	
MSM Malaysia Holdings Berhad Group (MSM) dan Felda Security	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: <ul style="list-style-type: none"> • FGV Sugar • KPF • FGV Pengarah Berkepentingan: <ul style="list-style-type: none"> • Datuk Wira Azhar • Dato' Zakaria • Dato' Khairil Individu berkepentingan yang mempunyai hubungan <ul style="list-style-type: none"> • Nil 	Penyediaan perkhidmatan keselamatan	1,500	1,159	
MSM Malaysia Holdings Berhad Group (MSM) dan FELDA	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: <ul style="list-style-type: none"> • FGV Sugar • KPF • FGV Pengarah Berkepentingan: <ul style="list-style-type: none"> • Datuk Wira Azhar • Dato' Zakaria • Dato' Khairil Individu berkepentingan yang mempunyai hubungan <ul style="list-style-type: none"> • Nil 	Sewaan Pejabat Address Level 44, Menara FELDA Platinum Park No.11, Persiaran KLCC 50088 Kuala Lumpur Malaysia	Saiz 15,631 sq ft Tempoh 23 November 2016 to 23 November 2019 Rental payment Bulanan	2,000	1,445
MSM Malaysia Holdings Berhad Group (MSM) dan Felda Engineering	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: <ul style="list-style-type: none"> • FGV Sugar • KPF • FGV Pengarah Berkepentingan: <ul style="list-style-type: none"> • Datuk Wira Azhar • Dato' Zakaria • Dato' Khairil • Datuk Hanapi Individu berkepentingan yang mempunyai hubungan <ul style="list-style-type: none"> • Nil 	Penyediaan perkhidmatan pengurusan projek dan pembinaan	5,000	-	
MSM Malaysia Holdings Berhad Group (MSM) dan Felda Trading	Pemegang Saham Utama Berkepentingan: <ul style="list-style-type: none"> • FGV Sugar • KPF • FGV Pengarah Berkepentingan: <ul style="list-style-type: none"> • Datuk Wira Azhar • Dato' Zakaria • Dato' Khairil • Datuk Hanapi Individu berkepentingan yang mempunyai hubungan <ul style="list-style-type: none"> • Nil 	Penjualan gula bertapis	48,000	22,928	

INTEGRITI KORPORAT

1. ETIKA DAN INTEGRITI

Kod Etika dan Tatalaku Kakitangan

Kod Etika dan Tatalaku Kakitangan (Kod) Kumpulan MSM menyokong visi dan nilai teras Syarikat dengan menyemai dan menegakkan nilai integriti tanpa kompromi dalam tingkah laku dan tindakan semua Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan, kakitangan dan semua pihak berkepentingan. Kod yang dinyatakan dalam Buku Panduan Kakitangan Kumpulan telah ditubuhkan pada 1 September 2014. Kod tersebut digubal bagi mempertingkatkan pematuhan dan integriti di tempat kerja dan dalam tindakan perniagaan. Ia juga meliputi perlindungan aset Kumpulan, kerahsiaan dan konflik kepentingan. Semua pihak Pengurusan dan kakitangan dikehendaki mengisyiharkan aset dan kepentingan mereka setiap tahun, bagi menyediakan kemas kini mengenai nilai aset individu atau bersama.

Inisiatif Integriti

Kumpulan FGV merupakan salah satu penandatangan kepada Ikrar Integriti Korporat dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Ikrar tersebut terdiri daripada lima Prinsip Anti-Rasuah, iaitu komitmen untuk menggalakkan nilai integriti, ketelusan dan tadbir urus yang baik. Di samping itu, ia juga menggariskan keperluan untuk memperkuuh sistem dalaman yang menyokong pencegahan rasuah, serta memastikan pematuhan terhadap undang-undang, dasar dan prosedur yang berkaitan dengan pemberantasan rasuah. MSM menyokong inisiatif ini dan komited untuk mengukuhkan persekitaran perniagaannya dengan memberi penekanan dan menunjukkan komitmen untuk menegakkan integriti dalam proses, prosedur dan dasar organisasi.

Dasar dan Prosedur Pendedahan Maklumat

Dasar dan Prosedur Pendedahan Maklumat MSM telah dimaklumkan kepada para kakitangan untuk melaporkan sebarang ketidakpatuhan, salah laku dan pelanggaran mengikut Kod Etika MSM atau sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang. MSM komited untuk mengurus dan menyiasat semua laporan. Dasar Pendedahan Maklumat ini diwujudkan bagi menyediakan saluran komunikasi dan maklum balas yang sesuai yang memudahkan pendedahan secara telus dan sulit bagi membolehkan kakitangan dan pihak berkepentingan mengutarakan kebimbangan sebenar mereka mengenai kemungkinan berlakunya salah laku, kelakuan tidak wajar atau penyelewengan lain dalam Kumpulan dengan cara yang sesuai.

2. KUASA DAN TANGGUNGJAWAB

Struktur Organisasi

Kumpulan mempunyai struktur organisasi rasmi dengan garisan tanggungjawab dan kuasa yang dinyatakan secara jelas untuk memudahkan tindak balas yang cepat dalam persekitaran perniagaan yang berubah-ubah, pengawasan dan pemantauan yang berkesan terhadap tindakan perniagaan dan kebertanggungjawaban untuk operasi unit perniagaan individu dan jabatan perkhidmatan sokongan. Peranan Fungsi Pusat di Syarikat Induk telah diperkuuh untuk memberi panduan berkaitan dengan strategi fungsi teras tertentu dan hal-hal berkaitan tadbir urus kepada rangkaian perniagaannya.

Had Kuasa Budi Bicara (DAL) Kumpulan

Selaras dengan usaha untuk terus meningkatkan kawalan dalaman, DAL MSM sentiasa disemak dan dikemas kini bagi menggalakkan kecekapan organisasi di samping memastikan ia selaras dengan urus niaga perniagaan dan toleransi risiko Kumpulan, dan pada masa yang sama konsisten dengan semangat untuk terus meningkatkan kawalan dalaman. DAL MSM menetapkan rangka kerja yang baik bagi kuasa dan tanggungjawab, termasuk pengasingan tugas, yang mempercepatkan pembuatan keputusan yang tepat masa, berkesan dan berkualiti sebagai tambahan kepada kawalan kewangan yang lebih ketat.

Lembaga Pengarah telah meluluskan DAL MSM versi 4.0 yang dipinda pada 10 Ogos 2016. DAL MSM telah disemak dan dikemaskini untuk menggalakkan kecekapan organisasi di samping memastikan ia sejajar dengan dasar, peralatan dan rangka kerja pengurusan risiko Lembaga Pengarah.

Huraian Tugas/Jawatan

Huraian tugas dan tanggungjawab bagi jawatan kerja yang diluluskan dinyatakan dengan jelas, terkini dan berkait dengan visi dan matlamat Kumpulan. Perancangan keperluan tenaga kerja dijalankan, dipimpin oleh bahagian Sumber Manusia Kumpulan, mencerminkan kitaran perancangan belanjawan dengan tujuan untuk mengoptimumkan tahap pengambilan kakitangan dan meningkatkan produktiviti. Keperluan latihan kakitangan sentiasa ditaksir dan pelbagai program disediakan untuk menangani jurang kecekapan di samping latihan ketika bekerja dan bimbingan.

3. KECEKAPAN

Kumpulan MSM telah mewujudkan garis dasar kecekapan berstruktur bagi menilai keperluan pembangunan modal insan sedia ada di pelbagai peringkat penglibatan. Ini bagi memastikan aset utama Kumpulan, iaitu para kakitangannya, serta kemahiran dan kebolehan mereka berdaya saing dan kekal sebegini pada masa akan datang. Dengan kejelasan tanggungjawab dan hubungan antara fungsi, kerjasama di seluruh Kumpulan dapat dipertingkatkan bagi menggerakkan Kumpulan ke arah kecekapan operasi.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

LEMBAGA PENGARAH DENGAN SUKACITANYA MEMBENTANGKAN PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN (PENYATA") DAN KAMI KOMITED UNTUK MENGEKALKAN SISTEM PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN YANG MEMUASKAN DAN CEKAP UNTUK MELINDUNGI PELABURAN PEMEGANG SAHAM DAN ASET KUMPULAN MSM

Penyata ini menggariskan rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan yang diterapkan dalam semua aktiviti perniagaan harian Kumpulan. Ia bertujuan untuk memberi maklumat yang bermakna dan bertahap tinggi mengenai kecukupan dan keadaan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan bagi tahun kewangan dalam semakan kepada pihak berkepentingan kami dan pengguna Laporan Tahunan ini.

Penyata ini dibuat menurut Perenggan 15.26 (b) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Berhad dan menurut Penyataan Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman: Garis Panduan bagi Pengarah Penerbit Tersenarai ("Garis Panduan").

TANGGUNGJAWAB DAN AKAUNTABILITI

Lembaga Pengarah mengakui tanggungjawab menyeluruhnya dalam penubuhan dan pengawasan sistem pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman Kumpulan. Lembaga Pengarah komited sepenuhnya untuk memastikan kewujudan sistem pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman yang berkesan di dalam Kumpulan serta mengkaji dan menilai kecukupan sistem ini secara berterusan. Walaubagaimanapun, Lembaga Pengarah mengakui bahawa sistem tersebut dirangka untuk mengurus dan mengurangkan, bukannya menghapuskan, risiko-risiko yang dikenal pasti mengikut tahap selera risiko yang boleh diterima. Oleh itu, sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan direka untuk mengenal pasti risiko dan menguruskan risiko-risiko sedemikian dalam tahap selera risiko yang boleh diterima dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Kawalan dalaman yang dilaksanakan hanya boleh memberi jaminan yang munasabah, tetapi bukan mutlak, terhadap risiko kegagalan untuk mencapai objektif perniagaan Kumpulan dan/atau berlakunya salah nyata penting atau kerugian kewangan.

Terdapat tiga (3) jawatankuasa di peringkat Lembaga yang menyokong Lembaga dalam menjalankan tanggungjawab pengurusan risiko dan kawalan dalaman:

- i) Lembaga Pengarah Jawatankuasa Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko (BGRMC) yang ditugaskan untuk mengawasi aspek pengurusan risiko dan tadbir urus Kumpulan;
- ii) Jawatankuasa Audit (AC) yang ditugaskan untuk menilai risiko dan persekitaran kawalan dan mengawasi pelaporan kewangan, termasuk audit luaran dan dalaman; dan
- iii) Jawatankuasa Pelaburan (IC) yang ditugaskan untuk memastikan pelaburan yang dibuat adalah sejajar dengan visi dan selera risiko keseluruhan Kumpulan.

Semua Jawatankuasa ini diberi kuasa melalui terma rujukan yang ditetapkan dan diluluskan sebagaimana tanggungjawab yang dinyatakan di atas.

PENGURUSAN RISIKO


Kumpulan MSM mempunyai Unit Tadbir Urus, Pengurusan Risiko dan Pematuhan (CGRM) yang memikul tanggungjawab berikut:

- Mengkaji, menilai, mempertingkatkan dan memantau Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kumpulan termasuk polisi dan prosedur pengurusan risiko;
- Menyelenggara Daftar Risiko Kumpulan;
- Menyediakan panduan kepada operasi seluruh Kumpulan dalam mengenalpasti dan menilai risiko, membangunkan strategi pengurangan risiko yang berkaitan dan berkesan untuk menguruskan risiko;
- Menyediakan laporan risiko untuk BGRMC dan Lembaga Pengarah;
- Menjalankan analisis terhadap risiko tertentu dan sekiranya perlu, melaporkannya kepada BGRMC dan Lembaga Pengarah; dan
- Menyelia Pengurusan Kesinambungan Perniagaan Kumpulan

Rangka Kerja dan Pendekatan Pengurusan Risiko

Pengurusan Risiko, Tadbir Urus dan Pematuhan Kumpulan berada di bawah bidang kuasa Pengarah Eksekutif yang disokong oleh Pasukan GRMC, Ketua Risiko dan Pemilik Risiko. Ketua Risiko disokong oleh pelbagai Pusat Korporat dan Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif Anak Syarikat, untuk selaras dengan Pemilik Risiko dalam mengenal pasti, menilai, mengurus dan memantau risiko utama masing-masing. Mereka juga ditugaskan untuk memastikan pelaksanaan pelan tindakan untuk mengurangkan risiko yang dikenalpasti.


Gambaran keseluruhan rangka kerja pengurusan risiko Kumpulan adalah seperti di bawah:



PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Kumpulan mempunyai polisi dan prosedur yang konsisten dengan Piawaian Pengurusan Risiko ISO 31000, yang dibangunkan untuk membantu kakitangan yang berkenaan untuk melaksanakan tanggungjawab pengurusan risiko mereka.

Proses pengurusan risiko yang berkenaan diterimanya oleh Kumpulan adalah seperti di bawah:



Aktiviti Utama Pengurusan Risiko Bagi 2017

Aktiviti utama pengurusan risiko yang dilaksanakan sepanjang tahun ini adalah seperti berikut:

Membangunkan Sistem Pengurusan Risiko Perusahaan

Sistem Pengurusan Risiko Perusahaan telah berjaya dibangunkan dan kini digunakan oleh kakitangan yang berkenaan.

Laporan Suku Tahunan Risiko Perusahaan

Pelaporan risiko perusahaan utama dilakukan setiap suku tahun kepada BGRMC. Semua Subsidiari dan Bahagian dalam Kumpulan mengemas kini Daftar Risiko secara proaktif melalui Sistem Pengurusan Risiko Perusahaan (ERMS) dan melaporkan ke BGRMC melalui CGRM.

Pengembangan Budaya dan Kesedaran Pengurusan Risiko

Aktiviti GRMC direka untuk menyemai kepentingan budaya pengurusan risiko yang kukuh dan berkesan dalam Kumpulan MSM. Sesi latihan dan memberi kesedaran mengenai Pengurusan Risiko Perusahaan dan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan dianjurkan untuk kumpulan sasaran.

Di samping itu, sesi semakan juga dijalankan pada hujung tahun untuk menilai tahap penerimaan dan pemahaman mengenai aktiviti berkaitan pengurusan risiko yang dijalankan sepanjang tahun.

Pengurusan Kesinambungan Perniagaan (BCM)

BCM bersedia untuk menyokong Kumpulan untuk bertindak balas dan pulih dari peristiwa tidak dijangka yang penting. Dokumentasi BCM

melibati Pelan Kesinambungan Perniagaan, Analisis Impak Perniagaan, dan Penilaian Risiko disemak untuk mengekalkan pelan yang mantap bagi melindungi kepentingan pihak berkepentingan. Di samping itu ujian BCM juga dijalankan di pusat korporat dan subsidiari yang berkenaan.

Semakan ke atas Terma Rujukan (TOR), Dasar dan Prosedur

Semua TOR, dasar dan procedur disemak secara berkala, di antara satu (1) hingga tiga (3) tahun apabila dan jika diperlukan, terutamanya apabila berlaku perubahan kepada Keperluan Penyenaraian dan MCCG 2017 dan untuk memenuhi sebarang perubahan dalam Kumpulan MSM.

RANGKA KERJA KAWALAN DALAMAN

Kumpulan mempunyai rangka kerja pengurusan risiko yang disepadukan, dan di mana sesuai, ia diterapkan ke dalam aktiviti perniagaan harian dan rangka kerja pengambilan keputusan Kumpulan. Kumpulan tidak menerimanya mana-mana satu piawaian atau garis panduan pengurusan risiko kerana mempercayai bahawa adalah lebih baik untuk menyesuaikan rangka kerja pengurusan risiko kepada keadaan khusus Kumpulan. Amalan Kumpulan pada umumnya sejajar dengan prinsip-prinsip ISO 31000. Harus diingat bahawa prinsip-prinsip tersebut adalah meluas dan hanya digunakan jika dianggap sesuai. Menyokong rangka kerja pengurusan risiko yang lebih meluas ini adalah sistem kawalan dalaman yang memudahkan reka bentuk kawalan dalaman dan keberkesanan operasi untuk menguruskan risiko utama. Aspek utama keseluruhan pengurusan risiko dan rangka kerja kawalan dalaman Kumpulan secara selektif digarisukkan di bawah, di mana mereka memberi jaminan bahawa kerangka kerja tersebut adalah mencukupi dan berkesan untuk tujuan Penyata ini.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Kumpulan MSM mengurus risikonya dengan melaksanakan pelbagai mekanisme kawalan dalaman. Mekanisme tersebut terpakai kepada semua subsidiari dalam Kumpulan. Elemen utama struktur kawalan dalam Kumpulan adalah seperti berikut:

ETIKA & INTEGRITI	KUASA & TANGGUNGJAWAB	KECEKAPAN	DASAR DAN PROSEDUR	PEMANTAUAN
Kod Tatalaku Perniagaan dan Etika untuk Kakitangan Polisi Deklarasi Kepentingan Aset Peribadi Kod Amalan Perniagaan (COBP) Inisiatif Integriti Polisi Pendedahan Maklumat	Struktur Organisasi Had Kuasa Budi Bicara (DAL) Deskripsi Tugas	Pembangunan Peribadi Warga Kerja Pembangunan Professional Warga Kerja	Polisi dan Prosedur Operasi	Ulasan Kewangan dan Operasi Proses Belanjawan

1. Etika dan Integriti

- a) Kod Tatalaku Perniagaan dan Etika untuk Kakitangan
Kod Tatalaku Perniagaan dan Etika untuk Pekerja Kumpulan (Kod) telah dimasukkan ke dalam Buku Panduan Kakitangan Kumpulan sejak 1 September 2014. Kod ini menggariskan prinsip-prinsip untuk membimbing para pekerja dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan piawaian integriti peribadi dan korporat yang tinggi. Kod ini meliputi bidang-bidang seperti pematuhan, integriti, dan tatalaku di tempat kerja, amalan perniagaan dan perlindungan terhadap aset, kerahsiaan dan konflik kepentingan Kumpulan.
- b) Polisi Deklarasi Kepentingan Aset Peribadi (APID)
Dalam usaha untuk mengamalkan langkah penzahiran yang teguh dan berkesan, Kumpulan telah menerimanya Dasar ini pada tahun 2016 iaitu untuk menujuhkan objektif dan garis panduan berkenaan dengan Pengisyntiharan Aset/Kepentingan Peribadi. Dasar ini membina budaya integriti dengan mewujudkan piawaian tingkah laku yang boleh diterima dan dengan menyediakan peraturan dan panduan yang jelas mengenai kelakuan beretika di tempat kerja.

- c) Kod Amalan Perniagaan (COBP)
COBP yang telah digunakan oleh Kumpulan, jelas menggariskan tingkah laku yang diharapkan daripada Pengarah dan kakitangan, dan amalan perniagaan yang menggalakkan serta mendukung semangat tanggungjawab, akauntabiliti dan pematuhan undang-undang dengan peraturan yang berkenaan. Ia menekankan kejuran, ketelusan, etika perniagaan dan persekitaran perdagangan yang adil di semua operasi perniagaan Kumpulan. Ia juga menekankan akauntabiliti untuk prestasi perniagaan serta kesan sosial dan alam sekitar yang lebih luas dalam aktiviti Kumpulan, sejajar dengan wawasan Kumpulan MSM bagi pembangunan mampan. Program pengesahan telah tersedia dengan tujuan untuk mengesahkan bahawa setiap Pengarah dan pekerja telah membaca COBP itu.

d) Inisiatif Integriti

Kumpulan MSM adalah salah satu penandatangan Ikram Integriti Korporat dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia(SPRM). Ini menjadikan Kumpulan komited untuk meningkatkan amalan penzahirannya dan mengamalkan ketelusan, integriti dan tadbir urus yang baik dalam operasi perniagaan harian.

e) Polisi Pendedahan Maklumat Kumpulan

Kumpulan MSM telah menyediakan Polisi Pendedahan Maklumat yang menjelaskan pengawasan dan tanggungjawab proses pendedahan maklumat, proses pelaporan dan perlindungan kepada pemberi maklumat dan kerahsiaan yang diberikan kepada pemberi maklumat. Tujuan utama Polisi Pendedahan Maklumat dan mekanisme sokongannya adalah untuk membolehkan pekerja untuk menyuarakan kebimbangan mereka dalam cara yang selamat dan sulit tanpa berasa takut terhadap tindakan balas. Dasar Pendedahan Maklumat dinyatakan dalam Buku Panduan Kakitangan Kumpulan.

2. Kuasa dan Tanggungjawab

a) Struktur Organisasi Kumpulan

MSM mengatur operasinya kepada enam (6) anak syarikat yang disokong oleh pusat-pusat korporat di peringkat syarikat induk. Struktur organisasinya menetapkan garis pelaporan yang jelas dan fungsi yang menggalakkan pemilikan, kebertanggungjawaban dan membentuk asas untuk pengagihan kuasa dan tanggungjawab.

b) Had Kuasa Budi Bicara (DAL)

Selaras dengan semangat untuk terus meningkatkan kawalan dalaman, DAL Kumpulan telah dikaji semula dan dikemas kini untuk menggalakkan kecekapan organisasi sambil memastikan bahawa ia adalah sejajar dengan selera risiko Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah telah meluluskan DAL Versi 4.0 yang telah dipinda pada 24 Ogos 2016.

PENYATA PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

c) Deskripsi Tugas

Setiap peranan dalam struktur organisasi disokong oleh huraian yang jelas tentang tanggungjawab kerja tersebut yang berhubung kait dengan visi dan matlamat Kumpulan. Dengan tanggungjawab dan hubungan yang jelas di antara fungsi, kerjasama dalam Kumpulan dipertingkatkan untuk membawa Kumpulan ke arah kecekapan operasi yang lebih tinggi.

3. Kompetensi

Sebagai sebuah organisasi yang menganggap kakitangannya sebagai aset yang tidak ternilai, Kumpulan komited terhadap pembangunan peribadi dan profesional pekerjanya di setiap peringkat. Kumpulan telah membangunkan beberapa program, selari dengan budaya penambahbaikan berterusannya, untuk memastikan bekalan tenaga kerja mahir dan berpengetahuan yang mencukupi, yang kemudian akan digilap untuk memegang jawatan kepimpinan. Ini adalah fokus utama kearah pertumbuhan yang mantap, mampan dan seimbang.

Program tersebut adalah menyeluruh, disasarkan untuk meningkatkan kecekapan profesional dan tingkah laku dengan memasukkan elemen seperti integriti, tadbir urus dan nilai teras Kumpulan.

4. Polisi dan Prosedur

Polisi dan Prosedur Operasi

Kumpulan beroperasi berdasarkan polisi dan prosedur sedia ada. Polisi dan Prosedur Operasi ("Polisi") disemak semula secara berkala untuk kekal cekap dan sesuai untuk menyokong aktiviti perniagaan Kumpulan pada setiap masa ketika ia berkembang dan berubah di peringkat tempatan dan luar negara. Dasar ini juga memudahkan cara pematuhan terhadap peraturan, penyenaraian dan tadbir urus.

5. Pemantauan

Prestasi Kumpulan MSM berbanding pelan perniagaan dan belanjawan tahunannya diukur dan dipantau melalui mekanisme berikut:

a) Ulusan Kewangan dan Operasi

Ulusan Kewangan dan Operasi adalah satu mekanisme yang diterimakira untuk mengukur prestasi sebenar Kumpulan berbanding pelan perniagaan, prestasi tahun sebelumnya dan belanjawan tahunan. Semakan ini dilaksanakan secara tetap oleh Jawatankuasa Eksekutif yang terdiri daripada pengurusan kanan Kumpulan.

Pengarah Eksekutif, Presiden/CEO Kumpulan dan Ketua Pegawai Kewangan membentangkan Maklumat Kewangan Suku Tahun Kumpulan dan analisis Prestasi Operasi kepada AC sebelum dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan dan dikemukakan kepada Bursa Malaysia.

b) Proses Belanjawan

Perancangan Perniagaan, yang diselaraskan dan diselaraskan dengan objektif tertentu, adalah penting untuk mengarah aktiviti dan inisiatif setiap Subsidiari dan Ibu Pejabat untuk memenuhi objektif jangka pendek dan jangka panjang Kumpulan. Berpandukan kepercayaan ini, Kumpulan MSM memberi penekanan kepada proses belanjawan tahunan yang komprehensif untuk memastikan bahawa pelan perniagaan Kumpulan sejajar dengan Pelan Strategik 2020 (SP20) (V2) yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. SP20 (V2) meliputi tempoh yang lebih panjang dan ia adalah dokumen yang telah diluluskan untuk membimbing Pengurusan dalam membuat keputusan pelaburan dan peruntukan modal ketika melaksanakan strategi Kumpulan.

SEMAKAN PENYATA OLEH JURUAUDIT LUARAN

Seperti yang dikehendaki di bawah Perenggan 15.23 Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, Juruaudit Luaran telah menyemak Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini. Mereka menjalankan semakan jaminan terhad menurut Garis Panduan Amalan Audit dan Jaminan ("AAPG") 3 yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia. AAPG3 tidak memerlukan juruaudit luaran untuk membuat pandangan mengenai kecukupan dan keberkesan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan.

PENYATAAN LEMBAGA PENGARAH

Berdasarkan proses dan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya sepanjang tahun kewangan dan jaminan yang diberikan oleh Presiden/ CEO Kumpulan dan Ketua Pegawai Kewangan, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa rangka kerja pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman seperti yang dinyatakan dalam Penyata ini adalah mantap dan berkesan untuk melindungi pelaburan para pemegang saham dan aset Kumpulan MSM.

Penyataan ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 22 Mac 2018.

PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERNIAGAAN

Matlamat Program BCM adalah untuk mengurangkan kesan gangguan operasi yang besar dan bencana dengan mengembalikan organisasi kepada keadaan "urusan seperti biasa" selepas berlakunya sebarang krisis atau bencana. Oleh yang demikian, ia melindungi kepentingan pihak berkepentingan utama, reputasi MSM, jenama dan aktiviti penciptaan nilai.

Dasar dan prosedur BCM disarankan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Lembaga Pengarah Tadbir Urus & Pengurusan Risiko pada Ogos 2016 dengan objektif berikut:

- Untuk mewujudkan kesedaran dan kesediaan terhadap sebarang kemungkinan gangguan atau bencana;
- Untuk menerimagna pemahaman kesinambungan perniagaan yang sama di seluruh Kumpulan MSM;
- Untuk meminimumkan kerugian semasa bencana atau gangguan perniagaan;
- Untuk menggalakkan dan menyemai budaya pengurusan kesinambungan perniagaan yang kukuh

Pasukan Pengurusan Krisis (CMT) juga ditubuhkan untuk membimbing pengurusan operasi BCM di seluruh kumpulan sebelum, semasa dan selepas sebarang krisis perniagaan. Pasukan ini memastikan aktiviti pencegahan, pembetulan dan pemulihan diselaraskan dan latihan krisis berkala dilaksanakan mengikut keperluan untuk meningkatkan waktu tindak balas selepas berlakunya sesuatu krisis.

Di samping itu, beberapa aktiviti BCM dijalankan pada 2017 dengan subsidiari MSM.

SYARIKAT	TARIKH	PROGRAM BCM
MSM Prai Berhad	<ul style="list-style-type: none"> • 21/11/2017 • 22-23/11/2017 	<ul style="list-style-type: none"> i. Kesedaran BCM ii. Dokumentasi BCM
MSM Perlis Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> • 26/10/2017 • 26/10/2017 • 16/11/2017 	<ul style="list-style-type: none"> i. Kesedaran BCM ii. Dokumentasi BCM iii. Ujian BCM: Simulasi: Lori melanggar konveyor keluaran akhir
MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd	<ul style="list-style-type: none"> • 05/12/2017 	<ul style="list-style-type: none"> i. Kesedaran BCM sahaja

Kumpulan MSM akan terus memastikan program BCM diserapkan dan dilaksanakan dalam semua fungsi perniagaan, menumpukan kepada senario berkemungkinan tinggi yang mungkin meliputi program pengurusan perubahan. Pada masa yang sama, MSM sedang mengusahakan pematuhan terhadap keperluan piawaian antarabangsa ISO 22301 dan Institut Pemulihan Bencana (DRI) AS.

PENGURANGAN RISIKO KAMI

MELANGKAH KE HADAPAN, KAMI TELAH MENGENAL PASTI BEBERAPA RISIKO DALAM OPERASI MSM. KAMI MENGGUNAKAN STRATEGI PENGURANGAN RISIKO YANG BERBEZA-BEZA, BERGANTUNG KEPADA SIFAT RISIKO TERSEBUT DAN PERNIAGAAN ATAU FUNGSI YANG TERJEJAS.

RISIKO UTAMA	IMPAK KEPADA MSM	PENDEKATAN	TERAS STRATEGIK
Ketidakstabilan Harga Gula Mentah	Harga bahan mentah yang tinggi mengakibatkan pengurangan margin malah boleh juga meluru ke arah margin yang negatif.	<ul style="list-style-type: none"> • Semua keputusan berkaitan dengan perolehan di pasaran komoditi antarabangsa akan dilakukan oleh jawatankuasa pusat dibantu dan disokong oleh analisis dari MSM Dubai • Memantau secara konsisten pergerakan harga gula global • Mengelakkan hubungan baik dengan Kerajaan untuk memastikan stok gula negara yang mencukupi • Penetapan harga gula mentah pada asas menyeluruh selepas penjualan eksport atau pembelian hadapan 	<ul style="list-style-type: none"> • Mengekalkan Pertumbuhan Berterusan • Memastikan Kecemerlangan Operasi • Fokus kepada Rantaian Nilai
Kelemahan RM/Kadar Tukaran bagi USD	Transaksi matawang bagi perolehan gula mentah berlaku dalam nilai USD. Kelemahan matawang RM memberi tekanan terhadap margin.	<ul style="list-style-type: none"> • Sentiasa memantau pergerakan tukaran asing RM/USD • Melaksanakan mekanisme lindung nilai strategic • Bagi jangka masa panjang, kami aktif menganjurkan dialog dengan Kerajaan mengenai dasar gula negara, penerbitan struktur penetapan harga, dan aktiviti penyeludupan gula yang memberi impak besar terhadap keuntungan syarikat 	<ul style="list-style-type: none"> • Mengekalkan Pertumbuhan Berterusan • Memastikan Kecemerlangan Operasi
Kebolehpercayaan Operasi dan Perkhidmatan	Masalah yang dihadapi oleh kilang penapisan MSM antaranya adalah peralatan dan perkakasan yang sudah lama, gangguan terhadap perisian komputer, gangguan pengeluaran dan bekalan utiliti. Lantaran ini, menyumbang kepada peningkatan kos operasi, kecekapan berkurangan dan impak terhadap keyakinan pelanggan.	<ul style="list-style-type: none"> • Aktiviti penyelenggaraan dan servis berjadual dan terancang • Melaksanakan program naik taraf dan penggantian kilang dan jentera • Memastikan pengendali dan juruteknik yang mahir dan terlatih untuk memantau kerja penyelenggaraan 	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan Kecemerlangan Operasi • Fokus kepada Rantaian Nilai
Persaingan Jualan	Persaingan jualan menyebabkan pengurangan syer pasaran dan margin keuntungan yang lebih rendah.	<ul style="list-style-type: none"> • Pemantauan rapi terhadap permintaan pasaran dan aktiviti pesaing • Memastikan bekalan yang stabil dan penghasilan gula yang berkualiti • Responsif terhadap maklum balas pelanggan dan memberi penyelesaian kepada isu yang dikemukakan 	<ul style="list-style-type: none"> • Mengekalkan Kedudukan Sebagai Peneraju Pasaran

PERISTIWA PENTING

JEJAK KEMANISAN MSM



Penubuhan MSM Prai Berhad (MSM Prai) di Prai, Pulau Pinang



Penubuhan MSM Perlis Sdn Bhd (MSM Perlis) di Chuping, Perlis



MSM Prai memulakan sistem automasi dalam sektor pengeluaran



Penubuhan MSM Logistics Sdn Bhd (MSM Logistics), sebuah syarikat logistik milik penuh MSM Prai

1959

1971

1976

1990



1964

1973

1980

1992


MSM Prai memulakan operasi penapisan di Prai, Pulau Pinang



MSM Perlis memulakan operasi pengilangan dan penapisan di Chuping, Perlis




MSM Perlis memulakan operasi penapisan gula mentah import



Gudang MSM Prai di Sungai Buloh memulakan operasi dengan kemudahan landasan keretapi dari MSM Prai di Pulau Pinang



PERISTIWA PENTING



Gudang MSM Prai di Johor Bahru mula beroperasi dengan kemudahan landasan keretapi dari MSM Prai di Pulau Pinang



MSM Prai tingkatkan kapasiti penapisan tahunan kepada 960,000 tan. MSM Perlis tingkatkan kapasiti penapisan tahunan kepada 150,000 tan



Pelancaran MSM Dubai



Majlis Pecah Tanah MSM Johor



Menjadi antara 10 syarikat gula terbaik global


2002

2010

2014

2016

2020



MSM Prai tingkatkan kapasiti penapisan tahunan kepada 800,000 tan



Penubuhan MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) dan diikuti kejayaan penyenaraian MSM di Pasaran Utama Bursa Malaysia



Penubuhan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd (MSM Johor) dan MSM Trading International DMCC (MSM Dubai)



MSM Johor dijadual memulakan operasinya di Tanjung Langsat, Johor



ANUGERAH DAN PENSIJILAN



ANUGERAH JENAMA TERBAIK

Penjenamaan Korporat – Pengilangan Gula 2016/2017
Dianugerahkan oleh : The BrandLaureate



HACCP

Pensijilan Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP) oleh Kementerian Kesihatan, Malaysia.

HALAL

Pensijilan Halal oleh Jabatan Kemajuan Islam (JAKIM) sebagai pengesahan pematuhan kami terhadap proses penyediaan makanan yang ketat bagi Gula Putih Bertapis, Gula Perang, Gula Aising, Gula Kastor dan Gula Organik.

KOSHER

Pensijilan Kosher oleh London Beth Din Certified Company.

KESELAMATAN MAKANAN

Sistem Keselamatan Makanan FSSC 22000 dan Pensijilan ISO 22000:2005 oleh SGS Malaysia untuk Pembuatan dan Pembungkusan Gula Bertapis.

Sistem Pengurusan Keselamatan Makanan FSSC 22000 dan Pensijilan ISO 22000:2005 oleh SIRIM QAS dan Rangkaian Pensijilan Antarabangsa untuk Pembuatan Gula Putih Bertapis bagi Penerimaan, Pemprosesan, Pembungkusan dan Pemuatan Gula Mentah.

PENGURUSAN KUALITI

Pensijilan ISO 9001: 2008 oleh SIRIM QAS dan Rangkaian Pensijilan Antarabangsa bagi pematuhan kepada Sistem Pengurusan Kualiti bagi Pembuatan Gula Putih Bertapis dan Produk Berkaitan, Penerimaan dan Penggudangan Gula Bertapis, Penghantaran Gula Bertapis kepada pelanggan.

LESEN

Pensijilan MS4 oleh SIRIM QAS untuk lesen penggunaan cap pensijilan bagi Gula Putih Bertapis.

KESIHATAN & KESELAMATAN PEKERJAAN

Pensijilan OHSAS 18001: 2007 oleh SIRIM QAS dan Rangkaian Pensijilan Antarabangsa bagi pematuhan terhadap Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan untuk Pembuatan Gula Bertapis dan Produk Berkaitan.

Pensijilan MS1722: 2011 oleh SIRIM QAS dan Rangkaian Pensijilan Antarabangsa bagi pematuhan terhadap Sistem Pengurusan Kesihatan dan Keselamatan untuk Pembuatan Gula Bertapis dan Produk Berkaitan.

KALENDAR PERISTIWA

30 MAC

Sesi bersama Komuniti Pelaburan di Menara Felda, Kuala Lumpur



02 - 05 APRIL

Program Penjajaran Nilai di Hotel Iconic, Pulau Pinang

10 APRIL

Pengagihan bantuan sekolah sempena "Program Kembali ke Sekolah" kepada pelajar di enam buah sekolah di sekitar Seberang Prai, Pulau Pinang

01 MEI

Kejohanan Terbuka Catur Gula Perlis ke-8 2017 di Hotel Putra Regency, Perlis

04 MEI

Pengagihan bantuan sekolah sempena "Program Kembali ke Sekolah" kepada pelajar di 10 buah sekolah, Perlis

05 MEI

Program Berbasikal bersama Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail di Chuping, Perlis



15 MEI

Mesyuarat Agung Tahunan ke-6 di Menara Felda, Kuala Lumpur



29 OGOS

Kunjungan oleh Yayasan PINTAR ke Ibu Pejabat MSM di Menara Felda, Kuala Lumpur



29 SEPTEMBER

Lawatan ke Lembaga Tabung Haji, Menara Tabung Haji, Kuala Lumpur



22 MEI

Anugerah Penjenamaan Korporat dan Produk Brandlaureate 2016/2017 di Hotel Majestic, Kuala Lumpur



01 SEPTEMBER

Aktiviti Korban di Kuarters Perumahan MSM Perlis dan Masjid Batu Bertangkup, Perlis

08 JUN

Program Tautan Kasih Ramadhan FGV di Menara Felda, Kuala Lumpur

14 JUN

Majlis berbuka puasa bersama golongan kurang bernasib baik dan orang-orang tua di Masjid Batu Bertangkup, Perlis

15 JUN

Program Memasak Bubur Lambuk di MSM Perlis, Perlis

26 OGOS

Program Target Jaya UPSR 2017 di Dewan Syarahan Kolej Matrikulasi, Arau, Perlis

08 - 10 SEPTEMBER

Program Gerak Gempur PT3 dan SPM SMK Prai di Kompleks Rakan Muda Jawi, Pulau Pinang

13 SEPTEMBER

Lawatan wakil pelaburan dari Permodalan Nasional Berhad ke MSM Prai, Pulau Pinang

15 SEPTEMBER

Lawatan dan sesi perkenalan bersama Pengurus baharu Kumpulan MSM di Ibu Pejabat Menara Felda, Kuala Lumpur



29 - 30 OKTOBER

Lawatan Presiden/ GCEO MSM ke MSM Prai, Pulau Pinang dan MSM Perlis, Perlis

11 - 12 NOVEMBER

Misi bantuan banjir Kumpulan MSM, Pulau Pinang

16 NOVEMBER

Latihan kebakaran, pengungsian bangunan dan latihan Pengurusan Kesinambungan Perniagaan di MSM Perlis, Perlis

17 NOVEMBER

Pengagihan bantuan sekolah sempena "Program Kembali ke Sekolah" kepada pelajar SK Guar Perahu, Pulau Pinang

30 NOVEMBER

Latihan kebakaran dan pengungsian bangunan di MSM Prai, Pulau Pinang

PENYATA TANGGUNGJAWAB PENGARAH

Akta Syarikat, 2016 menghendaki para pengarah menyediakan penyata kewangan (termasuk penyata kedudukan kewangan yang disatukan dan penyata pendapatan komprehensif yang disatukan Kumpulan) bagi setiap tahun kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) bagi entiti-entiti selain daripada entiti-entiti swasta dan peruntukan Akta Syarikat, 2016 dan keperluan penyenaraian pasaran utama Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Malaysia), bagi membentangkan penyata kewangan syarikat di mesyuarat agung tahunannya.

Disertakan di muka surat 125 hingga 192 Laporan Tahunan ini adalah penyata kewangan Syarikat dan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017. Akta Syarikat, 2016 meletakkan tanggungjawab ke atas para Pengarah bagi mereka memastikan bahawa penyata kedudukan kewangan yang disatukan memberikan pandangan yang benar dan saksama mengenai urusan Kumpulan pada 31 Disember 2017 dan penyata pendapatan komprehensif yang disatukan memberikan pandangan yang benar dan saksama mengenai keputusan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

Dalam melaksanakan tanggungjawab mereka mengikut undang-undang, para Pengarah bergantung kepada sistem kawalan dalaman Kumpulan bagi memberikan mereka kepercayaan munasabah bahawa rekod perakaunan Kumpulan dan rekod-rekod lain yang berkaitan yang diuruskan oleh Kumpulan membolehkan para Pengarah menjelaskan urus niaga dan kedudukan kewangan Kumpulan dengan sewajarnya. Ini juga membolehkan para Pengarah memastikan bahawa penyata kedudukan kewangan dan penyata pendapatan komprehensif yang disatukan serta dokumen-dokumen lain yang disertakan adalah benar dan saksama selaras dengan keperluan Akta Syarikat, 2016, dan disediakan bagi tahun kewangan berkait kepada penyata kewangan tersebut.

Akta Syarikat, 2016 juga menghendaki para Pengarah memastikan bahawa Syarikat menyimpan segala rekod perakaunan dan rekod lain dalam keadaan di mana para Pengarah boleh menjelaskan urus niaga dan kedudukan kewangan Syarikat dan Kumpulan, dengan sewajarnya, dan menyediakan penyata kedudukan kewangan dan penyata pendapatan komprehensif serta dokumen-dokumen lain yang perlu disertakan adalah benar dan saksama, dan juga membolehkan rekod-rekod perakaunan tersebut diaudit dengan mudah dan sewajarnya.

Para Pengarah juga memiliki tanggungjawab am untuk mengambil langkah-langkah yang munasabah bagi melindungi aset Kumpulan dan Syarikat serta mengesan dan membanteras penipuan dan kesalahan-kesalahan lain.

LAPORAN PARA PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka bersama dengan penyata kewangan teraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan. Kegiatan utama anak-anak syarikat dinyatakan dalam Nota 19 kepada penyata kewangan.

Tidak ada perubahan ketara dalam kegiatan bagi Kumpulan dan Syarikat ini dalam tahun kewangan.

KEPUTUSAN-KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
(Kerugian)/Keuntungan bagi tahun kewangan	(32,574)	20,736

DIVIDEN

Dividen ke atas saham-saham biasa dibayar atau diisyiharkan oleh Syarikat sejak 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

	RM'000
Bagi tahun kewangan 31 Disember 2016:	
Dividen akhir satu peringkat sebanyak 4 sen sesaham, dibayar pada 13 Jun 2017	28,119

Lembaga Pengarah tidak mengesyorkan pembayaran apa-apa dividen bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Semua pemindahan material kepada dan daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan ini dinyatakan dalam penyata kewangan.

MODAL SAHAM

Akta Syarikat 2016 ("Akta 2016") yang berkuat kuasa pada 31 Januari 2017 telah memansuhkan Akta Syarikat 1965. Akta 2016 telah menghapuskan konsep nilai par atau nilai nominal saham dan oleh itu, premium saham, rizab penebusan modal dan modal dibenarkan dihapuskan. Selaras dengan Seksyen 618 (2) Akta 2016, amaun yang kekal kepada kredit premium saham Syarikat sebanyak RM366,765,000 menjadi sebahagian daripada modal saham Syarikat dengan penguatkuasaan Akta 2016.

LAPORAN PENGARAH

PENGARAH

Para Pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh laporan terakhir adalah seperti berikut:

Datuk Wira Azhar Abdul Hamid	(Dilantik pada 26 September 2017)
Dato' Zainal Haji Ismail	
Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari	
Datuk Lim Thean Shiang	
Dato' Rosini Abd Samad	
Datuk Hanapi Suhada	
Dato' Zakaria Arshad	
Dato' Mohammad Fakhruddin Haji Ariff	
Dato' Khairil Anuar Aziz	(Dilantik pada 22 November 2017)
Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad	(Berhenti pada 19 Jun 2017)
Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid	(Berhenti pada 26 September 2017)

Nama-nama Pengarah anak-anak syarikat dinyatakan dalam akaun berkanun anak-anak syarikat masing-masing dan maklumat tersebut dianggap telah dimasukkan ke dalamnya dengan rujukan tersebut dan merupakan sebahagian daripadanya.

MANFAAT PARA PENGARAH

Sejak akhir tahun kewangan yang lalu, tiada Pengarah telah menerima atau berhak menerima manfaat (selain manfaat yang dinyatakan dalam Imbuhan Pengarah) disebabkan oleh kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan bersama para Pengarah atau dengan firma di mana Pengarah ialah ahli, atau dengan syarikat di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang besar.

Semasa atau pada akhir tahun kewangan, tiada pengaturan yang mana Syarikat menjadi pihak, yang merupakan pengaturan dengan objek atau objek-objek yang membolehkan Pengarah Syarikat memperoleh manfaat melalui pemerolehan saham, atau debentur, dalam Syarikat atau mana-mana badan korporat lain, selain daripada yang timbul daripada pelan insentif jangka panjang syarikat induk ("LTIP") seperti yang dinyatakan dalam Kepentingan Pengarah dalam Saham dan Debentur.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH DALAM SAHAM DAN DEBENTUR

Mengikut Daftar Pemegangan Saham Pengarah yang perlu disimpan menurut Seksyen 59 Akta Syarikat 2016, tiada Pengarah yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan memegang apa-apa saham-saham atau debentur Syarikat atau anak-anak syarikatnya atau syarikat induknya atau anak-anak syarikat induk ketika tahun kewangan kecuali yang berikut:

Pemegangan Saham dalam MSM Malaysia Holdings Berhad

	Bilangan saham biasa			
	Pada 1.1.2017	Diperoleh	(Dilupuskan)	Pada 31.12.2017
Dato' Zainal Haji Ismail	20,000	-	-	20,000
Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari	20,000	-	-	20,000

LAPORAN PENGARAH

KEPENTINGAN PARA PENGARAH DALAM SAHAM DAN DEBENTUR (SAMBUNGAN)

Pemegangan saham dalam Felda Global Ventures Holdings Berhad, syarikat induk utama

	Tarikh Pelantikan/ pada 1.1.2017	Diperoleh	Diberi	(Dilupuskan)	Bilangan saham biasa	Pada 31.12.2017
Datuk Wira Azhar Abdul Hamid	100,000	94,500	-	-	194,500	
Dato' Zakaria Arshad*	165,000	-	85,600	-	250,600	
Dato' Khairil Anuar Aziz#	-	-	42,500	-	42,500	
Dato' Zainal Haji Ismail	40,000	-	-	-	40,000	

* Daripada 85,600 saham yang diberikan pada tahun berkenaan, 5,000 saham dipegang melalui nomini

Dianggap kepentingan menurut Seksyen 59(11)(c) Akta Syarikat 2016, yang mana 42,500 saham yang diberikan pada tahun berkenaan, 10,800 saham dipegang melalui pasangan Dato' Khairil Anuar Aziz

Saham-saham yang diberikan kepada para Pengarah susulan Pelan Insentif Jangka Panjang Felda Global Ventures Holdings Berhad adalah dinyartakan seperti di bawah:

	Tarikh Geran	Jenis Geran	Tarikh pelantikan/ pada 1.1.2017	Diberikan	(Diperuntuk)	Bilangan saham biasa yang diberikan di bawah LTIP	Pada 31.12.2017
Dato' Zakaria Arshad	01.07.2016	RS	147,100	-	(44,100)	103,000	
Dato' Zakaria Arshad	30.11.2017	RS	-	41,500	(41,500)	-	
Dato' Khairil Anuar Aziz	01.07.2016	RS	36,200	-	(10,800)	25,400	
Dato' Khairil Anuar Aziz	12.07.2017	RS	-	31,700	(31,700)	-	

* RS – saham terhad

Dibawah LTIP FGVH, saham biasa bernilai dalam FGVH diberikan kepada kakitangan yang layak dan Pengarah-Pengarah Eksekutif Kumpulan FGVH. Geran di bawah LTIP ini akan diberi hak apabila memenuhi syarat-syarat tertentu yang dinyatakan dalam surat tawaran saham-saham di bawah LTIP. Semua saham terhad ("RS") yang diberikan pada tahun kewangan telah diperuntukkan pada akhir tahun. RS yang diberikan pada tahun kewangan sebelumnya mempunyai tempoh peruntukan tiga tahun dan tarikh peruntukan pertama pada 31 Mac 2017.

IMBUHAN JURUAUDIT

Butiran imbuhan juruaudit dinyatakan dalam Nota 10 penyata kewangan.

IMBUHAN PENGARAH

Butiran imbuhan Pengarah dinyatakan dalam Nota 11 penyata kewangan.

PERLINDUNGAN DAN INSURANS UNTUK PARA PENGARAH DAN PEGAWAI

Syarikat mengekalkan insurans liabiliti korporat untuk para Pengarah dan Pegawai Kumpulan sepanjang tahun kewangan, yang menyediakan perlindungan insurans yang sesuai untuk Para Pengarah dan Pegawai Kumpulan. Jumlah premium terbitan yang dibayar oleh Syarikat sepanjang tahun kewangan adalah berjumlah sebanyak RM50,000.

LAPORAN PENGARAH

MAKLUMAT BERKANUN LAIN

- (a) Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya:
- (i) untuk memastikan agar tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan pelupusan hutang lapuk dan penyediaan peruntukan bagi hutang rugu dan mereka berpuas hati bahawa semua hutang lapuk diketahui telah dihapus kira dan bahawa peruntukan yang mencukupi telah dibuat bagi hutang rugu; dan
 - (ii) untuk memastikan bahawa mana-mana aset semasa, selain daripada hutang, yang tidak mungkin direalisasikan dalam urusan biasa perniagaan yang nilainya ditunjukkan dalam rekod perakaunan Kumpulan dan Syarikat telah dikurangkan nilainya kepada amaun yang dijangka mungkin direalisasi.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan:
- (i) yang mungkin menjadikan jumlah dihapus kira bagi hutang lapuk atau jumlah peruntukan bagi hutang rugu tidak mencukupi sehingga mana-mana tahap yang ketara; atau
 - (ii) yang mungkin menjadikan nilai dikaitkan kepada aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan; atau
 - (iii) yang telah timbul dan menjadikan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti sedia ada Kumpulan dan Syarikat mengelirukan atau tidak wajar.
- (c) Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:
- (i) sebarang gadaian ke atas aset Kumpulan dan Syarikat yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin liabiliti mana-mana individu lain; atau
 - (ii) sebarang liabiliti luar jangka Kumpulan dan Syarikat yang timbul sejak akhir tahun kewangan.
- (d) Tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti lain telah dikuatkuasakan atau berkemungkinan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin menjelaskan keupayaan Syarikat atau anak-anak syarikatnya untuk memenuhi kewajipan mereka apabila tiba masanya.
- (e) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari akan sebarang keadaan yang dinyatakan di dalam laporan ini atau penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang mungkin menjadikan mana-mana jumlah dinyatakan dalam penyata kewangan mengelirukan.
- (f) Pada pendapat para Pengarah,
- (i) keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat dalam tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa kecuali seperti yang didebakkan dalam nota-nota kepada penyata kewangan; dan
 - (ii) tidak timbul dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, sebarang perkara, urus niaga atau peristiwa yang bersifat material dan luar biasa yang berkemungkinan akan menjelaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan atau Syarikat bagi tahun kewangan dilaporkan.

LAPORAN PENGARAH

SYARIKAT PEMEGANGAN UTAMA

Para Pengarah menganggap Felda Global Ventures Holdings Berhad, sebuah syarikat diperbadankan di Malaysia dan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, sebagai syarikat pemegangan utama.

JURUAUDIT

Juruaudit, PricewaterhouseCoopers PLT (LLP0014401 - LCA & AF 1146), telah menyatakan kesanggupan mereka untuk terus berkhidmat.

PricewaterhouseCoopers PLT (LLP0014401 - LCA & AF 1146) telah berdaftar pada 2 Januari 2018, dan berkuat kuasa pada tarikh tersebut, PricewaterhouseCoopers (AF 1146), sebuah perkongsian konvensional telah ditukarkan kepada perkongsian liability terhad.

Laporan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 22 Mac 2018. Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah:



DATUK WIRA AZHAR ABDUL HAMID
PENGERUSI



DATO' KHAIRIL ANUAR AZIZ
PENGARAH

Kuala Lumpur

PENYATA PARA PENGARAH

MENURUT SEKSYEN 251(2) AKTA SYARIKAT 2016

Kami, Datuk Wira Azhar Abdul Hamid dan Dato' Khairil Anuar Aziz, dua daripada Pengarah MSM Malaysia Holdings Berhad, menyatakan bahawa, pada pendapat para Pengarah, set penyata kewangan yang dikemukakan pada muka surat 125 hingga 192 disediakan untuk memberikan gambaran sebenar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir pada ketika itu selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan di Malaysia dan peruntukan-peruntukan Akta Syarikat 2016.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi para Pengarah bertarikh 22 Mac 2018.

DATUK WIRA AZHAR ABDUL HAMID
PENTERUSI

DATO' KHAIRIL ANUAR AZIZ
PENGARAH

Kuala Lumpur

PENGISYTIHARAN BERKANUN

MENURUT SEKSYEN 251(1) AKTA SYARIKAT 2016

Saya, Raja Faridah Raja Ahmad, sebagai pegawai utama bertanggungjawab bagi pengurusan kewangan MSM Malaysia Holdings Berhad, dengan sesungguhnya dan seikhlasnya memperakui bahawa, set penyata kewangan yang dikemukakan pada muka surat 125 hingga 192 adalah, pada pendapat saya, betul dan saya membuat perakuan ini dengan secara sedar mempercayai yang sama sebagai benar, dan selaras dengan peruntukan Akta Perakuan Berkanun, 1960.

RAJA FARIDAH RAJA AHMAD

Ditandatangani dan sesungguhnya diperakui di hadapan saya oleh Raja Faridah Raja Ahmad di Kuala Lumpur dalam Malaysia pada 22 Mac 2018, di hadapan saya.

PESURUJAYA SUMPAH



LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADA AHLI-AHLI MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD
(DITUBUHKAN DI MALAYSIA)
(NO. SYARIKAT 935722-K)

LAPORAN AUDIT PENYATA KEWANGAN

Pendapat kami

Pada pendapat kami, penyata kewangan MSM Holdings Malaysia Berhad ("Syarikat") dan anak-anak syarikatnya ("Kumpulan") memberikan gambaran sebenar dan saksama kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan dan aliran tunai mereka bagi tahun kewangan berakhir pada ketika itu selaras dengan Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan dan keperluan-keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Apa yang telah kami audit

Kami telah mengaudit penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2017 Kumpulan dan Syarikat, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada ketika itu, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan polisi-polisi perakaunan penting dan lain-lain nota penjelasan, sebagaimana dikemukakan di muka surat 125 hingga 192.

Asas bagi pendapat

Kami telah menjalankan audit menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut dijelaskan di dalam seksyen "Tanggungjawab Juruaudit bagi pengauditan penyata kewangan" dalam laporan ini.

Kami percaya bahawa bukti audit kami yang telah kami perolehi adalah mencukupi dan wajar untuk menyediakan asas bagi pendapat audit kami.

Kebebasan dan tanggungjawab beretika lain

Kami adalah bebas daripada Kumpulan dan Syarikat selaras dengan Undang-Undang Kecil (mengenai Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika bagi Akauntan Profesional ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kita lain mengikut Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

Pendekatan audit kami

Sebagai sebahagian daripada perancangan audit kami, kami menentukan kepentingan dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat. Khususnya, kami mengambil kira di mana para Pengarah membuat pertimbangan subjektif; sebagai contoh, berkenaan dengan anggaran perakaunan penting yang melibatkan pembuatan andaian dan mempertimbangkan peristiwa masa hadapan yang tidak pasti. Seperti dalam semua tugas audit kami, kami juga menangani risiko pengurusan mengatasi kawalan dalaman, termasuk antara lain, pertimbangan sama ada terdapat bukti yang berat sebelah yang menunjukkan risiko salah nyata yang ketara disebabkan oleh penipuan.

Kami merangka skop audit kami untuk melaksanakan kerja-kerja yang mencukupi untuk membolehkan kami memberi pendapat ke atas penyata kewangan secara keseluruhan, dengan mengambil kira struktur Kumpulan dan Syarikat, proses perakaunan dan kawalan, dan industri di mana Kumpulan dan Syarikat beroperasi.

Perkara audit utama

Perkara audit utama adalah mereka perkara-perkara yang, dalam pertimbangan profesional kami, adalah yang paling penting dalam audit kami terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun semasa. Perkara-perkara ini ditangani dalam konteks audit kami terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat secara keseluruhan, dan dalam membentuk pendapat kami mengenainya, dan kami tidak memberikan pendapat yang berasingan mengenai perkara-perkara ini.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADА AHLI-AHLI MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD
(DITUBUHKAN DI MALAYSIA)
(NO. SYARIKAT 935722-K)

LAPORAN AUDIT PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Perkara audit utama (sambungan)

Perkara audit utama	Bagaimana kami menangani perkara audit utama
Penilaian rosot nilai muhibah Pada 31 Disember 2017, Kumpulan mempunyai Muhibah sebanyak RM576.2 juta. Tumpuan yang kami berikan terhadap bidang ini sebagai jumlah yang boleh diperolehi semula daripada unit penjanaan tunai ("CGU") adalah berdasarkan pengiraan nilai dalam penggunaan ("VIU"), yang memerlukan pertimbangan pengurusan mengenai andaian yang digunakan dalam pengiraan, harga jualan tertentu, harga gula mentah, volum jualan dan kadar pertumbuhan nilai terminal. Rujuk Nota 3(d) dalam dasar perakaunan utama, Nota 5 dalam anggaran dan pertimbangan perakaunan kritikal dan Nota 18 kepada penyata kewangan.	Kami menilai kemunasabahan anggaran aliran tunai masa depan terdiskaun yang disediakan oleh pihak pengurusan dan prosedur kami termasuk: <ul style="list-style-type: none"> • Kami menilai andaian utama yang digunakan oleh pihak pengurusan dalam pengiraan VIU, harga tertentu jualan, harga gula mentah, volum jualan dan kadar pertumbuhan nilai terminal dengan membandingkannya dengan pelan perniagaan, keputusan lepas dan trend pasaran; • Kami menilai kebolehpercayaan unjuran pengurusan melalui kajian trend masa lalu prestasi kewangan sebenar berbanding ramalan keputusan sebelumnya; • Kami menjalankan analisis sensitiviti ke atas harga jualan, harga gula mentah, volum jualan, kadar pertumbuhan nilai terminal dan kadar diskau untuk menilai kesan ke atas penilaian rosot nilai; dan • Kami menilai kecukupan pendedahan dalam Penyata Kewangan. Berdasarkan prosedur-prosedur tersebut, kami mengambil maklum bahawa tiada pengecualian yang ketara.

Kami telah memastikan bahawa tiada perkara audit utama bagi Syarikat untuk dimaklumkan dalam laporan kami.

Maklumat selain daripada laporan penyata kewangan dan juruaudit

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab terhadap maklumat yang lain. Maklumat lain terdiri daripada Maklumat Korporat, Penyataan Pengerusi, Perbincangan dan Analisis Pengurusan (termasuk Ulasan Ketua Pegawai Eksekutif dan Model Perniagaan Strategik), Ulasan Ketua Pegawai Kewangan, Tadbir Urus Korporat (termasuk Laporan Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko), Laporan Jawatankuasa Pelaburan dan Laporan Jawatankuasa Penamaan & Imbuhan) dan Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman yang kami diperolehi sebelum tarikh laporan juruaudit ini serta Prestasi Kewangan Suku Tahunan, Penyata Nilai Tambah dan ringkasan kewangan 5 tahun, yang dijangka akan diberikan kepada kami selepas tarikh tersebut. Maklumat lain tidak meliputi penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat dan laporan juruaudit mengenainya.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak meliputi maklumat lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Berhubung audit kami terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat lain dan, dalam berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat tersebut tidak konsisten secara material dengan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat atau maklumat material yang diperolehi dalam audit atau sebaliknya kelihatan tersalah nyata.

Jika, berdasarkan tugasan yang telah kami jalankan ke atas maklumat lain yang diperolehi sebelum laporan juruaudit ini, kami membuat kesimpulan bahawa jika terdapat salah nyata yang ketara mengenai maklumat lain ini, kami dikehendaki melaporkan perkara tersebut. Dalam perkara ini, kami tidak mempunyai sebarang laporan mengenainya.

Tanggungjawab para Pengarah terhadap penyata kewangan

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab bagi penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia. Para Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman tertentu sebagaimana para Pengarah merasakan perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, para Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk meneruskan sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, jika berkaitan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan jika para Pengarah, sama ada berhasrat untuk membubarkan Kumpulan atau Syarikat, atau menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik untuk berbuat demikian.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADAH AHLI-AHLI MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD
(DITUBUHKAN DI MALAYSIA)
(NO. SYARIKAT 935722-K)

LAPORAN AUDIT PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Perkara audit utama (sambungan)

Tanggungjawab juruaudit terhadap pengauditan penyata kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah merupakan jaminan tahap yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara sekiranya ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap penting jika, secara individu atau dalam agregat, ia boleh secara munasabah dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi oleh pengguna yang diambil berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan skeptisme profesional sepanjang tugas audit. Kami juga:

- (a) Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk menyediakan asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada risiko yang timbul akibat kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan dengan sengaja, gambaran yang salah, atau melepas kawalan dalaman.
- (b) Mendapatkan pemahaman kawalan dalaman yang relevan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan dan Syarikat.
- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh para Pengarah.
- (d) Memutuskan mengenai kesesuaian penggunaan asas usaha berterusan perakaunan oleh Pengarah dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada ketidakpastian material wujud yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang besar ke atas keupayaan Kumpulan atau Syarikat untuk kekal sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian material wujud, kami dikehendaki menarik perhatian laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan yang boleh menyebabkan Kumpulan atau Syarikat untuk berhenti daripada meneruskannya sebagai satu usaha berterusan.
- (e) Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mewakili urus niaga pendasar dan peristiwa dengan cara yang menunjukkan pembentangan yang adil.
- (f) Mendapatkan bukti audit yang mencukupi mengenai maklumat kewangan aktiviti entiti atau perniagaan dalam Kumpulan untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan Kumpulan. Kami bertanggungjawab ke atas arahan, penyeliaan dan prestasi audit kumpulan. Kami kekal bertanggungjawab sepenuhnya ke atas pendapat audit kami.

Kami berkomunikasi dengan para Pengarah, antara lain, mengenai skop yang dirancang dan tempoh audit dan pemerhatian audit yang penting, termasuk apa juu kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa audit dijalankan.

Kami juga menyediakan penyataan untuk para Pengarah bahawa kami telah mematuhi keperluan etika kebebasan yang berkaitan, dan memaklumkan kepada mereka semua hubungan dan perkara-perkara lain yang secara munasabah difikirkan berkaitan dengan kebebasan kami, dan di mana berkenaan, perlindungan yang berkaitan.

Daripada perkara-perkara yang telah dimaklumkan kepada para Pengarah, kami menentukan perkara-perkara yang paling penting dalam pengauditan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun semasa itu adalah perkara audit utama. Kami menghuraikan perkara-perkara tersebut dalam laporan juruaudit, melainkan terdapat undang-undang atau peraturan yang menghalang pendedahan awam tentang perkara tersebut, di mana ia amat jarang berlaku. Kami menentukan perkara yang tidak boleh dimaklumkan dalam laporan kami kerana kesan buruk jika berbuat demikian dijangka akan melebihi manfaat kepentingan awam.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

KEPADА AHLI-AHLI MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD
(DITUBUHKAN DI MALAYSIA)
(NO. SYARIKAT 935722-K)

LAPORAN MENGENAI KEPERLUAN UNDANG-UNDANG DAN KAWAL SELIA LAIN

Selaras dengan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa anak-anak syarkat yang mana kami tidak bertindak sebagai juruaudit mereka, seperti yang dinyatakan dalam Nota 19 Penyata Kewangan.

PERKARA-PERKARA LAIN

Laporan ini dibuat semata-mata kepada ahli-ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, selaras dengan Seksyen 266 Akta Syarikat 2016 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana individu lain ke atas kandungan laporan ini.

PRICEWATERHOUSECOOPERS PLT

LLP0014401-LCA & AF 1146

Akauntan Berkanun

AZIZAN ZAKARIA

2930/05/18 (J)

Akauntan Berkanun

Kuala Lumpur
22 Mac 2018

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2017 RM'000	2016 RM'000	2017 RM'000	2016 RM'000
Hasil	6	2,656,053	2,658,446	68,610	208,240
Kos Jualan		(2,510,256)	(2,327,896)	-	-
Keuntungan kasar		145,797	330,550	68,610	208,240
Lain-lain pendapatan operasi	7	8,685	6,500	-	-
Perbelanjaan jualan dan pengedaran		(83,732)	(98,406)	-	-
Perbelanjaan pentadbiran		(61,122)	(80,081)	(23,259)	(27,007)
Lain-lain perbelanjaan operasi		(7,005)	(5,570)	-	-
Keuntungan/(Kerugian) lain – bersih	8	(1,223)	3,428	-	-
Keuntungan daripada operasi		1,400	156,421	45,351	181,233
Pendapatan kewangan	9	5,293	5,511	-	-
Kos kewangan	9	(22,500)	(13,417)	(25,100)	(2,648)
Keuntungan/(kerugian) sebelum zakat dan cukai	10	(15,807)	148,515	20,251	178,585
Zakat	12	-	(2,000)	-	(500)
Cukai	13	(16,767)	(25,793)	485	(1,872)
Keuntungan/(Kerugian) bagi tahun kewangan		(32,574)	120,722	20,736	176,213
<u>Perkara-perkara yang kemudian dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian</u>					
Perbezaan tukaran mata wang		3,292	(2,213)	-	-
Aliran tunai lindung nilai		717	-	717	-
Pendapatan komprehensif lain bagi tahun kewangan		4,009	(2,213)	717	-
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan boleh dikaitkan kepada pemilik-pemilik Syarikat		(28,565)	118,509	21,453	176,213
Perolehan asas setiap saham boleh dikaitkan kepada pemegang-pemegang ekuiti Syarikat (sen)	14	(4.63)	17.17		

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2017

	Nota	Kumpulan		Syarikat		
		2017 RM'000	2016 RM'000	2017 RM'000	2016 RM'000	
ASET						
<u>Aset bukan semasa</u>						
Hartanah, loji dan peralatan	16	1,457,282	950,408	88,922	91,214	
Bayaran pajakan prabayar	17	521	601	-	-	
Aset tidak ketara	18	644,572	646,704	4,965	2,056	
Pelaburan dalam anak-anak syarikat	19	-	-	2,057,406	2,057,406	
Pinjaman kepada anak-anak syarikat	20	-	-	589,579	213,903	
Penghutang	21	5,054	4,640	-	-	
Instrumen kewangan derivatif	26	717	-	717	-	
Amaun belum diterima daripada syarikat berkaitan	24	4,245	-	-	-	
		2,112,391	1,602,353	2,741,589	2,364,579	
<u>Asset semasa</u>						
Inventori	22	718,045	888,949	-	-	
Penghutang	21	336,317	350,392	3,814	1,078	
Cukai boleh diperoleh semula		36,032	29,520	7,105	4,580	
Amaun belum diterima daripada anak-anak syarikat	23	-	-	57,297	64,459	
Amaun belum diterima daripada lain-lain syarikat	24	31,485	14,326	2,202	-	
Amaun belum diterima daripada syarikat induk utama	25	605	-	-	-	
Pinjaman kepada anak-anak syarikat	20	-	-	150,296	100,000	
Aset kewangan derivatif	26	3,147	1,970	-	-	
Deposit, tunai dan baki di Bank	27	170,527	337,911	41,617	121,502	
		1,296,158	1,623,068	262,331	291,619	
Aset dipegang untuk jualan	28	-	7	-	-	
Jumlah aset		3,408,549	3,225,428	3,003,920	2,656,198	

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2017

	Nota	Kumpulan		Syarikat		
		2017 RM'000	2016 RM'000	2017 RM'000	2016 RM'000	
EKUITI DAN LIABILITI						
<u>Modal dan rizab</u>						
Modal saham		718,255	351,490	718,255	351,490	
Premium saham	30	-	366,765	-	366,765	
Defisit penyusunan semula	30	(1,039,632)	(1,039,632)	-	-	
Pelepasan rizab penggabungan	30	1,733,939	1,733,939	1,733,939	1,733,939	
Rizab tukaran asing	30	1,079	(2,213)	-	-	
Rizab aliran tunai lindung nilai	30	717	-	717	-	
Pendapatan tertahan		515,768	576,461	5,649	13,032	
Ekuiti diagihkan kepada pemilik-pemilik Syarikat		1,930,126	1,986,810	2,458,560	2,465,226	
<u>Liabiliti bukan semasa</u>						
Liabiliti cukai tertunda	31	78,675	73,744	403	-	
Pinjaman	33	370,339	178,903	370,339	178,903	
Pemiutang	32	32	-	32	-	
		449,046	252,647	370,774	178,903	
<u>Liabiliti semasa</u>						
Pemiutang	32	197,256	465,856	6,747	8,139	
Jumlah ter hutang kepada anak-anak syarikat	23	-	-	1,651	-	
Pinjaman kepada syarikat berkaitan	24	108,826	156,452	-	-	
Pinjaman kepada anak syarikat	23	-	-	128,480	-	
Amaun belum dibayar kepada lain-lain syarikat berkaitan	24	467	400	11	156	
Amaun belum dibayar kepada FELDA	24	561	-	511	-	
Amaun belum dibayar kepada syarikat induk utama	25	505	6,963	2,783	3,774	
Pinjaman	33	721,762	356,300	34,403	-	
		1,029,377	985,971	174,586	12,069	
Jumlah liabiliti		1,478,423	1,238,618	545,360	190,972	
Jumlah ekuiti dan liabiliti		3,408,549	3,225,428	3,003,920	2,656,198	

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI DISATUKAN

BAGI TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2017

Kumpulan	Nota	Modal saham (Nota 29) RM'000	Premium saham (Nota 30) RM'000	Defisit penyusunan semula (Nota 30) RM'000	Rizab pelepasan Penggabungan (Nota 30) RM'000	Rizab tukaran asing (Nota 30) RM'000	Rizab lindung nilai aliran tunai (Nota 30) RM'000	Rizab	Pendapatan tertahan RM'000	Jumlah RM'000
								lindung nilai		
Pada 1.1.2017		351,490	366,765	(1,039,632)	1,733,939	(2,213)	-	-	576,461	1,986,810
Peralihan ke rejim tiada nilai par pada 31 Januari 2017 dibawah akta syarikat 2016			366,765	(366,765)	-	-	-	-	-	-
Kerugian bagi tahun kewangan		-	-	-	-	-	-	-	(32,574)	(32,574)
Lain-lain pendapatan komprehensif:										
<u>Perkara-perkara yang kemudian dikelaskan semula kepada kerugian atau keuntungan</u>										
- Perbezaan tukaran mata wang		-	-	-	-	3,292	-	-	3,292	
- Lindung nilai aliran tunai		-	-	-	-	-	717	-	-	717
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif bagi tahun kewangan		-	-	-	-	3,292	717	(32,574)	(28,565)	
<u>Urus niaga bersama pemilik:</u>										
Dividen	15	-	-	-	-	-	-	-	(28,119)	(28,119)
Pada 31.12.2017		718,255	-	(1,039,632)	1,733,939	1,079	717	515,768	1,930,126	
Pada 1.1.2016		351,490	366,765	(1,039,632)	1,733,939	-	-	624,454	2,037,016	
Keuntungan pada tahun kewangan		-	-	-	-	-	-	-	120,722	120,722
Lain-lain kerugian komprehensif:										
<u>Perkara-perkara yang kemudian akan dikelaskan untung atau rugi</u>										
- Perbezaan tukaran Mata wang		-	-	-	-	(2,213)	-	-	(2,213)	
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif Bagi tahun kewangan		-	-	-	-	(2,213)	-	120,722	118,509	
<u>Urus niaga bersama pemilik:</u>										
Dividen	15	-	-	-	-	-	-	-	(168,715)	(168,715)
Pada 31.12.2016		351,490	366,765	(1,039,632)	1,733,939	(2,213)	-	576,461	1,986,810	

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2017

Syarikat	Nota	Tidak diagihkan					Diagihkan	
		Modal saham (Nota 29) RM'000	Premium saham (Nota 30) RM'000	Rizab pelepasan penggabungan (Nota 30) RM'000	Rizab lindung aliran tunai (Nota 30) RM'000	Perolehan tertahan RM'000	Jumlah RM'000	
Pada 1.1.2017		351,490	366,765	1,733,939	-	13,032	2,465,226	
Peralihan ke rejim tiada nilai par pada 31 Januari 2017 di bawah Akta Syarikat 2016		366,765	(366,765)	-	-	-	-	
Keuntungan pada tahun kewangan		-	-	-	-	20,736	20,736	
Lain-lain pendapatan komprehensif:								
<u>Perkara yang kemudian akan dikelaskan kepada untung atau rugi</u>								
- Lindung nilai aliran tunai		-	-	-	717	-	717	
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		-	-	-	717	20,736	21,453	
<u>Urus niaga bersama pemilik:</u>								
Dividen	15	-	-	-	-	(28,119)	(28,119)	
Pada 31.12.2017		718,255	-	1,733,939	717	5,649	2,458,560	
Pada 1.1.2016		351,490	366,765	1,733,939	-	5,534	2,457,728	
Keuntungan dan jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		-	-	-	-	176,213	176,213	
<u>Urus niaga bersama pemilik:</u>								
Dividen	15	-	-	-	-	(168,715)	(168,715)	
Pada 31.12.2016		351,490	366,765	1,733,939	-	13,032	2,465,226	

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	Kumpulan		Syarikat	
	2017 RM'000	2016 RM'000	2017 RM'000	2016 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
(Kerugian)/keuntungan bagi tahun kewangan	(32,574)	120,722	20,736	176,213
Pelarasan bagi:				
Cukai	16,767	25,793	(485)	1,872
Susut nilai harta tanah, loji dan peralatan	47,925	46,126	2,234	2,118
Keuntungan atas pelupusan harta tanah, loji dan peralatan	(210)	(9)	-	-
Aset untuk dijual dihapus kira	7	-	-	-
Aset tidak ketara dihapus kira	500	-	-	-
Harta tanah, loji dan peralatan dihapus kira	8,188	1,598	500	-
Pelunasan bayaran pajakan prabayar	80	86	-	-
Pelunasan aset tidak ketara	5,401	5,794	860	216
Pelunasan bayaran pendahuluan	928	928	-	-
Untung/(rugi) tidak terealis ke atas derivatif	3,147	(1,970)	-	-
Pendapatan dividen	-	-	(28,119)	(180,715)
Pendapatan faedah	(5,293)	(5,511)	(29,300)	(11,890)
Perbelanjaan faedah	22,500	13,417	25,100	2,648
Inventori dihapus kira	3,518	13,294	-	-
(Penarikbalikan)/peruntukan kontrak membebangkan	(16,637)	16,637	-	-
Untung tidak terealis ke atas tukaran mata wang asing	(3,329)	(4,049)	-	-
Zakat	-	2,000	-	500
	50,918	234,856	(8,474)	(9,038)
Perubahan dalam modal kerja:				
Inventori	167,386	(172,333)	-	-
Penghutang	11,738	75,587	(2,735)	5,040
Pembiutang	(230,150)	246,874	(3,669)	(19,482)
Antara syarikat	(27,839)	(19,256)	5,985	86,428
Tunai (digunakan dalam)/dihadarkan daripada operasi	(27,947)	365,728	(8,893)	62,948
Zakat dibayar	-	(2,000)	-	(500)
Cukai dibayar	(18,413)	(58,652)	(1,702)	(6,493)
Cukai dibayar balik	65	-	65	-
Tunai bersih (digunakan dalam)/dihadarkan daripada aktiviti operasi	(46,295)	305,076	(10,530)	55,955

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2017 RM'000	2016 RM'000	2017 RM'000	2016 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN					
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan	35	(548,662)	(206,057)	(451)	(2,269)
Pembelian aset tidak ketara		(3,769)	(4,024)	(3,769)	(1,344)
Hasil daripada penjualan harta tanah, loji dan peralatan		342	207	-	-
Faedah diterima		5,293	5,511	26,202	11,890
Dividen diterima		-	-	28,119	180,715
Pinjaman kepada anak-anak syarikat		-	-	(422,873)	(278,903)
Bayaran balik pinjaman oleh anak-anak syarikat		-	-	-	143,201
Suntikan modal dalam anak-anak syarikat		-	-	-	(30,000)
Tunai bersih (digunakan dalam)/dihasilkan daripada aktiviti pelaburan		(546,796)	(204,363)	(372,772)	23,290
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN					
Pengurangan pinjaman dibayar kepada syarikat berkaitan		78,495	520,946	-	-
Bayaran balik pinjaman dibayar kepada syarikat berkaitan		(126,121)	(424,494)	-	-
Pengurangan pinjaman dibayar kepada anak syarikat		-	-	162,023	-
Bayaran balik pinjaman dibayar kepada anak syarikat		-	-	(33,543)	-
Pengurangan pinjaman		3,309,639	1,201,496	424,654	178,903
Bayaran balik pinjaman		(2,757,487)	(1,025,830)	(203,561)	-
Dividen dibayar		(28,119)	(168,715)	(28,119)	(168,715)
Faedah dibayar		(42,205)	(7,148)	(18,572)	(2,648)
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti pembiayaan		434,202	96,255	302,882	7,540
(PENGURANGAN)/PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI & SETARA TUNAI					
Kesan perubahan kadar tukaran asing		(158,889)	196,968	(80,420)	86,785
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN		(9,030)	1,836	-	-
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN	27	322,706	123,902	106,297	19,512
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN		154,787	322,706	25,877	106,297

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2017

Perubahan aliran tunai dan bukan tunai daripada aktiviti pembiayaan adalah seperti berikut:-

Kumpulan**2017**

	Pada 1 Januari RM'000	Pengurangan tunai RM'000	Bayaran balik tunai RM'000	Bukan tunai		Pada 31 Disember RM'000
				Penambahan faedah RM'000	Dividen RM'000	
Pinjaman berjangka islam	178,903	424,654	(203,561)	4,746	-	404,742
Penerimaan jurubank	356,300	2,864,985	(2,553,926)	-	-	667,359
Kredit pusingan	-	20,000	-	-	-	20,000
	535,203	3,309,639	(2,757,487)	4,746	-	1,092,101
Pinjaman kepada syarikat berkaitan	156,452	78,495	(126,121)	-	-	108,826
Faedah belum bayar	-	-	(42,250)	43,987	-	1,782
	691,655	3,388,134	(2,925,813)	48,733	-	1,202,709

Syarikat**2017**

	Pada 1 Januari RM'000	Pengurangan tunai RM'000	Bayaran balik tunai RM'000	Bukan tunai		Pada 31 Disember RM'000
				Penambahan faedah RM'000	Dividen RM'000	
Pinjaman berjangka islam	178,903	424,654	(203,561)	4,746	-	404,742
Pinjaman kepada anak-anak syarikat	-	162,023	(33,543)	-	-	128,480
Faedah belum bayar	-	-	(18,572)	20,354	-	1,782
	178,903	586,677	(255,676)	25,100	-	535,004

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

1 MAKLUMAT AM

Syarikat ini adalah sebuah syarikat liabiliti awam berhad, diperbadankan dan berdomisil di Malaysia, dan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Pejabat berdaftar Syarikat terletak di Aras 45, Menara Felda, Platinum Park, No.11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur. Tempat perniagaan utama Syarikat terletak di Aras 44, Menara Felda, Platinum Park, No.11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur.

Kegiatan utama Syarikat adalah pemegangan pelaburan. Kegiatan utama anak-anak syarikat dinyatakan dalam Nota 19 penyata kewangan. Tiada perubahan ketara dalam aktiviti-aktiviti ini semasa tahun kewangan.

Syarikat pemegangan utama adalah Felda Global Ventures Holdings Berhad ("FGVH"), syarikat yang diperbadankan dan berdomisil di Malaysia, dan disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

2 ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan ("FRS") dan keperluan-keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Kumpulan termasuk entiti-entiti peralihan dan telah memilih untuk terus menggunakan FRS dalam tahun kewangan. Kumpulan akan menerima pakai rangka kerja mematuhi IFRS yang baharu, Piawaian-piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS") bagi tempoh tahunan bermula pada 1 Januari 2018. Dalam menerima pakai rangka kerja baharu, Kumpulan akan menggunakan MFRS 1 "Pemakaian MFRS buat kali pertama".

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan di bawah konvensyen kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya dalam penyata polisi individu dalam Nota 3 kepada penyata kewangan.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi FRS nenghendaki penggunaan anggaran dan andaian perakaunan penting tertentu yang memberi kesan kepada amaun aset dan liabiliti dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan dan amaun hasil dan perbelanjaan dilaporkan dalam tempoh kewangan.

Ia juga memerlukan para Pengarah membuat pertimbangan mereka dalam proses mengguna pakai polisi perakaunan Kumpulan dan Syarikat. Walaupun anggaran dan pertimbangan ini adalah berdasarkan pengetahuan terbaik para Pengarah mengenai peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza. Perkara yang melibatkan tahap pertimbangan yang lebih tinggi atau kompleks atau bidang di mana andaian dan anggaran adalah penting kepada penyata kewangan dinyatakan dalam Nota 5.

(i) Pengumuman polisi perakaunan yang berkuat kuasa dan telah diterima pakai oleh Kumpulan dan Syarikat pada 1 Januari 2017:

- Pindaan kepada FRS 107 "Penyata Aliran Tunai"- Inisiatif Pendedahan
- Pindaan kepada FRS 112 "Cukai Pendapatan" - Pengiktirafan Aset Cukai Tertunda bagi Kerugian Tidak Terealis
- Penambahbaikan Tahunan kepada FRS 12 "Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain"

Menerima pakai Pindaan kepada FRS 107 telah menyebabkan pendedahan tambahan dalam perubahan liabiliti yang timbul daripada aktiviti pembiayaan. Selain daripada pendedahan tersebut, pindaan di atas kepada piawaian sedia ada tidak mempunyai sebarang kesan ketara kepada penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2 ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

(ii) Pengumuman perakaunan yang belum berkuat kuasa dan diterima pakai oleh Kumpulan dan Syarikat:

Berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018 dengan pemakaian terdahulu yang dibenarkan

Piawaian baharu yang sedang dinilai oleh para Pengarah dan dijangka memberi impak ketara dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat:

- MFRS 9 "Instrumen Kewangan" akan menggantikan MFRS 139 "Instrumen Kewangan: Pengiktirafan & Pengukuran".

MFRS 9 mengekalkan tetapi memudahkan model pengukuran campuran dalam MFRS 139 dan mewujudkan 3 kategori pengukuran utama bagi aset kewangan: kos terlunas, nilai saksama melalui untung atau rugi dan nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("OCI"). Asas pengelasan bergantung kepada model perniagaan entiti dan ciri-ciri aliran tunai aset kewangan. Pelaburan dalam instrumen ekuiti sentiasa diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi dengan pilihan yang tidak boleh ditarik balik pada permulaan untuk menunjukkan perubahan pada nilai saksama melalui OCI (dengan syarat instrumen tidak dipegang untuk dagangan). Keuntungan atau kerugian jualan aset kewangan pada nilai saksama melalui OCI tidak lagi diguna semula kepada keuntungan atau kerugian jualan, tetapi akan dikelaskan semula daripada nilai saksama menerusi rizab OCI kepada perolehan tertahan.

Instrumen hutang diukur pada kos terlunas sekiranya entiti memegangnya untuk mengumpul aliran tunai berkontrak dan aliran tunai mewakili pokok dan faedah.

Bagi liabiliti, piawaian tersebut mengekalkan kebanyakan keperluan MFRS 139. Ini termasuklah perakaunan kos terlunas bagi kebanyakan liabiliti kewangan, dengan cabangan derivatif terbenam. Perubahan utamanya adalah dalam kes di mana pilihan nilai saksama diambil sebagai liabiliti kewangan, bahagian nilai saksama yang berubah kerana risiko kredit entiti direkodkan dalam pendapatan komprehensif, bukan dalam keuntungan atau kerugian, kecuali ia akan menyebabkan ketakpadanan perakaunan.

MFRS 9 memperkenalkan model kerugian kredit dijangka dalam rosot nilai yang menggantikan model rosot nilai kerugian tertanggung yang digunakan dalam MFRS 139.

Model kerugian kredit dijangka ("ECL") bersifat memandang ke hadapan dan menyingkirkan keperluan berlakunya peristiwa pencetus sebelum kerugian kredit diiktiraf.

Kumpulan dan Syarikat telah mengkaji semula aset kewangan dan liabilitinya serta menjangka impak berikut selepas pemakaian piawaian baharu pada 1 Januari 2018:

- Model rosot nilai yang baharu memerlukan pengiktirafan peruntukan rosot nilai berdasarkan ECL daripada sekadar peruntukan retrospektif kerugian kredit seperti kes ini di bawah MFRS 139. Ia terpakai kepada semua aset kewangan yang dikelaskan sebagai kos terlunas. Berdasarkan penilaian terkini, Kumpulan dan Syarikat menjangkakan impak tidak ketara ke atas peruntukan kerugian bagi penghutang perdagangan.
- Apabila liabiliti kewangan yang diukur pada kos terlunas diubah suai tanpa menyebabkan penyahiktirafan, keuntungan atau kerugian, iaitu perbezaan antara aliran tunai berkontrak asal dan aliran tunai terdiskaun yang diubahsuai pada kadar faedah berkesan asal, ia harus diiktiraf serta merta dalam keuntungan atau kerugian. Berdasarkan penilaian terkini, Kumpulan dan Syarikat tidak menjangkakan sebarang impak kepada liabiliti kewangannya yang diukur pada kos terlunas kerana liabiliti tidak diubah suai sebelumnya.
- Piawaian baharu turut mengembangkan keperluan pendedahan dan perubahan dalam pembentangan. Ini dijangkakan untuk mengubah jenis pendedahan Kumpulan dan Syarikat berhubung instrumen kewangan khususnya pada tahun pemakaian piawaian baharu. Perbandingan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 tidak akan dinyatakan semula.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2 ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

(ii) Pengumuman perakaunan yang belum berkuat kuasa dan diterima pakai oleh Kumpulan dan Syarikat: (sambungan)

Berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018 dengan pemakaian terdahulu yang dibenarkan (sambungan)

Piawaian baharu yang sedang dinilai oleh para Pengarah dan dijangkakan untuk menghasilkan impak ketara dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat: (sambungan)

- MFRS 15 "Hasil Kontrak dengan Pelanggan" menggantikan MFRS 118 "Hasil" dan MFRS 111 "Kontrak Pembinaan" dan Interpretasi berkaitan

Prinsip teras dalam MFRS 15 ialah entiti yang mengiktiraf hasil untuk menggambarkan pindahan barang atau perkhidmatan yang dijanjikan kepada pelanggan yang mencerminkan pertimbangan di mana entiti menjangka untuk berhak ke atas pertukaran barang atau perkhidmatan.

Hasil diiktiraf apabila pelanggan memperoleh kawalan ke atas barang atau perkhidmatan, contohnya apabila pelanggan dapat menggunakan secara terus dan mendapatkan manfaat daripada barang atau perkhidmatan.

Proses lima langkah baharu diguna pakai sebelum hasil boleh diiktiraf:

- Mengenal pasti kontrak dengan pelanggan;
- Mengenal pasti obligasi prestasi berasingan;
- Menentukan harga urus niaga kontrak;
- Memperuntukkan harga urus niaga bagi setiap obligasi prestasi berasingan; dan
- Mengiktiraf hasil setelah memenuhi setiap obligasi prestasi.

Peruntukan utama piawaian baharu adalah seperti berikut:

- Mana-mana barang atau perkhidmatan disatukan yang berbeza mesti diiktiraf secara berasingan, dan apa-apa diskaun atau rebat pada harga kontrak mesti diperuntukkan kepada elemen berasingan.
- Sekiranya pertimbangan berbeza-beza (seperti insentif, rebat, yuran prestasi, royalti, kejayaan sesebuah hasil dsb), amaun minimum hasil mesti diiktiraf sekiranya bukan terdedah kepada risiko pembalikan yang ketara
- Tahap pengiktirafan hasil boleh berubah: sesetengah hasil yang diktiraf pada suatu masa pada akhir kontrak mungkin perlu diiktiraf sepanjang tempoh kontrak dan sebaliknya.
- Terdapat beberapa peraturan tertentu baharu antara lain, ke atas pelesenan, jaminan, yuran pendahuluan tidak boleh dikembalikan, dan aturan konsainan.
- Seperti mana-mana piawaian baharu, terdapat juga peningkatan dalam pendedahan.

Kumpulan dan Syarikat telah menilai kesan pemakaian piawaian baharu terhadap penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat dan telah mengenal pasti aspek-aspek berikut:

- Perakaunan untuk pelbagai aturan elemen dalam kontrak dengan pelanggan- Apabila aturan berkontrak yang terdiri daripada dua atau lebih keberhasilan berasingan yang memberi nilai kepada pelanggan secara kendiri, hasil diiktiraf bagi setiap elemen seolah-olah ianya satu kontrak individu. Jumlah pertimbangan kontrak diperuntukkan antara keberhasilan berasingan berdasarkan nilai saksamanya. Pengenalpastian keberhasilan berasingan berkaitan kontrak dengan pelanggan akan memberi kesan kepada pemasaan pengiktirafan hasil pada masa hadapan. Pertimbangan diguna pakai dalam mengenal pasti keberhasilan berasingan dan memperuntukkan pertimbangan antara keduanya. Kesannya tidak dijangka tidak ketara kepada perolehan tertahan permulaan Kumpulan dan Syarikat pada 1 Januari 2018 kerana majoriti kontrak sedia ada telah memasukkan pengasingan keberhasilan ini ke dalam nilai yang bersama setiap keberhasilan.
- Kumpulan tidak menjangka sebarang kesan material kepada asas pengiktirafan bagi jualan barang dan perkhidmatan yang diberikan selain daripada perubahan timbul daripada pengelasan rebat. Syarikat tidak menjangka sebarang kesan material kepada asas pengiktirafan bagi hasil perkhidmatan yang diberikan.
- Kumpulan berhasrat untuk menerima pakai piawaian tersebut menggunakan pendekatan retrospektif sepenuhnya (dengan penyesuaian manfaat pilihan) yang bermaksud kesan kumulatif pemakaian akan diiktiraf dalam perolehan tertahan pada 1 Januari 2017 dan perbandingan akan dinyatakan semula.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

2 ASAS PENYEDIAAN (SAMBUNGAN)

(ii) Pengumuman perakaunan yang belum berkuat kuasa dan belum diterima pakai oleh Kumpulan dan Syarikat: (sambungan)

Berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018 dengan pemakaian terdahulu yang dibenarkan (sambungan)

Pindaan kepada piawaian sedia ada dan pengumuman perakaunan lain yang dijangka tidak memberi kesan ketara kepada penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat:

- MFRS 141 "Pertanian" (berkuat kuasa 1 Januari 2012, tetapi diterima pakai oleh Kumpulan selepas 1 Januari 2018 berikutan pemakaian MFRS)
- Pindaan kepada MFRS 141 "Pertanian" dan MFRS 116 "Hartanah, Loji dan Peralatan" (berkuat kuasa 1 Januari 2017, tetapi diterima pakai oleh Kumpulan selepas 1 Januari 2018 berikutan pemakaian MFRS)
- Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS 1 "Pemakaian Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia".
- Interpretasi IC 22 "Urus Niaga Mata Wang Asing dan Pertimbangan Pendahuluan"

Berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019 dengan pemakaian terdahulu yang dibenarkan

Piawaian perakaunan baharu, pindaan kepada piawaian sedia ada dan pengumuman perakaunan yang sedang dinilai oleh para Pengarah:

- MFRS 16 "Pajakan"
- Interpretasi IC 23 "Ketidakpastian mengenai Urusan Cukai Pendapatan"
- Pindaan kepada MFRS 9 "Instrumen Kewangan" – Ciri-ciri Prabayaran dengan Pampasan Negatif
- Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS 3 "Gabungan Perniagaan"
- Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS 112 "Cukai Pendapatan"
- Penambahbaikan Tahunan kepada MFRS 123 "Kos Peminjaman"

3 POLISI - POLISI PERAKAUNAN UTAMA

Polisi-polisi perakaunan utama yang diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah diguna pakai secara konsisten kepada semua tahun kewangan yang dibentangkan, kecuali jika dinyatakan sebaliknya:

(a) Asas penyatuan dan pelaburan dalam anak-anak syarikat

Penyata kewangan disatukan termasuk penyata kewangan Syarikat dan semua anak-anak syarikatnya yang disediakan sehingga akhir tahun. Anak-anak syarikat adalah semua entiti (termasuk entiti berstruktur) yang mana Kumpulan mempunyai kawalan. Kumpulan mengawal sesebuah entiti apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak kepada, pulangan boleh ubah daripada penglibatannya dengan entiti yang mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan tersebut melalui kuasanya ke atas entiti. Anak-anak syarikat disatukan sepenuhnya dari tarikh bila mana kawalan dipindah kepada Kumpulan. Ia dinyahsatukan dari tarikh apabila kawalan tersebut tidak wujud.

Perakaunan pemerolehan

Kaedah perakaunan pemerolehan digunakan untuk mengambil kira pemerolehan anak syarikat oleh Kumpulan. Pertimbangan yang dipindahkan untuk pemerolehan anak syarikat adalah nilai saksama aset yang dipindahkan, liabiliti yang ditanggung oleh pemilik terdahulu daripada pihak yang diperoleh dan kepentingan ekuiti yang dikeluarkan oleh Kumpulan. Pertimbangan dipindahkan termasuk nilai saksama mana-mana aset atau liabiliti yang terhasil daripada pengaturan pertimbangan luar jangka. Kos berkaitan pemerolehan dibelanjakan apabila ditanggung. Aset boleh dikenal pasti yang diperolehi dan liabiliti dan liabiliti luar jangka yang diambil kira dalam penggabungan perniagaan diukur pada mulanya pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan, tanpa mengira sejauh mana kepentingan tidak mengawalnya. Kumpulan mengiktiraf apa-apa kepentingan mengawal bukan semasa dalam pemerolehan atas polisi pemerolehan demi pemerolehan, sama ada pada nilai saksama atau pada bahagian pegangan kepentingan yang tidak mengawal daripada jumlah aset bersih yang dikenal pasti bagi aset yang diiktiraf. Pada akhir tempoh pelaporan, kepentingan bukan kawalan terdiri daripada jumlah yang dikira pada tarikh penggabungan dan bahagian perubahan dalam ekuiti anak syarikat sejak tarikh gabungan.

Sekiranya gabungan perniagaan dicapai secara berperingkat, nilai dibawa tarikh pemerolehan ekuiti yang dipegang sebelumnya oleh pihak yang diperoleh dinilai semula kepada nilai saksama pada tarikh pemerolehan melalui keuntungan atau kerugian.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan utama yang diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah diguna pakai secara konsisten kepada semua tahun kewangan yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

(a) Asas penyatuan dan pelaburan dalam anak-anak syarikat: (sambungan)

Sebarang pertimbangan luar jangka yang akan dipindah oleh Kumpulan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pemerolehannya. Perubahan-perubahan berikutnya kepada nilai saksama pertimbangan luar jangka yang dianggap sebagai aset atau liabiliti diiktiraf selaras dengan FRS 139 sama ada dalam keuntungan atau kerugian atau sebagai perubahan kepada pendapatan komprehensif lain. Pertimbangan luar jangka yang dikelaskan sebagai ekuiti tidak dinilai semula, dan penyelesaian berikutnya disumbangkan dalam ekuiti.

Lebihan pertimbangan yang dipindah, amanun mana-mana kepentingan bukan mengawal dalam pihak yang diperoleh dan tarikh pemerolehan nilai saksama mana-mana kepentingan ekuiti sebelum ini dalam pihak yang diperoleh ke atas nilai saksama aset bersih dikenal pasti yang diperoleh diiktiraf sebagai muhibah. Sekiranya jumlah pertimbangan dipindah, kepentingan bukan mengawal diiktiraf dan kepentingan dipegang yang diukur sebelum ini adalah kurang daripada nilai saksama aset bersih anak Syarikat diambil alih dalam kes tawaran pembelian, perbezaan diiktiraf secara langsung dalam keuntungan atau kerugian (Nota 3(d)).

Perakaunan dengan syarikat-syarikat terdahulu

Pemerolehan anak-anak syarikat dan perniagaan-perniagaan di bawah kawalan bersama yang memenuhi syarat-syarat penggabungan diambil kira dengan menggunakan asas perakaunan terdahulu.

Di bawah kaedah perakaunan syarikat-syarikat terdahulu, keputusan anak-anak syarikat atau perniagaan di bawah kawalan bersama dibentangkan seolah-olah penggabungan telah berlaku di sepanjang tahun kewangan semasa dan tahun-tahun sebelumnya. Aset dan liabiliti digabung diambil kira berdasarkan amanun dibawa daripada perspektif pemegang saham kawalan bersama pada tarikh pindahan. Apabila perniagaan digabungkan, kos pergabungan dibatalkan dengan nilai saham yang diterima. Sebarang kredit terhasil atau perbezaan debit dikelaskan sebagai rizab pengaturan semula organisasi. Sebarang premium saham, rizab penebusan modal dan sebarang rizab lain yang terhasil daripada modal saham entiti gabungan, kepada tahap di mana ianya tidak dipermodalkan oleh perbezaan debit, dikelaskan dan dibentangkan sebagai pergerakan dalam rizab modal lain.

Urus niaga antara syarikat, baki dan keuntungan tidak terealis ke atas urus niaga antara syarikat-syarikat Kumpulan dihapus kira, kerugian tidak terealis juga dihapus kira melainkan kos tidak boleh dipulih semula. Di mana perlu, pelarasan dibuat kepada penyata kewangan anak-anak syarikat untuk memastikan keseragaman dengan polisi-polisi yang diterima pakai oleh Kumpulan.

Kepentingan bukan kawalan adalah ekuiti dalam anak syarikat yang tidak boleh dikaitkan, secara langsung atau tidak langsung, kepada syarikat induk. Menurut asas pemerolehan demi pemerolehan, Kumpulan mengukur apa jua kepentingan bukan kawalan dalam Syarikat yang diambil alih kadar bahagian kepentingan bukan kawalan dalam aset bersih dikenal pasti. Pada tempoh pelaporan akhir, kepentingan bukan kawalan terdiri daripada jumlah yang dikira pada tarikh gabungan dan bahagiannya dalam perubahan dalam ekuiti anak syarikat sejak tarikh gabungan.

Keuntungan atau kerugian atas pelupusan anak syarikat adalah perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan bahagian Kumpulan dalam aset bersihnya pada tarikh pelupusan termasuk jumlah terkumpul sebarang perbezaan pertukaran atau rizab lain yang berkaitan dengan anak syarikat dan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Semua hasil dan kerugian anak syarikat dikaitkan kepada syarikat induk dan kepentingan bukan kawalan, walaupun sekiranya kaitan kerugian kepada kepentingan bukan kawalan menyebabkan wujud baki debit dalam kepentingan bukan kawalan.

Dalam penyata kewangan Syarikat, pelaburan dalam anak-anak syarikat ditunjukkan pada kos ditolak kerugian kemerosotan nilai terkumpul.

Sekiranya petunjuk kemerosotan nilai wujud, amanun dibawa pelaburan dinilai dan dikurangkan dengan serta-merta daripada amanun boleh diperoleh semula (Nota 3(g)).

(b) Perubahan dalam kepentingan pemilikan dalam anak-anak syarikat tanpa perubahan kawalan

Urus niaga dengan kepentingan bukan kawalan yang tidak menyebabkan kehilangan kawalan diambil kira sebagai urus niaga ekuiti – iaitu, sebagai urus niaga dengan pemilik-pemilik dalam keupayaan mereka sebagai pemilik. Perbezaan antara nilai saksama mana-mana pertimbangan dibayar dan saham berkaitan yang diperoleh daripada nilai dibawa aset bersih anak syarikat direkodkan ke dalam ekuiti. Keuntungan atau kerugian atas pelupusan kepentingan bukan kawalan juga direkodkan ke dalam ekuiti.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan utama yang diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah diguna pakai secara konsisten kepada semua tahun kewangan yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

(c) Pelupusan anak-anak syarikat

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai kawalan dalam mana-mana kepentingan tertahan dalam entiti diukur semula pada nilai saksamanya pada tarikh kawalan hilang, dengan perubahan dalam amaun dibawa diiktiraf ke dalam keuntungan atau kerugian. Nilai saksama adalah amaun dibawa awal bagi tujuan perakaunan berikutnya bagi kepentingan tertahan sebagai syarikat bersekutu, usaha sama atau aset kewangan. Di samping itu, sebarang amaun diiktiraf sebelum ini dalam pendapatan komprehensif lain berhubung entiti tersebut diambil kira seolah-olah Kumpulan secara langsung telah melupuskan aset atau liabiliti berkaitan. Ini bermaksud amaun yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain sebelum ini dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian.

(d) Muhibah

Muhibah mewakili lebihan kos pemerolehan anak-anak syarikat ke atas bahagian Kumpulan daripada nilai saksama aset bersihnya yang boleh dikenal pasti termasuk liabiliti luar jangka pada tarikh pemerolehan. Muhibah atas pemerolehan berhubung dengan anak Syarikat dimasukkan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan sebagai aset tidak ketara, atau sekiranya timbul berhubung dengan Syarikat bersekutu atau entiti dikawal bersama, dimasukkan dalam pelaburan dalam Syarikat bersekutu atau entiti dikawal bersama. Muhibah negatif mewakili jumlah pertimbangan yang dipindahkan, kepentingan bukan kawalan yang diiktiraf dan kepentingan yang dipegang sebelum ini diukur menjadi kurang daripada di mana nilai saksama aset bersih anak syarikat yang diperoleh dalam kes pembelian murah, perbezaannya diiktiraf terus dalam keuntungan dan kerugian.

Untuk tujuan ujian kemerosotan nilai, muhibah diperoleh dalam gabungan perniagaan diperuntukkan kepada setiap unit penghasilan tunai ("CGU"), atau kumpulan CGU yang dijangka mendapat manfaat daripada sinergi-sinergi gabungan tersebut. Setiap unit atau kumpulan unit kepada, yang mana muhibah diperuntukkan, mewakili tahap paling rendah dalam entiti yang mana muhibah dipantau bagi tujuan pengurusan dalaman.

Semakan kemerosotan nilai muhibah dilaksanakan setiap tahun atau lebih kerap sekiranya peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan potensi kemerosotan nilai. Nilai dibawa muhibah dibandingkan dengan amaun yang boleh diperoleh semula, yang merupakan nilai dalam penggunaan dan nilai saksama yang mana lebih tinggi ditolak kos jualan. Sebarang kemerosotan nilai diiktiraf dengan serta-merta sebagai perbelanjaan dan kemudiannya tidak dibalikkan.

(e) Aset tidak ketara

Aset tidak ketara diperoleh secara berasingan diukur berdasarkan pengiktirafan awal terhadap kos. Kos aset tidak ketara diperoleh dalam gabungan perniagaan adalah nilai saksamanya pada tarikh pemerolehan. Berikutan pengiktirafan awal, aset tidak ketara dibawa pada kos ditolak apa-apa pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian kemerosotan nilai terkumpul.

Hayat gunaan aset tidak ketara dinilai sama ada sebagai terbatas atau tidak terbatas. Aset tidak ketara dengan hayat pasti dilunaskan berdasarkan garis lurus sepanjang anggaran hayat ekonomi berguna dan dinilai bagi kemerosotan nilai jika terdapat petunjuk bahawa aset tidak ketara mungkin merosot nilai.

Sekiranya petunjuk sedemikian wujud, amaun dibawa aset dikurangkan nilai dengan serta-merta kepada amaun boleh diperoleh semulanya sekiranya amaun dibawa aset adalah lebih besar daripada anggaran amaun boleh diperoleh semula. Rujuk polisi-polisi perakaunan utama Nota 3(k) mengenai kemerosotan nilai aset bukan kewangan.

Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan bagi aset tidak ketara dengan hayat gunaan yang terbatas disemak sekurang-kurangnya pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan.

Aset tidak ketara dilunaskan apabila tersedia untuk digunakan.

Aset tidak ketara dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat kegunaan seperti berikut:

Jenama	25 tahun
Perisian	3 - 5 tahun

Pelunasan aset tidak ketara di bawah pembangunan bermula apabila aset tersebut tersedia untuk digunakan.

Sifat aset tidak ketara adalah seperti berikut:

- (i) Jenama berkaitan dengan jenama gula 'Prai' diperoleh sebagai sebahagian daripada pemerolehan perniagaan gula.
- (ii) Perisian berkaitan dengan teknologi maklumat ("IT") yang digunakan dalam Kumpulan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan utama yang diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah diguna pakai secara konsisten kepada semua tahun kewangan yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

(f) Aset Kewangan

Pengelasan

Kumpulan mengelaskan aset kewangannya dalam kategori berikut: pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian dan pinjaman dan penghutang. Pengelasan bergantung atas tujuan aset kewangan tersebut diperoleh. Pengurusan menentukan pengelasan aset kewangannya pada pengiktirafan awal.

(i) Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian

Aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian adalah aset kewangan yang dipegang untuk perdagangan. Aset kewangan dikelaskan dalam kategori ini sekiranya ia diperoleh atau ditanggung terutamanya untuk tujuan penjualan atau pembelian semula dalam tempoh terdekat. Derivatif dikategorikan sebagai dipegang untuk perdagangan melainkan ia ditetapkan sebagai lindung nilai. Aset-aset dalam kategori ini dikelaskan sebagai aset semasa sekiranya ia dijangka akan diselesaikan dalam tempoh 12 bulan; sekiranya tidak, ia dikelaskan sebagai bukan semasa.

(ii) Pinjaman dan penghutang

Pinjaman dan penghutang merupakan aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Ia dimasukkan dalam aset semasa, kecuali bagi kematangan melebihi 12 bulan selepas akhir tempoh pelaporan. Ianya dikelaskan sebagai aset bukan semasa. Pinjaman dan penghutang Kumpulan dinyatakan dalam Nota 38.

Pengiktirafan dan pengukuran awal

Pembelian dan jualan biasa aset kewangan diiktiraf pada tarikh perdagangan, tarikh yang mana Kumpulan membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset.

Aset kewangan pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama dicampur kos urus niaga bagi semua aset kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Aset kewangan dinyatakan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama, dan kos urus niaga dijadikan perbelanjaan dalam keuntungan atau kerugian.

Pengukuran berikutnya – keuntungan dan kerugian

Perubahan dalam nilai saksama aset kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, termasuk kesan-kesan pertukaran mata wang, pendapatan faedah dan dividen diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh perubahan tersebut terjadi.

Pinjaman dan penghutang kemudiannya dibawa pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

Penyahiktirafan

Aset kewangan tidak lagi diiktiraf apabila hak-hak untuk menerima aliran tunai daripada pelaburan telah tamat atau dipindah dan Kumpulan telah memindahkan sebahagian besar semua risiko dan pemberian pemilikan.

Penghutang yang difaktorkan kepada bank-bank dan institusi kewangan lain dengan rekursa kepada Kumpulan tidak lagi diiktiraf sehingga tempoh rekursa telah tamat dan risiko dan ganjaran penghutang telah dipindah sepenuhnya. Tunai sepadan diterima daripada institusi kewangan direkodkan sebagai pinjaman.

Pengimbangan

Aset dan liabiliti kewangan diseimbangkan dan amaun bersih dilaporkan dalam penyata kedudukan kewangan apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan mengikut undang-undang untuk mengimbangi amaun yang diiktiraf dan terdapat hasrat untuk menyelesaikan atas dasar bersih, atau merealis aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan utama yang diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah diguna pakai secara konsisten kepada semua tahun kewangan yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

(g) Kemerosotan nilai aset kewangan

Aset dibawa pada kos terlunas

Kumpulan menilai pada akhir setiap tempoh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan atau kumpulan aset kewangan terjejas. Aset kewangan atau kumpulan aset kewangan adalah terjejas dan kerugian penjejasan nilai ditanggung hanya sekiranya terdapat bukti objektif kemerosotan nilai berpunca daripada satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset ('peristiwa kerugian') dan peristiwa (atau peristiwa-peristiwa) kerugian mempunyai kesan ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan aset kewangan atau kumpulan aset kewangan yang boleh dianggarkan dengan betul.

Kriteria yang digunakan Kumpulan untuk menentukan bahawa terdapat bukti objektif kerugian penjejasan nilai termasuk:

- Kesukaran kewangan ketara membuat terbitan atau pemikul tanggungjawab;
- Kemungkiran kontrak, seperti pemungkiran atau delinkuens dalam faedah atau bayaran prinsipal;
- Kumpulan, atas alasan ekonomi atau perundungan berkaitan dengan kesukaran kewangan peminjam; memberi peminjam konsesi bahawa pemberi pinjaman tidak akan pertimbangkan sebaliknya;
- Berkemungkinan bahawa peminjam akan diisyiharkan muflis atau pengaturan semula kewangan lain;
- Hilangnya pasaran aktif bagi aset kewangan tersebut disebabkan oleh kegawatan kewangan;
- Data yang diperhatikan menunjukkan bahawa terdapat pengurangan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa hadapan daripada portfolio aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset tersebut, walaupun pengurangan masih belum dapat dikenal pasti dengan aset kewangan individu dalam portfolio, termasuk:
 - (i) Perubahan kurang baik dalam status pembayaran peminjam dalam portfolio; dan
 - (ii) Keadaan ekonomi negara atau tempatan yang berkait dengan kemungkiran ke atas aset dalam portfolio.

Amaun kerugian diukur sebagai perbezaan antara amaun dibawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan (tidak termasuk kerugian kredit masa hadapan yang belum ditanggung) didiskaunkan pada kadar faedah berkesan asal aset kewangan. Amaun dibawa aset dikurangkan dan amaun kerugian diiktiraf dalam keuntungan dan kerugian. Sekiranya pinjaman atau pelaburan dipegang sehingga matang mempunyai kadar faedah boleh ubah, kadar diskau bagi mengukur mana-mana kerugian kemerosotan nilai adalah kadar faedah berkesan semasa ditentukan di bawah kontrak. Sebagai suai manfaat yang praktikal, Kumpulan mungkin mengukur kemerosotan nilai atas dasar nilai saksama instrumen dengan menggunakan harga pasaran boleh diperhatikan.

Sekiranya dalam tempoh berikutnya amaun kerugian kemerosotan nilai berkurangan dan pengurangan boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas kemerosotan nilai diiktiraf (seperti peningkatan dalam penarafan kredit penghutang), kebalikan kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelum ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Apabila aset menjadi tidak dapat dikutip, ia dihapus kira terhadap akaun peruntukan berkaitan. Aset-aset sedemikian dihapus kira selepas semua prosedur diperlukan telah selesai dilaksanakan dan amaun kerugian telah ditentukan.

(h) Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan.

Liabiliti kewangan diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama, ditambah, dalam kes liabiliti kewangan selain daripada derivatif, kos urus niaga yang dikaitkan secara langsung.

Selepas pengiktirafan awal, semua liabiliti kewangan diukur pada kos terlunas dengan menggunakan kaedah faedah berkesan kecuali bagi derivatif dalam kedudukan kerugian, sekiranya ada, yang diukur pada nilai saksama.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan utama yang diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah diguna pakai secara konsisten kepada semua tahun kewangan yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

(h) Liabiliti kewangan (sambungan)

Bagi liabiliti kewangan selain daripada derivatif, keuntungan dan kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila liabiliti tidak lagi diiktiraf, dan melalui proses pelunasan. Sebarang keuntungan atau kerugian yang berpunca daripada perubahan dalam nilai saksama derivatif diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Keuntungan atau kerugian bersih ke atas derivatif termasuk perbezaan dalam pertukaran.

Pinjaman dikelaskan sebagai liabiliti semasa melainkan Kumpulan mempunyai hak tidak bersyarat untuk menunda penyelesaian liabiliti bagi tempoh sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tarikh penyata kedudukan kewangan.

Kos pinjaman yang boleh dikaitkan secara langsung kepada pemerolehan, pembinaan atau pengeluaran aset-aset yang layak, di mana aset-aset ini mengambil tempoh yang lama untuk tersedia bagi tujuan kegunaan atau jualannya, ditambah kepada kos aset-aset tersebut, sehingga suatu masa tertentu apabila sebahagian besar aset-aset tersedia bagi tujuan kegunaan atau jualannya.

Semua kos pinjaman lain diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh ianya ditanggung.

Yuran dibayar atas pewujudan kemudahan pinjaman diiktiraf sebagai kos urus niaga pinjaman sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa beberapa atau semua kemudahan telah dikurangkan. Dalam kes ini, yuran ditunda sehingga pengeluaran berlaku. Sehingga tahap tidak ada bukti yang ia berkemungkinan bahawa beberapa atau semua kemudahan akan dikurangkan, yuran dipermodalkan sebagai prabayaran bagi perkhidmatan kecairan dan dilunaskan sepanjang tempoh yang berkaitan dengan kemudahan tersebut.

Liabiliti kewangan tidak lagi diiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti dihapuskan. Apabila liabiliti kewangan sedia ada diganti oleh liabiliti yang lain daripada pemberi pinjaman yang sama atas terma-terma yang berbeza secara ketaranya, atau terma-terma liabiliti sedia ada yang sebahagian besarnya diubah suai, seperti pertukaran atau modifikasi dianggap sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti yang baru, dan perbezaan dalam amaun dibawa masing-masing diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

(i) Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan pada awalnya dinyatakan pada kos. Hartanah, loji dan peralatan pada awalnya dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian kemerosotan nilai. Kos item harta, loji dan peralatan diiktiraf pada awalnya termasuklah harga pembeliannya dan mana-mana kos yang secara langsung boleh dikaitkan kepada pembawaan masuk aset ke kawasan dan keadaan yang perlu bagi membolehkan ia beroperasi dalam cara yang dihasratkan oleh pengurusan. Kos juga termasuk kos pinjaman yang secara langsung boleh dikaitkan dengan pembelian, pembinaan atau pengeluaran aset yang layak.

Kos berikutnya dimasukkan dalam amaun dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, sebagaimana sesuai, hanya apabila ia berkemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan dikaitkan dengan perkara akan diperolehi oleh Kumpulan dan kos perkara boleh diukur dengan betul. Amaun dibawa bahagian yang diganti akan dinyahiktirafkan. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain dicaj dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh kewangan ianya ditanggung.

Barang ganti utama, peralatan simpanan dan peralatan servis dikelaskan sebagai harta, loji dan peralatan dan bukan inventori sekitarnya ia dijangka akan digunakan melebihi satu tempoh.

Tanaman hasil merupakan tanaman hidup yang digunakan untuk pengeluaran atau pembekalan keluaran pertanian, dijangka menghasilkan keluaran lebih daripada satu tempoh dan mempunyai kebarangkalian yang sedikit untuk dijual sebagai keluaran tani, kecuali jualan sekerap sampingan. Tanaman hasil Kumpulan ialah kelapa sawit, pokok getah dan pokok mangga. Tanaman hasil tidak matang diukur pada kos penanaman terkumpul tanaman hasil, serupa dengan perakaunan untuk item bina sendiri seperti harta, loji dan peralatan. Tanaman hasil dikelaskan sebagai tidak matang hingga tersedia untuk tuaian.

Tanah pegangan kekal tidak disusutnilaikan memandangkan ia mempunyai hayat tidak terbatas dan aset sedang dalam pembinaan tidak disusutnilaikan sehingga aset tersedia untuk tujuan kegunaannya.

Kesemua harta, loji dan peralatan disusutnilaikan atas dasar garis lurus untuk menghapus kira kos setiap aset kepada nilai berbaki sepanjang anggaran hayat gunaannya seperti berikut:

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan utama yang diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah diguna pakai secara konsisten kepada semua tahun kewangan yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

(i) Hartanah, loji dan peralatan (sambungan)

Kadar tahunan prinsipal digunakan diringkaskan seperti berikut:

<u>Hartanah, loji dan peralatan</u>	<u>Anggaran hayat kegunaan (tahun)</u>
Tanah pegangan pajak	66 - 99 tahun
Bangunan	3 - 20 tahun
Loji dan mesin	3 - 20 tahun
Perabot, pepasangan, peralatan dan kenderaan bermotor	3 - 11 tahun
Tanaman hasil	
- Kelapa Sawit	22 tahun, atau tempoh pajakan yang mana lebih singkat
- Pokok Getah	20 tahun, atau tempoh pajakan yang mana lebih singkat
- Pokok Mangga	25 tahun, atau tempoh pajakan yang mana lebih singkat

Nilai baki aset dan hayat gunaan disemak semula, dan diselaraskan sekiranya perlu, pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan. Kesan daripada sebarang semakan semula nilai sisa dan hayat gunaan adalah termasuk dalam keuntungan atau kerugian bagi tahun kewangan di mana perubahan tersebut timbul.

Susut nilai harta, loji dan peralatan tidak lagi pada awal pengiktirafan dan dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan. Susut nilai ke atas aset dalam pembinaan bermula apabila aset tersebut tersedia untuk digunakan.

Keuntungan dan kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan pendapatan dengan jumlah bawa dan dimasukkan dalam pendapatan operasi lain dalam keuntungan atau kerugian.

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Sekiranya petunjuk sedemikian wujud, analisis akan dijalankan untuk menilai aman dibawa aset boleh diperoleh semula sepenuhnya. Aman dibawa aset dikurangkan serta merta kepada aman boleh diperoleh sekiranya aman dibawa aset adalah lebih besar daripada anggaran boleh diperoleh semula. Lihat polisi-polisi perakaunan utama Nota 3(l) mengenai kemerosotan nilai aset bukan kewangan.

(j) Inventori

Inventori yang terdiri daripada bahan mentah, kerja dalam pelaksanaan, barang siap, molases dan barang guna habis dinyatakan pada kos terendah dan nilai boleh dinyatakan bersih.

Kos ditentukan berdasarkan kos purata wajaran. Kos bahan mentah terdiri daripada kos barang dibeli dan bagi kerja dalam pelaksanaan dan barang siap, termasuk bahan, buruh langsung, lain-lain caj langsung dan bahagian sewajarnya bagi overhead kilang. Barang guna habis terdiri daripada kos pembelian sebenar.

Nilai boleh dinyatakan bersih adalah anggaran harga jualan dalam urusan biasa perniagaan, ditolak kos jualan dan pengagihan serta anggaran kos lain sehingga penyiapan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan utama yang diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah diguna pakai secara konsisten kepada semua tahun kewangan yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

(k) Kemerosotan nilai aset bukan kewangan

Aset-aset yang mempunyai hayat gunaan yang tidak tetap sebagai contoh, muhibah atau aset tidak ketara yang tidak bersedia untuk kegunaan, tidak tertakluk kepada pelunasan dan diuji setiap tahun bagi kemerosotan nilai, atau apabila peristiwa atau keadaan yang berlaku menunjukkan bahawa wujudnya kemerosotan nilai. Hartanah, loji dan peralatan dan aset bukan semasa lain, termasuk aset tidak ketara dengan hayat gunaan pasti, disemak semula bagi kemerosotan nilai apabila peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan bahawa amaun dibawa melebihi amaun yang tidak boleh diperoleh semula.

Kerugian kemerosotan nilai dicaj kepada keuntungan atau kerugian. Amaun boleh diperoleh semula adalah lebih tinggi daripada nilai saksama aset ditolak kos jualan dan nilai kegunaan. Bagi tujuan menilai kemerosotan nilai, aset dikumpulkan pada tahap terendah di mana terdapat aliran tunai berasingan yang boleh dikenal pasti (unit penjanaan tunai). Aset rosot nilai, kecuali muhibah, disemak semula untuk kemungkinan pembalikan kemerosotan nilai pada setiap tarikh pelaporan dan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Pembalikan tersebut diiktiraf sehingga tahap amaun dibawa aset yang akan ditentukan (yang ditolak pelunasan dan susut nilai) jika tiada kerugian rosot nilai diiktiraf.

(l) Cukai pendapatan semasa dan tertunda

Perbelanjaan cukai bagi tahun terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali sehingga tahap yang berkaitan dengan perkara yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti. Dalam keadaan ini, cukai juga diiktiraf masing-masing dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti.

Cukai semasa dan tertunda dikira menggunakan kadar cukai yang telah diwartakan atau kemudiannya diwartakan pada tarikh penyata kedudukan kewangan di negara-negara di mana anak-anak syarikat Kumpulan beroperasi menjana pendapatan yang dikenakan cukai.

Cukai tertunda diperuntukkan bagi perbezaan sementara yang timbul antara asas cukai aset dan liabiliti serta amaun dibawa dalam penyata kewangan. Aset cukai tertunda diiktiraf sehingga tahap berkemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai masa hadapan akan tersedia berbanding perbezaan sementara boleh ditolak dan kerugian cukai tidak diguna, boleh digunakan.

Cukai tertunda tidak diambil kira jika ia timbul daripada pengiktirafan awal suatu aset atau liabiliti dalam urus niaga selain daripada gabungan perniagaan yang pada masa urus niaga tersebut tidak memberi kesan kepada keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh cukai atau kerugian.

Cukai pendapatan tertunda diperuntukkan atas perbezaan sementara yang timbul atas pelaburan dalam anak-anak syarikat, kecuali bagi liabiliti cukai pendapatan tertunda di mana pemasaan daripada kebalikan perbezaan sementara dikawal oleh Kumpulan dan berkemungkinan bahawa perbezaan sementara tidak akan dibalikkan pada masa hadapan yang diramal.

Aset dan liabiliti cukai tertunda dan cukai pendapatan diseimbangkan apabila wujud hak boleh dikuatkuaskan mengikut undang-undang untuk mengimbangkan aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa dan apabila aset dan liabiliti cukai pendapatan tertunda berkait dengan cukai dikenakan oleh pihak berkuasa percukaian ke atas sama ada entiti boleh dicukai atau entiti boleh dicukai yang berlainan di mana terdapat hasrat untuk menyelesaikan baki asas bersih.

Manfaat cukai daripada peruntukan pelaburan semula diiktiraf apabila kredit cukai digunakan.

(m) Zakat

Kumpulan mengiktiraf obligasinya terhadap pembayaran zakat ke atas perniagaan. Zakat bagi tempoh semasa diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai obligasi zakat semasa susulan penaksiran zakat. Jumlah perbelanjaan zakat akan ditaksir apabila sesebuah syarikat dalam Kumpulan telah beroperasi sekurang-kurangnya selama 12 bulan, iaitu bagi tempoh dikenali sebagai "haul (tempoh layak)".

Perbelanjaan Zakat ini telah ditetapkan berdasarkan keputusan kewangan Kumpulan bagi tahun berkenaan. Jumlah zakat yang dibayar diiktiraf sebagai perbelanjaan yang ditanggung pada tahun kewangan berkenaan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan utama yang diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah diguna pakai secara konsisten kepada semua tahun kewangan yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

(n) Mata wang asing

Mata wang fungsian dan digunakan

Perkara-perkara termasuk dalam penyata kewangan Kumpulan diukur dengan menggunakan mata wang daripada persekitaran ekonomi utama dalam mana entiti beroperasi ('mata wang fungsian'). Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsian dan digunakan oleh Kumpulan dan Syarikat.

Urus niaga dan baki

Urus niaga mata wang asing ditukarkan kepada mata wang fungsian menggunakan kadar pertukaran yang berkuat kuasa pada tarikh urus niaga atau penilaian di mana item dikira semula. Keuntungan dan kerugian tukaran asing yang terhasil daripada penyelesaian urus niaga tersebut dan daripada takrifan pada kadar tukaran akhir tahun bagi aset dan liabiliti kewangan dalam mata wang asing pertukaran asing diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali apabila tertunda dalam ekuiti sebagai kelayakan lindung nilai aliran tunai yang layak dan lindung nilai pelaburan bersih.

Keuntungan dan kerugian tukaran asing yang berkaitan dengan peminjaman dan tunai dan setara tunai dibentangkan dalam keuntungan dan kerugian dalam "kerugian/keuntungan lain – bersih".

Syarikat-syarikat Kumpulan

Keputusan dan kedudukan kewangan semua entiti Kumpulan (tiada satu pun mempunyai mata wang ekonomi inflasi melampau) yang mempunyai mata wang fungsian yang berbeza daripada mata wang digunakan ditukarkan kepada mata wang digunakan seperti berikut:

- (i) aset dan liabiliti bagi setiap penyata kedudukan kewangan yang dibentangkan ditukarkan pada kadar penutup pada tarikh penyata kedudukan kewangan;
- (ii) pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap penyata pendapatan komprehensif ditukarkan pada kadar purata (melainkan purata ini bukan anggaran munasabah kesan terkumpul kadar yang digunakan pada tarikh urus niaga, yang mana pendapatan dan perbelanjaan ditukarkan pada tarikh urus niaga); dan
- (iii) semua perbezaan pertukaran yang terhasil diiktiraf dalam rizab tukaran asing sebagai komponen ekuiti yang berasingan.

Muhibah dan pelarasan nilai saksama yang timbul daripada pemerolehan entiti asing dianggap sebagai aset dan liabiliti entiti asing dan ditukarkan pada kadar penutup. Perbezaan pertukaran yang timbul diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

Semasa penyatuan, perbezaan tukaran mata wang asing yang timbul daripada pertukaran pelaburan bersih dalam entiti asing dan pendahuluan jangka panjang dimasukkan ke dalam rizab tukaran asing dalam ekuiti. Apabila operasi asing dijual, perbezaan pertukaran tersebut diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian sebagai sebahagian daripada keuntungan atau kerugian bagi pelupusan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan utama yang diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dinyatakan di bawah. Polisi-polisi ini telah diguna pakai secara konsisten kepada semua tahun kewangan yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

(o) Pengiktirafan Hasil

Hasil merangkumi nilai saksama pertimbangan yang diterima atau belum terima bagi penjualan barang dan perkhidmatan dalam urusan biasa aktiviti Kumpulan dan Syarikat. Hasil dinyatakan selepas menolak cukai barang dan perkhidmatan, pulangan, rebat dan diskauan dan selepas mengeluarkan jualan dalam Kumpulan.

(i) Hasil daripada jualan barang

Hasil daripada jualan barang diiktiraf selepas penghantaran barang, apabila risiko ketara dan pemberian pemilikan barang dipindahkan kepada pembeli.

Jualan yang ditunda penghantarannya merupakan kontrak jualan atas permintaan pelanggan, memindah hak milik sah inventori kepada pelanggan sebelum inventori meninggalkan gudang. Jualan yang ditunda penghantarannya diiktiraf sebagai pendapatan apabila hak milik sah dipindahkan, dengan syarat berkemungkinan penghantaran akan dibuat, inventori adalah tersedia untuk penghantaran, secara fizikal diasingkan daripada inventori yang belum dijual, pelanggan telah secara khusus memperakui arahan penghantaran tertunda dan kebiasaananya terma pembayaran diguna pakai.

(ii) Hasil daripada pemberian perkhidmatan

Hasil daripada pemberian perkhidmatan termasuk yuran pengurusan dan perkhidmatan pengangkutan diiktiraf apabila perkhidmatan tersebut dilaksanakan dengan merujuk kepada penyiapan perkhidmatan tertentu.

(iii) Pendapatan faedah

Pendapatan faedah diiktiraf dengan menggunakan kaedah faedah berkesan. Apabila pinjaman dan belum terima rosot nilai, Kumpulan mengurangkan amaun dibawa kepada amaun boleh dipulih semula, merupakan anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan pada kadar faedah berkesan asal instrumen, dan terus menetapkan diskauan sebagai pendapatan faedah. Pendapatan faedah ke atas pinjaman rosot nilai dan belum terima diiktiraf dengan menggunakan kadar faedah berkesan asal.

(iv) Pendapatan dividen

Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak pemegang-pemegang saham untuk menerima dibuktikan. Ini terpakai walaupun jika ia dibayar daripada keuntungan pra-pemerolehan. Namun, akibatnya pelaburan mungkin perlu diuji bagi kemerosotan nilai.

(v) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa yang berkaitan dengan sewaan hartaan dan loji diiktiraf sepanjang tempoh penyewaan atau penggunaan, sebagaimana yang sesuai.

(p) Pengagihan dividen

Dividen ke atas saham-saham biasa diiktiraf sebagai liabiiti apabila dicadangkan atau diisytiharkan sebelum tarikh penyata kedudukan kewangan. Dividen dicadangkan atau diisytiharkan selepas tarikh penyata kedudukan kewangan, tetapi sebelum penyata kewangan dibenarkan untuk terbitan, tidak diiktiraf sebagai liabiliti pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

(q) Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai termasuk tunai dalam tangan, deposit disimpan bank, pelaburan lain jangka pendek mudah tunai dengan kematangan asal selama tiga bulan atau kurang.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan utama yang diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dikemukakan di bawah. Polisi-polisi ini telah diguna pakai secara konsisten kepada semua tahun kewangan yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

(r) Pajakan

Pengelasan

Pajakan diiktiraf sebagai pajakan kewangan sekiranya ia memindah sebahagian besar kepada Kumpulan semua risiko dan ganjaran sampingan kepada pemilikan. Pajakan tanah dan bangunan dikelaskan sebagai pajakan operasi atau kewangan dalam cara yang sama sebagai pajakan aset lain dan elemen pajakan tanah dan bangunan dipertimbangkan secara berasingan bagi tujuan pengelasan pajakan. Kesemua pajakan yang tidak memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran dikelaskan sebagai pajakan operasi.

Pajakan operasi – Kumpulan sebagai pemajak

Bayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan atas dasar garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Agregat manfaat insentif disediakan oleh pemajak diiktiraf sebagai pengurangan perbelanjaan sewa sepanjang tempoh pajakan atas dasar garis lurus.

Apabila pajakan operasi ditamatkan sebelum tempoh pajakan tamat, sebarang bayaran yang perlu dibuat kepada pemajak melalui penalti diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh penamatan tersebut berlaku.

Kos langsung awal yang ditanggung oleh Syarikat untuk berunding dan mengatur pajakan operasi diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian yang ditanggung.

Bayaran bagi hak penggunaan tanah dan bangunan sepanjang tempoh yang ditentukan terlebih dahulu, dikelaskan sebagai bayaran pajakan prabayar dan dinyatakan pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul. Bayaran pajakan prabayar dilunaskan atas dasar garis lurus sepanjang tempoh pajakan selama 15 hingga 60 tahun.

Pajakan kewangan – Kumpulan sebagai Pemajak

Pajakan harta tanah, loji dan peralatan di mana Kumpulan mempunyai sebahagian besar kesemua risiko dan pemberian pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan. Pajakan kewangan dipermudahkan pada permulaan pajakan pada nilai saksama harta tanah dipajak dan nilai semasa bayaran pajakan minimum.

Setiap bayaran pajakan diperuntukkan antara caj liabiliti dan caj kewangan untuk mencapai kadar faedah berkala tidak berubah ke atas baki liabiliti yang selebihnya. Obligasi-obligasi sewa yang sepadan, caj kewangan bersih, dimasukkan dalam lain-lain pemutang jangka panjang. Ciri faedah kos kewangan dicaj kepada keuntungan atau kerugian sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah berkala tidak berubah ke atas baki liabiliti selebihnya bagi setiap tempoh.

Harta tanah, loji dan peralatan diperoleh di bawah pajakan kewangan disusutnilaikan sepanjang hayat gunaan dan tempoh pajakan aset.

Kos langsung awal ditanggung oleh Kumpulan dalam perundingan dan pengaturan pajakan kewangan ditambah kepada amaun dibawa aset dipajak dan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam keuntungan atau kerugian sepanjang tempoh pajakan atas dasar yang sama seperti perbelanjaan pajakan.

(s) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat kakitangan jangka pendek

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar, cuti sakit berbayar, bonus dan manfaat bukan berupa wang diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh dalam mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan. Ketidakhadiran diberi pampasan jangka pendek terkumpul seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan keberhakan mereka kepada ketidakhadiran diberi pampasan masa hadapan. Ketidakhadiran diberi pampasan jangka pendek tidak terkumpul seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

3 POLISI-POLISI PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

Polisi-polisi perakaunan utama yang diguna pakai dalam penyediaan penyata kewangan adalah dinyatakan di bawah. Polisi-polisi ini telah diguna pakai secara konsisten kepada semua tahun kewangan yang dibentangkan, kecuali dinyatakan sebaliknya: (sambungan)

(s) Manfaat kakitangan (sambungan)

- (ii) Pelan caruman tetap

Pelan caruman tetap ialah pelan manfaat pasca perkhidmatan di mana Kumpulan membayar caruman tetap kepada entiti atau dana berasingan dan tidak mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya sekiranya mana-mana daripada dana tidak mempunyai aset mencukupi untuk membayar semua manfaat kakitangan berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan dalam tahun-tahun kewangan semasa dan sebelumnya. Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam keuntungan dan kerugian sebagaimana ditanggung.

- (iii) Manfaat penamatan perkhidmatan

Kumpulan membayar manfaat penamatan dalam hal-hal penamatan pekerjaan dalam rangka kerja penyusunan semula. Kumpulan mengiktiraf manfaat Penamatan sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila ianya mempunyai pelan rasmi terperinci tanpa kemungkinan penarikan balik yang realistik.

(t) Instrumen ekuiti

Saham-saham biasa dikelaskan sebagai ekuiti.

Kos urus niaga suatu urus niaga ekuiti diambil kira sebagai pengurangan daripada ekuiti, ditolak cukai. Kos urus niaga ekuiti terdiri daripada hanya kos luaran tambahan yang secara langsung dikaitkan dengan urus niaga ekuiti yang akan sepatutnya telah dielakkan.

(u) Liabiliti luar jangka

1. PN 37, Lot No: 2040, Mukim Chuping, Perlis	MSM Perlis Sdn Bhd (Perladaangan)/ Pajakan-45 tahun	Getah & tanaman lain	523.940		9,901
2. PN 39, Lot No: 2035, Mukim Chuping, Perlis	MSM Perlis Sdn Bhd (Perladaangan)/ Pajakan-45 tahun	Getah & tanaman lain	1,268.108		23,962
3. PN 40, Lot No: 2038, Mukim Chuping, Perlis	MSM Perlis Sdn Bhd (Plantation)/ Pajakan-45 tahun	Getah & tanaman lain	288.877		5,459
		Bangunan	8,149.55 meter persegi		
4. PN 41, Lot No: 2041, Mukim Chuping, Perlis	MSM Perlis Sdn Bhd (Plantation)/ Pajakan-45 tahun	Getah & tanaman lain	92.202		1,743
5. PN 43, Lot No: 2037, Mukim Chuping, Perlis	MSM Perlis Sdn Bhd (Perdagangan)/ Pajakan-45 tahun	Getah & tanaman lain	277.178		5,237

RINGKASAN HARTAHAH YANG DIMILIKI OLEH KUMPULAN MSM
SETAKAT 31 DISEMBER 2017

Nama Pemilik Berdaftar/ Pemilik Benefisial Bil. No. Lot./Tempoh Pegangan Pajakan	Pemilikan	Kegunaan semasa	Luas Tanah (hektar melainkan dinyatakan sebaliknya)	Anggaran Usia Bangunan (Tahun)	Nilai Buku Bersih setakat 31.12.2017 (RM'000)
MSM PERLIS SDN. BHD. (PERLADANGAN) (sambungan)					
6. PN1755, Lot 18794, Mukim Chuping, Perlis	MSM Perlis Sdn Bhd (Perladangan)/ Pajakan-45 tahun	Getah & tanaman lain	952.800		18,022
		Bangunan	8,735.39 meter persegi		
7. PN1754, Lot 18795, Mukim Chuping, Perlis	MSM Perlis Sdn Bhd (Perladangan)/ Pajakan-46 tahun	Getah & tanaman lain	10.150		189
8. HS (D) 145, PT, Mukim Chuping, Perlis	MSM Perlis Sdn Bhd (Perladangan)/ Pajakan-46 tahun	Getah & tanaman lain	1,027.862		19,488
9. HS (D) 2587, PT349,Mukim Chuping, Perlis	MSM Perlis Sdn Bhd (Perladangan)/ Pajakan-56 tahun	Getah & tanaman lain	12.841		250
		Bangunan	713.68 meter persegi		

RINGKASAN HARTANAH YANG DIPAJAK OLEH KUMPULAN MSM

SETAKAT 31 DISEMBER 2017

Bil.	Nama of Pemberi Pajak/Pemajak atau Tuan tanah/Penyewa atau Pemberi Geran/Penerima Geran No. Lot/Alamat Pos	Huraian hartaanah/ Kegunaan semasa	Keluasan tapak/ Kawasan tanah (meter persegi) Kecuali dinyatakan sebaliknya)	Tempoh/ Tarikh luput	Sewa setahun (kecuali dinyatakan sebaliknya)
1.	H.S. (D) 28162, Lot 286, Bandar Prai, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang – Plot A & B. 798, Main Road, 13600 Prai, Pulau Penang	Hartaanah dibangunkan dengan tangki molas, gudang gula bertapis, gudang gula mentah, kawasan tempat simpan, jalan keretapi dan gudang pembungkusan bahan	3,471.5/97,494 kaki persegi	Pajakan 30 tahun/ Luput pada 30 November 2024 dengan pilihan untuk diperbaharui 30 tahun lagi	26,323.00
2.	H.S. (D) 28162, Lot 286, Bandar Prai, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang – Plot D 798, Main Road, 13600 Prai, Pulau Penang	Hartaanah dibangunkan dengan gudang bahan mentah dan gudang pelbagai bahan	5,374.7/ 96,140 kaki persegi	Pajakan 14 tahun/ Luput 31 Mei 2018 dengan pilihan untuk diperbaharui 10 tahun lagi	30,764.00
3.	H.S. (D) 28162, Lot 286, Bandar Prai, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang – Plot C 798, Main Road, 13600 Prai, Pulau Penang	Hartaanah dibangunkan dengan gudang bahan mentah dan gudang pelbagai bahan	4,119.7/ 60,575 kaki persegi	Pajakan 30 tahun/ Luput 30 November 2024 dengan pilihan untuk diperbaharui 30 tahun lagi	16,355.00
4.	H.S. (D) 28137, Lot 287, Bandar Prai, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang 798, Main Road, 13600 Prai, Pulau Penang	Hartaanah dibangunkan dengan gudang bahan mentah dan gudang pelbagai bahan	72,451.4/ 605,484 kaki persegi	Pajakan 30 tahun/ Luput 30 November 2024 dengan pilihan untuk diperbaharui 30 tahun lagi	163,480
5.	Penang Port Commission (sebagai pemberi pajak)/ Kiland Gula Felda Perlis Sdn Bhd (sebagai pemajak) Bulk Cargo Terminal, 13600 Prai, Pulau Penang	Gudang penyimpanan/ Kini digunakan sebagai kemudahan simpanan gula bertapis dan mentah	7,580.12/ Tidak diguna pakai	Pajakan 22 tahun/ Luput 31 Januari 2025	RM0.84 setiap meter meter sebulan
6.	Aras 44, Menara Felda, Platinum Park, 11 Persiaran KLCC 50088 Kuala Lumpur	Ruang pejabat/ kini digunakan di pejabat Pentadbiran MSM di KL	15,631 kaki persegi	Pajakan 3 tahun/Luput 22 November 2019	120,358.70 sebulan
7.	PLO 46, Land at Tanjung Langsat Industrial Complex, Mukim Sungai Tiram, Johor Bharu	Kemudahan bagi Kilang Penapisan gula	2,205,442.80 kaki persegi	Pajakan selama 60 tahun	RM40.00 kps

SENARAI 10 HARTANAH TERATAS DIMILIKI OLEH KUMPULAN MSM

SETAKAT 31 DISEMBER 2017

HARTANAH DIMILIKI OLEH KUMPULAN KAMI

Nama Pemilik Berdaftar/ Pemilik Benefisial/ Bil. No. Lot/Tempoh Pegangan Pajakan	Tarikh Pemerolehan	Pemilikan	Luas tanah(hektar melainkan dinyatakan sebaliknya)	Jangka usia Loji & Bangunan (tahun)	Usia Loji & Bangunan (tahun)	NBV setakat 31/12/2017 (RM'000)
1. PLO 46, Kawasan Pelabuhan, Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat, Mukim Sungai Tiram, Daerah Johor Bharu, Johor	16.03.2015	Pajakan- 58 tahun	Tanah kilang	50.63 ekar	-	84,876
2. PN 39, Lot No : 2035, Mukim Chuping, Perlis	21.05.2011	Pajakan- 45 tahun	Getah & tanaman lain	1,268.108	-	23,962
3. HS (D) 145, PT, Mukim Chuping, Perlis	21.05.2011	Pajakan- 45 years	Getah & tanaman lain	1,027.862	-	19,488
4. PN1755, Lot 18794, Mukim Chuping, Perlis	21.05.2011	Pajakan- 45 tahun	Getah & tanaman lain	952.800	-	18,022
			Bangunan	8735.39 meter persegi		
5. PN 37, Lot No : 2040, Mukim Chuping, Perlis	21.05.2011	Pajakan- 45 tahun	Getah & tanaman lain	523.940	-	9,901
6. PN 40, Lot No : 2038, Mukim Chuping, Perlis	21.05.2011	Pajakan- 45 tahun	Getah & tanaman lain	288.877	-	5,459
			Bangunan	8,149.55 meter persegi		
7. PN 43, Lot No : 2037, Mukim Chuping, Perlis	21.05.2011	Pajakan- 45 tahun	Getah & tanaman lain	277.178	-	5,237
8. H.S.(D) 119796, PT121676, Mukim Kelang, Daerah Klang, Selangor	24.4.2013	Pajakan	Tanah kosong	10,670 meter persegi	-	4,862
9. H.S.(D) 119797, PT121677, Mukim Kelang, Daerah Klang, Selangor	24.4.2013	Pajakan	Tanah kosong	9,697 meter persegi	-	4,378
10. H.S.(D) 31964, PT 34446, Mukim Batu, Daerah Gombak, Negeri Selangor	15.9.1993	Pajakan	Kemudahan untuk pengedaran gula dan penyimpanan	1.214	24	2,228
			Bangunan	903 meter persegi		

DIREKTORI KORPORAT KUMPULAN

IBU PEJABAT

1. **MSM Malaysia Holdings Berhad** (935722-K)

Aras 44, Menara Felda, Platinum Park,
No.11, Persiaran KLCC,
50088 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel : +603 2181 5018

Faks: +603 2181 5015

2. **MSM Prai Berhad** (3573-D)

Aras 44, Menara Felda, Platinum Park,
No.11, Persiaran KLCC,
50088 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel : +603 2181 4818

Faks: +603 2181 4825 (Akaun)

: +603 2181 4812 / 4827 (Pemasaran)

3. **MSM Logistics Sdn Bhd** (208409-P)

Aras 44, Menara Felda, Platinum Park,
No.11, Persiaran KLCC,
50088 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel : +603 2181 5018

Faks: +603 2181 5015

KILANG

4. **MSM Prai Berhad** (3573-D)

798, Main Road, 13600 Prai, Seberang Prai,
Pulau Pinang, Malaysia

Tel : +604 388 8888

Faks: +604 390 8122 / 399 9140

5. **MSM Perlis Sdn Bhd** (10776-K)

Alamat Pos : P.O Box 42, 01700 Kangar, Perlis, Malaysia
Alamat Kilang : Mukim Chuping, 02500, Chuping, Perlis,
Malaysia

Tel : +604 944 1301 / 1302 / 1303

Faks: +604 944 1027 / 1311

6. **MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd** (1139464-W)

No Lot. PTD 4966, Jalan Ipil 3,
Kompleks Perindustrian Tanjung Langsat,
81700 Pasir Gudang, Johor, Malaysia

Tel : +607 257 2888

GUDANG

7. **MSM Prai Berhad** (3573-D)

No Lot. 61, Jalan BRP 8/1V,
Kawasan Perusahaan Bukit Rahman Putra,
47000 Sungai Buloh, Selangor, Malaysia

Tel : +603 6157 6358

Faks: +603 6157 5358

8. **MSM Prai Berhad** (3573-D)

No.5, Jalan Bakti,
Kawasan Perindustrian Larkin,
80350 Johor Bharu, Johor, Malaysia

Tel : +607 238 3687

Faks: +607 238 3766

PERLADANGAN

9. **MSM Perlis Sdn Bhd** (10776-K)

Alamat Pos : P.O Box 42, 01700 Kangar, Perlis, Malaysia
Alamat Pejabat : KM23, Jalan Kilang Gula Chuping,
02400 Beseri, Perlis, Malaysia

Tel : +604 944 1002

Faks: +604 944 1211

PERDAGANGAN

10. **MSM Trading International DMCC** (DMCC28344)

No. Unit 404 & 405,
Jumeirah Bay X3 Cluster X,
Jumeirah Lakes Tower (JLT),
Dubai, Emiriah Arab Bersatu

Tel : +9714 557 4635

Faks: +9714 552 9125

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan ("MAT") ketujuh (ke-7) MSM Malaysia Holdings Berhad ("MSM" atau "Syarikat") akan diadakan di Dewan Bankuet 1, Aras B2, Menara Felda, Platinum Park, No. 11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur, Malaysia pada hari Selasa, 26 Jun 2018 pada jam 11.00 pagi atau pada sebarang penangguhannya, untuk melaksanakan urusan-urusan berikut:

AGENDA

Sebagai Urusan Biasa

1. Untuk menerima Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 bersama dengan Laporan Pengarah dan Juruaudit.
Sila rujuk Nota Penjelasan 1
2. Untuk meluluskan pembayaran yuran Pengarah sebanyak RM1,342,867.00 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017. **(Resolusi 1)**
Sila rujuk Nota Penjelasan 2
3. Untuk meluluskan pembayaran sebahagian dari yuran Pengarah kepada Pengarah Bukan Eksekutif berjumlah sehingga RM840,000.00 dari 27 Jun 2018 sehingga MAT Syarikat yang berikutnya pada tahun 2019. **(Resolusi 2)**
Sila rujuk Nota Penjelasan 3
4. Untuk meluluskan pembayaran manfaat berbayar kepada Pengarah Bukan Eksekutif berpandukan struktur imbuhan seperti yang dinyatakan dalam Nota Penjelasan 4 bagi tempoh dari 27 Jun 2018 sehingga MAT Syarikat yang berikutnya yang akan berlangsung pada tahun 2019. **(Resolusi 3)**
Sila rujuk Nota Penjelasan 4
5. Untuk memilih semula para Pengarah berikut yang bersara mengikut giliran selaras dengan Artikel 93 Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan oleh kerana layak, telah menawarkan diri mereka untuk dipilih semula:
i) Dato' Rosini Abd Samad
ii) Datuk Hanapi Suhada **(Resolusi 4)**
(Resolusi 5)
Sila rujuk Nota Penjelasan 5
6. Untuk memilih semula para Pengarah berikut yang bersara mengikut giliran selaras dengan Artikel 99 Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan oleh kerana layak, telah menawarkan diri mereka untuk dipilih semula:
i) Datuk Wira Azhar Abdul Hamid
ii) Dato' Khairil Anuar Aziz **(Resolusi 6)**
(Resolusi 7)
Sila rujuk Nota Penjelasan 6
7. Untuk melantik semula Tetuan PricewaterhouseCoopers PLT sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 dan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menentukan imbuhan mereka. **(Resolusi 8)**
Sila rujuk Nota Penjelasan 7

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

Sebagai Urusan Khas

Untuk mempertimbangkan dan jika difikirkan wajar, meluluskan perkara berikut sebagai Resolusi Khas:

8. CADANGAN PENERIMAAN PERLEMBAGAAN BAHARU SYARIKAT

(Resolusi 9)

"BAHAWA" kelulusan adalah dan dengan ini diberikan untuk membatalkan Tatacara dan Tataurusnian Pertubuhan Syarikat yang sedia ada (kini dikenali sebagai Perlembagaan menurut Akta Syarikat, 2016) berkuatkuasa serta merta dan sebagai gantinya, Perlembagaan baharu Syarikat yang dicadangkan seperti yang dinyatakan dalam Lampiran II Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 23 April 2018 ("Pekeliling Perlembagaan") dengan ini diluluskan untuk diterima pakai sebagai Perlembagaan Syarikat yang menggantikan dan memansuhkan semua Tatacara dan Tataurusnian Pertubuhan Syarikat yang sedia ada.

DAN BAHAWA Lembaga Pengarah adalah dan dengan ini diberi kuasa untuk melakukan semua tindakan, perbuatan dan perkara dan mengambil semua langkah yang dianggap perlu dan bersetuju dengan apa-apa pengubahsuaian, perubahan dan/atau pindaan sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak berkuasa yang berkenaan, untuk menguatkuasakan sepenuhnya semua yang dinyatakan terdahulu."

Sila Rujuk Nota Penjelasan 8 mengenai Urusan Khas

Untuk mempertimbangkan dan sekiranya wajar, meluluskan perkara berikut sebagai Resolusi Biasa:

9. CADANGAN PEMBAHARUAN MANDAT PEMEGANG SAHAM BAGI URUSNIAGA-URUSNIAGA YANG BERULANG DENGAN PIHAK BERKAITAN SEDIA ADA BERBENTUK HASIL ATAU PERDAGANGAN BAGI KUMPULAN SYARIKAT MSM HOLDINGS ("KUMPULAN MSM HOLDINGS") DAN CADANGAN MANDAT PEMEGANG SAHAM BAGI URUSNIAGA-URUSNIAGA YANG BERULANG DENGAN PIHAK BERKAITAN BARU BERBENTUK HASIL ATAU PERDAGANGAN BAGI KUMPULAN MSM HOLDINGS

(Resolusi 10)

"BAHAWA, tertakluk kepada Akta Syarikat, 2016 ("Akta"), Tatacara dan Tataurusnian Pertubuhan syarikat (kini dikenali sebagai Perlembagaan menurut Akta), Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad ("Keperluan Penyenaraian"), undang-undang, garis panduan, peraturan dan peraturan lain yang berkaitan, dan kelulusan kerajaan/pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan (jika berkenaan), kelulusan dengan ini diberikan kepada Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya untuk memeterai semua aturan dan/atau urusniaga-urusniaga yang melibatkan kepentingan Pihak Berkaitan seperti yang dinyatakan di Lampiran I Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 23 April 2018 ("Pekeliling RRPT"), dengan syarat bahawa aturan dan/atau urusniaga-urusniaga tersebut adalah:

- (i) urusniaga-urusniaga berulang berbentuk hasil atau perdagangan;
- (ii) diperlukan untuk urusan operasi harian;
- (iii) dijalankan sebagai urusan biasa perniagaan dalam termasuk komersial lazim yang tidak lebih memihak kepada pihak berkaitan berbanding yang secara umumnya tersedia kepada orang awam; dan
- (iv) tidak menjelaskan para pemegang saham minoriti Syarikat;

("Cadangan Mandat-Mandat");

DAN BAHAWA cadangan Mandat-Mandat akan bermula sebaik sahaja resolusi biasa ini diluluskan dan terus berkuat kuasa sehingga:

- (a) tamatnya MAT Syarikat yang berikutnya selepas MAT ini, di mana tempoh Cadangan Mandat-Mandat tersebut akan berakhir, kecuali Cadangan Mandat-Mandat tersebut diperbaharui oleh resolusi yang diluluskan pada MAT Syarikat yang akan datang; atau
- (b) penamatkan tempoh di mana MAT yang berikutnya perlu diadakan mengikut kehendak undang-undang; atau
- (c) dibatalkan atau diubah menerusi resolusi yang diluluskan oleh pemegang saham Syarikat dalam mesyuarat agung syarikat,

yang mana lebih awal;

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

DAN JUGA BAHAWA kuasa dengan ini diberikan kepada Pengarah Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya untuk menyempurnakan dan melaksanakan segala tindakan dan perkara (termasuk menandatangani semua dokumen sekiranya diperlukan) yang mereka fikirkan sesuai atau perlu bagi menguatkuasakan urusniaga-urusniaga seperti yang dibenarkan oleh resolusi dan Cadangan Mandat-Mandat ini.”

Sila rujuk Nota Penjelasan 9 mengenai Urusan Khas

10. **KUASA BAGI PARA PENGARAH UNTUK MEMPERUMPUKKAN DAN MENERBITKAN SAHAM MENURUT SEKSYEN 75 AKTA SYARIKAT, 2016** *(Resolusi 11)*

“**BAHAWA**, menurut Seksyen 75 Akta Syarikat, 2016 dan tertakluk kepada Tataurus Pertubuhan Syarikat, Keperluan Penyenaraian dan kelulusan kerajaan/pihak berkuasa yang berkaitan, para Pengarah dengan ini diberi kuasa untuk memperumpukkan dan menerbitkan saham dalam Syarikat pada bila-bila masa dan atas apa-apa terma dan syarat-syarat dan untuk tujuan tertentu mengikut budi bicara para Pengarah yang difikirkan sesuai, dengan syarat bahawa jumlah agregat saham yang diperumpukkan dan diterbitkan menurut resolusi ini tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada modal saham terbitan Syarikat pada tarikh perumpukan tersebut DAN BAHAWA para Pengarah juga dengan ini diberi kuasa untuk mendapatkan semua kelulusan yang diperlukan daripada pihak berkuasa yang berkaitan untuk penyenaraian dan sebut harga saham tambahan yang diterbitkan di Bursa Malaysia Securities Berhad dan bahawa kuasa tersebut akan terus berkuat kuasa sehingga tamatnya MAT Syarikat yang akan datang.”

Sila rujuk Nota Penjelasan 10 mengenai Urusan Khas

11. Untuk melaksanakan sebarang urusan lain Syarikat yang mana notis yang sewajarnya hendaklah diberikan menurut Tataurus Pertubuhan Syarikat dan Akta Syarikat, 2016.

ATAS PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

KOO SHUANG YEN (MIA 7556)

Setiausaha Syarikat
Kuala Lumpur
23 April 2018

NOTA :

1. Proksi

- (i) Seorang ahli tidak berhak melantik lebih daripada dua (2) proksi untuk hadir dan mengundi di mesyuarat yang sama. **Jika seorang ahli melantik lebih daripada seorang (1) proksi untuk hadir menyertai, bersuara dan mengundi di mesyuarat yang sama, setiap proksi yang dilantik hendaklah mewakili sekurang-kurangnya 100 saham dan pelantikan tersebut tidak sah melainkan ahli menyatakan bahagian pegangan saham beliau yang akan diwakili oleh setiap proksi.**
- (ii) Di mana seorang ahli Syarikat adalah penama sah terkecuali yang memegang saham-saham biasa dalam Syarikat untuk lebih dari seorang pemilik benefisial dalam satu akaun sekuriti (akaun omnibus), maka tiada had kepada bilangan proksi yang boleh dilantik oleh penama sah terkecuali tersebut bagi setiap akaun omnibus yang dipegangnya. Penama sah terkecuali merujuk kepada penama sah yang ditakrifkan di bawah Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 (SICDA) yang dikecualikan daripada mematuhi peruntukan subseksyen 25A(1) SICDA.
- (iii) Jika penama sah terkecuali melantik dua (2) orang atau lebih proksi, nisbah pegangan yang akan diwakili oleh setiap proksi hendaklah dinyatakan dalam instrumen pelantikan proksi.
- (iv) Instrumen pelantikan proksi hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani pelantik atau peguam beliau yang diberi kuasa sewajarnya secara bertulis atau sekiranya pelantik

adalah sebuah perbadanan sama ada di bawah meterai syarikat atau ditandatangani oleh pegawai atau peguam yang diberi kuasa sewajarnya. Instrumen pelantikan seorang proksi untuk mengundi pada mesyuarat hendaklah dianggap meliputi kuasa untuk menuntut atau menyertai tuntutan dalam permintaan pengundian secara “polling” (Pengundian) bagi pihak yang melantik. Seorang proksi boleh tetapi tidak semestinya seorang Ahli Syarikat dan Ahli boleh melantik mana-mana individu untuk menjadi proksi.

- (v) Instrumen pelantikan proksi hendaklah dihantar kepada Pendaftar Saham Syarikat, Symphony Share Registrars Sdn Bhd, Aras 6, Symphony House, Pusat Dagangan Dana 1, Jalan PJU 1A/46, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan tidak lewat dari hari Isnin, 25 Jun 2018 jam 1:00 petang, dan jika gagal, instrumen Proksi dianggap tidak sah.

2. Ahli-ahli yang layak hadir

Untuk tujuan menentukan ahli yang layak untuk hadir di MAT ke-7, Syarikat akan meminta Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd, selaras dengan Artikel 58 Tataurus Pertubuhan Syarikat dan Seksyen 34(1) SICDA, untuk mengeluarkan satu Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung sehingga tarikh 12 Jun 2018. **Hanya pendeposit yang namanya terkandung dalam Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung pada tarikh 12 Jun 2018 layak untuk hadir, bersuara dan mengundi di MAT tersebut atau melantik seorang proksi/(proksi-proksi) untuk hadir, bersuara dan/atau mengundi bagi pihak mereka.**

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

3. Pendaftaran Ahli/Proksi

Pendaftaran ahli/proksi yang menghadiri mesyuarat tersebut akan bermula jam 8.30 pagi pada hari mesyuarat dan akan dibuka sehingga masa yang ditentukan oleh Pengerusi mesyuarat. Ahli/proksi dikehendaki mengemukakan MyKad asal atau paspot yang sah untuk pendaftaran dan diminta untuk menepati masa kerana pendaftaran kehadiran akan ditutup untuk tujuan memudahkan permulaan proses pengundian.

4. Undian

Menurut Perenggan 8.29A(1) Keperluan Penyenaraian, semua resolusi yang dinyatakan dalam Notis MAT MSM ke-7 akan melalui proses pengundian secara poll. Pentadbir pengundian dan Pemantau Bebas akan dilantik untuk mengendalikan proses pengundian dan mengesahkan keputusan pengundian secara poll.

NOTA PENJELASAN MENGENAI URUSAN BIASA:

Nota Penjelasan 1:

Penyata Kewangan yang telah Diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017

Agenda ini adalah untuk pembentangan dan perbincangan sahaja kerana di bawah peruntukan Seksyen 340(1)(a) Akta dan Artikel 130 Tataurusan Pertubuhan Syarikat, Penyata Kewangan beraudit tidak memerlukan kelulusan akhir bagi pemegang saham dan dengan itu, perkara tersebut tidak akan diketengahkan untuk undian.

Nota Penjelasan 2:

Resolusi 1 – Bayaran Yuran Pengarah bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017

Seksyen 230(1) Akta memperuntukkan antara lain, bahawa yuran Pengarah dan apa-apa manfaat berbayar kepada Pengarah syarikat tersenari dan anak-anak syarikatnya hendaklah diluluskan pada mesyuarat agung. Dalam hal ini, Lembaga Pengarah bersetuju bahawa kelulusan pemegang saham hendaklah diperoleh pada MAT ke-7 mengenai imbuhan para Pengarah dalam tiga (3) resolusi berasingan seperti berikut:

- **Resolusi 1** mengenai pembayaran yuran para Pengarah bagi tahun sebelumnya iaitu 2017;
- **Resolusi 2** mengenai pembayaran sebahagian yuran para Pengarah yang dibayar kepada para Pengarah Bukan Eksekutif dari 27 Jun 2018 sehingga MAT Syarikat yang akan datang pada 2019 ("Tempoh Relevan"); dan
- **Resolusi 3** mengenai pembayaran manfaat yang dibayar kepada Pengarah Bukan Eksekutif dalam Tempoh Relevan tersebut.

Struktur yuran tahunan Pengarah Bukan Eksekutif dinyatakan dalam jadual di bawah:

Pengarah/Jawatankuasa Lembaga Pengarah	Yuran Tahunan (RM)	
	Pengerusi	Pengarah
Lembaga Pengarah	315,000	120,000
Jawatankuasa Audit	24,000	12,000
Jawatankuasa Lembaga Pengarah Lain:	10,000	8,000
- Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan		
- Jawatankuasa Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah		
- Jawatankuasa Pelaburan		

Sila rujuk muka surat 159 mengenai Nota kepada Penyata Kewangan dalam Laporan Tahunan 2017 bagi amaun yuran Pengarah di peringkat Syarikat dan Kumpulan, yang akan diluluskan di MAT di bawah Resolusi Biasa 2. Amaun terperinci yuran Pengarah dinyatakan dalam Rangkuman Penyata Tadbir Urus Korporat di muka surat 088 Laporan Tahunan 2017.

Nota Penjelasan 3:

Resolusi 2 – Yuran Pengarah yang Dibayar kepada Pengarah Bukan Eksekutif

Cadangan Resolusi 2 Biasa, sekiranya diluluskan, akan memberarkan Syarikat untuk membayar sebahagian yuran Pengarah sebanyak RM20,000 sebulan kepada Pengerusi Bukan Eksekutif dan RM5,000 sebulan kepada Pengarah Bukan Eksekutif bagi Tempoh Relevan.

Nota Penjelasan 4:

Resolusi 3 – Manfaat berbayar kepada Pengarah Bukan Eksekutif

Syarikat ingin memohon kelulusan pemegang saham mengenai manfaat berbayar kepada Pengarah Bukan Eksekutif bagi Tempoh Relevan berpandukan struktur imbuhan (tidak termasuk Yuran Pengarah) yang dinyatakan di bawah:

Elaun Mesyuarat	• Mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah: RM2,000 setiap kehadiran
Manfaat	<ul style="list-style-type: none"> • Kereta Syarikat (Pengerusi sahaja): sebuah (1) kereta Syarikat dengan sekurang-kurangnya 2000cc • Elaun pemandu: tidak melebihi RM2,500 sebulan • Elaun khidmat keselamatan: tidak melebihi RM2,500 sebulan • Perbelanjaan perubatan, perlindungan insurans, perbelanjaan perjalanan dan manfaat yang boleh dituntut

Pembayaran manfaat berbayar akan dibuat oleh Syarikat dan anak-anak syarikatnya setiap bulan dan/atau apabila ia berlaku sekiranya Resolusi Biasa 3 yang dicadangkan diluluskan pada MAT ke-7. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa adalah adil dan saksama bagi para Pengarah dibayar manfaat berbayar pada setiap bulan dan/atau apabila ia berlaku, terutamanya selepas mereka telah melaksanakan tanggungjawab dan memberikan perkhidmatan mereka kepada Syarikat dan anak-anak syarikatnya sepanjang Tempoh Relevan.

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

Nota Penjelasan 5:

Resolusi 4 & 5 – Pemilihan Semula Pengarah yang Bersara Menurut Artikel 93 Tataurusan Pertubuhan Syarikat

Artikel 93 Tataurusan Pertubuhan Syarikat menyatakan bahawa pada setiap MAT, sekurang-kurangnya satu pertiga (1/3) daripada para Pengarah yang sedia ada akan bersara daripada jawatan. Di samping itu, semua Pengarah hendaklah bersara daripada jawatan sekurang-kurangnya sekali setiap tiga (3) tahun. Pengarah yang akan bersara adalah layak untuk dipilih semula.

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan telah mencadangkan dan Lembaga Pengarah telah meluluskan Pengarah untuk dipilih semula.

Kebebasan Dato' Rosini Abd Samad, yang telah berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat telah dinilai oleh Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan dan juga telah disahkan oleh Lembaga Pengarah untuk terus bertindak sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat. Dato' Rosini Abd Samad, menawarkan diri untuk pemilihan semula telah berkhidmat tidak melebihi sembilan (9) tahun sebagai Pengarah Bebas.

Nota Penjelasan 6:

Resolusi 6 & 7 – Pemilihan Semula Pengarah yang Bersara Menurut Artikel 99 Tataurusan Pertubuhan Syarikat

Artikel 99 Tataurusan Pertubuhan Syarikat menetapkan bahawa seseorang Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah akan memegang jawatan sehingga tamatnya MAT Syarikat yang akan datang dan layak untuk dipilih semula.

Datuk Wira Azhar Abdul Hamid dan Dato' Khairil Anuar Aziz, yang telah dilantik dalam tahun kewangan 31 Disember 2017, telah berjaya menyempurnakan Program Akreditasi Mandatori mereka menurut Keperluan Penyenaraian.

Nota Penjelasan 7:

Resolusi 8 – Pelantikan Semula Juruaudit

Juruaudit semasa, Tetuan PricewaterhouseCoopers PLT ("PwC"), telah menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatan mereka untuk tempoh setahun lagi. Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah telah mempertimbangkan pelantikan semula PwC sebagai Juruaudit Syarikat dan telah dipersetujui bahawa PwC telah memenuhi kriteria yang berkaitan yang ditetapkan oleh Perenggan 15.21 Keperluan Penyenaraian.

Pengecualian daripada pengundian

- (i) Semua Pengarah Bukan Eksekutif yang merupakan pemegang saham Syarikat akan mengecualikan diri daripada mengundi Resolusi Biasa 1, 2 dan 3 berkenaan yuran dan manfaat para Pengarah yang dibayar pada MAT ke-7.
- (ii) Pengarah yang dirujuk dalam Resolusi 4, 5, 6 dan 7 yang merupakan pemegang saham Syarikat akan mengecualikan diri mereka daripada pengundian resolusi yang berkaitan dengan pemilihan semula mereka di MAT ke-7.

NOTA PENJELASAN MENGENAI URUSAN KHAS:

Nota Penjelasan 8:

Resolusi 9 – Cadangan Penerimaan Perlembagaan Baharu Syarikat

Cadangan Resolusi 9 (Resolusi Khas), sekiranya diluluskan, akan menjadikan Perlembagaan Syarikat sejarah dengan penguatkuasaan Akta dan akan meningkatkan kecekapan pentadbiran. Cadangan Perlembagaan baharu dinyatakan dalam Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 23 April 2018 yang disertakan bersama-sama Laporan Tahunan 2017 Syarikat.

Nota Penjelasan 9:

Resolusi 10 - Cadangan Pembaharuan Mandat Pemegang Saham Bagi Urusniaga-Urusniaga Yang Berulang Dengan Pihak Berkaitan Berbentuk Hasil atau Perdagangan

Cadangan Resolusi Biasa 10, jika diluluskan, akan membolehkan Syarikat dan/atau anak syarikatnya memeterai urusniaga-urusniaga berulang yang melibatkan kepentingan Pihak Berkaitan yang berbentuk hasil atau perdagangan dan diperlukan untuk operasi harian Kumpulan, dengan syarat urusniaga-urusniaga tersebut dijalankan dalam perjalanan perniagaan biasa atas terma yang tidak lebih menguntungkan berbanding biasanya tersedia kepada orang awam dan tidak merugikan pemegang saham minoriti syarikat.

Maklumat terperinci mengenai Cadangan Mandat-Mandat adalah seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 23 April 2018.

Nota Penjelasan 10:

Resolusi Biasa 11 – Pemberian Kuasa kepada Pengarah untuk Memperumpukkan dan Menerbitkan Saham

Cadangan Resolusi Biasa 11 merupakan mandat am baharu yang akan diperoleh daripada Pemegang Saham Syarikat pada MAT ini dan, jika diluluskan, akan memberi kuasa kepada para Pengarah menurut Seksyen 75 Akta Syarikat, 2016 untuk memperumpukkan dan menerbitkan saham biasa dalam Syarikat sehingga jumlah agregat tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada modal saham terbitan Syarikat pada tarikh perumpukkan saham tersebut tanpa mengadakan mesyuarat agung.

Mandat am ini, kecuali dibatalkan atau diubah pada mesyuarat agung, akan tamat pada penutup mesyuarat agung tahunan Syarikat yang akan datang. Mandat am daripada para pemegang saham adalah untuk menyediakan kelonggaran kepada Syarikat untuk melaksanakan mana-mana terbitan saham sepanjang tahun kewangan tanpa perlu mengadakan mesyuarat agung.

Rasional bagi mandat yang dicadangkan ini adalah untuk membolehkan mana-mana terbitan saham dan/atau pelaksanaan pengumpulan dana termasuk penempatan saham bagi tujuan pembiayaan projek pelaburan semasa dan/atau akan datang, modal kerja dan/atau pengambilalihan serta sekiranya wujud mana-mana peluang strategik yang melibatkan urus niaga ekuiti yang mungkin menghendaki Syarikat memperuntukkan dan menerbitkan saham baharu dengan segera dan dengan itu mengurangkan masa dan kos pentadbiran yang berkaitan untuk memulakan mesyuarat tambahan pemegang saham. Dalam apa jua keadaan, pelaksanaan mandat tersebut hanya akan dilaksanakan jika Lembaga Pengarah berpendapat bahawa pelaksanaannya adalah bagi kepentingan terbaik Syarikat.

PENYATA MENGIRINGI NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-7

(MENURUT PERENGGAN 8.27 (2) SYARAT KEPERLUAN PENYENARAIAIN)

1. PENGARAH YANG MENAWARKAN DIRI UNTUK PEMILIHAN SEMULA DAN PELANTIKAN SEMULA PADA MAT KE-7

- (a) Pengarah yang menawarkan diri untuk pemilihan semula menurut Artikel 93 Tataurusan Pertubuhan Syarikat:
 - Dato' Rosini Abd Samad
 - Datuk Hanapi Suhada
- (b) Pengarah yang menawarkan diri untuk pemilihan semula menurut Artikel 99 Tataurusan Pertubuhan Syarikat:
 - Datuk Wira Azhar Abdul Hamid
 - Dato' Khairil Anuar Aziz

Profil para Pengarah tersebut yang menawarkan diri untuk pemilihan semula (mengikut Resolusi 4 hingga 7 seperti yang dinyatakan di atas) pada Mesyuarat Agung Tahunan ke-7 Syarikat dibentangkan dari muka surat 072 hingga 076 Laporan Tahunan ini.

Tiada seorang pun daripada para Pengarah di atas mempunyai sebarang kepentingan dalam sekuriti Syarikat atau anak syarikatnya. Butiran mengenai pegangan saham mereka dalam Syarikat dibentangkan di muka surat 116 dalam Laporan Tahunan ini.

2. RESOLUSI BIASA BERHUBUNG KUASA KEPADA PARA PENGARAH UNTUK MENGUMPUKKAN DAN MENERBITKAN SAHAM

Butiran mengenai kuasa kepada Pengarah untuk mengumpukkan dan menerbitkan saham Syarikat menurut Seksyen 75 Akta Syarikat, 2016 disediakan dalam Nota Penjelasan 10 pada Urusan Khas di dalam Notis MAT ke-7 yang dibentangkan di halaman 201.

BUTIRAN PENTADBIRAN

BAGI MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KETUJUH ("MAT KE-7")

Acara : MAT ke-7
 Tarikh : 26 Jun 2018
 Masa : 11:00 pagi
 Tempat : Dewan Bankuet 1, Aras B2, Menara Felda, Platinum Park, No. 11 Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur

PROKSI

- Suratcara pelantikan proksi hendaklah diserahkan kepada Pendaftar Saham Syarikat, Symphony Share Registrars Sdn Bhd, Aras 6, Symphony House, Pusat Dagangan Dana 1, Jalan PJU 1A/46, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan tidak lewat dari Isnin, 25 Jun 2018 pada jam 1.00 petang, dan jika gagal, suratcara proksi tidak boleh dianggap sebagai sah.
- Hanya Borang Proksi asal dan lengkap diisi boleh diterima. Borang Proksi yang lengkap diisi dan dihantar melalui faks atau e-mel tidak boleh diterima.
- Jika anda telah mengemukakan Borang Proksi anda sebelum mesyuarat dan seterusnya membuat keputusan untuk menghadiri mesyuarat, sila maklumkan kepada Meja Bantuan untuk membatalkan Borang Proksi.

AHLI KORPORAT

Mana-mana ahli korporat yang ingin melantik wakil dan bukan proksi untuk menghadiri MAT ini perlu membuat perakuan pelantikan di bawah meterai syarikat kepada Pendaftar Saham Syarikat, Symphony Share Registrars Sdn Bhd, Aras 6, Symphony House, Pusat Dagangan Dana 1, Jalan PJU 1A/46, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan **tidak lewat dari Isnin 25 Jun 2018 pada jam 1.00 petang, dan jika gagal, suratcara Proksi tidak boleh dianggap sebagai sah.**

HAK UNTUK HADIR, BERCAKAP DAN MENGUNDI

Hanya pemegang saham yang tersenarai dalam Rekod Pendeposit setakat 12 Jun 2018 (Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung) adalah berhak untuk hadir, bercakap dan mengundi di MAT atau melantik proksi untuk menghadiri, bercakap dan mengundi bagi pihak pemegang saham tersebut.

PENDAFTARAN

- Pendaftaran ahli/proksi menghadiri Mesyuarat **akan bermula pada 8.30 pagi pada hari mesyuarat dan akan dibuka sehingga masa yang ditentukan oleh Pengerusi mesyuarat untuk memudahkan permulaan pengundian.**
- Sila baca papan tanda untuk memastikan kawasan pendaftaran untuk mendaftar diri untuk Mesyuarat dan beratur dengan sewajarnya.
- Sila kemukakan MyKad asal atau pasport yang sah (untuk bukan warganegara Malaysia) semasa pendaftaran kepada kakitangan pendaftaran untuk pengesahan. MyKad asal sahaja atau pasport yang sah akan diterima untuk tujuan pengesahan identiti. Sila pastikan anda mengambil MyKad atau pasport anda selepas itu.

- Tiada seorang pun akan dibenarkan mendaftar bagi pihak individu lain walaupun dengan MyKad asal atau pasport yang sah untuk individu lain tersebut.
- Kaunter pendaftaran hanya akan mengendalikan pengesahan pengenalan dan pendaftaran. Jika anda memerlukan sebarang penjelasan atau pertanyaan, sila terus ke Meja Bantuan.

MEJA BANTUAN

- Sila ke Meja Bantuan untuk sebarang penjelasan atau pertanyaan.
- Meja Bantuan juga akan mengendalikan pembatalan pelantikan proksi.

WRISTBAND ("GELANG PENGENALAN")

- Setelah pengesahan dan pendaftaran, anda akan diberi gelang pengenalan kepada anda untuk masuk ke dalam Dewan Mesyuarat.
- Gelang pengenalan perlu dipakai sepanjang tempoh MAT. Tidak akan ada penggantian sekiranya anda kehilangan atau tersalah letak gelang pengenalan.
- Tiada seorang pun akan dibenarkan masuk ke Dewan Mesyuarat tanpa memakai gelang pengenalan.

PROSEDUR MENGUNDI

- Mengundi pada MAT akan dijalankan secara *polling* (pengundian).
- Pentadbir Pengundian dan Pemantau Bebas masing-masing akan dilantik untuk menjalankan proses pengundian secara elektronik dan untuk mengesahkan keputusan pungutan suara.
- Semua yang hadir pada MAT akan diberi taklimat dan/atau petunjuk sewajarnya oleh Pentadbir Pengundian sebelum permulaan kuat kuasa dan semasa proses pengundian.

SUSUN ATUR TEMPAT DUDUK BAGI MAT

- Tempat duduk adalah bebas. Semua pemegang saham/proksi akan dibenarkan masuk ke Dewan Mesyuarat bermula dari 10.15 pagi dan seterusnya.
- Semua pemegang saham/proksi digalakkan untuk duduk sekurang-kurangnya lima (5) minit sebelum bermulanya MAT.

CENDERAHATI

- Sebagai tanda penghargaan, setiap ahli atau proksi yang hadir pada MAT akan layak untuk satu (1) cenderahati sahaja semasa pendaftaran (mengikut kiraan kepala), tanpa mengira bilangan ahli yang diwakilinya.

BUTIRAN PENTADBIRAN

BAGI MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KETUJUH ("MAT KE-7")

2. Satu kupon cenderahati akan diberikan semasa pendaftaran. Sila bawa kupon cenderahati anda ke Kaunter Cenderahati untuk mengambil cenderahati anda.

MAKANAN

Setiap pemegang saham atau proksi yang hadir pada MAT akan layak menerima hanya satu (1) baucar makanan semasa pendaftaran (mengikut kiraan kepala), tanpa mengira bilangan ahli yang diwakilinya.


BARANGAN PERIBADI

Sila awasi barang peribadi anda. Pihak pengangur tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa barang yang telah hilang.

TEMPAT LETAK KENDERAAN

MSM menyediakan tempat letak kenderaan percuma hanya di Naza Tower terletak bersebelahan dengan Menara Felda dari 07.00 pagi sehingga 4.30 petang. Sila kemukakan tiket letak kereta anda semasa pendaftaran untuk pengesahan.

PETA LOKASI MAT DAN TEMPAT LETAK KENDERAAN



Sila maklum bahawa Syarikat **tidak akan mengembalikan apa-apa kos tempat letak kenderaan atau pengangkutan yang ditanggung**.

PERTANYAAN

Maklumat perhubungan untuk pertanyaan daripada pemegang saham yang berkaitan dengan pendaftaran dan Borang Proksi adalah seperti berikut:-

Tel (Talian Bantuan) : +603 7849 0777
Faks : +603 7841 8151/8152

LAPORAN TAHUNAN 2017

Laporan Tahunan 2017 boleh didapati di laman web Bursa Malaysia Berhad di www.bursamalaysia.com di bawah Pengumuman Syarikat MSM Malaysia Holdings Berhad dan juga di laman web syarikat di www.msmsugar.com.

BORANG PROKSI

No. Akaun CDS	Bil. Pegangan Saham



Saya/Kami _____

(Nama penuh dalam HURUF BESAR seperti dalam Kad Pengenalan (MYKAD/Pasport/Sijil di Perbadanan))

MYKAD/No. Pasport (bagi bukan warganegara Malaysia)/No.Syarikat. : _____ beralamat di _____

(Alamat penuh)

No. telefon _____ selaku ahli MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD

("Syarikat"), dengan ini melantik _____

(Nama penuh proksi dalam HURUF BESAR seperti dalam MYKAD/Pasport)

MYKAD/Pasport (bagi bukan warganegara Malaysia): _____ beralamat di _____

(Alamat penuh)

dan/atau sekiranya beliau gagal hadir _____

(Nama penuh proksi dalam HURUF BESAR seperti dalam MYKAD/Pasport)

MYKAD/Pasport (bagi bukan warganegara Malaysia): _____ beralamat di _____

(Alamat penuh)

dan sekiranya proksi-proksi tersebut gagal hadir, Pengerusi Mesyuarat, sebagai proksi/proksi-proksi saya/kami akan hadir dan mengundi bagi pihak saya/kami di Mesyuarat Agung Tahunan Ketujuh (Ke-7) Syarikat yang akan diadakan di Dewan Bankuet 1, Aras B2, Menara Felda, Platinum Park, No. 11, Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur pada hari Selasa, 26 Jun 2018 pada jam 11.00 pagi dan pada sebarang penangguhannya. Proksi saya/kami hendaklah mengundi sebagaimana yang dinyatakan di bawah:

BIL. AGENDA			
	RESOLUSI	SETUJU	TIDAK SETUJU
1	Untuk menerima Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017 bersama dengan Laporan Pengarah dan Juruaudit mengenainya.		
2	Pembayaran yuran Pengarah sebanyak RM1,342,867.00 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.	1	
3	Kelulusan pembayaran sebahagian dari yuran Pengarah kepada Pengarah Bukan Eksekutif berjumlah sehingga RM840,000.00 dari 27 Jun 2018 sehingga Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat berikutnya yang akan diadakan pada tahun 2019.	2	
4	Kelulusan manfaat berbayar kepada para Pengarah Bukan Eksekutif berdasarkan struktur imbuhan yang dinyatakan dalam Nota Penjelasan 4 bagi tempoh dari 27 Jun 2018 sehingga MAT Syarikat berikutnya yang akan diadakan pada tahun 2019.	3	
5	(i) Pelantikan semula Dato' Rosini Abd Samad yang bersara menurut Artikel 93 Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan telah menawarkan diri untuk pemilihan semula. (ii) Pelantikan semula Datuk Hanapi Suhada yang bersara menurut Artikel 93 Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan telah menawarkan diri untuk pemilihan semula.	4 5	
6	(i) Pelantikan semula Datuk Wira Azhar Abdul Hamid yang bersara menurut Artikel 99 Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan telah menawarkan diri untuk pemilihan semula. (ii) Pelantikan semula Dato' Khairil Anuar Aziz yang bersara menurut Artikel 99 Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan telah menawarkan diri untuk pemilihan semula.	6 7	
7	Pelantikan semula Tetuan PricewaterhouseCoopers PLT sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018, dan memberi kuasa kepada Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka.	8	

RESOLUSI KHAS			
	9	10	11
8	Cadangan Penerimaan Perlembagaan Baharu Syarikat.		
9	Cadangan Pembaharuan Mandat Pemegang-Pemegang Saham dan Cadangan Mandat Pemegang-Pemegang Saham yang baharu ("Cadangan Mandat-Mandat").		
10	Memberi kuasa kepada para Pengarah untuk memperumpukan dan menerbitkan saham.		

(Sila tandakan dengan "X" dalam ruang di mana anda ingin menurunkan undian sama ada setuju atau tidak setuju dengan resolusi berkenaan. Sekiranya arahan khusus tidak diberikan, proksi anda akan mengundi atau berkecuali sebagaimana yang difikirkannya wajar)

Bertarikh _____ haribulan _____ 2018.

Bahagian pegangan saham saya/kami yang diwakili oleh proksi saya/kami adalah seperti berikut:

Bilangan Saham	Peratus
Proksi Pertama	
Proksi Kedua	
Jumlah	100%

Tandatangan/Meterai Rasmi Ahli/Ahli-ahli

Nota:

1. Seorang ahli tidak berhak melantik lebih daripada dua (2) orang proksi untuk hadir dan mengundi di mesyuarat yang sama. Jika seorang ahli melantik lebih daripada seorang (1) proksi untuk hadir dan mengundi di mesyuarat yang sama, setiap proksi yang dilantik hendaklah mewakili sekurang-kurangnya 100 saham dan pelantikan tersebut tidak sah melainkan ahli menyatakan bahagian pegangan saham beliau yang akan diwakili oleh setiap proksi.
2. Di mana seorang ahli Syarikat adalah penama sah terkecuali yang memegang saham-saham biasa dalam Syarikat untuk lebih dari seorang pemilik bersifisial dalam satu akaun sekuriti (akaun omnibus), maka tiada had kepada bilangan proksi yang boleh dilantik oleh penama sah terkecuali tersebut bagi setiap akaun omnibus yang dipegangnya. Penama sah terkecuali merujuk kepada penama sah yang ditakrifkan di bawah Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 (SICDA) yang dikecualikan daripada mematuhi peruntukan subseksyen 25A(1) SICDA.
3. Di mana penama sah yang dikecualikan melantik dua (2) orang atau lebih proksi, nisbah pegangan saham yang akan diwakili oleh setiap proksi hendaklah dinyatakan dalam instrumen pelantikan proksi-proksi.
4. Instrumen pelantikan proksi hendaklah dibuat secara bertulis dan ditandatangani pelantik atau peguam beliau yang diberi kuasa sewajarnya secara bertulis atau sekiranya pelantik adalah sebuah perbadanan sama ada di bawah meterai syarikat atau ditandatangani oleh pegawai atau wakil yang diberi kuasa sewajarnya. Instrumen pelantikan seorang proksi untuk mengundi pada mesyuarat hendaklah dianggap meliputi kuasa untuk menuntut atau menyertai tuntutan pungutan suara bagi pihak yang melantik. Seorang proksi boleh
5. tetapi tidak semestinya seorang Ahli Syarikat dan Ahli boleh melantik manapun individu untuk menjadi proksi beliau. Proksi yang dilantik untuk hadir dan mengundi mempunyai hak yang sama seperti Ahli untuk bersuara semasa mesyuarat.
6. Instrumen pelantikan proksi hendaklah dihantar ke Pendaftar Saham Syarikat, Symphony Share Registrars Sdn Bhd, Aras 6, Symphony House, Pusat Dagangan Dana 1, Jalan PJU 1A/46, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan tidak lewat dari hari Isnin, 25 Jun 2018 pada jam 1.00 petang, dan jika gagal, instrumen proksi dianggap tidak sah.
7. Ahli-ahli yang layak hadir Ahli-ahli yang layak untuk hadir hanyalah ahli yang berdaftar dalam Rekod Depositor Mesyuarat Agung setakat 12 Jun 2018 adalah layak untuk hadir ke Mesyuarat Agung Tahunan atau melantik proksi/proksi untuk hadir dan mengundi/mengundi bagi pihak mereka.
8. Pendaftaran Ahli/Proksi Pendaftaran ahli/proksi menghadiri mesyuarat bermula jam 8.30 pagi pada hari mesyuarat dan akan kekal dibuka sehingga satu masa yang akan ditentukan oleh Pengerusi Mesyuarat. Ahli/Proksi diminta mengemukakan MYKAD asal atau pasport yang sah bagi pendaftaran dan diminta untuk menepati masa kerana pendaftaran kehadiran akan ditutup bagi memudahkan permulaan pengundian.
9. Undian Menurut Perenggan 8.29(A)(1) Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, semua resolusi telah dinyatakan di dalam Notis MAT ke-7 MSM akan dibuat secara pengundian.

Sila lipat disini

**PENDAFTAR SAHAM**

Symphony Share Registrars Sdn Bhd
Level 6, Symphony House
Pusat Dagangan Dana 1
Jalan PJU 1A/46
47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

Sila lipat disini



MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD (935722-K)

• Aras 44, Menara Felda, Platinum Park
No. 11, Persiaran KLCC
50088 Kuala Lumpur
No. Tel. : +603 2181 5018
No. Faks : +603 2181 5015
E-mel : info@msmsugar.com
Laman web : www.msmsugar.com

Ahli Kumpulan

